

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 53

Khamis

13 Oktober 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006 (Halaman 25)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006 (Halaman 25)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 13 Oktober 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kerenah birokrasi dalam meluluskan permohonan dari rakyat asing untuk menyertai program "Malaysia Rumah Kedua" (*Malaysia My Second Home*)

Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan kerenah birokrasi di dalam meluluskan permohonan "Malaysia Rumah Keduaku" atau lebih dikenali sebagai "*Malaysia My Second Home Program*", Kementerian Pelancongan sedang dalam proses menubuhkan pusat "Malaysia Rumah Keduaku" yang akan bertindak sebagai *one stop center* dengan izin, bagi segala urusan yang berhubung dengan pelaksanaan dan pemasaran program "Malaysia Rumah Keduaku".

Kewujudan pusat "Malaysia Rumah Keduaku" ini dijangka dapat mempercepatkan proses permohonan serta memudahkan lagi proses permohonan agar dapat menarik lebih ramai warganegara asing yang berkelayakan untuk melancong dalam jangka yang lebih lama di Malaysia, di bawah program ini. Penubuhan pusat "Malaysia Rumah Keduaku" ini sebagai *one stop center* di bawah Kementerian Pelancongan adalah berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelancongan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 9 Ogos yang lalu. Pusat ini dijangka dapat beroperasi selewat-selewatnya pada awal tahun 2006. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan. Pertamanya, negara manakah yang paling ramai memohon untuk menyertai program ini dan apakah sebab-sebabnya dan yang kedua, saya difahamkan bahawa dari tahun 1996 hingga 2005, telah diluluskan sebanyak

5,981 permohonan. Soalan saya ialah berapakah keuntungan yang diperolehi oleh kerajaan setakat ini melalui program ini? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, program ini dahulunya apabila diperkenalkan dikenali sebagai *Silver Hair Program*. Bukan hanya Johor Bahru yang layak untuk menyertai program itu tetapi oleh kerana ianya sensitif, maka diubah menjadi “Malaysia Rumah Keduaku” dan tidak juga sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, “Malaysia Rumah Isteri Keduaku”. *[Ketawa]* Permohonan paling ramai ialah daripada negara China seramai 1,504 orang, diikuti oleh Bangladesh 714 orang, warganegara British 551 orang, Taiwan 431 orang, Singapura 369 orang, Indonesia 347 orang dan lain-lain kurang daripada jumlah berkenaan.

Sebab-sebab yang mendorong untuk mereka memohon menyertai program ini adalah kerana mereka yakin bahawa Malaysia adalah merupakan negara yang stabil politiknya, seimbang ekonominya, rakyatnya walaupun pelbagai agama, pelbagai kaum hidup dalam keharmonian. Jadi keyakinan itulah menyebabkan mereka tertarik untuk menyertai program ini. Dari segi keuntungan, oleh kerana setiap permohonan itu disyaratkan untuk meletakkan deposit sebanyak sekurang-kurangnya RM150,000, maka Yang Berhormat bagi Ampang boleh kira sendiri RM150,000 darab 5,970 orang, angka rasminya. Di samping itu, mereka juga membelanjakan perbelanjaan hariannya dan juga mereka layak untuk membeli rumah yang didudukinya dengan syarat rumah itu mestilah berharga RM150,000 ke atas. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pertamanya, saya hendak tanya mengenai peserta-peserta yang dibenarkan datang melalui program ini, berapa lamakah mereka dihadkan berada di negara ini dan adakah jangka masa ditetapkan? Itu yang pertama.

Yang kedua, adakah setiap masa mereka memerlukan setakat beberapa wangkah yang mereka perlu ada di negara ini dan adakah galakan-galakan dibuat oleh kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara untuk menarik lebih ramai orang datang ke negara ini? Yang mustahak sekali, bukan sahaja setakat mereka datang ke negara kita, kerap kali kita baca di surat khabar bahawa yang datang itu terpaksa diusir atau dikeluarkan kerana mereka tidak mendapat *what you call that*, dengan izin, *good service in this country*. Kontraktor-kontraktor menipu mereka. Baru-baru ini di Melaka dan di merata-rata tempat. Jadi apakah fungsi yang dimainkan oleh kementerian supaya

perkara-perkara ini dapat dielakkan. Bukan sahaja setakat menggalakkan mereka datang, tetapi *to make them safe and happy in this country*.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang kita perolehi adalah maklumat yang berdasarkan kepada input yang diberikan oleh Jabatan Imigresen kerana kelulusan visa adalah tertakluk kepada kelulusan yang diberikan oleh Jabatan Imigresen, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelancongan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan, mereka diberikan '*multiple entry visa*' dengan izin daripada lima tahun kepada sepuluh tahun sekarang ini. Selepas sepuluh tahun, secara automatik mereka akan diberikan tambahan selama lima tahun lagi jika mereka memohon pembaharuan.

Insentif yang diberikan kepada mereka termasuklah mengimport kereta untuk kegunaan persendirian tanpa sebarang cukai. AP saya tidak pasti. Saya kena rujuk dengan Menteri MITI tetapi di dalam syarat-syarat yang.....

Seorang Ahli: Di dalam hospital.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: diberikan, antaranya ialah selain daripada mengimport sebuah kereta untuk kegunaan diri sendiri, mereka juga diberikan kemudahan untuk anak-anak mereka bagi belajar di Malaysia. Di samping itu, mereka juga diberikan rawatan perubatan secara bayaran yang munasabah di hospital-hospital kerajaan. Mengenai kerenah birokrasi, apa yang saya jawab tadi Yang Berhormat, sebenarnya adalah untuk mengatasi beberapa permasalahan Yang Berhormat bangkitkan itu.

Ada beberapa kes sebenarnya, saya harus mengakui bahawa mereka tidak cukup syarat dan ada yang menggunakan program ini untuk melindungi beberapa perbuatan yang tidak mengikut perundangan negara kita. Oleh sebab itu, Jabatan Imigresen dan pihak polis terpaksa mengadakan penyiasatan rapi supaya program ini tidak disalahgunakan oleh mereka. Walaupun terdapat beberapa permasalahan, saya fikir kebanyakan permasalahan itu bukan permasalahan birokrasi tetapi adalah permasalahan biasa bagi memastikan agar mereka yang menyertai program ini tidak menyalahgunakan kemudahan ini untuk kegiatan-kegiatan yang negatif.

2. **Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan bercadang membuat pindaan undang-undang yang boleh menjelaskan lagi konsep kebebasan badan perundangan (Parlimen), terutama dalam urusan kewangannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, lima bulan dahulu, sebelumnya saya dituduh oleh Ketua Pembangkang untuk menghakiskan kebebasan Parlimen dengan soal isu perwujudan jawatan Ketua Pengarah Parlimen. Saya telah menyatakan dalam jawapan saya di dalam Mesyuarat Dewan Negara pada 19 Mei 2005 yang lalu, bahawa kita perlu mengembalikan *Parliamentary Services Act* dan saya akan menyokong dan mengambil tindakan yang perlu dalam usaha memartabatkan institusi Parlimen sebagai badan perundangan negara yang benar-benar bebas. *House Committee* hendaklah membuat cadangan kepada kami sebelum tindakan eksekutif boleh diambil.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang memberangsangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya tanya orang Jepun, dia kata ada tiga institusi yang paling dibanggakan oleh orang Jepun. Pertama Mahkamah Agungnya, kedua *University of Tokyo* dan ketiga "Diet" - Parlimennya. Orang Amerika cukup berbangga dengan Kongresnya. *Library of Congress* itu dianggap sebagai perpustakaan yang sehingga kini adalah antara yang terbaik di seluruh dunia. Ia dikunjungi oleh ribuan orang, pelancong, sarjana, pelajar dan orang ramai. Ia menjadikan ramai orang yang bercita-cita untuk menjadikan kerjayanya ialah bekerja di Parlimen, di Kongres ataupun "Diet" tadi.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dulu, peluang macam ini ada dahulu, kerana dahulu ada Akta Perkhidmatan Parlimen tahun 1963 yang memberikan kuasa kepada Parlimen itu sendiri melalui jawatankuasa penasihatnya menentukan bilangan jawatan, kelayakan, gaji dan sebagainya. Orang hendak masuk Parlimen kerja di Parlimen. Dia bukan pergi JPA dahulu, selepas itu bergantunglah JPA hendak letak macam mana. Sebagaimana orang hendak masuk universiti, dia hendak pilih Universiti Malaya, Universiti Malaya. Bukan dia pergi ke Kementerian Pengajian Tinggi, hendak letaklah UKMkah, UM dan sebagainya. Itu dahulu. Tetapi kemudian dimansuhkan dalam tahun 1992. Alasan yang diberikan pada waktu itu ialah untuk melicinkan lagi pentadbiran, menambahbaikkan lagi perjalanan dan prestasi Parlimen dan pelbagai alasan yang diberikan untuk memansuhkan akta tersebut dalam tahun 1992. Kini, soalan saya, 15 tahun sudah berlalu. Selain

perubahan pada dinding, lantai, kerusi, dewan dan kita ada Menteri, tiada perubahan besar yang lain. Perpustakaan kita tidak boleh dibanggakan.

Kita tidak ada kedai Parlimen pun. Orang hendak cari akta, terpaksa pergi kedai di luar, hendak beli akta yang diluluskan oleh Parlimen, tidak boleh cari di Parlimen hendak beli. Terpaksa cari kedai di luar. Kita ada pusat penerangan, tidak ada pusat penerangan, ada hanya orang terangkan hendak masuk Parlimen macam mana hendak pakai *tie*, macam mana hendak tunduk, pakai baju Melayu dan sebagainya. Sehingga sekarang, tidak ada penerangan, tidak ada auditorium, tidak ada tempat, pamflet dan sebagainya yang menerangkan tentang Parlimen. Kita dijanjikan ada pembantu penyelidik, sampai sekarang belum ada lagi.

Jadi, kalau ini berterusan, Tuan Yang di-Pertua, kita akan dituduh kerajaan hanya membuat iklan yang banyak tanpa produk. Iklan tanpa produk. Orang kerajaan baru harapan cukup besar sekarang ini dan kita tidak mahu harapan ini hanya menjadi seperti 'fata morgana', yang terbang ke langit bila kita menghampirinya.

Sebab itulah, saya menyokong bila disebutkan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 mesti dihidupkan kembali dan soalan saya bila hendak dihidupkan kembali ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu perelaskan di sini iaitu pada tahun 1992 Akta ini telah pun, dengan izin, *direpealed*. Ia telah diwujudkan pada tahun 1963. Bermakna hampir 30 tahun ia telah berjalan dengan baik dan ia telah *direpealed* pada tahun 1993. Saya perlu perelaskan di sini bukan di atas cadangan daripada *Executive*. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat dan membaca *Hansard*, melihat perdebatan pada ketika itu, segala alasan yang telah diberikan untuk *repealed* akta ini, alasan-alasan itu adalah diberikan oleh Speaker sendiri pada ketika itu.

Jadi, kita menghormati *doctrine separation of powers*, kalau saya boleh katakan iaitu bahawa *repealed of the act 1963's self inflected*, kerana ia telah pun dicadangkan oleh Speaker pada ketika itu. Bukan yang sekarang ini. Speaker pada ketika itu. Dan, kalau pihak Speaker yang mewakili Parlimen mahukan supaya akta itu dimansuhkan maka kita sebagai *Executive* hanya *facilitate* sahaja atas permintaan Speaker. Kita *initiates bill* untuk memansuhkan akta itu.

Jadi, ini sama ada bila kita akan laksanakan, itu terpulang kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk mereka berbincang di *House Committee*, mengambil

keputusan. Dan, apabila keputusan telah diambil, maklumkan kepada kami dan kita akan mengambil tindakan yang seterusnya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan kepada Menteri yang menjawab. Tadi dia menyatakan bahawa sama ada cepat atau lambat, sekarang ini terpulang kepada *House Committee* dari Parlimen untuk membawa balik kepada *Executive*. Saya rasa kalau hari ini kita tunjukkan bahawa semua Ahli Parlimen di sini mahukan akta itu dikembalikan balik, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri beritahu kepada *Executive*, janganlah hendak panjang-panjang sangat cerita, semua Ahli Parlimen hendakkan akta itu dan tidak payahlah bawa masuk kepada Jawatankuasa Dewan, *House Committee*.

Saya minta rakan-rakan saya, kita bangun semua sekali, kita tunjukkan kita sokong mahukan akta ini.

[Ramai Ahli Parlimen Bangun]

[Dewan gamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk semua. Maksud sudah difahami. Sila.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah sama ada boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri membawa balik kepada Kabinet gambaran sokongan kami untuk dipulihkan balik Akta Perkhidmatan Parlimen. *[Tepukan gemuruh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh membawa kepada *Executive* bahawa ada sokongan daripada Ahli Parlimen di dalam Dewan ini tetapi kita jangan cakap lidah bercabang, kalau kita hendak buat mesti ikut peraturan. Kalau *House Committee* kena mesyuarat, ikut *House Committee* kena mesyuarat. Jangan ada keraguan daripada pihak kami sebab kita kena buat daripada mula betul supaya yang belakang kita betul.

Nanti 20 tahun dari sekarang, ada Ahli Parlimen yang baru pula bangkit akan mengatakan tidak sah kerana *House of Committee* tidak bermesyuarat, keputusan tidak boleh dibuat pada ketika dan waktu kita mengadakan ketika sesi soal jawab soalan. Jadi, peraturan kena betul. Saya minta supaya jangan tolakkan tanggungjawab ini kepada saya, *House Committee* mesti buat keputusan kemudian setelah membuat keputusan syorkan kepada kerajaan dan saya akan bawa perkara ini kepada pihak *Executive*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mustahak. Boleh saya kemukakan satu soalan? *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Bayak perkara ini?

Tuan Lim Kit Siang: Ini mustahak, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah bangun semua setuju.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan itu hal, ini hal yang spesifik. Mengenai jawapan Yang Berhormat beri.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai *House Committee*. Kita sudah mendesak supaya mengadakan mesyuarat itu. Saya harap ini boleh diadakan. Yang Berhormat semalam ada kata bahawa sekarang ada perubahan, tidak akan mengadakan Ketua Pengarah tetapi akan mengadakan *Head of Administration*, Ketua Pentadbiran dan bahawa Encik Kamaruddin, beliau sebagai Ketua Pentadbiran atau setaraf, *a position equal to that of the Secretaries of the Dewan Rakyat dan Dewan Negara*.

Kenapa kita sekarang akan mengadakan satu *troika* untuk menjalankan tanggungjawab dalam Parlimen ini dan kita tahu *troika* tidak boleh bergerak, khususnya apabila kita boleh tengok bahawa antara Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara termaktub dalam bajet kita sendiri. Setiausaha bagi Parlimen selaku Setiausaha Dewan Rakyat, Utama 'C' - *Super scale 'C'* dan untuk Timbalan Setiausaha bagi Parlimen ialah Setiausaha Dewan Negara N54. Tangga gaji ada berbeza, lebih daripada RM1,000.

Dan, sekarang Encik Kamaruddin, Ketua Pentadbiran ialah VU6, ialah *super scale 'B'*, lebih tinggi daripada *super scale 'C'*, Setiausaha Dewan Rakyat, lebih tinggi daripada N54, Setiausaha Dewan Negara, mana boleh setaraf, *co-equal*. Adakah akhirnya, Yang Berhormat Menteri akan menjadi *overlord troika* ini dan ini tidak boleh bergerak? Dan, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bolehkah Encik Kamaruddin datang ke sini ditangguhkan sehingga satu keputusan boleh dibuat dengan Dewan Rakyat, Dewan Negara dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat ada baca dalam surat khabar *New Straits Time* semalam, kita tidak mahu Menteri untuk *janitorial services*, jaga pintu sahaja. Bukankah akhirnya *it self-inflicted own* ini, mengenai *Parliamentary Services Act 1963*

yang dimansuhkan pada 1992, sungguhpun atas permintaan Tuan Yang di-Pertua, tetapi atas seorang bukan atas *Parliamentary Services Consultative Committee*. Speaker ialah *Servant of the House*, pada masa itu ia selaku sebagai *Master of the House*. Inilah salah guna kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, cukup. Saya faham.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itulah kita perlu perbetulkan apa yang tidak betul sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada apa-apa jawapan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ada, ada. Mesti ada jawapan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingin menyebutkan di sini bahawa apa sekalipun yang kita tengok jawatan Setiausaha Dewan ini adalah daripada *Artikel 65*, "*.....ia boleh dilantik daripada kalangan General Services Personal.*" Jadi, bermakna ini soal JPA, mereka menentukan bahawa bagi Setiausaha Dewan cukuplah dengan 'C', tetapi bagi jawatan Ketua Pentadbir mesti 'B', sebab dia menjaga perjawatan, kewangan.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, itu kita kena tanya kepada pemegang jawatan itu, kalau dia tidak merasakan bahawa dia tinggi, kita samakan dia dengan kedudukan Setiausaha Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara. Tidak ada kompelin daripada pemegang ini, tidak ada masalah. Kita hendak mengendalikan kerja di dalam Parlimen kita.

Ini tidak ada kaitan dengan menyatakan bahawa kita menghakiskan kebebasan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Dia cuba membantukan untuk melicinkan pentadbiran dalam Dewan kita, yang mana kita tahu pada hari ini bahawa banyak, *it is left one third because* mungkin Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat dibebankan dengan kerja yang tidak sepatutnya untuk melihat penyelenggaraan bangunan dan lain-lain.

Jadi, kita cuma untuk membantu bagi melicinkan pentadbiran. Saya pun *a bit confuse* dalam isu ini. Yang Berhormat nampaknya mempertahankan jawatan Setiausaha Dewan ini sebagai satu jawatan yang besar, kemudian beritahu saya pula

Speaker is a servant of a Dewan. Tidak betul! Speaker is a Master. Suka tidak suka, Speaker berhak untuk mengetuai Dewan. [Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang: *Adakah semua setuju? Speaker servant of the House or master of the House?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Yes, Speaker Master of the House.*

Tuan Lim Kit Siang: *Servant of the House berdiri.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Speaker Master of the House.*

Tuan Lim Kit Siang: *No! Master of the House berdiri. Master of the House berdiri. Pun takut. [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: *Duduk, duduk, Yang Berhormat. Perkara tidak berbangkit.*

[Dewan gamat]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Tidak ada perkara yang boleh dibawa dalam Dewan ini tanpa kelulusan daripada Speaker. Malah, kalau dia merasakan Ketua Pembangkang telah melanggar Peraturan Dewan, dia boleh halau keluar daripada Dewan. [Disorak] [Tepuk] Kerana dia Master of the House. Terima kasih.*

Tuan Yang di-Pertua: *Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa sudah cukup perbincangan mengenai perkara ini dan juga saya sudah nampak ramai menyokong perkara ini. Oleh itu, kita berubah ke soalan yang lain. Soalan Yang Berhormat bagi Batu Pahat.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Tuan Yang di-Pertua, Point of Order. Mengenai House Committee ini, saya harap kita adakan mesyuarat seberapa segera yang boleh. [Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: *Baik, baiklah. Itu diambil perhatian, ya.*

[Soalan No. 3 – Yang Berhormat Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) tidak hadir]

4. **Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan projek-projek dalam RMK-9 yang berkonsepkan pembangunan sosioekonomi Masyarakat Orang Asli di Daerah Cameron Highlands dan pelaksanaannya untuk memastikan ia mendatangkan kesan yang holistik ke atas masyarakat Orang Asli. Berapakah kampung dan penduduk yang terlibat dalam projek sebegini dan berapakah peruntukan untuk tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah diperuntukkan secara *interimnya* sejumlah RM362 juta. Sebanyak RM6.274 juta daripada jumlah tersebut diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan sosioekonomi di kawasan Cameron Highlands.

Projek yang dijangka akan dilaksanakan di kawasan tersebut terdiri daripada penempatan tersusun, iaitu: sejumlah RM1.11 juta diperuntukkan bagi projek penempatan tersusun empat buah kampung dalam RPS Terisu dan Sungai Panggel di Cameron Highlands. Seramai 56 keluarga Orang Asli di perkampungan berkenaan dijangka akan menikmati taraf hidup yang lebih baik apabila mendapat rumah baru di samping kemudahan asas yang lain seperti jalan, bekalan air dan perparitan.

Keduanya, projek pembangunan ekonomi sebanyak RM30 ribu disediakan, bagi membiayai program pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli di Cameron Highlands. Seramai 40 orang penduduk dari 4 buah perkampungan Orang Asli di daerah berkenaan dijangka akan menikmati faedah daripada program tersebut.

Akhirnya, pembangunan *infra social*, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan sebanyak RM5.134 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan *infra social*. Di antara projek yang akan dilaksanakan termasuklah pembinaan 278 buah rumah PPRT, 5 buah rumah Ketua Masyarakat, sebuah balai rawatan dan sebuah tabika. Dengan terlaksananya projek di bawah program ini dijangka seramai 283 Orang Asli mendapat rumah di 17 buah lokasi kampung di samping kemudahan infrastruktur yang lain. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah bertanya dalam soalan ini dalam mengenai projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan yang berkonsepkan pembangunan sosial ekonomi masyarakat Orang Asli di daerah Cameron Highlands iaitu apakah rancangan yang telah dirangka untuk membangunkan modal insan di kalangan Orang Asli. Walau macam mana infrastruktur yang diberi pun mereka tidak dapat menggarap dan memajukan diri mereka dalam konteks pembangunan peribadi dan juga keluarga kerana mereka tidak

ada kemampuan. Maka kerajaan telah begitu banyak sekali membelanjakan wang tetapi keberkesannya saya rasa amat kurang sekali dari segi pembangunan insan ini.

Saya telah minta dalam soalan saya projek-projek yang bermodalkan sebegini dan apakah rancangan kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk tujuan ini khususnya. Minta penjelasan.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Projek kedua yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pembangunan ekonomi yang berjumlah RM30,000 adalah merupakan projek untuk membiayai kursus-kursus kemahiran pertanian bagi penduduk masyarakat Orang Asli di Cameron Highlands. Dijangkakan sekurang-kurangnya 40 orang akan mendapat faedah daripada peruntukan sebanyak RM30,000 ini.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perubahan minda dan juga pengetahuan kepada masyarakat Orang Asli sudah banyak berubah. Masyarakat Orang Asli sudah banyak membezakan kemajuan dengan penduduk orang Melayu di kawasan kampung tradisional dan di kawasan saya banyak permohonan untuk menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) bagi masyarakat Orang Asli, apakah dasar dan pandangan kementerian dan juga adakah kementerian ada membuat perbincangan dengan kerajaan negeri bagi menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung bagi masyarakat Orang Asli.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak menyimpang sedikit dari soalan asal namun kita mengambil ingatan tentang soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

5. **Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]** minta Perdana Menteri menyatakan tanah-tanah negeri yang telah diserahkan kepada FELDA bagi tujuan penempatan peneroka khususnya di FELDA Setiu telah menjadi milik FELDA Plantation Berhad telah tidak atau gagal dijadikan penempatan peneroka dan adakah FELDA bercadang untuk dibuka semula untuk penempatan peneroka dalam masa terdekat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, FELDA mempunyai dua kaedah pembukaan tanah. Yang pertama ialah rancangan berpeneroka yang mana pada masa ini terdapat 112,775 peneroka melibatkan kawasan sebanyak 485,600 hektar. Satu lagi kaedah ialah pembangunan tanpa peneroka. Kaedah ini dimulakan pada tahun 1990 dan jumlah kawasannya ialah

365,000 hektar dan ladang ini diuruskan oleh FELDA Plantation iaitu sebuah anak syarikat FELDA 100%.

Di Setiu terdapat 3,935 hektar tanah yang diserahkan oleh kerajaan negeri dan tanah ini diuruskan oleh FELDA Plantation. Pada mulanya memang rancangan untuk dibuka kepada peneroka tetapi berikutan keputusan kerajaan pada Januari 1990 supaya kerajaan tidak menerima lagi peneroka, maka rancangan tersebut hari ini diuruskan oleh FELDA Plantation.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah ini diterima pakai oleh kerajaan iaitu bermula Januari 1992 kerajaan tidak lagi menerima peneroka baru adalah kerana kerajaan mendapati bahawa perlu kos belanja mengurus FELDA ditanggung sendiri oleh FELDA untuk mengurangkan beban kewangan FELDA. Pada tahun 1996 Kerajaan Pusat telah memberhentikan sepenuhnya peruntukan belanja mengurus kepada FELDA yang mana kosnya ialah kira-kira RM300 juta setahun. Pada hari ini kesemua kos mengurus FELDA dibiayai oleh FELDA Plantation yang menguruskan kira-kira 365,000 hektar ladang di seluruh negara.

Satu lagi sebab kenapa kaedah ini diberhentikan ialah untuk memastikan bahawa peneroka tidak terdedah kepada turun naik harga dan ini menimbulkan masalah kepada peneroka-peneroka. Terima kasih.

Tuan Mohamed Yusop bin Majid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat perkara ini adalah sesuatu yang tidak wajar kerana saya difahamkan bahawa di peringkat awal penyerahan tanah kepada FELDA di Setiu ini atas tujuan untuk menempatkan para peneroka tetapi akhirnya kita dimaklumkan bahawa tanah ini tidak akan ditempatkan dengan peneroka, sedangkan kita melihat FELDA mengaut keuntungan daripada hasil tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada FELDA.

Saya suka mencadangkan supaya tanah-tanah ini dapat diberikan semula untuk penempatan peneroka-peneroka, bagaimana jawapan daripada Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk membuka tanah-tanah ini untuk ditempatkan peneroka-peneroka. Untuk makluman Yang Berhormat, FELDA Plantation yang menguruskan ladang-ladang ini mengembalikan segala keuntungannya kepada peneroka dan juga kepada kerajaan. Sebagai contoh, RM300 juta disumbangkan untuk belanja mengurus, kira-kira RM150

juta disumbangkan oleh kerajaan melalui *income tax* yang dipulangkan oleh seluruh rakyat Malaysia, insentif kepada peneroka juga datang daripada keuntungan FELDA Plantation, beberapa projek infrastruktur dibiayai oleh keuntungan FELDA Plantation.

Selain daripada itu koperasi permodalan FELDA yang dimiliki oleh peneroka FELDA juga mendapat faedah keuntungan daripada FELDA Plantation yang berjumlah pada tahun 2004 sebanyak RM987 juta. Itu keuntungan FELDA Plantation. Jadi kesemuanya sekali dipulangkan kembali kepada peneroka sebanyak RM113,000 di seluruh negara.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berpuas hati dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana pada mulanya apabila FELDA ditubuhkan, kerajaan-kerajaan negeri memberi tanah kepada FELDA dengan syarat bahawa tanah-tanah ini mesti diisi dengan peneroka. Jadi, sekarang tahun 1990 Kabinet meluluskan bahawa tidak ada polisi ini. Ini satu perjanjian! Satu perjanjian bahawa apabila tanah itu diserahkan mesti ada *settlers*. Sekarang, tahun 1990 Kabinet meluluskan bahawa tidak ada lagi pengambilan peneroka. Apa sudah jadi?

Jadi, kita minta mungkin perjanjian ini kita mesti hormati. Kita mahu supaya tanah-tanah *plantation* yang digunakan sebagai *bowl area* ini dikembalikan dan diisi dengan peneroka-peneroka. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini itulah keputusan kerajaan yang dibuat pada tahun 1990 khusus bagi negeri Sabah yang ada kaitan dengan Yang Berhormat. Beberapa perbincangan sedang diadakan di antara pihak FELDA dengan kerajaan negeri Sabah bagaimana menangani kira-kira 200,000 hektar tanah FELDA Plantation di Sabah yang ada pada hari ini.

6. **Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapakah pihak kementerian menswastakan Bahagian Penyelarasan Alat-alat Timbang Berat dan Sukat yang sebelum ini di bawah Bahagian Unit Metrik dan Penguatkuasaan kepada syarikat "Metrology Corporation Sdn. Bhd" sedangkan bahagian ini adalah "*Revenue Centre*"

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, pada 4 April 2005, kerajaan telah menswastakan perkhidmatan pengujian dan penentusahan alat-alat timbang dan sukat yang sebelum ini dilaksanakan oleh Inspektor Timbang dan Sukat,

Bahagian Penguatkuasaan kementerian kepada syarikat Metrology Corporation Sdn. Bhd. Penswastaan ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan serta kualiti perkhidmatan pengujian dan menentusahkan alat-alat timbang dan sukat.

Sehubungan dengan itu bilangan alat-alat timbang dan sukat yang diuji dijangka akan meningkat dan kawasan liputan perkhidmatan juga akan meluas. Ini dapat dicapai melalui pemakaian amalan "*best practiced*" dalam sektor swasta, penggunaan kemudahan dan peralatan moden termasuk sistem pengkomputeran dan tanpa kerengah birokrasi. Pihak kerajaan pula bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti kawal selia dan pemantauan ke atas perkhidmatan pengujian dan penentu sahan alat-alat timbang dan sukat yang diberikan kepada syarikat Metrology Corporation Sdn. Bhd. bagi memastikan dan menjamin kualiti dan piawaian perkhidmatan yang dinyatakan dalam *standard performance* yang telah ditetapkan.

Pihak kerajaan tidak mengalami sebarang kerugian hasil kerana mengikut perjanjian di antara kerajaan dengan syarikat Metrology Corporation Sdn. Bhd. pihak syarikat dikehendaki memberi sumbangan sebanyak 12% daripada hasil tahunan ataupun minimum RM1 juta setahun mengikut mana yang lebih tinggi daripada pendapatan kasar syarikat itu.

Di samping itu penswastaan perkhidmatan tersebut juga telah mengurangkan beban kewangan kerajaan melalui pemindahan pembiayaan kos operasi tahunan unit berkenaan kepada syarikat Metrology Corporation Sdn. Bhd. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Unit Inspektor Timbang dan Sukat ini dahulunya adalah merupakan satu badan yang memerlukan integriti, kebolehpercayaan dan juga ketelusan yang tinggi, hari ini apabila diswastakan kerajaan telah mereka satu lagi birokrasi di dalam proses untuk menegakkan integriti kepada masyarakat perdagangan dan perniagaan.

Soalan saya, bagaimanakah pihak kerajaan pada hari ini boleh mengawal ketelusan, boleh mengawal kebolehpercayaan dan juga integriti pihak syarikat ini yang mana kita maklum, syarikat akan meletakkan keuntungan di atas segala-galanya. Itu yang pertama.

Yang kedua, bagaimana kerajaan kata - ini cerita lamalah, apabila hendak diswastakan adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Apabila hendak diswastakan sahaja adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang

cekap dan berkesan. Bagaimana kerajaan boleh memberi jaminan bahawa syarikat ini akan menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan dengan kerajaan mewujudkan satu lagi unit untuk memantau pula kecekapan dan keberkesanan syarikat ini? Ini kerja apa ini, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen? Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, RM1 juta setahun untuk kerajaan? Celah gigi pun tidak cukup, Setiausaha Parlimen. Inilah yang saya hendak beritahu.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjamin kecekapan dan juga memastikan syarikat yang bertanggungjawab menjalankan perkhidmatan ini, kerajaan sebenarnya pada sebelum tahun 2004 di bawah Unit Penswastan (EPU), kerajaan telah pun menjemput lebih kurang - saya difahamkan 14 syarikat yang latar belakang mereka adalah berkaitan dengan servis dan juga memberi servis kepada Unit Timbang dan Sukat. Selain daripada itu, kalau tidak salah ada 11 syarikat yang berminat untuk masuk perbincangan untuk mendapatkan penswastan ini.

Untuk menjaga kepentingan peniaga dan juga kecekapan ini, sebelum penswastan dijalankan seramai 104 pegawai yang menjalankan tugas di dalam seksyen ini. Selepas ini kerajaan meminta supaya syarikat itu bukan sahaja latar belakang mereka adalah sesuai untuk bidang ini dan mereka menambah anggota pegawai mereka serta melabur tiga juta alat baru dan moden untuk memastikan supaya perkhidmatan yang dijalankan oleh mereka ini akan mendapat piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan.

Mengenai RM1 juta ataupun sumbangan yang dibayar kepada pihak kerajaan, seperti yang saya nyatakan tadi adalah RM1 juta ataupun 12% daripada jumlah keuntungan kasar mereka, iaitu kalau 12% lebih tinggi daripada RM1 juta maka kita ambil 12%. Sekian. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lanjutan pada soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, kerajaan akan mendapat pulangan RM1 juta iaitu 12% daripada pendapatan swasta. Apa saya ingin tahu, berapakah jumlah pendapatan sebelum perkara ini diswastakan, itu pertama.

Yang keduanya, kalau kita lihat daripada penswastan, pertamanya kita hendak meningkatkan khidmat kepada pengguna. Pada masa yang sama, kita perlu melihat kepada apakah *saving* dengan izin yang diperolehi oleh kementerian bila kita

menswastakan unit ini. Berapakah *saving* dengan penswastaan tadi apakah *saving* yang diperolehi kementerian bila kita menswastakan unit ini tadi. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat dari segi keuntungan dan *service* yang dijalankan oleh kerajaan dan juga pihak swasta ini, semenjak penswastaan dijalankan ini - tetapi sebelum ini lebih kurang 29,000 perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam sebelum penswastaan dan kerajaan minta supaya lepas penswastaan ini bukan setakat bilangan pegawai mereka harus tambah dan juga alat-alat timbang yang moden juga harus ditambah.

Maka lepas penswastaan ini nampak tahap perkhidmatan mereka ada meningkat iaitu lebih kurang 31,000 sebulan. Dari segi keuntungan ini memang benar kalau sebelum swasta ini lebih kurang RM1.1 juta pada setiap bulan dan selepas penswastaan itu,

Tuan Yang di-Pertua: Untung ya? Ini untung.

Tuan Hoo Seong Chang: Ya, pungutan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Untung?

Tuan Hoo Seong Chang: Bukan, bukan hasil, hasil.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada untungkah? Sebelum penswastaan, ada untung?

Tuan Hoo Seong Chang: Nanti, nanti. Sebab kena tolak kena tolak daripada nanti saya sebutkan tolak dia punya perbelanjaan. Jadi RM1.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila.

Tuan Hoo Seong Chang: Lepas penswastaan itu meningkat sampai RM1.3 juta. Tetapi kita harus lihat dari segi perbelanjaan pula, sebab kalau 104 orang pegawai yang menjalankan tugas ini jumlah perbelanjaan yang dikenakan lebih kurang RM8 juta setahun sebab dari segi kos pembayaran *office* dan pengendalian seharian, gaji mereka dan sebagainya.

Walaupun ada keuntungan lebih sedikit daripada yang asal tetapi kerajaan meminta supaya segala tahap perkhidmatan termasuk alat-alat moden itu harus ditambah. Maka aset yang ada RM1.3 juta aset kerajaan yang sedia ada akan diambil oleh syarikat tersebut dan mereka melabur RM3 juta untuk menampung keperluan dari semasa ke semasa. Tambahan pula, lepas lima tahun bukan setakat RM1 juta, kita kenakan RM2 juta untuk dia pulang kepada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sebelum saya mengemukakan soalan, ada sedikit pembetulan di baris yang ketiga iaitu 'dengan lantai kayu ke lantai simen' menjadi 'daripada lantai kayu ke lantai simen'. Saya mengemukakan soalan No. 7.

7. Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah klinik/rumah Jururawat Desa yang telah dinaikkan taraf dari dua ke tiga bilik daripada lantai kayu ke lantai simen di negeri Kedah dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menaik taraf sebanyak 58 buah klinik desa atau disebut juga sebagai rumah bidan kerajaan atau rumah jururawat desa yang mempunyai dua bilik dengan lantai kayu kepada rumah batu Kelas 'G' yang mempunyai tiga bilik di negeri Kedah dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya mengemukakan soalan ini kerana dua bulan yang lepas saya telah melawat ke kawasan selepas mendapat laporan daripada pesakit bahawasanya ada seorang bidan yang bertugas di situ telah terjatuh di lantai yang diperbuat daripada kayu yang telah dimakan oleh anai-anai. Saya pun melawat dan saya dapati banyak ruang di dalam bangunan klinik desa tersebut yang diroboh yang diperbuat daripada kayu dan apabila laporan ini dibuat ke Pejabat Kesihatan, hanya dihantar *plywood* untuk menutup lantai-lantai tersebut.

Saya mengemukakan ini kepada Pejabat Kesihatan tetapi Pejabat Kesihatan mengatakan ini kerja Pejabat Daerah. Peruntukan diberi oleh Pejabat Daerah. Saya menghubungi Pejabat Daerah, tetapi Pejabat Daerah kata peruntukan diberi oleh Pejabat Kesihatan. Begitulah berlaku tarik tali di antara Pejabat Daerah dengan Pejabat Kesihatan hingga belum ada pesakit yang jatuh. Jika ada pesakit yang jatuh mungkin perkara ini menjadi heboh seperti mana yang berlaku di Sekolah Keat Hwa yang lalu.

Saya hendak mendapat penjelasan daripada kementerian, siapakah yang sebenarnya yang bertanggungjawab untuk memperbaiki kerosakan yang sedang dialami oleh klinik desa ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk perkara ini kalau boleh kemukakan aduan kepada saya dan saya akan tengok bagaimana untuk menyelesaikannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat, Malaysia adalah salah sebuah negara yang mempunyai rangkaian klinik desa yang boleh dikatakan di antara yang terbaik di dunia. Disebabkan itu kita dapati bahawa indikator-indikator kesihatan contohnya *Infant Mortality Rate, Maternal Mortality Rate* adalah di antara yang baik di dunia dan setaraf dengan negara-negara maju.

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat kebanyakan klinik desa ini yang memberi perkhidmatan klinik ibu dan anak – *Maternal and Child Health Clinic* kebanyakan mereka telah wujud begitu lama dan di sesetengah penempatan itu, kumpulan sasar ini iaitu ibu-ibu yang boleh melahirkan ini sudah berkurangan. Yang tinggal hanyalah kebanyakan orang-orang veteran yang tidak lagi boleh melahirkan tetapi mempunyai masalah-masalah perubatan yang lain.

Malangnya kebanyakan klinik desa ini masih lagi beroperasi dengan fungsi yang sama. Saya rasa tidak menepati kehendak masyarakat di tempat itu. Adakah kementerian bercadang untuk menukar fungsi di mana klinik-klinik desa tersebut di mana tidak ada lagi kumpulan sasar yang banyak iaitu ibu-ibu yang melahirkan kerana telah berpindah ke tempat lain dan sebagainya untuk menukarkan fungsi kepada sebagai pesakit luar (*out patient clinic*) yang mana boleh memberi rawatan ataupun *follow up* kepada orang-orang tua atau dewasa ini, orang lama ini dalam penyakit-penyakit yang kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan sebagainya.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Kerajaan memang mengambil tindakan untuk melatih semula jururawat kita di klinik desa seperti yang dicadangkan. Yang Berhormat tadi terutama dalam menyebarkan luaskan lagi 'kempen gaya hidup sihat' supaya rakyat kita dapat menikmati satu hayat yang sihat. Ini memang satu program yang kita sedang jalankan. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menyatakan apakah usaha yang diambil oleh kerajaan bagi mewujudkan usahawan Vendor Bumiputra yang lebih ramai dan mampu bertahan di samping berkembang kaedah peringkat global.

Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian menerusi Program Pembangunan Vendor ataupun PPV telah dan akan terus menjalankan pelbagai aktiviti bagi mengujudkan dan membangunkan lebih ramai usahawan vendor Bumiputera yang mampu bersaing

dan berkembang di peringkat global. PPV dilaksanakan melalui empat strategi utama iaitu:

- (i) pewujudan vendor baru,
- (ii) pemantapan vendor sedia ada,
- (iii) pembangunan vendor bertaraf global,
- (iv) memperkukuhkan lagi mekanisme pelaksanaan program pembangunan vendor sedia ada.

Bagi memastikan pewujudan vendor Bumiputera yang mampu berdaya saing dan berdaya tahan, penekanan diberi kepada:

- (i) usaha perluasan pasaran dengan membawa masuk lebih banyak syarikat *anchor* dari kalangan syarikat-syarikat besar tempatan (GLC) dan MNC (*Multi-National Corporation*) dengan izin untuk menyertai PPV;
- (ii) kementerian juga menyediakan latihan teknikal menjurus kepada keperluan semasa industri kepada vendor Bumiputera bagi meningkatkan keupayaan teknikal di kalangan mereka;
- (iii) perhatian juga diberikan kepada program-program promosi di mana vendor Bumiputera dibantu menyertai misi perdagangan luar negara serta menyertai pameran-pameran bertaraf antarabangsa seperti SMIDEC dan SME *showcase*;
- (iv) rundingan-rundingan terus diadakan dengan bank institusi kewangan dalam usaha membantu vendor mendapatkan pembiayaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program pembangunan vendor akan terus menjadi salah satu strategi kerajaan untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera sekali gus menyumbang kepada pembangunan golongan menengah Bumiputera. Kejayaan program ini akan menghasilkan usahawan vendor Bumiputera *glokal* iaitu yang berkualiti dan mampu bersaing serta berkembang ke peringkat global.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Soalan tambahan, setakat ini berapa jumlah vendor yang telah dihasilkan melalui program ini sampai ke tahap global.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya maklumkan tadi bahawa strategi untuk membangunkan vendor itu mengikut empat peringkat yang mana pertamanya ialah untuk mengenal pasti dan menawarkan mereka yang berminat. Kemudian memantapkan mereka yang sedia ada dan apabila mereka yang sudah dimantapkan itu sahaja maka barulah dapat kita kenal pasti daripada kalangan itu siapa yang layak untuk pergi ke luar negara.

Daripada usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian, sehingga 30 September 2005, kita telah dapat membangunkan seramai 391 vendor yang terdiri daripada vendor-vendor dalam pelbagai sektor iaitu kesemuanya ada lebih kurang 12 sektor vendor termasuklah antaranya sektor electrical dan elektronik, perabot, automatif, telekomunikasi, kelengkapan bangunan, perkhidmatan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, daripada tahun 2002 sehingga tahun 2004, kita dapati prestasi nilai jualan syarikat-syarikat vendor ini sentiasa meningkat. Dalam tahun 2003, jumlah keseluruhan jualan syarikat vendor ialah sebanyak RM1,047 juta dan bagi tahun 2004 jumlah jualan syarikat vendor ini meningkat kepada RM1,784 juta.

9. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sejauh mana pengendalian "pilot study" bagi MSAT (Medical Students Admission Test). Apakah rumusan yang diperolehi dari pengendalian MSAT secara percubaan dan apakah perubahan dasar pengambilan pelajar perubatan ke IPTA pada sesi 2006/2007, jika ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kajian rintis *Medical Students Admission Test (MSAT)* dengan izin adalah masih di peringkat analisis. Memandangkan kemasukan pelajar ke jurusan klinikal seperti perubatan amat diberi perhatian ramai maka Kementerian Pengajian Tinggi sedang mengkaji dan mempelajari dari amalan-amalan bijak (*best practices*) dengan izin di negara lain tentang sistem pemilihan pelajar ke jurusan perubatan. Setakat ini Kementerian Pengajian Tinggi belum membuat sebarang perubahan dasar bagi pengambilan pelajar perubatan ke IPTA pada sesi 2006/2007.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya menyambut baik jawapan tersebut dan saya masih ingat pada 2 Disember yang lalu, saya bertanya kepada Kementerian Pengajian Tinggi kenapa tergesa-gesa

mengadakan MSAT dan saya difahamkan pada 12 Februari, sepatutnya ada ujian dan selepas itu mungkin dengan campur tangan Kementerian Pengajian Tinggi, ia telah dibatalkan.

Pada Jun tahun ini juga ada ura-ura Fakulti Perubatan MU akan memanggil calon-calon yang memohon menjadi *Medic* atau masuk *Medic* ini menghadiri temu duga. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebagai seorang doktor juga. Sebenarnya temu janji ini mengakibatkan banyak masalah kerana keputusan ataupun apa yang telah dibuat oleh panel ke atas 5,000 orang pemohon itu tidak semestinya yang tepat.

Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi supaya ia terus, kita tidak payahlah temu janji dan kalau hendak buat pun di peringkat Minggu Orientasi sahaja untuk mendedahkan pelajar kepada perubatan. Saya minta jaminan daripada Setiausaha Parlimen.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa perkara hospital *exposure* ataupun lawatan semasa Minggu Orientasi memang dilakukan saban tahun oleh fakulti-fakulti dalam universiti tempatan.

Walau bagaimanapun, kita lihat bahawa komponen MSAT ataupun *Medical Students Admission Test* dia meliputi ujian bertulis yang dicadangkan diikuti oleh temu bual dan *interview* dan juga hospital *exposure* ataupun lawatan ke hospital. Walau bagaimanapun, ini merupakan satu daripada perkara yang diamalkan di negara kita di Fakulti Perubatan yang mana pelajar-pelajar sendiri akan dibawa pada Minggu Haluan Siswa ataupun Minggu Orientasi ke fakulti-fakulti dalam Fakulti Perubatan. Ia terbahagi kepada dua iaitu pre-clinical year iaitu dua tahun dan clinical year lima tahun.

Walau bagaimanapun, sesetengah universiti dalam negara kita telah pun membuat *integrated system* iaitu *preclinical year* telah bermula di peringkat awal – tahun 1, 2, 3, 4 dan 5, dan ini adalah salah satu komponen untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar perubatan yang dikeluarkan bermula dari tahun 1 adalah yang terbaik dan boleh mengikut domain-domain ataupun keupayaan-keupayaan perspektif sebagai doktor perubatan. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang banyak soalan, ini bidang saya. Tidak boleh habis soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengikuti jawapan tadi mengenai MSAT itu, saya berharap ini dapat dijayakan. Tetapi adakah

Yang Berhormat sedar bahawa di negara kita kerana kita kurang doktor dan juga ibu bapa pun berminat dengan anak-anak itu masuk ke bidang perubatan dan dengan itu desakan untuk masuk ke IPTA atau IPTS seberang laut, maka kualiti pelajar yang diambil, *enroll*nya mungkin menyebabkan ada sesetengah doktor yang layak kerana dia cerdik dan dia boleh lulus dalam bidang perubatan. Tetapi ini tidak bermakna dia boleh jadi seorang doktor. Yang Berhormat bagi Gombak pun setuju tidak?

Dr. Rahman bin Ismail: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tidak semestinya.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah tanya itu, ini kesinambungan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Begitu juga Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya. Jadi....

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah kita hendak mukadimah dahululah. *[Disampuk]*
Soalan pun ada mukadimah juga. *[Ketawa]* Bukan sahaja al-Quran. *[Disampuk]*
Kepunganlah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita senyap dahululah, dengar dahulu. Ini bernas juga ini.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, jangan hiraukan mereka. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan hendak hirau atau tidak hirau, susah hendak cakap. *[Ketawa]* Bila dia bising di belakang itu, susah hendak cakap. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang bahawa ada sesetengah pelajar yang tidak layak atau tidak sesuai untuk menjadi doktor tetapi diambil juga kerana faktor-faktor yang tertentu. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk mengelakkan daripada berlakunya apa yang disebutkan di sini kerana pada 10 atau 20 tahun akan datang, kita akan ada doktor yang sungguh tidak sesuai seperti Menteri Parlimen pun kadangkala tidak sesuai juga. *[Dewan riuh] [Ketawa] [Tepuk]* Baik, terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Yang Berhormat bagi Kepong, setakat ini graduan-graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA tempatan telah menunjukkan ciri-ciri dan sifat-sifat menjadi seorang doktor yang baik. Contohnya seperti Yang Berhormat bagi Kepong sendirilah, Yang Berhormat bagi Batu Pahat, Yang Berhormat bagi Mersing, Yang Berhormat bagi Gombak, Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan saya sendirilah. *[Ketawa]*

Jadi boleh diperakuilah bahawa pelajar-pelajar yang masuk sebelum ini memang berkeupayaan untuk memberikan perkhidmatan sebagai seorang doktor mengikut domain-domain yang ditentukan seperti mempunyai pengetahuan, ada keupayaan untuk menyelesaikan masalah, *clinical skill competent*, dengan izin, dan juga ada *attitude* ataupun mempunyai sifat-sifat peribadi sebagai seorang doktor.

Walau bagaimanapun, langkah kementerian untuk mengatasi bahawa pelajar-pelajar yang layak sahaja yang mempunyai sifat dan ciri-ciri moral yang tinggi untuk menjadi doktor, kita di kementerian menggunakan kriteria kemasukan yang mempunyai perkara-perkara yang diambil kira seperti pencapaian akademik yang baik, kombinasi mata pelajaran yang sesuai dan keperluan khusus, mengadakan temu duga semasa minggu orientasi dan juga mengenakan beberapa syarat-syarat supaya pelajar-pelajar yang terbaik untuk memasuki fakulti perubatan.

Dasar ataupun kaedah penyediaan merit menggunakan pencapaian akademik sepenuhnya, sebenarnya digunakan sebelum ini untuk kemasukan ke IPTA. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun hadapan, markah kokurikulum juga akan digunakan sebagai penentu jika terdapat pelajar-pelajar yang memasuki bidang perubatan melebihi daripada tempat yang disediakan. Justeru, itulah salah satu langkah kementerian untuk memastikan bahawa nilai ataupun pelajar-pelajar yang berupaya sahaja untuk masuk ke fakulti perubatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai yang hendak berucap, saya akhiri sesi soal jawab pada pagi ini. Menteri ada satu usul, silakan.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.04 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 17 Oktober 2005.”

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin] : Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti usul yang telah diputuskan sebentar tadi, Dewan pada hari ini akan bersidang sehingga jam 9.30 malam. Memandangkan kita berada dalam bulan Ramadan sekarang, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Dewan akan ditempokkan bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbuka puasa dan menunaikan solat. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang bertugas dan semua yang terlibat dengan urusan persidangan dijemput untuk sama-sama berbuka puasa di Dewan Bankuasi Parlimen pada waktu berbuka puasa pada petang ini. Semua yang bertugas ya, sama ada yang Islam ataupun yang bukan Islam.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” **[12 Oktober 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Penampang menyambung ucapannya.

11.09 pagi.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum saya dihentikan selepas beberapa minit saya telah bercakap tentang pemberian projek-projek kerajaan di Sabah kepada syarikat dari luar yang menindas atau menjejaskan kedudukan syarikat-syarikat tempatan, saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Saya amat berharaplah bahawa satu kajian akan dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri supaya satu perancangan dapat digubal di mana semua pihak dapat menerima manfaat pemberian peruntukan ataupun projek kerajaan dengan adil dan saksama.

Berilah peluang kepada syarikat-syarikat tempatan melalui joint venture, dengan izin, atau membahagikan projek-projek mega itu, terutamanya projek jalan raya kepada beberapa pakej.

Jikalau syarikat-syarikat tempatan digunakan sebagai subkontraktor, pastikanlah bayaran daripada kontraktor utama terjamin dan bukan sahaja seperti sekarang di mana kebanyakan syarikat yang melaksanakan kerja sebagai kontraktor ini tidak dibayar dengan sepenuhnya. Saya sangat berharap kerajaan akan bertindak keras terhadap sesiapa kontraktor utama projek kerajaan yang memanipulasikan keadaan dan akibatkan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Tuan Donald Peter Mojuntin:... kerugian kepada subkontraktornya. Syarikat-syarikat yang berbuat demikian haruslah disenaraihitamkan. Silakan, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Penampang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai, jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tertarik berkenaan Yang Berhormat mengatakan projek mega diberi kepada satu pemborong dan pemborong itu kadang-kadang dibolot keseluruhannya. Kita tengok contoh macam Lumut. Sampai hari ini main kontraktor tidak membayar kepada sub-kon menyebabkan sub-kon-sub-kon ini bankrap. Mereka muflis, bukan kerana kesilapan mereka, kerja mereka buat, tetapi kerana mereka tidak boleh membayar kepada pembekal, kepada bank dan sebagainya disebabkan main kontraktor ataupun pemborong asal tidak membayar kepada mereka, maka hari ini mereka muflis.

Ramai daripada mereka menelefon saya Tuan Yang di-Pertua, minta tolong supaya kerajaan menamatkan mereka, kerana duit itu ada kepada syarikat utama. Ini pembinaan kapal yang telah diluluskan oleh kerajaan berbilion-bilion ringgit. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya bertindak tegas, jangan ada belas kasihan, orang-orang yang kejam seperti ini tidak harus di biar bermaharajalela dalam bidang perniagaan. Terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ya, saya amat bersetuju dan kerana perkara ini telah berlarutan sekian lama dan kita kasihanilah kepada syarikat-syarikat yang kecil ini sedang mengembangkan syarikat-syarikat mereka. Terima kasih atas sokongan dan contoh yang diberikan oleh ..

Datuk Bung Moktar bin Raden: Minta penjelasan.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Yang Berhormat Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ini saya punyai...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang menjadi kebiasaan di mana kita selalu sering mendengar projek-projek mega hanya diberi kepada kontraktor-kontraktor tertentu. Dan yang anehnya kontraktor itu, cuma itu sahaja, balik-balik dapat, selepas satu kerja, satu kerja lagi, kita pun hairan, kenapa boleh menjadi begini. Yang mendukacitakan pula, saya bersetuju dengan Jerai. Kontraktor ini pula, bukan dia kerja, dia pula melantik subkontrak-subkontrak, tetapi begitulah dia tidak bayar, dia kasi *delay*, dia picit itu harga dan sebagainya. Dan ini telah banyak merugikan kerajaan. Apabila, saya ingin tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin membawa perkara ini kepada kerajaan supaya menilai semula, sebab biasanya kontraktor yang baru ini persoalan yang dikemukakan pengalaman bekerja.

Macam mana ada pengalaman kalau tidak di bagi peluang bekerja. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lantik Menteri, lantik Timbalan Menteri, sesiapa lama dia tidak masuk sana. Pengalaman menjadi Setiausaha Parlimen, pengalaman menjadi Menteri. Sebab dia belum menjadi Menteri, apa pengalaman dia ada. Tetapi, dia jadi Menteri, dia boleh menjalankan usaha kerja seperti Menteri, tanya ini Menteri Penerangan. Dulu pun dia dilantik Menteri, tidak Perdana Menteri tanya, pengalaman jadi Menteri. Jadi, apakah Yang Berhormat membawa perkara ini supaya syarat-syarat kepada kontraktor pengalaman, jadi kontraktor itu jangan dimasukkan, mana ada pengalaman kalau tak ada peluang..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, saya masukkan apa yang dicadangkan ke dalam perbahasan saya [*Ketawa*] Saya amat bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kerana akhirnya..

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Petronas akan membawa...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Penampang, ini dalam soal pelantikan kontraktor, soal melantik sub-kontraktor. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di negara jiran seperti Singapura, mempunyai undang-undang tertentu untuk memastikan supaya pihak sub- kontraktor itu diberi keadilan, dibayar terus dan sebagainya dan akta ialah security opsyen *payment system*. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan supaya mengadakan undang-undang ini, akta tertentu untuk memastikan supaya subkontraktor itu dilindungi. Terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ya, terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja saya setuju bahawa subkontraktor ini dibayar secara terus dari pihak kerajaan, tetapi saya juga setuju dengan mewujudkan satu undang-undang *security* opsyen ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Boleh saya bagi sedikit. Boleh.

Tuan Donal Peter Mojuntin: *Last onelah.*

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Penampang. Sedarkah Yang Berhormat bahawa masa sekarang ini pembayar terus kepada subkontraktor memang wujud. Kalau tak silap saya, satu akaun khas, S akaun kalau tak silap saya namanya S akaun ke apa?

Tuan Yang di-Pertua: *Ascero.*

Tuan Donald Peter Mojuntin: *Ascero*, tetapi bagi saya, saya tak *sure* ataupun tak berapa menentu bahawa adakah akaun ini dipergunakan kepada semua kontraktor utama ataupun kontraktor tertentu sahaja. Kalau ia dipergunakan oleh penerima tertentu adakah Yang Berhormat memberi cadangan kepada kerajaan atau Kementerian Kewangan supaya semua kontraktor, subkontraktor yang mendapat kerja ataupun kontrak daripada kementerian tertentu mesti mempergunakan akaunnya. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Donal Peter Mojuntin: Ya, kerana kesuntukan masa saya juga masukkan cadangan Yang Berhormat bagi Puchong dalam perbahasan saya. Satu cadangan yang baik. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kerana Petronas akhirnya membawa industri minyak dan gas ke negeri Sabah dengan bersetuju untuk membina satu terminal minyak mentah di Kimanis, Sabah serta sebuah ammonia dengan izin, atau *uria* yang tempatnya belum

ditentukan lagi di negeri tersebut. Ini akan sangat-sangat membantu Sabah untuk menjadi sebuah *industrialize state*, dengan izin, dan amat memadai memandangkan negeri itu berpotensi untuk mengeluarkan 420 ribu tong minyak mentah sehari dengan penemuan telaga-telaga minyak dan gas dalam tempoh dua tahun yang lalu ini. Untuk makluman pada masa kini pengeluaran minyak mentah di seluruh negara adalah 690 ribu tong sehari, di mana Sabah hanya menyumbangkan kira-kira 100 ribu tong sehari. Saya berharap Petronas akan terus berusaha untuk menyumbang kepada pembangunan industri minyak dan gas di Sabah seperti yang berlaku di Terengganu dan Sarawak, malah di negeri-negeri bukan pengeluar minyak dan gas di negeri ini.

Berhubungan dengan itu juga, saya harap Petronas akan memastikan bahawa dengan perwujudan industri minyak dan gas tertentu di Sabah ini, syarikat-syarikat tempatan akan diberikan peluang untuk melibatkan diri dalam sektor ini. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, cuma ada sembilan buah syarikat yang memegang lesen Petronas untuk melaksanakan kerja-kerja besar berbanding dengan beribu-ribu di negeri-negeri di Semenanjung dan di Sarawak. Malangnya syarikat-syarikat dari Sabah ini tidak pernah dilibatkan dalam apa jua projek-projek mega Petronas. Adakah ini bermakna bahawa syarikat-syarikat ini tidak mempunyai keupayaan atau kebolehan untuk melaksanakan kerja besar Petronas ini.

Jikalau begitu kenapakah syarikat-syarikat diberikan lesen-lesen tertentu sebelum itu. Saya di faham bahawa permohonan lesen Petronas bukannya senang untuk mendapatkan kelulusan. Prosesnya melibatkan syarat-syarat kelayakan yang amat tegas. Ini bermakna apabila mendapat kelulusan sesebuah syarikat itu sudah pun dan berkeupayaan kenapa pula tidak diberi peluang. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah sering menyebut tentang global dan glokak *player* dengan izin, di peringkat nasional. Tetapi, di Sabah *local participation* dalam projek-projek mega kerajaan adalah dalam tahap yang amat berkurangan sekali terutamanya dalam sektor minyak dan gas dan sektor pembinaan seperti yang disebutkan tadi. Oleh itu dengan hasrat kerajaan untuk memesatkan lagi kegiatan ekonomi negara, saya berharap kerajaan akan memastikan kerja-kerja dan projek-projek yang akan dilaksanakan bukan sahaja berada dalam tangan segelintir syarikat-syarikat gergasi di negara ini.

Sektor swasta yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memainkan peranan yang amat penting untuk meningkatkan ekonomi negara. Sektor swasta ini bukan hanya terdiri daripada syarikat-syarikat gergasi tertentu. Oleh

itu kerajaan harus menunjukkan keikhlasannya untuk membangunkan syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha yang kecil dan sederhana yang layak dan berpotensi untuk mengecapi kejayaan yang lebih lagi jika diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung juga dengan usaha kerajaan untuk mempergiatkan ekonomi negara serta tumpuan kerajaan untuk memperkukuhkan lagi urusan kutipan hasil yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan *budgetnya*. Saya juga ingin menyentuh tentang masalah *under declarations* dengan izin, atau menilai dengan harga yang kurang daripada seharusnya yang melanda sektor pengimportan kita. Perkara ini telah disebutkan baru-baru ini, tetapi tidak tertonjol atas sebab kehangatan isu AP. Ini tidak bermakna ia kurang penting, di sebaliknya isu ini amat penting kerana ia melibatkan *linkages* dengan izin, hasil atau hasil cukai import yang hilang kerana aktiviti mendeklarasikan nilai barangan atau produk import yang rendah untuk mengelak bayaran cukai yang tinggi. Tambahan pula, masalah ini bukan sahaja melibatkan pencurian hasil cukai, tetapi juga melibatkan *price under cutting* dengan izin, atau menjual dengan lebih murah daripada harga saingan yang menindas industri-industri tempatan kita.

Saya akan mengambil contoh pengalaman saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, yang melibatkan sektor pembuatan secara spesifiknya, pembuatan beg PP atau beg *poly propylene* iaitu satu produk plastik. Untuk makluman, beg PP ini digunakan sebagai karung kepada bahan-bahan seperti beras dan baja. Di Sabah, pasaran untuk beg PP ini adalah dalam lingkungan 2.1 hingga 2.5 juta beg sebulan dan terdapat empat syarikat yang mengeluarkan beg PP ini. Akan tetapi satu daripada syarikat itu telah menghentikan operasinya dalam pandangan pertama, ini adalah akibat kurang daya saing. Akan tetapi jika diasas secara mendalam ia adalah akibat *price under cutting* dengan izin, oleh salah satu lagi syarikat pembuat PP beg ini. Syarikat yang dimaksudkan ini telah mendapat memegang 70% hingga 80% pasaran PP beg di Sabah dalam tempoh dua setengah tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, *poly propylene* atau PP ini dibuat dari bahan mentah yang dipanggil *polymer* atau *resin* iaitu satu bahan *derivative* atau berasal dari gas asli. Oleh itu harga *polymer* atau *resin* ini bergantung kepada harga gas dunia dan kini harganya adalah kira-kira RM4,500 setiap metrik tan ia juga pernah melonjak ke RM.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung ya.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ini penting

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya penting, boleh habiskanlah.

Tuan Donald Peter Mojuntin: saya habiskan ini, kemudian saya akan gulung.

Pernah melonjak kepada RM4,800 setiap metrik tan pada satu ketika. Harga kini untuk menghasilkan beg PP adalah kira-kira RM6,300 setiap metrik tan dan untuk *fabric* PP pula, iaitu satu produk separuh lengkap yang akan dijahit membentuk beg PP itu adalah kira-kira RM5,500 setiap metrik tan. Harga-harga ini termasuklah harga bahan mentah *polymer*.

Saya telah dimaklumkan bahawa syarikat tersebut tadi mengimport *fabric* PP dari Indonesia melalui pelabuhan Tawau di Sabah. Apabila melalui kastam, syarikat ini menilaikan PP *fabric* antara RM1,800 dan RM2,300 setiap metrik tan, jumlah yang jauh lebih rendah dari harga bahan mentah untuk membuat produk itu. Apatah lagi harga produk yang separuh lengkap seperti *fabric* PP dan beg PP. Saya difahamkan perkara ini telah berlanjutan dekat-dekat tiga tahun. Dalam masa tersebut Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah berapa jumlah yang dapat dan telah dielakkan oleh syarikat ini, yang menghairankan adalah, kenapakah nilai *fabric* PP yang begitu ketara berbanding dengan harga bahan mentah diterima oleh pihak Jabatan Kastam di pelabuhan Tawau sebagai nilai sebenarnya? Lebih teruk lagi syarikat ini menggunakan penjimatannya dari cukai import ini untuk *under cut* syarikat-syarikat yang bersaing dengannya. Saya mendapat tahu, modus operandi syarikat ini adalah menggunakan satu lagi syarikat untuk membayar *the under counter balance*, dengan izin atau baki yang tidak diisytiharkan. Ini bermakna syarikat ini menggunakan *double invoicing* untuk menipu kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mendapat maklumat tentang perkara ini, saya bersama dengan dua orang pemilik syarikat pembuat beg PP yang lain telah membawa perkara ini kepada perhatian MITI dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Putrajaya, dalam satu mesyuarat yang diadakan di *Trade Practices Division* MITI di Kuala Lumpur ini pada 18 Mei, 2005. Sebelum tarikh itu seorang daripada pemilik tersebut telah berjumpa dengan Pengarah dan Timbalan Pengarah, Jabatan Kastam Sabah untuk melaporkan aktiviti syarikat yang berkenaan, akan tetapi setahu kami tidak ada

sebarang tindakan yang diambil. Oleh itu kami telah datang ke Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan pihak MITI.

Kami telah memaklumkan kepada pihak MITI dan Jabatan Kastam bahawa syarikat berkenaan akan menerima empat kontena bersaiz empat puluh kaki pada tempoh akhir bulan Mei hingga awal bulan Jun tahun ini. Untuk makluman, sebuah kontena bersaiz empat puluh kaki itu mengandungi *fabric* PP yang boleh digunakan untuk mengeluarkan tiga ratus ribu keping beg PP. Pihak *Trade Practices Division* MITI setuju bahawa kes tersebut adalah kes *under declaration* dan ia adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam. Walau demikian, selepas mesyuarat tersebut saya terasa kedua-dua pihak tidak menampakkan apa-apa kecemasan atau *urgency* dalam menangani aduan kami itu.

Saya tidak pasti jika ada apa-apa tindakan yang diambil selepas itu, tapi saya telah difahamkan Jabatan Kastam telah menceroboh pejabat syarikat berkenaan dengan merampas dokumen-dokumen tertentu. Mengikut seorang pegawai Jabatan Kastam, pada masa itu syarikat berkenaan telah mengakui bahawa ia telah membuat *under declaration* sebanyak 70% lebih rendah daripada nilai sebenar dan memperakui menggunakan *double invoicing*.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu kami menaruh harapan bahawa Jabatan Kastam akan menyelesaikan perkara ini dengan adil dan saksama. Akan tetapi pada 9 Jun, 2005, saya telah dimaklumkan bahawa Jabatan Kastam telah menerima dan akan membebaskan empat kontena yang dimiliki oleh syarikat tersebut, walhal pada masa yang sama, apabila ditanya pihak Jabatan Kastam memberi tahu bahawa kes syarikat itu masih dalam siasatan. Atas kerisauan bahawa kontena-kontena tersebut akan dibebaskan tanpa penyiasatan yang terperinci, saya sendiri telah menulis kepada Jabatan Kastam dengan menghantar fax, dengan salinan-salinan kepada Yang Amat Berhormat sendiri, kepada Yang Berhormat Menteri MITI, kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Namun saya tidak mendapat jawapan kepada surat itu sehingga hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ya, saya akan gulung. Namun begitu, pada 11 Jun, 2005 saya telah mendapat maklumat bahawa keempat-empat kontena ini telah ditahan semula. Apa yang sukar untuk diterima adalah jikalau syarikat ini masih dalam

siasatan mengapakah bukti utama, iaitu empat kontena tersebut hendak dibebaskan? Selepas kira-kira sebulan ditahan pada 7 Julai, 2005 kami mendapat maklumat bahawa semua kontena telah dibebaskan dan sekali lagi apabila ditanya, pihak Jabatan Kastam berkata, "Masih dalam siasatan". Apa yang kami difahamkan perkara ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat adalah lebih elok sebutkan apa Yang Berhormat perlukan, jawapan ataupun tindakan?

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amat penting..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham, saya minta saja....

Tuan Donald Peter Mojuntin:ini penting untuk ekonomi kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan saya minta....

Tuan Donald Peter Mojuntin: Jadi, fakta-fakta ini menunjukkan kelemahan-kelemahan sistem yang wujud sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya minta lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta maaf, minta maaf, kerana ada ramai lagi, Yang Berhormat.

Tuan Donald Peter Mojuntin: ...lima minit, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, di bawah Seksyen 135 Akta Kastam, sesiapa yang mengelak atau cuba mengelak cukai import secara menipu boleh didenda sehingga sepuluh kali hingga dua puluh kali jumlah cukai kastam yang dielakkan, jika disabit kesalahan. Syarikat berkenaan telah membuat *under declarations* selama dua setengah tahun. Berapakah jumlah yang diterima oleh Jabatan Kastam sebagai menyelesaikan kes ini? Adakah ia setimpal dengan jumlah denda yang sepatutnya, yang diperuntukkan dalam Akta Kastam, ok, ini persoalan dia? Tuan Yang di-Pertua, saya huraikan soalan-soalan...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh saya tanya sedikit? Okey, terima kasih. Saya mahu bantu sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keluarkan soalan Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Ok, tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa syarikat tersebut telah mengaku bahawa mereka membuat kesalahan, tidak ada tindakan dari pihak Kastam. Adakah ini bermakna ada sesuatu yang berlaku antara Kastam dengan syarikat ini, dan mengapa Yang Berhormat bercadang kepada Kastam

atau menamakan syarikat ini supaya pegawai-pegawai di sini boleh mengambil tindakan segera, itu yang saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ok, saya akan buat demikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang boleh buatlah.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Ya, gulung-gulung. Sebelum saya gulung Tuan Yang di-Petua, inilah persoalan-persoalan kepada Kementerian Kewangan. Kenapakah syarikat berkenaan tidak didakwa dalam mahkamah sedangkan syarikat itu telah mengakui kesalahannya? Adakah Jabatan Kastam berkuasa untuk menyelesaikan masalah perkara seperti ini, perkara yang benar-benar ketara secara *out of court*, secara berkompromi. Kenapakah tidak ada publisiti mengenai kes ini, sekurang-kurangnya akan menjadi contoh untuk menghalang kepada syarikat yang lain daripada melakukan kesalahan yang sama? Kenapakah pula pihak MITI tidak dapat membantu lebih daripada mendengar aduan kami, selepas itu lepas tangan kepada Jabatan Kastam?

Bagaimanakah kerajaan memantau serta memastikan sesuatu jabatan itu menjalankan tugasnya secara efisien, efektif, ikhlas dan berwibawa. Akhirnya, jika pihak Jabatan Kastam tidak mengambil tindakan atas mana-mana aduan dengan sewajarnya, siapakah seterusnya pengadu dapat menghadap untuk mencari penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan dan jabatan-jabatan yang terbabit amatlah peka kepada masalah-masalah seperti ini dan akan bertindak keras terhadap syarikat-syarikat atau individu-individu yang terlibat dalam kes *under declaration* atau penyeludupan ini. Saya juga mencadangkan supaya koordinasi dan kerjasama di antara jabatan-jabatan serta agensi-agensi yang berkaitan diperkukuhkan dan dipertingkatkan lagi.

Jabatan dan agensi-agensi adalah wakil kepada kerajaan. Imej dan kredibiliti kerajaan adalah bergantung kepada kualiti perkhidmatan dan penyampaian mereka kepada rakyat. Ini tanggungjawab yang berat dan ini memerlukan usaha yang telus dan beramanah dengan semangat yang dilahirkan atas kesayangan kepada rakyat dan negara. Kerajaan boleh menggubal undang-undang, polisi, perancangan yang mapan dan yang bermanfaat mempertahankan rakyat. Akan tetapi betapa cantik atau canggihnya undang-undang atau

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah. Cukup, Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah. Tidak payah bacalah, teruskan soalan.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Gulung sudah ini. Undang-undang atau rancangan itu jika implementasinya tidak berkualiti, tidak efektif, tidak ikhlas maka semua akan hancur. Kita hayatilah satu kenyataan World Bank iaitu kecekapan sesebuah negara sama ada dalaman atau luaran adalah bergantung kepada kualiti perkhidmatan awamnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada saudara-saudari umat Islam. Dengan kata-kata demikian, terima kasih. Saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cheras. Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat bagi Seputeh duduk. *[Disampuk]*

11.35 pg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, WOW-FM sebuah stesen radio Mandarin yang digemari ramai akan tamat operasinya pada jam 1.00 pagi, 15 Oktober ini. Penutupan WOW-FM telah mencetuskan kegelisahan orang ramai. Isu ini mempunyai 3 aspek yang saling berkaitan. Yang pertama, kerajaan berperanan penting untuk mengelakkan operasi stesen radio ini daripada berhenti. Kedua, hak milik jenis monopoli ke atas media harus dikaji semula dan ketiga kerajaan sepatutnya menjalankan siasatan ke atas skandal yang melibatkan NTV7 dan Syncro Sound Studio.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu kita perlu membuat andaian bahawa stesen radio dan televisyen adalah institusi dan barangan awam. Walaupun kebanyakan stesen radio dan televisyen dimiliki penuh oleh syarikat swasta, ini tidak bermakna stesen-stesen tersebut sekadar pencetak wang tunai. Jadi, kerajaan dan Dewan yang mulia ini, seharusnya mengambil sikap yang lebih serius terhadap isu tersebut termasuk juga soal-soal yang berkaitan dengan pemilikan dan monopoli ke atas media. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi memberi tahu Dewan yang mulia ini, tempoh hari bahawa meskipun terdapat 1 juta orang yang menandatangani petisyen dan menyerahkan kepadanya, kerajaan tidak berdaya untuk menghalang pemilik swasta WOW-FM iaitu Syncro Sound Studio Sdn Bhd daripada menutup stesen radio ini pada 15 Oktober.

Dalam isu ini apa yang lebih penting bukan perasaan yang diluahkan oleh peminat-peminat radio tersebut tetapi reputasi keseluruhan pentadbiran kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri. Salah satu program yang paling popular dan dialu-alukan adalah sesi perbualan yang diudarkan dari pukul 5.30 petang sehingga 7.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cheras, bukankah tentang perkara ini jawapannya telah diberikan oleh Menteri yang berkenaan tempoh hari?

Tuan Tan Kok Wai: Oh! Saya ada banyak material yang terkandung dalam ucapan saya. Sabarlah semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya amat takut masa tidak cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Saya cepat. Program ini mengizinkan pendengar membuat *call in* untuk mengutarakan pandangan masing-masing terhadap isu-isu politik yang serius. Keadaan ini sungguh dihargai ramai dan mereka selalunya menjadikan program ini sebagai gambaran terhadap keterbukaan relatif yang ditunjukkan oleh kerajaan sekarang, berbanding kerajaan bekas Perdana Menteri. Memandangkan ruang dan saluran telah terhad untuk orang awam untuk mengutarakan pandangan mereka dengan cara yang tidak tersekat seperti dalam program WOW-FM tersebut. Maka, penutupannya yang bakal terjadi dapatlah diibaratkan sebagai *the end of KL spring* atau dalam kata lain berakhirlah suatu zaman yang lebih terbuka malah juga paling singkat dalam sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, penutupan WOW-FM adalah berkaitan dengan persoalan-persoalan mengenai pemilikan media yang lebih luas. Perhatian orang awam ditumpukan ke atas isu WOW-FM adalah disebabkan stesen radio tersebut bebas untuk mengutarakan pandangan awam dan pada masa yang sama hanya terdapat segelintir stesen radio yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa penghantarannya. Di antara 56 stesen radio yang diluluskan untuk beroperasi di Malaysia, hanya terdapat 4 stesen sahaja yang berbahasa Cina. Memandangkan permintaan masyarakat terhadap isi kandungan yang berbahasa Cina adalah semakin tinggi, maka kerajaan berperanan untuk menghalang WOW-FM daripada ditutup dan pada masa yang sama meluluskan lebih banyak lesen untuk tujuan penyiaran sedemikian.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak cukup masa. Selain daripada ini ada banyak perkara yang lain. Berita yang[Disampuk] Jalan tidak diberi, minta maaf. Berita yang melaporkan bahawa *The Star* yang dimiliki oleh MCA telah mengambil alih sebuah lagi stesen radio adalah mengejutkan. Parti-parti pemerintah seperti MCA dan UMNO semakin ghairah untuk melibatkan diri dalam urusan niaga media sehingga ke suatu tahap yang tidak mungkin berpatah balik.

Buat masa sekarang, MCA yang juga memiliki Nanyang Siang Pau dan China Press ada juga memiliki dua buah stesen radio iaitu RFM 98.8 dan RED 104.9. Garisan yang memisahkan peranan media dan parti politik dalam negara kita nampaknya semakin kabur. Apa yang lebih membimbangkan kita adalah percubaan parti-parti politik BN yang menjurus ke arah untuk memonopoli pengaliran maklumat melalui pemilikan media, terutama dalam era globalisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengimport istilah GLC atau *Government Link Corporations* dari Singapura untuk merujuk kepada syarikat-syarikat yang sahamnya sebahagian dimiliki oleh kerajaan, maka di sini saya ingin memperkenalkan istilah ULC atau *UMNO Link Corporation*. Untuk merujuk kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh UMNO seperti Media Prima Berhad. Kes menguasai NTV7 oleh Media Prima adalah satu contoh ketara yang menunjukkan sikap UMNO dan Barisan Nasional tidak mengambil peduli serta tidak menghormati kebebasan media.

Pada bulan Julai lalu, Media Prima mengumumkan bahawa syarikat itu telah membantu net7 TV dan dua buah syarikat yang berkaitan dengannya iaitu Syncro Sound Studio Sdn. Bhd. dan Quest Seven dot com. Sdn. Bhd. untuk menyusun semula hutang mereka yang tidak diketahui jumlahnya. Syncro Sound dan Quest Seven masing-masing adalah pemegang lesen dan operator Wa FM masing-masing.

Media Prima telah memiliki TV3 dan 8TV dengan gabungan saham iklan TV iaitu Airtex sejumlah 53% dengan penonton sejumlah 56%, Media Prima baru-baru ini telah membuat pengumuman untuk mengambil alih CH9 Media iaitu pemilik *Channel 9* dengan RM41.44 juta. Ekoran daripada tindakan ini, Media Prima bakal akan menjadi pemilik tunggal kepada semua TV swasta tontonan percuma di Malaysia. Pemilikan monopoli ke atas media adalah sesuatu gejala yang tidak sihat lebih-lebih lagi dikuasai oleh ULC.

Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasan yang sering disebutkan dalam kes penutupan WOW-FM adalah kerana Media Prima sedang menjalankan proses penjenamaan semula dan WOW-FM adalah bertanggungjawab ke atas kerugian terkumpul sebanyak RM55 juta yang dialami oleh Syncro Sound. Ini adalah tidak benar sama sekali. Mengikut laporan tahunan Syncro Sound yang terakhir, yang dikemukakan kepada pendaftar syarikat, pada tahun 2000 hutang syarikat ini telah berjumlah sebanyak RM23 juta. Dalam kata lain, sekurang-kurangnya setengah daripada hutang itu telah terkumpul sebelum kemunculan WOW-FM pada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, di sini terdapat beberapa persoalan yang saya harap dapat dijawab iaitu pertama, jumlah hutang yang ditanggung oleh Syncro Sound dan NTV7 adalah banyak. Saya tidak berminat untuk mempersoalkan urusan peribadi tetapi adalah munasabah untuk saya bertanya mengenai perceraian di antara Dato' Seri Mohamed Effendi Norwawi, wakil khas Kementerian Pengajian Tinggi yang berstatus Menteri dengan isterinya yang sudah berkahwin 33 tahun Faridah Hashim yang melibatkan beberapa juta ringgit turut melibatkan NTV7 dan WOW-FM Dalam laporan *Sunday Mail* bertarikh 10 Julai 2005, adalah didakwa bahawa penyelesaian kes antara dua orang itu melibatkan wang di antara RM25 juta dan RM100 juta.

Secara kebetulan tiga hari kemudian, Media Prima mengumumkan bahawa bermula prosesnya untuk mengambil alih NTV7, kebetulan pada waktu itu adalah memeranjatkan. Adakah Affendi menjual NTV7 untuk menyelesaikan kes perceraian? Adakah dia pernah berfikir tentang kebajikan berapa ratus pekerja yang berkhidmat dalam stesen televisyen dan radio? Kebanyakan mereka berkemungkinan besar hilang pekerjaan dalam tempoh beberapa bulan, tahun akan datang apabila selesainya penggabungan dengan TV3.

Kedua, gabungan saham iklan TV atau ADEX untuk NTV7 adalah sekitar 30%, unjuran pendapatan tanpa diskaun adalah sekitar RM90 juta sungguhpun pendapatan kasar selepas ditolak diskaun yang amat rendah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong bangun.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai: Nanti, nanti selepas saya tamatkan bahagian ini. Dalam apa-apa keadaan sekalipun, sungguhpun pihak NTV7 tidak berupaya untuk menjana keuntungan daripada ADEX tersebut namun sungguh memeranjatkan jikalau hutang

NTV7 untuk tahun-tahun kebelakangan ini adalah lebih daripada RM200 juta. Saya ingin mendesak Badan Pencegah Rasuah untuk menjalankan siasatan ke atas kes ini. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat kejanggalan dalam urusan pelaksanaan syarikat tersebut terutamanya hubungan di antara NTV7 dengan sebuah syarikat yang bernama A7 Sendirian Berhad. .

Ketiga, terdapat dakwaan bahawa WOW-FM berhutang kira-kira RM8 juta kepada Telekom Malaysia dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Sebagai sebuah syarikat GLC yang berkepentingan awam, Telekom Malaysia perlu membuat penjelasan mengapa syarikatnya mengizinkan WOW-FM untuk terus berhutang dan tidak mengambil sebarang tindakan dengan lebih awal.

Keempat, terdapat juga aduan bahawa NTV7 dan WOW-FM telah berhutang KWSP pekerja lebih daripada RM1 juta. Adalah menyalahi undang-undang bagi sesiapa yang tidak membuat sumbangan kepada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja, perlu diambil perhatian bahawa KWSP memegang ekuiti sebanyak 14.9% dalam Media Prima. Dengan itu KWSP perlulah menjalankan siasatan dengan serta-merta ke atas NTV7 dan Syncro Sound Studio Sdn. Bhd. sebagai sebuah perbadanan yang melindungi dana persaraan pekerja. Adalah sesuatu yang aneh bagi KWSP terus melaporkan secara tidak langsung dalam sesebuah syarikat yang langsung tidak menunaikan kewajipannya terhadap KWSP.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cheras. Tadi saya mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat Cheras mengenai WOW-FM, Media Prima dan sebagainya. Kes WOW-FM ini sangat keputusan komersial ataupun perniagaan, sekarang sesebuah syarikat itu kalau dia nak mulakan perniagaan, dia boleh mula, kalau nak tutup, dia boleh tutup. Ini tidak ada berkaitan dengan apa-apa isu politik atau isu link dengan GLC atau ELC. Kalau begini saya mencadangkan kalau begini, bolehkah DAP untuk beli WOW-FM, boleh cadang menjadi DLC. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai: Kalau seorang *income* pun Timbalan Menteri dibuang kerja dan seorang akan ambil tindakannya pun bukan Puchonglah. Jangan berharap-harap promosi kerana mempertahankan Menteri atau bosnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja *business decision* atau masalah *business*. Yang Berhormat bagi Puchong ada telinga, begitu banyak skandal saya sebut, tak dengar ke? Jangan buang masa, jangan bazir masa Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak sampai enam bulan dari sekarang, Rancangan Malaysia Kesembilan akan digubal dan dilancarkan dan kemudian kita bakal melepasi tempoh separuh penggal Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Dalam ucapan Bajet 2006, Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan berhasrat membawa pembangunan yang seimbang dan komprehensif kepada rakyat seluruh negara seperti mana Perdana Menteri berjanji untuk berkhidmat sebagai Perdana Menteri untuk semua rakyat Malaysia. Saya harap prinsip yang murni ini akan direalisasikan dan dibuktikan dalam semua bidang kepentingan negara baik pun politik, ekonomi, budaya dan pendidikan.

Walau bagaimanapun janji pertama Menteri itu diragui terutama yang merujuk kepada pendidikan yang adil dan saksama. Saya merasa dukacita mendapati bajet tidak menyebut untuk memberi layanan yang adil kepada pendidikan ibunda dengan membina sekolah-sekolah SJK(C) dan SJK(T) bagi menampung pelajar yang bertambah dan permohonan *enrollment* baru. Pembinaan SJK(C) baru khasnya bagi memenuhi permintaan tidak sahaja selaras dengan hak-hak perlembagaan seseorang warganegara yang menjamin pendidikan ibunda tetapi yang penting untuk mewujudkan reformasi pendidikan yang berkualiti di negara ini.

Tidak pun sampai dua tahun lagi sebelum negara kita menyambut perayaan kemerdekaan setengah abad, kerajaan telah menggesa supaya tidak mempolitikkan isu pendidikan terutama pendidikan ibunda. Perdana Menteri sering berjanji untuk memberikan layanan adil kepada SJK(C) semasa dan sebelum pilihan raya umum tetapi bila pilihan raya berakhir maka janji-janji manis itu segera dilupakan. Layanan tidak adil ke atas SJK(C) dan SJK(T) tidak sahaja ditunjukkan dengan penolakan untuk membina lebih banyak sekolah baru tetapi juga menerusi peruntukan yang tidak adil untuk tabung pembangunan sekolah. Ketidacukupan guru-guru terlatih malah pelajar-pelajar SJK(C) terpaksa bersesak di dalam bilik darjah sehingga 50 ke 55 pelajar tiap bilik darjah sedangkan saiz bilik darjah yang ideal ialah 30 pelajar tiap bilik darjah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin membawa satu perkara yang sungguh penting iaitu mengenai janji Barisan Nasional dalam manifestonya dalam Pilihan Raya Umum 1990, bukan yang baru lepas. Iaitu enam tahun lepas lima buah sekolah baru

SJK(C) yang dijanjikan sampai hari ini cuma satu yang telah siap dibina dan menerima *enrollment* baru tetapi apa telah berlaku kepada empat yang lain iaitu SJK(C) 3 Kepong, SJK(C) 2 Desa Jaya, SJK(C) Chong Ching 2 di Kuantan dan SJK(C) Ampang 2 di Ampang Jaya? Saya sebagai seorang penduduk di dalam kawasan Parlimen Ampang Jaya, saya rasa sangat kecewa dan sesama penduduk-penduduk lain di kawasan Parlimen ini kerana sekolah SJK(C) Ampang 2 itu walaupun dijanjikan untuk dibuka untuk menerima penduduk-penduduk baru pada tahun yang lepas tetapi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sekolah ini sudah terbengkalai, kerja-kerja pembinaan sekolah cuma sampai ke tahap lebih kurang 20% sahaja dan telah berhenti sejak awal tahun lalu. Ini adalah sangat mengecewakan dan saya ingin mendapatkan jawapan yang bertanggungjawab daripada pihak Kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, masa cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Penjelasan!

Tuan Tan Kok Wai: Dan sekolah-sekolah lain jugalah saya berharap dapat jawapan yang memuaskan, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan..

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kelana Jaya.

11.50 pg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006 ini.

Di dalam strategi Bajet 2006 telah menyatakan bahawa, yang pertama melaksanakan langkah proaktif kerajaan ke arah memastikan kegiatan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dalam dua aspek. Yang pertamanya, dalam industri automatif negara. Tuan Yang di-Pertua, industri automatif negara sudah pasti akan menghadapi persaingan yang sengit, lebih mencabar, apabila sektor automatif negara dimasukkan sepenuhnya dalam AFTA tak lama lagi.

Dan kita juga sedia maklum bahawa dasar automatif nasional akan diumumkan tak lama lagi. *Concern* dan persoalan kita ialah selain daripada pengusaha kereta nasional, perlu memastikan semua langkah diambil untuk berdikari dan bersaing dalam pasaran

terbuka seperti yang disarankan oleh menteri ialah, sejauh manakah pihak kerajaan juga bertanggungjawab selain daripada meminta atau menyeru pengusaha kereta nasional berdikari. Adakah kerajaan sudah *established*?

Dengan izin, *establish a good foundation* dan *create a conducive environment*. Mengadakan konsultasi dengan pengusaha kereta nasional, mengambil kira kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka seperti dalam strategi pemasaran di dalam dan di luar negara, dari segi kualiti kontrol memperkukuhkan kedudukan sebagai pengusaha kereta nasional, melariskan jualan dan populariti melalui peningkatan status jenama kereta nasional, *brand building*. Dan persoalan juga bagaimanakah kerajaan dapat mengekalkan, membantu pengusaha kereta nasional mengekalkan kawalan ke atas pengurusan dan pegangan saham majoriti dalam syarikat pengeluaran kereta nasional? Dan jika pengusaha kereta nasional ini ingin mengadakan usaha sama dengan syarikat dari luar negeri seperti Volkswagen, dalam pada itu, apabila industri automatif negara dimasukkan dalam pasaran terbuka, bagaimana kerajaan dapat terus menggalakkan penjana ekonomi oleh rangkaian industri-industri lain yang ada kaitan, dengan automatif khususnya dari segi *viability* dan *feasibility* perusahaan kecil dan sederhana, PKS? Ini adalah kerana PKS selama ini adalah begitu *vibrant*, bukan hanya membantu pembangunan automatif, bahkan pertumbuhan ekonomi negara. Selama ini kita tahu bahawa perusahaan kecil dan sederhana menyumbang lebih kurang sebanyak 30% daripada jumlah pengeluaran pembuatan, *total manufacturing output* negara dan dari segi tenaga kerja sebanyak 32.5% dari jumlah tenaga kerja di negara kita adalah terlibat dalam bidang. SMI.

Maka dengan itu, peranan PKS ini haruslah diberi perhatian oleh pihak kerajaan, apabila industri automatif negara dimasukkan dalam pasaran terbuka. Kerana kita lihat bahawa apabila pasaran terbuka, maka banyak kereta dari luar negeri akan masuk ke negara kita dan mungkin ada satu situasi di mana PKS akan lebih suka berkhidmat atau lebih suka mengurus niaga dengan pengusaha-pengusaha kereta dari luar negeri. Kerana dari segi *credit facility*, dari segi perkhidmatan, dari segi bayaran, mereka lebih cepat dan lebih efisien berbanding dengan pengusaha kereta nasional kita.

Maka, kerajaan harus mengambil tindakan bagaimana kita dapat membimbing PKS juga mengambil bahagian memperkukuhkan perusahaan kereta nasional dalam aspek ini. Perkara kedua, yang ingin saya bangkitkan tentang perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, adalah berkaitan dengan

Pelan Induk Perindustrian dan pelaburan langsung asing, FDI. Tuan Yang di-Pertua, sasaran pelaburan dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua, yang bermula dari 1996 hingga tahun 2005 adalah sebanyak RM25 bilion setahun.

Sehingga tahun 2004, pelaburan secara purata adalah lebih kurang 26 bilion setahun dan ini telah melebihi sasaran pelaburan Pelan Induk Perindustrian Kedua. Dan bagi Pelan Induk Industri Ketiga, kita harapkan bahawa sasaran pelaburan dapat dinaikkan sehingga menjadi 30 bilion ataupun lebih setahun dalam tiap-tiap tahun di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga yang akan dilaksanakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 1999 sehingga tahun 2004, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan yang berkait dengan produk elektrik dan elektronik adalah bernilai sebanyak RM48.8 bilion. Dan sebanyak 40.1 bilion ataupun 82.17% adalah pelaburan asing. Dan bagi tempoh yang sama, jumlah pelaburan yang diluluskan adalah bernilai RM152.1 bilion. Dan daripada jumlah tersebut sebanyak 91.3 bilion atau 60% adalah pelaburan asing. Ini menunjukkan bahawa kita banyak bergantung kepada pelaburan asing untuk memperkukuhkan dan menjana ekonomi negara kita. Dan pelaburan asing ini boleh meliputi pelbagai aspek, dengan izin, elektrik dan elektronik, *petroleum, basic metal, transport, paper, natural gas* dan *non-metallic industry*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok: Biar saya habiskan dulu Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya.

Tuan Loh Seng Kok: Oleh kerana kita banyak bergantung kepada pelaburan asing, maka di dalam Pelan Induk Industri Ketiga, kita harus mengenal pasti bidang-bidang pelaburan yang baru, dengan izin, *new growth areas*. Seperti *biotechnology, photonic, optik, nanotechnology, flat panel displays* dan sebagainya. Di dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan, bahawa kita amat gembira kerana dalam Bajet telah menyebut bahawa kerajaan akan melancarkan *bio product validation center* dengan nilai RM30 juta. Dan akan ditubuhkan sebuah dana khas yang dipanggil *Malaysian Life Sciences Capital Fund* dengan kerajaan menyumbang sebanyak RM100 juta.

Mungkin jumlah ini tak sebanyak berbanding dengan negara lain. Seperti Singapura, Singapura memberi peruntukan sebanyak 30 bilion untuk pembangunan dalam bidang bioteknologi. Walau bagaimanapun, kita harus - memandangkan

kerajaan memberi azam untuk membangunkan bioteknologi, maka saya rasa kita perlu berhati-hati supaya mewujudkan satu *environment* yang *conducive* untuk pembangunan teknologi ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baguih, baguih punya, baguih punya.

Tuan Loh Seng Kok: Okey, sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kelana Jaya, terima kasih bagi ruang saya. Tadi YB bercakap tentang FDI, ya. Tetapi, adakah Yang Berhormat sedar kita juga kadang-kadang kita *encourage* kita punya pelabur-pelabur, kita punya *investor-investor* pergi *overseas* melabur di sana. Jadi *at the same time*, kita hendak orang datang melabur di negara kita. Memang, memang, ini satu cara yang baik. Tetapi bagi saya kita selesai masalah dalaman negara kita dulu. Selesaikan masalah dalaman.

Kadang-kadang kita tengok vendor-vendor, kita *encourage* dia orang pergi buat *joint venture* di luar negara, kemudian kita eksport masuk mai ke dalam negara kita atau kita import masuk kerana kos. Jadi, boleh atau tidak kerajaan mencari jalan supaya menyeimbangkan. Kalau tidak ekonomi negara kita, saya setuju Yang Berhormat kata tadi, akan dikuasai oleh pelabur-pelabur asing satu hari nanti depa boleh *blackmail the government*. Macam hari ini, kita boleh terima, tak boleh terima, kita setuju, tak setuju, Amerika adalah pelabur yang terbesar di dalam negara kita. Dan *are we at their mercy?* itu soalan satu. Adakah kita ini berpaut kepada mereka? Satu hari nanti apabila mereka bagi tahu kita, kena buat macam ni, kalau tidak mereka akan tarik pelabur-pelabur keluar daripada negara kita ini.

Apa akan jadi? Apa salahnya kita memperbanyakkan lagi cari cara untuk *invest* rakyat Malaysia labur di negara sendiri sebelum kita pergi ke luar negara, macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai kerana Amerika Syarikat bagi tahun 1999 hingga tahun 2004 pelaburan asing dari USA adalah sebanyak 24.5% dari jumlah FDI yang kita terima. Tetapi ini adalah salah satu contoh dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kita perlu

mewujudkan satu *environment* yang agak *conducive* untuk mencapai satu pelaburan yang seimbang di antara pelaburan asing dan pelaburan dalam negeri, saya setuju.

Walau bagaimanapun kita tidak boleh menafikan peranan yang dimainkan oleh FDI, saya hendak mengambil satu contoh, satu kes pernah berlaku bahawa terdapat sebuah syarikat Taiwan yang ingin membuat pelaburan di negara kita dalam bidang bioteknologi yang bernilai RM110 juta tetapi menghadapi masalah kerana kerenah birokrasi, sistem penyampaian yang tidak berkaitan dengan tanah, imigresen dan perbendaharaan. Akhirnya syarikat tersebut telah berpindah dan menubuhkan makmalnya di Singapura dan maka itu kita kehilangan pelaburan sebanyak RM110 juta dan saya rasa perkara ini perlu diambil serius oleh kerajaan kita supaya bukan hanya membantu pelaburan dalam negeri juga hendak menarik lebih banyak FDI masuk ke negara kita.

Dengan itu saya hendak cadangkan bahawa kerajaan dengan secepat mungkin membuat *review* atau pindaan ke atas peraturan-peraturan atau undang-undang yang menjadi batu penghalang dalam usaha menarik pelaburan langsung asing ini. Seperti contoh mungkin membuat *review* ke atas *Promotion of Investments Act 1986*, *Industrial Coordination Act 1975* dan juga mungkin belum mengkaji semula fungsi dan kewujudan FIC ini kerana mereka telah banyak memberi halangan untuk menarik FDI masuk ke negara kita. Tuan Yang di-Pertua izinkan saya masuk ke dalam bidang pendidikan yang berkaitan dengan menggedredkan sekolah-sekolah khususnya sekolah rendah. Di negara kita terdapat 4,114 buah sekolah rendah gred A.

Antara jumlah tersebut sebanyak 318 buah sekolah yang gred A ini merupakan sekolah kurang murid dan masih menjadi gred A. Usaha penggedredan sekolah dilakukan dalam tempoh 3 tahun sekali.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua penggedredan semula sekolah rendah kepada gred A saya percaya dapat memberi peluang kerjaya yang lebih baik kepada guru-guru terutamanya mereka yang sanggup berkhidmat di kawasan-kawasan yang jauh dari rumah mereka. Dengan itu guru-guru yang berwibawa akan berpeluang lebih untuk dinaikkan pangkat dan pada masa yang sama dapat dikekalkan untuk berkhidmat di sekolah luar bandar

dan di sekolah yang jauh daripada kediaman mereka. Ini merupakan satu ganjaran, penghargaan dan pengiktirafan yang tidak ternilai kepada guru-guru yang ingin berkhidmat dengan cemerlang untuk mendidik anak-anak muda kita dan secara tidak langsung peratusan peluang kenaikan pangkat akan bertambah jika adanya penggredan semula sekolah-sekolah yang tertentu.

Dalam pada itu, saya ingin menekankan bahawa banyak sekolah-sekolah kurang murid di tempatkan semula di kawasan bandar khususnya dari kawasan luar bandar di mana mereka menghadapi kekurangan murid maka dipindahkan ke kawasan bandar. Di kawasan bandar saya cadangkan apabila sekolah-sekolah dipindahkan dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar seharusnya gred sekolah itu secara automatiknya diberikan gred A kerana pada masa sekarang apabila terdapat sekolah-sekolah baru yang hendak dibangunkan di kawasan bandar secara automatik diberi gred A di kawasan bandar maka sewajarnya juga sekolah yang dipindah dari kawasan luar bandar masuk ke bandar sepatutnya diberi gred A juga kerana di kawasan bandar permintaan untuk pendapatan murid-murid amat tinggi.

Sehingga terdapat kawasan-kawasan yang tertentu di mana ada ibu bapa yang ingin menempatkan anak mereka di dalam sekolah yang tertentu terpaksa menunggu di sekolah sejak awal pagi untuk mendaftarkan anak mereka di sekolah-sekolah yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya hendak ambil contoh di sini supaya Kementerian Pelajaran dapat mengambil langkah yang lebih fleksibel di dalam penggredan semula sekolah-sekolah yang dipindahkan dari kawasan luar bandar ke bandar. Sebagai contoh sekolah jenis kebangsaan Cina, Chiu Wen di Subang Mewah USJ 1 hingga sekarang masih gred B dan bilangan pelajar adalah, sekolah ini dipindahkan daripada kawasan luar bandar pada tahun 2001 dan tahun 2004 jumlah pelajar adalah 819 dan tahun ini tahun 2005 jumlah pelajar adalah 1,244.

Unjuran untuk tahun depan adalah 1,700, untuk tahun 2007 seramai 2,200 pelajar dan mengapa kita tidak boleh menggredkan sekolah ini sebagai gred A dan kalau tidak sekolah ini akan menghadapi kekurangan tenaga pengajar di mana jawatan-jawatan yang tertentu seperti jawatan Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Ko-kurikulum adalah merupakan jawatan yang dikira dalam norma. Apabila kalau digredkan ke dalam gred A maka tenaga kerja di dalam sekolah itu akan bertambah kerana pelajar dapat perkhidmatan yang lebih cemerlang tidak ada gangguan lain-lain

dan saya rasa ini adalah satu galakan kepada mereka. Oleh itu saya berharap kementerian akan memandang serius terhadap penggredan semula sekolah SJKC Chiu Wen Subang Mewah USJ 1 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat ya.

Tuan Loh Seng Kok: Gulung ya? Ada 4 perkara lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya apa hendak buat.

Tuan Loh Seng Kok: Ok saya ke perkara terakhir Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kena sebut 4 perkara Yang Berhormat dalam masa menggulung itu.

Tuan Loh Seng Kok: Ok saya akan cuba habiskan. Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan pengiktirafan dan pembayaran kepada guru sandaran, kita masih menghadapi kekurangan guru-guru di sini dan di situ dan Kementerian Pelajaran masih mencari jalan untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru dan dalam pada itu kita masih kena mengambil guru-guru sandaran untuk berkhidmat di dalam sekolah-sekolah.

Oleh itu saya rasa adalah wajar guru-guru sandaran sebenarnya juga telah banyak menyumbang kepada bidang pendidikan dalam negara kita dan memainkan peranan penting dalam memenuhi kekosongan guru yang sering dihadapi oleh banyak sekolah. Guru-guru sandaran bukan sahaja mempunyai kelayakan akademik malah pengalaman dan keazaman untuk mengajar, mereka sanggup terus menjadi guru sandaran berbulan-bulan malah bertahun-tahun walaupun mereka sedar jika tiada kekosongan khidmat mereka boleh ditamatkan pada bila-bila masa sahaja.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya rasa bagi guru-guru sandaran yang berazam untuk berkhidmat maka mereka harus diberi bayaran gaji pada akhir tahun untuk bulan November dan Disember supaya perkhidmatan mereka, mereka dapat menumpukan perhatian mereka dalam bidang pengajaran.

Mereka tidak akan kkuatir untuk mencari kerja dalam masa yang sama mereka mengajar dan kalau tidak dibayar gaji untuk bulan November dan Disember mereka akan cuba mencari kerja untuk menyelesaikan masalah-masalah hadapan mereka. Oleh itu saya rasa, sebagai menggulung ucapan saya ini saya berharaplah untuk menggesa agar kerajaan mengambil ketetapan supaya semua guru-guru sandaran yang diberi perkhidmatan dapat dibayar gaji untuk bulan November dan Disember, itu sahaja yang saya ingin bentangkan dalam Dewan ini, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

12.09 tgh hari.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Bismillahir rahmanirrahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2006. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terus sahaja ke isu yang pertama yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mencadangkan sebagai satu kaedah untuk mengurangkan masalah salah laku di kalangan kanak-kanak sekolah di negara kita. Kes yang melibatkan jenayah *juvana* di negara kita adalah di peringkat yang sangat membimbangkan. Sepanjang tempoh tahun 2000 hingga 2004, seramai 34,156 *juvana* yang ditangkap membabitkan 22,154 kes, 10,926 daripada mereka adalah daripada golongan yang masih di bangku sekolah. Manakala dalam tempoh tahun 2003 dan 2004 sebanyak 26,473 remaja berusia di antara 19 tahun dan ke bawah adalah menagih dadah.

Saya ingin mencadangkan sebagai salah satu kaedah untuk mengurangkan gejala ini di peringkat sekolah ialah dengan kaedah supaya pelajar-pelajar di sekolah menengah rendah dan sekolah menengah tinggi ini diajar atau dididik berkenaan dengan beberapa pengajaran kesalahan-kesalahan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah ini boleh dijadikan sebagai subjek sampingan oleh Kementerian Pelajaran seperti yang dicadangkan iaitu mengajar subjek pendidikan seks di peringkat sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah ini boleh menjadikan generasi muda bimbang masa hadapan mereka, bimbang kesan dan akibat daripada perbuatan jenayah jika mereka melakukannya. Bagi menyedarkan generasi muda tentang nilai, norma dan kehidupan yang murni serta mematuhi ajaran-ajaran agama, saya mencadangkan supaya pendidikan yang bercorak menakutkan ini diterapkan dalam sistem pengajaran di sekolah. Misalnya, pelajar boleh didedahkan dengan kesan kepada kesalahan melakukan pembunuhan itu yang terlalu ekstrem atau kesalahan-kesalahan yang lebih kecil daripada itu seperti kesalahan-kesalahan mencuri dan sebagainya.

Hukuman ini perlu ditekankan kepada mereka supaya mereka mempunyai rasa bimbang kesan dan akibat daripada perbuatan mereka. Apabila pelajar-pelajar diajar tentang hukuman yang akan diterima adalah diharapkan mereka akan mengambil iktibar dan memikirkan impak serta akan sedar bahawa perbuatan jenayah mereka itu dan betapa seriusnya kesan kepada diri masing-masing. Mata pelajaran yang hanya memfokuskan terhadap hukuman yang akan dikenakan bagi setiap penjenayah akan dilakukan supaya dapat menghindarkan mereka daripada mengulangi atau berniat untuk melakukan perbuatan jenayah tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya lawatan sosial boleh dilakukan ke pusat-pusat pemulihan sama ada di penjara atau di sekolah-sekolah juvana yang ada di negara kita. Mereka boleh mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah juvana yang menempatkan rakan-rakan mereka yang perlu menjalani pemulihan. Misalnya, terdapat 5 buah sekolah Henry Gurney yang ditubuhkan di bawah Seksyen 38 Akta Mahkamah Juvana tahun 1947 yang bertujuan untuk menahan pesalah-pesalah juvana serta memulihkan mereka pada umur 14 hingga 21 tahun.

Bagi pesalah-pesalah juvana yang sukarela pula, mereka boleh dibawa ke peringkat sekolah bagi tujuan menerangkan serta menceritakan pengalaman mereka ketika melakukan kesalahan jenayah sepanjang tempoh perbicaraan dan sepanjang tempoh menjalani pemulihan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Jasin bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan.

Tuan Markiman bin Kobiran: Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya amat tertarik dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi. Tetapi akhir-akhir ini kita lihat, apabila PEMADAM menggunakan pendekatan, menggunakan bekas-bekas pelatih pusat serenti untuk menerangkan kepada pelajar-pelajar sekolah. Kita dapati bahawa usaha ini *backfire* kerana budak-budak ini kata, kalau yang beliau ini boleh dipulihkan dan boleh kembali ke dalam masyarakat, "Esok aku yang insaf ini juga akan boleh." Tidakkah cadangan Yang Berhormat tadi, akan *backfire* balik kalau anak-anak ini didedahkan daripada sekolah-sekolah juvana tentang apa yang mereka lalui, pengalaman mereka dan sebagainya yang akan membawa lebih ramai lagi anak-anak di

sekolah rendah dan di sekolah menengah mengikuti jejak mereka nanti. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin tentang pandangan tersebut. Saya beranggapan bahawa jika proses atau program ini dilakukan secara teratur mengikut *syllabus* yang telah ditetapkan oleh kementerian dan ianya mestilah mendapat panduan daripada pihak berkuasa sekolah terutamanya guru-guru kaunseling, saya percaya bahawa keadaan *backfire* ini tidak akan berlaku kerana kita membandingkan sistem persekolahan dengan sistem yang diamalkan oleh PEMADAM kerana dalam sistem PEMADAM kebanyakan petugas-petugas PEMADAM adalah petugas sukarela yang tidak mempunyai tanggungjawab yang begitu besar serta tugas rasmi mereka sebagai pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga boleh mewajibkan sebagai salah satu hukuman kepada pelajar-pelajar yang melanggar disiplin sekolah atau kepada pelajar-pelajar

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Sila *Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih sahabat saya dari Hulu Langat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bercakap mengenai disiplin sekolah. Ini sebenarnya isu yang sangat penting dan kritikal kerana ia akan menyentuh masa hadapan anak-anak kita, jadi bimbingan pelajar yang baik dan yang terbaik di sekolah akan menjadikan mereka baik. Saya hanya hendak pandangan daripada Yang Berhormat dalam konteks guru dan guru kaunseling. Sebenarnya setiap guru adalah kaunselor dan juga guru disiplin.

Jadi oleh sebab itu, saya sebenarnya sangat bersetuju supaya setiap guru itu harus diberikan satu bentuk kemahiran tentang pernyataan bahawa isu jenayah, isu disiplin, isu salah guna dadah dan sebagainya itu adalah penting. Jadi setiap guru tidak semestinya kalau dia guru sains dan matematik dia tidak boleh bercakap mengenai isu itu. Seharusnya setiap guru itu harus memberikan penekanan mengenai perkara-perkara negatif itu. Di sini kita sebenarnya tidak harus berlaku gusar kerana saya rasa di sekolah dalam konteks masalah disiplin ini, selalunya peratus mereka yang berkaitan sebenarnya sangat kecil, tetapi walaupun kecil ia harus diatasi di peringkat awal. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat?

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut, malah setiap bukan sahaja guru yang keluar daripada maktab perguruan atau universiti perlu mendapat sedikit sebanyak ilmu kaunseling, malah universiti seharusnya menyediakan atau mengeluarkan individu-individu yang dilahirkan oleh mereka sebagai satu individu yang lengkap untuk terus menjalani kehidupan di luar daripada tugas rasmi serta kerja mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan sedikit sahaja lagi berkenaan dengan isu ini. Setelah saya perkatakan tadi bahawa sebagai langkah awalan, pelajar-pelajar yang menghadapi masalah disiplin di sekolah perlu diketengahkan dahulu sebagai satu ujian kepada kebaikan sistem ini di mana pelajar-pelajar yang mempunyai disiplin yang merunsingkan sekolah misalnya, perlu di bawa ke tempat-tempat yang saya katakan tadi dan sekurang-kurangnya kita dapat melihat sejauh manakah keberkesanan sistem tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada tajuk yang berikutnya iaitu berkenaan dengan masalah yang telah dibangkitkan oleh beberapa kumpulan nelayan di sepanjang perairan Selat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini terdapat ura-ura Jabatan Perikanan Malaysia ingin menguatkuasakan undang-undang atau peraturan yang telah tidak dapat dilaksanakan sejak 23 tahun yang lalu. Peraturan itu termaktub di bawah Jadual Kelima Akta Perikanan 1963, Peraturan-peraturan Perikanan Laut 1982. Peruntukan di bawah peraturan ini menyatakan bahawa "Nelayan pukat tunda mestilah jaring mereka iaitu di peringkat kod N nya tidak boleh lebih kecil daripada 38 milimeter" itu peraturan pertama.

Peraturan kedua, semua nelayan pukat tunda mestilah tidak menyediakan kod N selebih daripada satu lapis dan masalah ketiga, hukuman yang dikenakan terhadap pesalah-pesalah nelayan ini yang diperuntukkan di bawah Seksyen 25(B) Akta Perikanan 1985 itu ialah RM20 ribu atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali. Justifikasinya Tuan Yang di-Pertua, sektor perikanan memainkan peranan yang amat penting sebagai penyumbang utama ikan selaku sumber makanan dan protein yang sangat penting kepada penduduk negara ini. Tangkapan ikan di negara ini menyumbang kepada 1.37 peratus kepada Keluaran Negara Kasar dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 80,433 orang nelayan. Mengikut sektor, jumlah pengeluaran perikanan marin menyumbang 1,283,250 tan metrik atau 86.48

peratus daripada pengeluaran ikan negara yang bernilai RM4.01 bilion. Sahabat saya dari Jasin silakan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih. Yang Berhormat saya hendak tambah berkenaan dengan Undang-undang Perikanan. Ada satu lagi undang-undang yang dibuat oleh Perikanan bahawa nelayan Melaka tidak boleh menangkap ikan di perairan Negeri Sembilan. Nelayan Negeri Sembilan pula tidak boleh menangkap ikan di perairan Selangor. Kalau kita sebutkan negara Malaysia ini mengapa soal nelayan hendak menangkap ikan sehinggakan perairan antara negeri juga disekat?

Kadangkala saya dapat kompelin daripada nelayan kawasan saya Melaka Selatan di Sungai Rambai. Kadang-kadang bila dia buang pukot malam, jadi dia tertidur. Bila tertidur, hanyut masuk di Johor. Bila masuk di Johor, perikanan tangkap, dan tangkap itu pula tarik bot mereka ke Muar sampai lima, enam hari tahan dan didenda yang bukan-bukan RM20 ribu tadi. Jadi Johor ini negeri mana, negara mana? Takkan orang Johor - kalau macam itu Sri Gading kalau hendak balik ke Johor melalui Melaka saya sekat dia ke Melaka.

Jadi ini kita kena fikir yang nombor dua ini, ini tentang perikanan juga yang hari ini Tuan Yang di-Pertua kita tengok tentang apa agensi baru maritim, baru minggu sudah di Melaka saya dapat laporan daripada nelayan lima bot mereka telah dicuri bersama-sama dengan enjin oleh pencuri-pencuri daripada Indonesia dan apabila dia mencuri bot nelayan ini termasuk *speed* bot yang dimiliki oleh marin polis pun dia curi. Kalau dah polis punya kena curi Tuan Yang di-Pertua, apa lagi? Apa pendapat Yang Berhormat ?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Yang Berhormat Jasin, saya bersetuju dengan pandangan tersebut dan ini adalah salah satu daripada keadaan di mana terdapat beberapa jabatan di negara kita yang tidak prihatin tentang kepayahan, kesusahan terutama sekali kepada golongan-golongan yang tidak berupaya ini. Adalah menjadi tugas Ahli Parlimen ini seperti Ahli Parlimen Jasin untuk memperjuangkan keadaan mereka. Terima kasih Jasin.

Tuan Yang di-Pertua bagi tahun 2003 sebanyak 6,349 lesen nelayan pukot tunda telah dikeluarkan dan ini telah menyumbangkan kepada 56.69 peratus daripada

pengeluaran ikan marin. Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah itu sebanyak 2,768 menangkap udang dan ikan di kawasan 5 batu *nautical* ke 12 batu *nautical* dan mereka ini adalah nelayan-nelayan berperahu *bervesse/* kecil dan merupakan golongan yang terbesar daripada kumpulan nelayan. Tuan yang di-Pertua, saya ingin menegaskan, saya ingin menyatakan apakah justifikasi Jabatan Perikanan ingin menguatkuasakan semula peraturan yang telah berusia 23 tahun yang telah tidak dapat dilaksanakan selama ini ingin dilaksanakan pada tahun ini atau pada tahun hadapan apabila lesen pukut tunda ini batal.

Adakah justifikasi 23 tahun yang lalu ketika peraturan ini dibuat masih relevan hingga sekarang. Adakah kementerian sedar bahawa larangan untuk pemakaian satu lapisan pukut di hujung *court* pukut tunda itu munasabah kerana kesemua nelayan di negara ini menggunakan dua lapisan *court* semata-mata untuk menghalang daripada jaring pukut tunda itu koyak atau rosak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat, gulung.

Tuan Markiman bin Kobiran: Tuan Yang di-Pertua, saya tinggalkan isu ikan, saya bawa lagi satu lagi isu Yang di-Pertua berkenaan dengan orang susah tetapi juga orang susah di negeri Selangor. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkenaan dengan masalah harga padi yang rendah dalam kawasan negeri Selangor, jelapang padi negeri Selangor yang terletak di Sabak Bernam, Tanjung Karang, Sekinchan. Harga padi di kawasan ini dinilai atau dibeli dengan harga RM66 bagi 100 kilogram serta dengan potongan basah standard 17 peratus, manakala harga padi di Hilir Perak, di Langkap ditetapkan pada harga RM71.50 bagi 100 kilogram ini pada tahun 2005.

Keadaan ini Tuan Yang di-Pertua adalah satu keadaan yang tidak menyenangkan terutama sekali kepada pesawah-pesawah di Sabak Bernam, Tanjong Karang dan Sekinchan. Soalannya Tuan Yang di-Pertua, kenapakah ada jurang perbezaan harga padi, adakah padi di Langkap lebih baik, lebih sedap atau lebih manis daripada padi di Tanjong Karang, Sekinchan dan Sabak Bernam? Soalan kedua, kenapakah terdapat jurang perbezaan potongan padi standard ada kalanya 17 peratus, ada kalanya 12 peratus, dan soalan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, siapakah? Siapakah badan yang sewenang-wenangnya menetapkan potongan padi basah ini atau yang menetapkan harga pasaran ini, adakah Kementerian Pertanian dan Industri asas

tani? Adakah Bernas, adakah bahagian kawal selia padi dan beras negara? Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan ini cukup mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sahaja lagi berkenaan dengan kes-kes berprofil tinggi yang telah dibangkitkan satu ketika, semalam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa dah habis, masa dah habis Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Hulu Langat. Adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan bahawa kerajaan perlu mengkaji untuk menaikkan lagi sedikit atau banyak harga padi yang telah agak lama tidak dikaji semula. Yang Berhormat cuma menerangkan perbezaan harga di Langkap, di Sekinchan jadi Yang Berhormat tidak mungkin kita perlu meminta kerajaan supaya mengkaji harga padi yang perlu dinaikkan pada harga ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap kerana mengingatkan saya sebahagian daripada bahan perbincangan yang patut saya katakan. Tuan Yang di-Pertua, harga beras sebenarnya telah naik. Sudah naik lebih kurang 10% ke 15%. Tetapi harga padi kekal ditakuk lama. Di manakah keadilannya apabila harga beras naik tetapi harga padi kekal ditakuk lama. Ini akan menyebabkan pendapatan petani makin berkurangan, ditambah pula dengan kos untuk mengendalikan sawah yang telah mula meningkat dari masa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang saya ingin sentuh ialah dengan kes berprofil tinggi. Dalam setiap kes Tuan Yang di-Pertua, apabila kes jenayah dibicarakan di mahkamah-mahkamah di Malaysia ia mendapat perhatian yang cukup besar di dada-dada akhbar. Sebenarnya apabila satu kes dibicarakan terdapat tiga komponen utama yang harus diberi perhatian. Komponen pertama ialah hakim atau mahkamah atau yang bertindak sebagai *arbitrator*. Kumpulan kedua ialah kumpulan yang dipanggil pendakwa atau yang diketuai oleh *Attorney General*. Yang ketiga adalah kumpulan peguam yang membela kes-kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, salah tanggapan berlaku. Sebenarnya ketiga-tiga komponen ini dikenali di bawah undang-undang sebagai *officer of the court*. Pegawai mahkamah. Mereka ini secara serentak, secara bersama-sama ingin menegakkan keadilan. Saya ingin menegaskan pendirian yang dilakukan oleh Yang Berhormat Parit

Sulung semalam yang menyatakan, bahawa kumpulan pendakwalah yang sentiasa menegakkan keadilan. Perkara ini adalah tidak benar dan ianya sedikit sebanyak menyentuh perasaan para pengamal undang-undang di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan sistem keadilan di negara kita harus diberi perhatian. Kecacatan pendakwaan adalah disebabkan oleh kelemahan penyiasatan. Oleh itu, janganlah cuba mengalih beban kepada kebijaksanaan peguam untuk membebaskan atau melepaskan orang yang kena tuduh sebagai peguam-peguam tidak mempunyai etika yang tinggi.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya pihak yang berkenaan untuk lebih peka bagi memperkasakan bahagian siasatan masing-masing supaya kes yang dibawa ke mahkamah tidak terburu-buru dan berakhir dengan sabitan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang akan saya katakan di Dewan yang mulia ini. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Aman.

12.33 tgh.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang berucap.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kepada zaman P. Ramlee, di mana P. Ramlee pernah berlakon dengan Normadiah dan Sarimah.

Beberapa Ahli: Ooo!

Tuan Jimmy Donald: Apabila kita merenung kembali kita teringat mereka selalu berlakon di rumah mereka dengan lampu minyak tanah. Jadi begitulah gambaran di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Romantik!

Tuan Jimmy Donald: Romantik sekali. Di kawasan saya Sri Aman 80% rumah panjang masih belum ada jalan kampung, bekalan elektrik dan bekalan air. Jadi saya mintalah kerajaan memberi bekalan elektrik. Pernah timbul satu skandal di mana pekan yang besar yang bernama Lancau itu tidak ada bekalan elektrik, padahal ia menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia. Jadi, boleh atau tidak saya minta kerajaan

memberi bekalan elektrik dari Batu 29, jalan Semanggang Serian hingga ke pekan Balai Ringin di batu 69. Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak hendak tukar nama juga? Masih kekallah?

Tuan Jimmy Donald: Saya masih suka dengan nama Lancau kerana itu adalah.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Jimmy Donald:nama bersejarah. Dalam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, fasal di Sabah pun kita benarkan orang pergi Menggatal.

Tuan Jimmy Donald: Ya.

[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]

Tuan Jimmy Donald: Kerana di Sarawak pun kita ada nama-nama yang pelik seperti binatang, ada nama nonok. Jadi kita kekalkan sahaja.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang yang bangun Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya tanya? Boleh saya tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi mana? Tuarankah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hanya hendak tanya.....

Tuan Jimmy Donald: Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh. Ya sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hanya hendak tanya Yang Berhormat Sri Aman, adakah nama Kinabatangan berasal dari nama binatang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apalah Seputeh!

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald: Saya rasa tidaklah. Seterusnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuaran bangun Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Ini bukan cerita "Lancau"lah. Ini soal cerita P. Ramlee

tadi. Cerita rintihan-rintihan dan keluhan-keluhan Ahli-ahli Parlimen yang juga pemimpin masyarakat dalam soal kemudahan asas ini.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berada di negeri Sabah dan beliau menyatakan, bahawa sakit telinga mendengar rintihan-rintihan seperti ini. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa pucuk pimpinan kita tidak perlu sakit telinga untuk mendengar rintihan-rintihan dan keluhan-keluhan kita ini sehingga kita bercerita fasal P. Ramlee? Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan perlu membuat perancangan?

Rancang betul-betul, beritahu kita sehingga tahun berapa semua kampung dapat bekalan elektrik, semua kampung diberikan bekalan air, jalan raya dan sebagainya. Ini sesiapa yang kuat bersuara di Dewan Rakyat ini dapat jambatan kedua Pulau Pinang, buat *highway* dari Kuala Lumpur ke Putrajaya, itu yang dapat. Tetapi yang kita ini masih merintih-rintih sejak dari awal dahulu tahun 2000 kita di sini, ini cerita kita sampai hari ini telinga sudah sakit pun sampai hari ini pun tidak selesai. Apa pendapat Yang Berhormat Sri Aman?

Tuan Jimmy Donald: Saya memang setuju dengan Yang Berhormat dari Tuaran. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, orang dalam kawasan saya kerana itu seperti orang yang jatuh ditimpa lesung lagi. Tidak ada bekalan elektrik, mereka menggunakan minyak tanah untuk pelita semasa malam, memasak dengan *kerosene stove* (Dapur minyak tanah). Tetapi sekarang tidak diketahui kita yang duduk di bandar ini harga minyak tanah ini sangat tinggi di negeri Sarawak, dan saya menerima begitu banyak aduan kerana harga minyak tanah ini tidak dikawal. Ini yang diperlukan oleh orang yang tidak ada bekalan elektrik, ini juga yang mahal.

Jadi seterusnya ada juga orang yang di luar bandar yang menggunakan diesel oleh kerana ada juga rumah panjang yang membeli generator yang menggunakan diesel, tetapi kita sekarang ada satu peraturan di mana mereka tidak dibenarkan membeli diesel yang banyak. Jadi ini menyusahkan mereka. Ada juga seorang dua yang mempunyai traktor dari kaum-kaum lain, dan mereka juga mengadu apabila mereka hendak membeli minyak diesel tidak dibenarkan membeli dengan banyak, jadi mereka membazirkan begitu banyak masa (ulang-alik) untuk membeli diesel mereka.

Jadi saya merayulah Tuan Yang di-Pertua kerajaan bergiat lebih aktif untuk - *to monitoring the rural economy. Monitoring* ekonomi luar bandar. Meningkatkan nilai kewangan kepada ekonomi luar bandar. Ada sumber kewangan di luar bandar, tetapi

saya rasa belum dieksploitasikan. Jadi satu contoh sahaja yang akan diberikan di sini Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak banyak tanah yang dipunyai oleh orang di luar bandar yang terbiar. Jadi kawasan-kawasan yang besar, yang lebih dari 5,000 hektar diusahakan oleh syarikat-syarikat yang besar dari Semenanjung. Tetapi ramai juga yang mempunyai kawasan 1 hektar hingga 100 hektar.

Jadi saya cadangkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi membantu dengan memberi biji benih, memberi khidmat nasihat dan memberi baja selama tiga tahun kepada petani-petani yang ingin menanam sawit. Jadi orang di luar bandar tidaklah harus miskin. Dengan ini kita dapat Tuan Yang di-Pertua,

- i. membasmi kemiskinan di luar bandar;
- ii. menyekat penghijrahan ke bandar;
- iii. mengurangkan kedatangan pendatang tanpa izin oleh kerana mereka dapat mengusahakan kebun mereka yang kecil ini; dan
- iv. mengurangkan jumlah graduan yang menganggur oleh kerana graduan yang menganggur boleh menanam sawit dan saya rasa pulangan yang didapati oleh mereka adalah sama dengan gaji-gaji yang dapat diperolehi oleh mereka, kalaulah mereka bekerja di Kuala Lumpur ataupun di Kuching.

Kalau tidak ada wang saya cadangkan gunakanlah peruntukan, satu, dari Rakan Muda kita ini. Oleh kerana saya rasa kerajaan tidak harus membazirkan wang membantu ibu bapa yang mengabaikan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa. Tidak ada Rakan Muda di rumah panjang, tidak ada Rakan Muda di Sri Aman, tetapi orang yang sudah senang di Kuala Lumpur mendapat program Rakan Muda.

Yang kedua, wang untuk Skim Bantuan Graduan Menganggur, skim ini hanya menguntungkan agensi-agensinya yang memberi latihan. Kerajaan, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, tidak harus memikul bebanan kerana penuntut-penuntut dan ibu bapa mereka membuat keputusan yang tidak tepat apabila membuat bidang pengajian. Gunakanlah RM1 million dari wang subsidi minyak untuk orang di luar bandar untuk membeli kail supaya mereka dapat mengail dan mendapat ikan sepanjang umur mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta kerajaan sediakan satu bank yang tidak membenarkan cagaran apabila orang yang hendak menanam sawit ataupun hendak berusaha memerlukan bantuan kewangan. Kadang-kadang saya melihat

Agriculture Department di Sarawak ataupun Jabatan Pertanian di Sarawak, mereka menggunakan kaedah *cross guarantee* di antara petani-petani.

Saya *guarantee* Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Sri Gading *guarantee* Yang Berhormat bagi Kapit, jadi kita *guarantee* satu sama lain, tidak usah gunakan cagaran ataupun *land title*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji LAN Lembaga Akreditasi Negara kerana pada sesi yang lepas saya pernah menegur LAN kerana laporan yang diberi oleh mereka begitu sedikit, begitu singkat, buku laporan begitu kurus. Tetapi pada tahun ini saya nampak mereka telah berusaha menyediakan laporan yang baik dan mempunyai cukup maklumat tentang universiti-universiti mana yang diiktiraf, apa kursus yang telah diiktiraf dan saya rasa ini adalah satu maklumat yang cukup baik. Saya juga memuji usaha-usaha LAN yang memantapkan kedudukan Malaysia sebagai Pusat Pendidikan Dunia. Saya mengesyorkan LAN menyajikan pelbagai kursus untuk menyahut selera penuntut dari seluruh dunia. Tetapi balik kepada perkara ini, saya tidak bersetuju LAN atau kerajaan dipersalahkan jika graduan menganggur.

Oleh kerana kalau kita hendak menjadi Pusat Pendidikan Dunia, kita mesti menyajikan kursus-kursus yang dapat menyahut semua selera. Jadi, kalaulah orang itu mengambil kursus *Human Resource*, jadi apabila tidak dapat bekerja dia minta bantuan Skim Graduan. Saya rasa ini tidak dapat kita tunaikan. Jadi, guru bimbingan dan kaunseling memang ada, pegawai Kaunseling memang ada di institusi, Jadi saya rasa tidak patut kita membantu graduan yang menganggur kerana sebelum mereka mengikuti apa-apa kursus memang sudah cukup kaunseling diberi. Saya rasa kalau mereka menganggur, ini adalah sebagai hukuman mencari jalan yang senang sebagai contoh kepada penuntut-penuntut yang lain, supaya jangan cari cara senang untuk mengisi ego kita sahaja kerana kita hendak ada ijazah, kita cari kursus yang senang, selepas itu tidak dapat kerja.

Saya rasa kalaulah orang itu tidak dapat mencari pekerjaan, ini adalah sebagai perangsang untuk sipenganggur ini memperbaiki diri beliau. Jadi saya juga Tuan Yang di-Pertua, ada satu komen tentang buku laporan yang diberi oleh LAN iaitu *the standard of English is still wanting* - mutu bahasa Inggeris yang digunakan di sana tidak begitu baik. Kalau saya memberi *grading*, saya rasa saya hanya dapat memberi 'B+', tidak 'A' standard *English* yang digunakan di sana. Saya rasa buku ini patutlah menggunakan bahasa Inggeris yang cukup mantap oleh kerana buku ini akan dibeli oleh pelanggan-

pelanggan yang datang dari seluruh pelosok dunia. Jadi saya haraplah pada tahun yang akan datang, pegawai-pegawai atasan akan cuba semak *English translation*, kaedah yang digunakan satu muka bahasa Melayu, muka sebelah bahasa Inggeris, *very good*. Tetapi cuba tengok *standard of English* di sana masih belum memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan usaha kerajaan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor hartanah dengan menubuhkan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dengan modal sebanyak RM2 bilion untuk membeli tanah komersial. Saya ingin bertanya mengapa entiti ini tidak dimasukkan kepada satu daripada aktiviti UDA dengan mengubah nama UDA kepada mungkin RUDA - *Rural and Urban Development Authority* ataupun URDA - *Urban and Rural Development Authority*. Dengan ini kita dapat mengelakkan pembaziran wang dari segi kakitangannya, pejabatnya, CEOnya, dan *apparatusnya* Perdana Menteri masih boleh mempengerusikan badan kerana ada ura-ura ahli Lembaga Pengarah sudah sekarang menjadi pagar yang ingin memakan padi di UDA dan hendak melakukan MBO - *Management Buy Out*. Saya ingin mengucapkan tahniah Tuan Yang di-Pertua, pada Polis Diraja Malaysia Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana hingga setakat ini masih dapat menahan ketenteraman di Malaysia semasa pengeboman berlaku di negara-negara lain seperti di Thailand, Indonesia, England, Amerika, Iraq, Palestin, Israel dan Spain.

Saya berharap apa jua pertolongan kewangan yang diperlukan untuk *pre-emptive* akan diberi kepada Polis Diraja Malaysia untuk menentukan ketenteraman di Malaysia. Saya juga memohon kepada kerajaan supaya mengeluarkan satu arahan supaya pengebom ini jangan lagi dipanggil pengebom berani mati, tetapi dipanggil pengebom bunuh diri, seperti terjemahan yang betul dan sesuai *suicide bombers*. *Suicide* ertinya orang yang membunuh diri. Saya tidak tahu macam mana *suicide* ini menjadi pengebom berani mati, sepatutnya pengebom bunuh diri. Jadi, keamanan Tuan Yang di-Pertua sangat penting untuk *confident building measures* di khalayak dunia. *Foreign direct investment* dari dunia luar. Ia juga berguna untuk pelancong yang akan datang ke Malaysia. Malaysia juga akan diambil sebagai contoh dan pemimpin dunia jika kita ternampak dapat mengawal keselamatan di negara kita.

Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan memberi bonus kepada kakitangan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya merayu supaya pesara kerajaan diberi

bayaran khas yang sama dengan pencen bulanan mereka dengan bayaran minimum sebanyak RM2,000. Mereka.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Sri Gading.

Tuan Jimmy Donald: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Aman. Bonus dan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman tadi memang patutlah dipertimbangkan. Ada satu lagi Yang Berhormat bagi Sri Aman kalau boleh, menjadi sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat bagi Sri Aman kalau dipersetujui. Ada rakan-rakan saya yang bekerja dengan sektor kerajaan ini mengatakan bolehkah tidak cuti Deepavali ini pada 1 hari bulan? 2 hari bulan bekerja, 3 hari bulan Hari Raya Aidilfitri.

Jadi, dua hari bulan itu minta jasa baik kerajaan cuti, [*Tepuk*] maknanya teruslah. Maknanya, cuti Deepavali, sambung terus dengan cuti Hari Raya Aidilfitri. Jadi sekalilah, pasal kalau pun bekerja 2 hari bulan itu, pejabat sahaja yang ada. Kalau ada pun bekerja, *mood* tidak ada, semualah. Tidak ada apa-apalah, berborak sahaja, membazir elektrik, membazir *air-cond*, macam-macam membazir Yang Berhormat. Dia ini membazir pula dua hari bulan itu kalau bekerja. Dia bukan timbul penghasilan tetapi sudah jadi pembaziran. Jadi, lebih baik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah itu, Yang Berhormat, dia fahamlah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman, sila gulung.

Tuan Jimmy Donald: Saya memang setuju dengan cadangan yang begitu baik tetapi saya ingin mengesyorkan satu lagi. Seperti negeri Sarawak dan Sabah di mana ramai juga orang yang bukan terdiri dari kaum India, bukan terdiri dari agama Islam, saya rasa apabila *Public Service Commission* mengambil pekerja, saya rasa ini harus diambil kira supaya apabila *Muslim brothers, Indian brothers* kita bercuti, kita cukup pegawai yang dapat bekerja, boleh bekerja dan tidak terganggu oleh hari-hari kebesaran seperti itu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Jimmy Donald: Ya, sekejap.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya begitu terharu apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan saya harap Perdana Menteri kita akan membuat pengumuman cepat-cepat supaya perkara itu dapat kita selesaikan. Saya minta supaya Yang Berhormat bagi Sri Aman membuat satu permintaan, tidak tahu macam manalah, mungkin melalui Dato' atau siapa, BBC kah, untuk pastikan bahawa kenyataan yang dikatakan tadi menjadi satu realiti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya ucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua dan juga Selamat Hari Raya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Aman, sila habiskan ucapan.

Tuan Jimmy Donald: Dengan izin, *same to you.* *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kelmarin kita telah bercakap tentang ekuiti bumiputera dari Sabah dan Sarawak yang bukan Melayu. Kalaulah kita tidak ada ekuiti kerana belum pandai berniaga, saya mintalah dengan segala hormatnya lebih ramai lagi pegawai-pegawai dari kaum Bajau, Kadazandusun, Iban, Orang Ulu diambil supaya apabila hari seperti ini datang, kita ada pegawai yang menjaga pejabat-pejabat kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada orang yang mendapat pencen ini, mereka sudah berumur, Tuan Yang di-Pertua. Tidak lama lagi akan bertemu dengan Tuhan mereka. Kalau seperti jam, mereka ini sudah pukul lima, sedikit lagi gelap. Kalau dalam peribahasa Iban, "*sudah panas kera*". "*Panas kera*", ertinya itu panas yang pukul enam. *[Ketawa]* Jadi, gembirakanlah sedikit hati mereka. Mereka juga sudah berkhidmat, sudah berkorban, sudah membina negara. Masa mereka, keadaan lebih teruk, berjalan kaki, pakai basikal, menggunakan perahu, bermalam di sungai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: Jadi, saya mintalah kita memberi terima kasih kepada mereka. Bagilah mereka pencen, satu bulan pencen kurang-kurang, yang sama dengan pencen bulanan mereka, bukan RM200. Ini saya rasa sungguh tidak adil. Dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

12.55 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sabak Bernam ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan bajet yang cukup berhemah dan mesra rakyat. Dalam ucapan pembentangan ini, Sabak Bernam ingin mengkhususkan kepada satu isu iaitu isu penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, segala pembangunan kita tidak bermakna jika isu ini tidak ditandatangani. Agensi Antidadah Kebangsaan satu-satunya agensi yang khusus diberikan tugas dan tanggungjawab untuk mengatasi ataupun untuk melaksanakan bidang pencegahan dan pemulihan. Sehingga kini, agensi ini telah berjaya dalam mengumpulkan data dan statistik yang menunjukkan bahawa musuh kita ini semakin bertambah. Malah, kalau ia satu peperangan, jelas sekali bahawa kita kalah dalam peperangan yang telah berlangsung selama lebih 22 tahun apabila najis dadah telah diumumkan sebagai musuh nombor satu negara oleh matan Timbalan Perdana Menteri iaitu Perdana Menteri kita sekarang ini.

Jadi, pada dasarnya Agensi Antidadah Kebangsaan ini telah gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Sungguhpun demikian, kita yakin bahawa wawasan pimpinan kita, wawasan kerajaan untuk membawa negara sifar dadah pada tahun 2015 itu masih boleh dicapai dengan syarat-syarat tertentu. Yang pertamanya ialah Agensi Antidadah itu perlu dinilai semula. Malah, kalau perlu dirombak perkhidmatan dan struktur organisasinya. Kita dapati pegawai dan kakitangan Agensi Antidadah ini bekerja macam pegawai kerajaan yang lain, iaitu antara pukul 8.00 hingga pukul 4.30. Padahal, musuh kita ini tidak mengenal masa, tidak mengenal waktu, siang,

malam, pagi petang. Kalau hendak dicari port, tidak ada port pada dasarnya, pada waktu pagi, siang tetapi malam. Tetapi pada ketika itu, pegawai Agensi Antidadah ini tidak bertugas secara rasminya. Oleh kerana itulah, pertama skim perkhidmatan pegawai dan kakitangan AADK ini harus diubah.

Perkara yang kedua, Agensi Antidadah ini juga telah melaporkan kepada kita bahawa 80% daripada ibu bapa yang anaknya keluar daripada pusat serenti tidak peduli ataupun tidak mahu mengambil, tidak mahu menerima anak mereka kembali.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Pasal hendak.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: You minta....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: takut lupa. Hendak sokong sekejap.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Ya. Sila, sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kerana masa kita terhad ini. Jadi, setujuakah tidak kita melihat balik kuasa kepada Agensi Antidadah Kebangsaan? Yang kedua, kita tengok senjata dia, kerana Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kata tadi hendak berperang kerana musuh pertama. Mesti pertama senjata. Yang kedua tenaga. Yang ketiga kepakaran. Yang keempat kuasa. Setujukah tidak kita tambah kalau tidak cukup? Tidak payah bubar balik, tambah sahaja.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya setuju, malah saya sarankan supaya semua pegawai dan kakitangan ini membaca dan memahami buku *Sun Tze The Art of War*, di mana dalam kita berperang ini, bukan sahaja kita harus memantapkan, memastikan bahawa kita mempunyai kelebihan dari segi persenjataan, malah kita harus tahu mengenai kekurangan dan kekuatan musuh kita dan juga kelemahan mereka. Dengan cara ini maka kita boleh memerangi mereka.

Perkara yang kedua, yang saya hendak sarankan kepada Agensi Antidadah ini ialah supaya menubuhkan satu bilik operasi perang. Kita memerangi musuh kita selama 20 tahun. Seharusnya kalau kita andaikan ia satu peperangan, sudah pastinya ada satu bilik gerakan yang boleh menunjukkan kepada kita pergerakan musuh-musuh kita, pergerakan tentera kita sepanjang masa. Di situ, kita harus dapat menunjukkan

kawasan manakah umpamanya, kawasan yang hitam yang ditakluki oleh musuh kita, kawasan manakah yang kelabu, kawasan manakah yang putih. Seharusnya ada agenda khusus untuk kita menawan kembali kalau yang hitam itu supaya dapat dikelabukan dan diputihkan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap mengenai agenda yang begitu penting. Saya harap ini dapat diberikan masa tambahan. Silakan, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih. Tadi saya tidak sempat datang ke topik itu. Apabila saya mendengar Yang Berhormat berhujah, saya rasa agensi yang dapat menyahut semua permintaan Yang Berhormat adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM). Mengapakah Yang Berhormat tidak mengesyorkan supaya Agensi Antidadah ini diberi kepada PDRM dan segala peruntukan disalurkan kepada PDRM. Ini kerana saya rasa mereka inilah yang ada senjata, ada *training* dan dapat bekerja 24 jam untuk membasmi dadah ini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya bersetuju dan kita nampak keselarasan fikiran kita. Hanya saya belum sampai kepada peringkat itu. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak sambung sebelah petang?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih. Saya akan sambung sebelah petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sabak Bernam. Sila sambung.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung bahawa Agensi Anti Dadah sendiri telah menyatakan bahawa 80 peratus ibu bapa tidak menerima anak mereka kembali setelah mereka keluar daripada pusat serenti, malah 80 peratus ini kalau kita andaikan ada 100 orang maknanya 20 orang sahaja yang diambil oleh ibu bapa mereka, manakala 80 orang itu diberi RM100 dan dipulangkan kepada mereka untuk pergi ke mana sahaja. Jadi, untuk mereka kembali mengulang tabiat yang lama mereka itu memang sangat besar.

Oleh kerana itulah kita mencadangkan supaya 80 peratus ibu bapa yang tidak menerima anak mereka kini kembali diberikan satu bentuk orientasi di atur oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan disediakan modul yang tertentu dan saya difahamkan *motivator* kita yang terkenal Datuk Fadilah Kamsah mempunyai modul ini. Saya ingat saya menjalankan supaya agenda ini diambil tindakan segera supaya anak-anak kita ini dapat dibantu oleh ibu bapa sendiri supaya masalah penagih dadah berulang itu dapat di atasi.

Tuan Yang di-Pertua, musuh nombor satu negara ini, musuh yang sangat luar biasa. Oleh kerana itu agenda bertindak kita harus luar biasa. AADK telah mengesan bahawa banyak kawasan-kawasan hitam di seluruh negara kita ini yang memang serius masalah salah guna dadah. Oleh kerana itu Sabak Bernam ingin mencadangkan satu agenda khusus di mana angkatan bersenjata kita digunakan untuk turut sama memerangi salah guna dadah ini di kawasan-kawasan hitam ini.

Jadi, kalau perlu Akta Angkatan Tentera dipinda untuk tujuan ini, kita harus memindanya kerana kepentingan ini. Kerana di kawasan-kawasan hitam ini seperti yang kita dimaklumi dan ketahui penagih dadah, pengedar dadah berinteraksi antara satu dengan lain dengan begitu bebas sekali dan kita yakin bahawa kalau satu platun angkatan tentera diletakkan di satu-satu kawasan untuk tempoh tiga bulan, maka aktiviti penyalahgunaan dadah ini dapat di atasi sampai kering, sampai pengedaran dadah itu dapat dihapuskan, Insya-Allah. Silakan Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya ikuti Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ini begitu banyak maklumat terutama sekali tentang masalah dadah yang juga proaktif

tentang mengatasi masalah dadah. Apakah Sabak Bernam telah pun menyampaikan segala maklumat ini, yang mungkin pihak berkuasa tidak tahu, supaya tindakan-tindakan lebih tegas boleh diambil. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih. Dalam konteks ini sebenarnya seharusnya kita semua mengadakan perbincangan dengan pihak berwajib khususnya pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan pihak polis sendiri, kalau kita ada idea-idea yang baik khususnya kita harus menyampaikannya. Dalam konteks ini saya sendiri telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak AADK. Tapi, satu perkara akan timbul apabila tentera ini diletakkan di satu kawasan hitam pastinya penagih dan juga pengedar akan maknanya berlari atau beredar di tempat lain, sebagai contoh di Kajang yang terkenal itu adalah salah satu daripada kawasan hitam.

Apabila pihak polis dan pihak AADK begitu cergas di situ, maka penagihnya telah pun berpindah ke kawasan Ampang. Ini telah pun difahami oleh pihak kawasan Ampang. Dalam konteks ini, maka Sabak Bernam ingin mencadangkan satu lagi agenda supaya pertanggungjawaban terhadap mengatasi masalah salah guna dadah ini dikembalikan kepada masyarakat setempat (*community*). Sabak Bernam ada menjalankan apa yang disebut sebagai pendekatan mikro mesra pesakit (PMMP) di mana dalam pendekatan ini masalah salah guna dadah ini diselesaikan mengikut kampung, di mana pimpinan di kampung khususnya di JKKK itu diberikan kemahiran bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Sebagai contoh umpamanya, perkara pertama yang harus diketahui di suatu-suatu kampung itu ialah data dan statistik berkaitan dengan penagih dadah.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Silakan, sahabat.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam yang bercakap cukup lantang mengenai dadah. Soalannya di sini Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, nama ADK ini sedap, Agensi Dadah Kebangsaan. Di kawasan saya depa panggil Ahli Daun Ketum. Ahli Daun Ketum [Ketawa]. Cuma yang saya nampak di sini Tuan Yang di-Pertua, pengisian pegawai-pegawai yang berada di dalam AADK ini bagi saya sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak, saya minta pandangan, adalah pegawai-pegawai yang tidak kreatif. Minta maaf, di dalam Dewan yang mulia ini, berani saya katakan “cool storage”, tak menggerakkan kerja-kerja.

Di peringkat bawah kita ada PGA, JPA3, JKK, Rukun Tetangga, Polis dan Penghulu macam-macam tetapi tidak pernah satu operasi pun dibuat, hanya melaporkan orang ini mati. Di kawasan nelayan tidak pernah digempur, pada hal di kawasan nelayan itu berperahu-perahu ganja dan sebagainya. Jadi, di mana kita nak salah? Nak pinda, boleh pinda hak orang, tetapi badan sendiri tak berjalan. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya bersetujulah Yang Berhormat bagi Jerlun, supaya pegawai Agensi Anti Dadah ini harus mereka yang mempunyai watak yang cukup yang istimewa. Saya telah nyatakan bahawa ini musuh luar biasa. Oleh kerana itu pegawai yang harus mengendalikan ini harus pegawai yang luar biasa atau pun yang istimewa, mereka bukan sahaja tahu tetapi mahu. Mereka harus mempunyai kemahiran terutama sekali dalam bidang kaunseling.

Dalam konteks ini sebenarnya saya nak bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Padang Terap semalam bahawa unsur kaunseling ini ataupun kemahiran kaunselor di kalangan pegawai Agensi Anti Dadah ini khususnya adalah sangat penting. Oleh kerana itulah saya menyarankan supaya guru-guru kaunselor yang pencen daripada Kementerian Pelajaran ini boleh terus diambil kerana kemahiran dan pengalaman mereka dan kita dapati bahawa pegawai agensi antidadah ini memberi kursus kaunseling kepada pegawai mereka antara tiga ke enam bulan. Jadi, dibandingkan dengan guru kaunseling yang mempunyai latihan tiga tahun dengan pengalaman bertahun-tahun saya yakin bahawa kesan lebih efektif akan dapat dijanakan. Silakan sahabat saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Markiman bin Mobiran: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sabak Bernam, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seolah-olah mendapat satu maklumat baru hari ini berkenaan dengan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai keselamatan, di Kajang. Saya harap Yang Berhormat tahulah Kajang dalam kawasan saya, kerana di kawasan Kajang dikatakan kawasan hitam dan apabila penguatkuasaan dilakukan di kawasan Kajang, penagih, pengedar, penyalahgunaan dadah ini berpindah pula ke Ampang, juga kawasan bersempadan dengan kawasan Hulu Langat.

Boleh Yang Berhormat bagi Sabah Bernam, berikan butiran lanjut, butiran yang terperinci, rekod, data dan sebagainya untuk tujuan tindakan dan saya dimaklumkan

bahawa di seluruh negeri Selangor, kawasan Hulu Langat adalah kawasan yang paling tinggi masalah penyalahgunaan dadah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya ingat selepas ini ataupun bila-bila masa data-data ini ada di tangan saya. Data terkini daripada agensi dadah, data berkaitan masalah salah guna dadah di negeri Selangor seluruhnya pun ada pada saya, Insya-Allah. Tapi, yang penting sekali ialah agenda bertindak kita bersama. Saya baru menyatakan tadi, seharusnya pimpinan di peringkat akar umbi turut terlibat secara langsung. Mereka ini harus mengetahui di kampung mereka, saya kata selesaikan masalah ini mengikut kampung, selesaikan masalah ini mengikut taman, selesaikan masalah ini mengikut kawasan tertentu. Saya ingin mengambil contoh.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Nanti dulu, Yang Berhormat bagi Larut supaya ini dapat difahami secara khusus. Saya mengambil contoh Sabak Bernam. Sabak Bernam ada 45 buah kampung. Setahun yang lepas kesemuanya "hitam", maksudnya tidak ada satu kampung pun yang bebas dadah. Tapi, Alhamdulillah dengan pendekatan PMMP sekarang lima kampung sudah bebas dadah, maksud bebas dadah ini, saya tidak menyatakan bahawa mereka tidak ada di situ, tetapi mereka ini telah dapat kita bantu pulihkan, mereka hidup bersama dengan masyarakat dan mereka telah pun berkahwin di tempat mereka itu. Jadi, maknanya mereka dapat meninggalkan langsung masalah ketagihan kepada dadah. Sila Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam banyak maklumat, Yang Berhormat bagi Jerlun banyak maklumat, Yang Berhormat bagi Hulu Langat banyak maklumat, semua ada maklumat. Tetapi, masalahnya sekarang ialah apakah *respond* tindakan untuk memerangi masalah dadah ini, kalau tadi Yang Berhormat mengatakan kita memerlukan kerjasama, tenaga dan sokongan daripada semua pihak masyarakat pada hari ini dikembalikan balik kesedaran.

Tetapi, segala maklumat ini apakah ia dipandang ringan ataupun ada masalah-masalah lain menyebabkan kalau usaha kita hendak memerangi masalah dadah ini sebagai musuh nombor satu, boleh tercapai. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam? Saya dengar tadi banyak sangat orang ada maklumat yang boleh

membantu pihak berkuasa tetapi sehingga ke hari ini, kita dengar macam-macam masalah timbul. Apa pandangan dari Yang Berhormat tentang masalah ini?.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, kerana itu Sabak Bernam menjalankan supaya ada pusat maklumat, bilik gerakan memerangi salah guna dadah seluruh negara di peringkat pusat, di peringkat negeri, di peringkat daerah. Kalau di peringkat daerah umpamanya seharusnya ada peta yang menunjukkan seluruh kawasan ataupun daerah Sabak Bernam ini di mana pergerakan musuh-musuh kita ini berlaku dan dalam konteks itu, maka kita boleh mengatur strategi ini.

Saya bersetuju, supaya agensi antidadah ini harus menjadi pihak yang di hadapan kerana agensi ini adalah satu-satunya agensi yang telah ditubuhkan oleh pihak-pihak kerajaan dengan peruntukan tertentu. Pada tahun lepas sendiri peruntukan yang diperuntukkan untuk AADK ini ialah RM150 juta dan pada tahun 2006, Insya-Allah dengan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ataupun Menteri Kewangan kita sendiri telah dinaikkan kepada RM207 juta. Tetapi, sama ada pertambahan kewangan ini akan menyebabkan pergerakan AADK ini berkesan atau tidak itulah yang senang kita katakan supaya AADK dapat mengambil tindakan. Sila Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya dengar Yang Berhormat sebut peruntukan naik daripada RM150 juta kepada RM200 juta lebih dan daripada analisis dan ucapan-ucapan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam jelas terbukti bahawa sekiranya Ahli Parlimen kawasan tersebut atau pemimpin kawasan tersebut aktif dalam usaha membasmi dadah ini, program ini dapat dilaksanakan dengan baik. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan duit yang ditambah sebanyak RM100 juta itu sebenarnya kalau dibagikan kepada Ahli Parlimen untuk tujuan buat program seperti ini, RM100,000 satu kawasan kali dua, hanya baru RM20 juta. Boleh Yang Berhormat cadang begitu Yang Berhormat?

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Yang di Pertua, ini menggambarkan keselarasan fikiran kita. Saya hendak ke arah itu sebenarnya. Saya memang sangat bersetuju supaya setiap pimpinan di kawasan Parlimen khususnya, malah saya nak mencadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing memainkan peranan yang aktif secara langsung dan supaya tanggungjawab mereka itu lebih berkesan, peranan mereka itu lebih berkesan. Saya memang hendak mencadangkan supaya di setiap kawasan Parlimen itu satu peruntukan RM100 ribu,

maknanya diperuntukkan untuk Ahli Parlimen itu melaksanakan tanggung jawabnya dalam konteks membasmi salah guna dadah ini dengan lebih berkesan.

Sebenarnya kita boleh menyediakan modul yang berkesan, bagaimana ia harus ditangani. Saya ingin kembali kepada....., saya bukannya nak berbangga, tapi ingin berkongsi pengalaman daripada 45 kampung itu sekarang ada 5 kampung yang telah bebas daripada dadah, tetapi apa yang sangat penting sekali ialah apabila kita hendak memerangi salah guna dadah ini ialah mereka yang berisiko tinggi, ini yang sangat penting. Ini yang saya lihat Agensi Anti Dadah ini sendiri terlepas pandang. Apabila mereka melaksanakan program dan kempen mereka biasanya, umpamanya mengadakan konvensyen, mengadakan seminar dan sebagainya untuk masyarakat secara umum dan bila secara umum, mereka yang terlibat ini sebenarnya mereka ini orang yang baik-baik. Mereka yang berisiko tinggi ini kadang-kadang atau pun selalunya terlepas pandang.

Oleh kerana itu, kalau kita kembali nak menyelesaikan masalah ini berdasarkan kepada kampung tadi, maka di satu kampung sebenarnya yang terjebak dengan dadah ini mungkin ada sepuluh orang. Maknanya dalam kawalan orang kampung itu kerana sepuluh orang ini memang ada di dalam kampung itu dan orang kampung itu, jawatankuasa yang ada dengan kita beri kemahiran dengan modul tertentu untuk mengatasinya maka boleh orang kampung memberikan perhatian termasuklah untuk mengajak mereka kembali kepada komuniti.

Tetapi yang lebih penting saya katakan tadi ialah yang berisiko tinggi. Mungkin di kampung itu, yang berisiko tinggi ini ada lima orang, ada enam orang, mungkin ada yang dua orang. Bila yang berisiko tinggi ini, maknanya kita berikan perhatian, maka insya-Allah masalah salah guna dadah di kampung itu dapat diselesaikan dan kita tidak usah terlalu *idealistic* kita nak cuba menyelesaikan masalah salah guna dadah ini berdasarkan kepada negara, negeri yang begitu beratus ribu, memang kita tak boleh nampak, tak boleh selesai. Tetapi kalau kita kembali kepada kampung dan saya yakin Ahli-ahli Parlimen ini di bawahnya, di dalam kuasanya, *territory* nya ada kampung maka kalau ini dijalankan dengan peruntukan RM100 ribu yang saya sebutkan tadi, saya yakin bahawa masalah salah guna dadah ini boleh kita atasi secara berperingkat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Dato; Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Sabak bagi Bernam sejak tadi di mana penyelesaian dadah ini mesti diambil tanggungjawabnya oleh semua peringkat, saya setuju. Saya lihat sebenarnya masyarakat kita semacam endah tak endah, bermula dari situ sebenarnya. Ada seorang penagih, dua orang, tiga orang, empat lima orang, masyarakat kita biar begitu, penyakit biar sebenarnya. Penyakit biar yang melanda masyarakat kita sehingga berjangkit dari seorang ke seorang akhirnya kampung itu menjadi kampung dipenuhi dengan penagih-penagih dan pengedar-pengedar dadah.

Apa yang saya hendak cadangkan dengan Yang Berhormat, setuju atau tidak, selain dari penagih-penagih di sana ada pengedar. Kampung saya misalnya di Pasir Mas, di seluruh Machang kampung saya, saya tengok yang jadi mangsanya anak orang kampung. Mereka hendak cari wang, hendak cari duit. Dia tidak kira sangat masalah apa yang berlaku kepada masyarakat kita, kepada anak bangsa kita, kepada watan kita. Dia tahu hanya untung sahaja, cari duit.

Saya yakin kalau pengedar-pengedar ini dapat kita cekup mereka ini, saya rasa setidak-tidaknya kalau sudah benda tidak ada, dia nak hisap apa lagi. Sekarang ini, pengedar itu sendiri dapat bergerak dalam kampung, dalam Parlimen kita begitu bebas. Itu bagaimana pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sebenarnya segala pandangan ini akan memantapkan lagi agenda kita untuk memerangi salah guna dadah. Sejak dua tahun yang lepas pun memerangi salah guna dadah ini, sejak tahun 2003, memerangi salah guna dadah habis-habisan. Tetapi kalau kita lihat data yang diberikan ini memang semakin bertambah, jadi isu habis-habisan tidak timbul.

Oleh kerana itulah saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas bahawa dalam menangani masalah salah guna dadah ini mesti kita perkasakan agenda permuafakatan di kalangan agensi-agensi atau pun organisasi yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerlun. Macam di kampung itu sendiri, masalah penagih atau pengedar itu sendiri boleh ditangani kalau Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang saya sebut tadi peka terhadap pergerakan orang luar, keluar masuk, atau pun penagih itu sendiri sebenarnya sering kali kemudiannya menjadi pengedar.

Kalau pergerakan mereka ini sentiasa dipantau oleh jawatankuasa ini, memang kita boleh mengurangkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa dah cukup ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sedikit sahaja.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh sedikit? Terima kasih Yang Berhormat. Ini agensi dadah ni, tak berapa proaktiflah saya ingat. Saya ingat kalau tidak, mungkin Yang Berhormat begitu melonjak dengan pandangan dan cadangan.

Saya bagi satu cadangan yang lebih mudahlah, perlawanan bola sepak Yang Berhormat. Berpuluh ribu orang datang ke stadium, kenapa agensi ini tidak ambil kesempatan mengadakan kempen memerangi dadah. Apakah Yang Berhormat setuju supaya perhimpunan sukan terutamanya perlawanan bola sepak ini, *final* piala FA, piala Malaysia sembilan puluh ribu, kenapa tidak diambil kesempatan untuk mengadakan kempen anti dadah tapi terima kasihlah pada Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini, yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan permulaannya di Stadium Bukit Jalil. Apakah pandangan Yang Berhormat supaya kesempatan seperti ini dapat digunakan oleh pihak yang berkenaan untuk benar-benar menunjukkan kita memang serius memerangi dadah. Apa pandangan Yang Berhormat sebenar selain dari Yang Berhormat terus pada JKK dan sebagainya, kita bagi yang ada tumpuan dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa dah cukup ya.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak habiskan para yang akhir ini kerana saya hendak bagi tahu seriusnya perkara ini sebagai contoh. Sejak enam bulan lepas, anak muda Sabak Bernam ini meninggal dunia. Mereka dibungkus daripada hospital terus dibawa ke kubur, tidak berhenti di rumah, tidak berhenti di surau ataupun di masjid, terus ke kubur. Apa maknanya ini, daripada hospital, bungkus terus bawa ke kubur. Maknanya mereka dengan Aids sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Larut bahawa di mana anak-anak muda kita ini dapat dihimpunkan dengan ramai maka waktu itulah kita memanfaatkan supaya kempen anti dadah ini harus diketengahkan. Di dalam konteks bola

sepak ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah membolehkan negeri Selangor ini berjaya dalam tiga kejohanan baru-baru ini dan kerana itulah maka ramai belia-belia kita berkumpul dan kalau inilah nanti berterusan maka memang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut itu yang juga merupakan individu yang membatu sebagai Naib Presiden FAM ini menyemarakkan lagi bola sepak ini sehingga begitu berjaya.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Satu lagi, sahabat saya Tuan Yang di-Pertua, satu lagi.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya hendak tanya sikit, dulu saya pernah mencadangkan di Dewan ini, dalam penggal yang lepas bahawa untuk memantau penagih dadah, pengedar dadah ini dimasukkan *chip* ke dalam badan mereka. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Sabak Bernam? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Ringkasnya saya setuju. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingatkan pagi tadi, saya mendengar sebuah lagu yang betul-betul menyayat hati daripada Salim – Iklim, lagunya 'Seribu Harapan', kalau begitu Tuan Yang di-Pertua. Lepas itu disusuli pula oleh lagu 'Gadis Melayu' oleh Jamal Abdilah dan lepas itu disusuli oleh Armugam - Alleycat lagunya 'Batinku Menangis Namun Tiada Suara'dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua saya berharap, teman-teman Ahli Parlimen supaya kita dapat bersama-sama menangani salah guna dadah masa kini dan akan datang. Terima kasih. Sabah Bernam menyokong.

Beberapa Ahi: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ketereh

14.56ptg

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaakatuh. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan *budget* tahunan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

dan Menteri Kewangan. Oleh kerana masa yang pendek, ada lebih kurang lima belas minit, saya hanya akan bercakap beberapa tajuk kecil sahaja.

Yang Pertamanya saya hendak bercakap mengenai kedudukan umat Islam, kedudukan agama Islam di negara ini sebagai sebuah agama rasmi dan agama negara. Saya meminta supaya kerajaan memperkukuhkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi ini. Peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan yang ada, kalau patut dipinda ia harus dipinda untuk membuktikan bahawa memanglah agama rasmi negara ini agama anutan penduduk ramai negara ini adalah agama Islam. Nombor satunya mengenai undang-undang Murtad yang sehingga sekarang ini masih belum ada. Undang-undang Murtad masih belum ada dan kita menghadapi masalah dan ancaman yang baru.

Saya kecewa baru-baru ini mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri apabila ditanya mengenai Ayah Pin. Maka beliau menjawab bahawa Ayah Pin atau ajaran sesat ini sebenarnya tidak merupakan satu ancaman kepada negara, sedangkan salah iktikad, keluar dari Islam dan memberi ajaran salah ini adalah merupakan satu ancaman kepada negara sehingga pada hari ini Ayah Pin terlepas kerana Polis tidak dapat mengikut, tidak dapat menangkapnya kerana ia tidak dianggap sebagai ancaman kepada negara, sedangkan dalam Islam, inilah yang pertama sekali yang harus kita utamakan.

Dalam surah Luqman, Nabi Luqman memberi pesan kepada anak-anak (*membaca sepotong ayat Quran*) bermaksud 'Jangan kami sekali-kali syirik, jangan kamu keluar daripada Islam, jangan kamu menduakan Tuhan'. Itu langkah yang pertama. Langkah-langkah yang kemudian itu adalah langkah-langkah yang kedua, seperti puasa, sembahyang dan lain-lainnya, itu adalah langkah-langkah yang kedua tetapi langkah yang pertama ialah kita mesti mempertahankan akidah ini dalam negara yang kita katakan sebuah negara Islam. Ini diperkukuhkan.

Saya minta Jabatan Perdana Menteri, saya minta Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri dan Perdana Menteri yang memang berminat ke arah ini dan memang berjuang ke arah ini supaya meneruskan perjuangan ini, kerana inilah sebenarnya cita-cita kita hidup. Tidak ada makna kita hidup, kalau kita hanya untuk mencari ganjaran di dunia. Kita hidup.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh. Dari apa, dari awal yang diucapkan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi menampakkan kesungguhannya dan prihatinnya Yang Berhormat bagi Ketereh tentang masalah-masalah agama mesti diperkukuhkan. Saya hari ini rasa *jelira* sangat dengan ucapan Yang Berhormat tadi. Saya harap supaya kerajaan mengambil tanggungjawab sungguh-sungguh dan saya rasa Yang Berhormat bagi Ketereh, sehubungan dengan murtad ini, perlu kerajaan menggubal satu undang-undang yang melarang orang kita keluar dari agama.

Apa yang saya hendak tekankan, Ayah Pin baru-baru ini kelihatan di Wakaf Baru. Ayah Pin kelihatan sedang makan di Wakaf Baru. Polis Kelantan tidak boleh tangkap dia. Pencegah maksiat di Kelantan tak boleh tangkap dia kerana kita mempunyai enakmen keluarga Kelantan dengan Terengganu berbeza. Walau pun dia dikesan bahawa dia makan dan orang tengok dia di kedai di Wakaf Baru. Kalau hanya Enakmen Keluarga Terengganu saja yang boleh menangkap Ayah Pin, sedangkan tidak diwarwarkan kepada enakmen keluarga Islam yang lain, Kelantan, Kedah, Johor bagi membolehkan penangkapan Ayah Pin, saya rasa Ayah Pin bebas. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, untuk kali pertamanya PAS nampaknya menyokong saranan UMNO. Saya berterima kasih. [*Membaca petikan ayat al-Quran*] bermaksud “Marilah bersama-sama kita mencari keredaan Allah dan kita bersama menentang benda-benda yang mungkar” Terima kasih dan saya minta Yang Berhormat bagi Pasir Mas beritahu kerajaan Kelantan ubah peraturan supaya sesuai dengan Terengganu. Terima kasih.

Bukan itu sahaja sebenarnya. Itu dari segi kerajaan. Dari segi kita orang Islam juga harus mempunyai satu *scientific approach* terhadap Islam. Selama ini kita baca al-Quran, kita tidak mengambil *scientific approach*. Saya bagi satu contoh misalnya Nabi Allah Ibrahim, apabila ia dibakar oleh Raja Namrud, ia tidak hangus. [*Membaca petikan ayat al-Quran*] Betulkan saya..., mana Yang Berhormat bagi Pasir Puteh? Maknanya api itu diminta supaya sejuk bila Nabi Ibrahim masuk. [*Membaca petikan ayat al-Quran*] Orang Islam tengok inilah cara kita hendak jadi bakar tidak hangus, maka kita belajar ilmu bakar tidak hangus, sedangkan tidak ada ilmu bakar tidak hangus. Tetapi kepada masyarakat Eropah, mereka melihat ini sebagai satu kaedah saintifik, bagaimana harus

kita memikirkan kaedah rupa-rupanya dalam api yang panas itu ada pakaian-pakaian tertentu yang boleh dipakai untuk menjadikan ia tidak terbakar. *Scientific approach towards Islamic mentality*. Maka akhirnya masyarakat Barat berjaya mencipta sejenis pakaian sekarang ini yang boleh masuk dalam api.

Begitu juga bila Nabi Allah Ibrahim bertanya kepada Allah S.W.T, “Bagaimana kamu menjadikan nyawa?” Allah S.W.T kata, “Kamu hendak tengok bagaimana Aku menjadikan nyawa? Kamu ambil seekor burung, kamu potong tujuh dan letakkan di atas tujuh buah bukit”. Maka Nabi Allah Ibrahim ambil seekor burung dan dipotong tujuh lalu meletakkan di atas tujuh buah bukit. Lalu Allah kata “*kun fayakun*”, maka ketujuh-tujuh bahagian burung tadi kembali bersatu. Apa ertinya dari segi saintifik kepada kita? Kepada orang kita tidak ada makna, itu kuasa Tuhan. Tetapi sebenarnya dari segi biologinya jelas membuktikan bahawa sebarang eksperimen sains boleh digunakan untuk binatang kerana Allah telah membuat percubaan untuk menunjukkan nyawa itu dengan memotong burung-burung. Ertinya kita boleh buat eksperimen ke atas binatang-binatang.

Begitu juga bila Nabi Allah Musa menyeberangi lautan, maka semua orang kita hendak tahu bagaimana hendak belajar ilmu jalan atas laut. Itu takrifan yang dibaca oleh orang-orang Timur dan orang Islam tetapi masyarakat Barat melihat rupa-rupanya laut ini kita boleh menyeberang. Bagaimana? Kita buat terowong di bawah dan akhirnya terbina terowong di antara Perancis dan Britain, lalu dalam air dengan terowong. Kita tidak pernah melihat *scientific approach towards Islam*. Inilah masalah kita selain daripada kita minta kerajaan memperkukuhkan, kita sendiri mesti membaca takrifan-takrifan ini.

Dalam Al-Quran banyak. Saya baca banyak buku oleh orang-orang Barat yang telah masuk Islam dan melihat bagaimana *scientific things* yang ada dalam Quran yang harus menjadikan kita manusia yang lebih bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi manusia yang bertakwa dalam bulan puasa ini. Seperti mana firman Allah [*Menyebut petikan ayat al-Quran*] “Wahai orang-orang yang beriman, Aku wajibkan puasa ke atas kamu seperti mana Aku wajibkan ke atas orang-orang terdahulu, mudah-mudahan kita semua menjadi manusia yang bertakwa”. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana petang ini beri berbuka puasa kepada kita semua. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak sebut mengenai kedudukan Parlimen. Mengenai Speaker, pagi tadi kita ada soalan Parlimen, adalah orang yang ketiga tingginya dari

segi protokol di negara ini selepas Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ialah Speaker, kemudian Timbalan Speaker. Tetapi apakah ada peraturan ataupun adakah benar-benar kita meletakkan Speaker Parlimen bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini betul-betul berada di kedudukan yang tinggi begitu? Tidak! Timbalan Speaker, pegawai yang ada pada Timbalan Speaker bukan Kumpulan 1 pun, cuma N32 kalau tidak silap saya, sedangkan tarafnya adalah taraf Timbalan Menteri. Ertinya kita sahaja kata kita letak Speaker itu tinggi tetapi sebenarnya tinggi hanya pada nama tetapi tidak pada amalinya. Tinggi hanya pada semangat tetapi tidak pada perbuatan. Jadi kalau Speaker begitu, apa lagi dengan Ahli-ahli Parlimen?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [*Bangun*]

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Tengah naik stim ini, patut dengar sahajalah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Adakah cadangan baru-baru ini untuk mewujudkan satu pentadbiran baru untuk Parlimen ini supaya nampak sebagai satu cabaran kepada integriti Parlimen dan juga *separation of powers* dan adakah Yang Berhormat bagi Ketereh setuju bahawa kita kena kembalikan *Parliamentary Service Act* yang telah sekian lama menjaga martabat Parlimen sebelum 1990?

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Sudah tahu cendana pula, sudah tahu bertanya pula. Bukankah saya yang mengetuai bersama dengan Timbalan Presiden BBC berjumpa dengan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri supaya meletakkan pegawai itu di bawah Speaker?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya pun ikut sama Yang Berhormat.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Ya, Yang Berhormat pun ikut sama. Memang itu tujuan kita. Macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, saya juga mahu melihat bahawa *I have a dream*, pada suatu hari servis yang terbaik dalam negara ini ialah orang tanya “Kamu kerja di mana?” “*I am working in Parliament Malaysia*”. Mendabik dada bahawa di mana kamu bekerja, saya bekerja di Parlimen. Semua orang bekerja di Parlimen merasa bangga kerana itulah jawatan yang tertinggi yang ada di negeri ini dan dihormati di seluruh negara.

Sekarang ni tidak, “Kamu kerja kat mana?” “Parlimen.” [*Suara bernada lemah*] [*Ketawa*] Tidak ada mulianya, sedangkan kita kata ini Dewan yang mulia ini dan Ahli Yang Mulia yang dipilih dengan cara mulia, bercakap dengan cara yang mulia dan

bercakap untuk tujuan mulia. Dalam pilihan raya pun kita beria-ia supaya kita menang tetapi akhirnya tidak ada. Servis di Parlimen tidak menjadi satu servis yang glamor di negara ini. Tidak menjadi satu servis yang glamor. Itu yang saya katakan, *I have a dream, no more PTD!* Orang tanya bukan PTD, tetapi di mana? Di Parlimen. *Proud to work as a Parliamentarian, proud to work as a Pengerusi Parlimen, proud to work as a Speaker Parlimen dan proud to work as a worker in a Parliament House*, dengan izin.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Allah, baru hendak naik angin. Tetapi tidak apalah, kawan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah dekat - 4 minit lagi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Ketereh adalah perkara yang berkali-kali dinyatakan di Dewan yang mulia ini. Tetapi persoalannya, siapa yang bertanggungjawab? Siapa yang seharusnya mengambil tindakan dalam hal-hal ini? Sudah berkali-kali kita buat. Cuba Yang Berhormat bagi Ketereh nyatakan.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Itu tugas kita and *we want the government to respect that.*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya tidak banyak masa. Sebenarnya saya hendak bagi tetapi kalau bagi peluang, saya ingat Tuan Yang di-Pertua kesian dengan saya. Saya ada dua tajuk besar lagi. *[Disampuk]* Sekejap, sekejap. *Let me finish it. Don't play, this is a serious thing. I am always a serious man. Okay, go ahead.*

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat berkata bahawa sekarang pegawai tidak berasa bangga bekerja di Parlimen. Adakah ini disebabkan oleh kerana Parlimen sudah dijadikan sebagai suatu *rubber stamp administration*? Oleh itu tidak ada apa-apa yang dapat dibanggakan.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: *Thank you*, terima kasih, duduk. *No politicking here. I am talking about serious thing*, dengan izin. *No politicking here.* Tidak usahlah menangguk di air keruh. Inilah masalah pembangkang dan inilah masalah minda. Kita cuba hendak berjuang sesuatu ke arah benda yang lebih baik, *you are coming and trying to put spanner in the factory. Please don't do that. We are talking*

about... please. [Disampuk] Saya bercakap tentang soal pewujudan ini, jangan cuba hendak menanggung di air keruhlah.

Tuan Yang di-Pertua: Terus, terus.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Ok, terima kasih. Yang ketiga saya hendak bercakap mengenai GLC ini. Saya berterima kasih kerana kerajaan ada Khazanah Nasional, kemudian ada GLC, baguslah membantu kerajaan. Tetapi yang merisaukan saya ialah GLC ini lepas satu, satu, ada masalah. Ada satu *tendency* di kalangan CEO atau pegawai-pegawai dalam GLC ataupun pemikiran dalam GLC itu ialah hendak curi duit.

Ini yang terbaru, UDA! Adakah Yang Berhormat semua tahu bahawa UDA ini dahulunya ditubuhkan bertujuan untuk membantu orang Melayu di bandar. Kemudian ada cadangan buat MBO, 9 orang campur 1 jadi 10. Buat MBO, seorang dapat RM16 juta dan lapan lagi dapat RM8 juta, kemudian dapat buat *management by out*, kemudian jual RM24.9 sahamnya kepada MRCB. Sekarang ini UDA sudah hilang fungsinya. Itu sebagai satu contoh klasik. Jadi saya hendak minta kerajaan, GLC ini baguslah tetapi tolonglah jangan guna GLC ini untuk mengaut keuntungan peribadi atas nama kononnya penswastan dan berbagai-bagai lagi.

Yang keempat, sangat mustahak iaitu AP. Banyak orang bising bila bercakap pasal AP kereta tetapi apakah kita sedar di negara ini sebenarnya ada ratusan jenis AP, Tuan Yang di-Pertua. AP Gula, who owns AP Gula? AP ini import permit. Kita lahirkan manusia terkaya di Asia melalui AP Gula. Tidak ada orang bercakap pun pasal AP Gula. Kenapa AP Gula hanya dapat pada satu manusia? Sekurang-kurangnya AP kita dapat pada berpuluh-puluh manusia, berpuluh-puluh buah *companies*, tetapi AP Gula seorang. AP keluli seorang, AP besi, AP jamban, AP limau Mandarin, AP lobak, AP kubis dan AP beras, banyak AP!

Perniagaan beras tiap-tiap tahun kita import beras RM900 juta. *Figure* yang terbaru bulan Januari - RM87 juta, bulan Februari - RM33 juta, bulan Mac - RM82 juta, bulan April - RM64 juta, bulan Mei - RM92, jumlah tiap-tiap tahun RM900 juta. Satu atau dua *companies* sahaja yang dapat. Jadi kalaulah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk *review* AP motor, untuk AP kereta, saya hendak mencadangkan pada hari ini supaya kerajaan *review* semua AP supaya pembahagiannya adalah adil, saksama dan telus seperti mana yang dikehendaki oleh Pelan Integriti Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Tajuk *delivery system*. Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Oh, PPRT, ada dua tajuk lagi. Pendek-pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya banyak kali bangun tetapi saya bukan jenis hantar nota. Hendak bagi, saya bercakap, tidak bagi tidak mengapa. *[Disampuk]* Kesianlah dekat saya, orang kampung. Terima kasih bagi Tuan Yang di-Pertua.

Ini pasal basmi kemiskinan. Tiap-tiap tahun kita ada duit banyak untuk basmi kemiskinan. Saya hendak baca data kemiskinan. Yang lain saya tidak sedih tetapi yang saya sedih bila sebut soal kemiskinan, negerinya adalah negeri Melayu. *I am emotional of* kemiskinan Yang Berhormat. Kelantan 12%. Kelantan tahun 1970 – 76%, tahun 1990 – 29%, tahun 2000 – 12%. Ada pertambahan, alhamdulillah. Terengganu 88% pada tahun 1970, 31% tahun 1990. Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis semuanya hampir 10% negeri Melayu yang miskin. Negara ini negara Melayu. Sampai bila kita hendak jadi macam ini, sampai bila? Sampai bila kita harus bercakap tajuk ini. Saya tidak perlu takut dalam mempertahankan orang Melayu. *[Menyebut petikan dari al-Quran]* Orang-orang yang mempertahankan ini, insya-Allah malaikat akan turun kepada mereka yang mengatakan “*qolu rabbunallah summas taqamu* “... dan kekal di dalamnya. Jangan kamu takut jangan kamu gerun, *[Menyebut petikan dari al-Quran]* *Insya-Allah* ganjaran kepada orang yang berjuang untuk rakyat, berjuang untuk agama dan berjuang untuk bangsa, *[Menyebut petikan dari al-Quran]* ia akan masuk syurga sebagaimana yang kita cita-citakan. Insya-Allah kerajaan ini saya yakin berjuang untuk tujuan itu. Sebab itu saya bersama dengan kerajaan kerana saya mahu melihat suatu masa nanti negara Islam ini, negara Melayu ini bersama-sama dengan orang-orang bukan Islam yang lain akan hidup bersama dalam sebuah negara yang makmur, aman dan bahagia.

Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bandar Kuching.

3.13 petang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahun lalu semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Bajet 2005, ia disifatkan sebagai satu bajet yang mesra rakyat tetapi dalam tahun 2005 rakyat menderita kerana peningkatan petrol dan diesel yang dibenarkan oleh kerajaan. Tahun ini dalam ucapan Perdana Menteri, ia telah mengulangi kenyataan awalnya bahawa kerajaan tidak akan meningkatkan harga petrol dan diesel sehingga akhir tahun 2005. Kita sekarang bercakap tentang Bajet 2006. Apa gunanya untuk mengulangi

kenyataan kerajaan yang lebih awal bahawa harga petrol dan diesel tidak akan dinaikkan sehingga akhir tahun 2005, sedangkan ucapannya adalah berkenaan Bajet 2006, malahan harga petrol dan diesel telah masing-masing dinaikkan sebanyak 15% dan 40% dalam tempoh 6 bulan yang lepas dan peningkatan ini jauh melebihi angka rasmi inflasi kerajaan.

Pada tahun lepas sejeurus selepas ucapan bajet, kerajaan mengumumkan peningkatan harga petrol dan diesel, oleh itu dalam tahun 2005 ini setiap rakyat Malaysia menderita akibat daripada peningkatan harga petrol dan diesel secara mendadak. Apa yang ingin kami tahu sekarang ialah, adakah kerajaan akan menaikkan harga petrol dan diesel pada tahun depan? Kerajaan mengatakan bahawa peningkatan harga petrol dan diesel ini adalah disebabkan oleh peningkatan harga minyak mentah sedunia. Sebenarnya peningkatan harga minyak mentah telah membawa keuntungan dan pendapatan yang banyak, yang tidak pernah terjadi dalam sejarah kepada kerajaan.

Untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2005, Petronas mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM59 bilion. Petronas ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh kerajaan, ini bermakna keuntungannya juga merupakan keuntungan kerajaan. Juga telah diumumkan bahawa keuntungan Petronas untuk tahun kewangan ini dijangka akan melebihi paras RM100 bilion. Kerajaan nampaknya mempunyai kefahaman konsep yang amat silap berkenaan dengan hak milik minyak mentah. Sumber-sumber semula jadi seperti minyak sebenarnya dimiliki oleh seluruh rakyat Malaysia bukannya Kerajaan Barisan Nasional. Keuntungan yang dicapai hasil dari cari gali dan jualan minyak adalah milik rakyat, bukannya kerajaan. Justeru ini adalah adil dan saksama sekiranya kerajaan mensubsidi penggunaan minyak dan diesel oleh rakyat supaya rakyat tidak dibebankan oleh kenaikan harga minyak sedunia. Mensubsidi petrol dan diesel merupakan tanggungjawab kerajaan, ia bukan satu pemberian sedekah.

Dalam dengan mengadakan apa yang dikatakan sebagai *economic relief package*, dengan mengurangkan cukai jalan dan tiada kenaikan tol lebuh raya sehingga 2007, rakyat hanya menjimatkan RM563.5 juta. Pada masa yang sama kenaikan harga petrol dan diesel tahun ini sudah menghabiskan *extra* RM2.3 bilion wang rakyat. Dengan mengurangkan cukai jalan ini seseorang yang memandu kereta 800 cc hanya menikmati pengurangan cukai RM80. Seorang yang memandu kereta 800 cc, secara purata membelanjakan RM40 seminggu untuk petrol iaitu RM160 sebulan. Peningkatan

15% petrol akan menyebabkan pemandu itu membayar lebih RM24 sebulan iaitu RM288 setahun. Pemandu ini pula hanya menikmati potongan cukai jalan RM80 sahaja setahun. Ini sama seperti mengambil RM10 daripada rakyat dan memberi balik RM2 kepada rakyat, dan kemudiannya berkata kepada rakyat untuk berterima kasih dan puji kerajaan kerana sifat penyayang, kerana telah memberi mereka RM2.

Jika seorang pencuri mengambil RM10 daripada kamu dan kemudian memberi balik RM2 kepada kamu, kamu tidak akan memanggilnya sebagai pencuri yang baik. Sama ada RM10 atau RM8 pencuri itu masih pencuri, dengan analogi yang sama kerajaan telah merompak dari rakyat apa yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat. Adalah tidak masuk akal, mengapa kerajaan mengambil sejumlah RM16 bilion untuk mensubsidi rakyat apabila kerajaan melalui Petronas mencapai untung sebanyak RM59 bilion. Apakah sangat susah untuk ini, untuk kerajaan mengambil RM16 bilion daripada RM59 bilion yang diuntungi?

Adakah ini kesan daripada keborosan kerajaan dalam perbelanjaan dan pembinaan projek-projek gajah putih, mega-mega belaka. Adakah pembinaan menara *Twin Tower* salah satu projek gajah putih ini sehingga sekarang kita masih membayar pinjaman kepada institusi-institusi kewangan yang membiayai kos pembinaannya. Dan sekarang setiap rakyat Malaysia ingin tahu, *the million dollar?* Adakah

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang kerajaan ada memberi subsidi RM16 bilion kepada rakyat terhadap subsidi petrol dan diesel. Apakah pandangan Yang Berhormat kerajaan juga telah memberi subsidi sebanyak RM14 bilion untuk gas dan kita dapati gas ini banyak digunakan oleh IPP untuk membekalkan tenaga kepada TNB. Siapakah sebenarnya yang mendapat keuntungan hasil daripada subsidi gas sebanyak RM14 bilion ini kepada IPP tersebut? Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya fikir ini adalah selaras dengan polisi Barisan Nasional yang memberi bantuan kepada *crony company*, yang memberi keuntungan yang besar, bantuan kepada *crony company*, dengan izin.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: *Crony company in general*, ya. Tadi Ketereh sudah ada ucap, walaupun kerajaan kononnya memberi bantuan kepada bumiputera tetapi

kebanyakan orang Melayu masih hidup di bawah *poverty line*, inilah kegagalan polisi Barisan Nasional. Itu soalan yang setiap rakyat Malaysia ingin tahu adalah, sama ada kerajaan berhasrat menaikkan harga petrol dan diesel dalam tahun depan dan jika ada berapa peratus?

Dan isu kedua yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan pembangunan seimbang yang dikatakan dalam ucapan Perdana Menteri. Perdana Menteri dalam ucapannya ada sentuh khas tentang pembangunan seimbang kepada Sabah dan Sarawak demi mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan awam di kedua-dua negeri ini. Apabila kita cakap tentang pembangunan seimbang, ia adalah untuk mengimbangi tahap pembangunan di kedua-dua negeri supaya setanding dengan taraf di Semenanjung Malaysia. Menurut Perdana Menteri, tabung pembangunan sebanyak RM2.3 bilion akan disalurkan kepada Sabah dan RM2.1 bilion akan dibekalkan kepada Sarawak. Untuk Sabah pula, RM2.3 bilion ini meliputi pembinaan jalan raya, bekalan air dan *electricity*, pendidikan dan projek-projek kesihatan. Untuk Sarawak pula, RM2.1 bilion ini akan diperuntukkan untuk pembinaan jalan raya, pembesaran Lapangan Terbang Kuching, pembesaran UNIMAS, projek untuk pembekalan air dan *electricity* di kawasan luar bandar.

Nampaknya peruntukan-peruntukan ini telah merangkumi segala aspek peruntukan pembangunan di Sabah dan Sarawak. Jikalau ini kesnya maka kita dari Sabah dan Sarawak ini akan terus didiskriminasikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam Bajet 2006 ini. Daripada jumlah peruntukan pembangunan sebanyak RM35.5 bilion ini, Sarawak hanya mendapat RM2.1 bilion sahaja yang mana ia kurang daripada 10% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Populasi Sarawak ialah lebih kurang 2.3 juta orang, iaitu kira-kira 10% daripada jumlah populasi negara kita dan kami pula tidak mendapat pembahagian yang adil dari segi peruntukan pembangunan.

Dan apabila kita bercakap tentang *infrastructure* asas seperti jalan, pembekalan elektrik luar bandar, faktor yang paling penting ialah keluasan negerinya. Keluasan negeri Sarawak merupakan 1/3 daripada jumlah keluasan tanah Malaysia. Sarawak memerlukan 1/3 daripada peruntukan pembangunan berasaskan perkiraan ini supaya akan wujudnya satu pembangunan seimbang di antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Dari segi pembangunan infrastruktur kami sudah 20 tahun ketinggalan berbanding dengan Semenanjung. Jika Kerajaan Persekutuan terus mengamalkan dasar diskriminasi terhadap kami dengan peruntukan yang jauh kurang daripada

peruntukan yang sepatutnya, bagaimana kita hendak mencapai pembangunan seimbang? Justeru ini memandangkan infrastruktur-infrastruktur dan kemudahan awam di Sarawak masih jauh di belakang berbanding dengan Semenanjung. Saya ingin mencadangkan peruntukan pembangunan dipertingkatkan sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Jika tidak kita akan terus ketinggalan di belakang, ini adalah sama untuk negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Pada umumnya, Bajet 2006, ia tidak lengkap, ia tidak sebut apakah *monetary policy* yang akan diamalkan oleh kerajaan dalam tahun depan. Ia juga tidak sebut apakah *forex policy*, *foreign exchange policy*, kedua-dua ini merupakan satu polisi yang amat penting untuk pembangunan ekonomi negara. Dan juga nampaknya Bajet 2006 ini, bukanlah satu bajet untuk rakyat, semua rakyat Malaysia tetapi lebih merupakan satu bajet untuk bumiputera sahaja. Beberapa contoh yang jelas dalam ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seperti di bawah ini;

“Peruntukan RM2 bilion kepada Yayasan Amanah atau Hartanah bumiputera untuk membeli hartanah komersial khususnya di kawasan bandar utama.”

Ini akan menguntungkan *crony* lagi, penyuntikan dana sebanyak RM1 bilion kepada eksport import bank Malaysia untuk membantu dan menggalakkan usahawan-usahawan bumiputera untuk meneroka pasaran global juga akan menguntungkan *kroni-kroni* bumiputera.

Dana sebanyak RM3.6 bilion diperuntukkan untuk membina *quarters* untuk kakitangan-kakitangan kerajaan dan petugas-petugas beruniform. Kerja-kerja pembinaan *quarters* ini akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor bumiputera kecil dan dana sebanyak RM5.7 bilion yang untuk infrastruktur luar bandar juga akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor bumiputera kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya akan gulung. Saya tidak bantah bahawa tidak ada bantahan untuk membantu bumiputera, tetapi janganlah kerajaan langsung tidak memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor bukan bumiputera. Mereka jugalah, kita jugalah warga Malaysia, kita juga bayar cukai, kenapa kerajaan mengabaikan kontraktor-kontraktor kecil yang bukan bumiputera? Namun saya ingin menyeru

kerajaan demi *national unity*, berilah peluang juga kepada kontraktor-kontraktor bukan bumiputera kerana sekarang masa susah, mereka juga tiada, kebanyakan mereka juga menghadapi masalah kewangan. Dengan itu terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup, masa cukup ya. Yang Berhormat dari Indera Mahkota.

3.30 ptg.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya berucap pada petang ini yang mulia ini. Pada dasarnya Bajet 2006 ini adalah satu bajet proaktif yang menitikberatkan nasib rakyat Malaysia yang sedang menghadapi cabaran kemelut ekonomi dunia hasil daripada ketidakstabilan di dalam geopolitik dunia ekoran daripada keganasan global dan dasar luar negara *hyper power*, dengan izin, seperti Amerika Syarikat yang masih mengamalkan dasar *full force intervation*, dengan izin, untuk mengetengahkan kepentingan mereka. Bajet bernilai RM136.8 bilion ini adalah pada hemat saya satu tanda keprihatinan kerajaan terhadap nasib rakyat.

Memang diperakui di dalam klimaks ekonomi dunia yang tidak menentu ini, harga minyak mentah yang menembusi paras USD70 setong, dan keganasan yang baru sahaja melanda kita lagi di Bali, bajet tahun ini bertepatan dengan irisan rakyat jelata. Peruntukan pengurusan yang kira-kira tiga kali ganda lebih besar daripada peruntukan pembangunan adalah satu tanda aras bahawa Malaysia sudah sampai ke kemuncak pembangunan yang tidak perlu ada lagi projek-projek pembangunan besar kerana sistem komunikasi, jajaran lebuhraya, infrastruktur dan sekiannya sudah pun siap dan siap sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-9. Malah, pengurangan di dalam imbangan defisit bajet kali ini sebanyak 3.5% adalah sejajar dengan inspirasi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencapai bajet seimbang dalam tempoh yang terdekat ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yaacob) **mempengerusikan mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita adalah salah sebuah negara Malaysia yang terus merangka dasar bajet defisit setiap tahun. Jika dilihat pada dasarnya,

Amerika Syarikat gergasi ekonomi dunia yang telah berada *trench* bajet defisit melebihi USD3 trillion selama beberapa dekad yang lalu, akan tetapi mereka lebih percaya kepada kedudukan kecairan ataupun *liquidity* kewangan dalam bencana ekonomi dunia menerusi aktiviti perniagaan dan dasar global mereka. Tetapi Malaysia bukanlah sebesar Amerika Syarikat. Kedudukan kewangan kita tidaklah sampai 10% daripada kekuatan ekonomi mereka. Apa yang kita ada adalah *vibrancy* ekonomi sebuah negara membangun yang hampir mencapai matlamat wawasan 2020.

Sejurus dengan itu, beberapa persoalan kita perlu kemukakan demi mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan kerajaan khususnya kepada elemen-elemen pembangunan dan pengurusan agenda Malaysia maju yang sama-sama kita julang. Dari segi ekonomi, sektor ekonomi negara telah kembali pulih daripada cengkaman kegawatan tahun 1997, 1998 dan rata-rata kita kini melihat sentimen positif rakyat dan perniagaan terhadap aktiviti-aktiviti dalaman. Rangsangan yang telah sering kali dilakukan oleh kerajaan amatlah bermakna, terutamanya bagi Bajet 2006 bilamana RM1 bilion yang diperuntukkan kepada pembiayaan kos penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan awam yang akan dilaksanakan oleh kontraktor kelas F.

Cuma saya di sini ingin menyampaikan persetujuan dan sokongan saya terhadap syor daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya pemilikan lesen kontraktor kelas F ini dihadkan kepada satu, setiap keluarga dan bukannya kepada individu semata-mata. Ini kerana saya percaya biarpun dasar kerajaan adalah mesra kepada kontraktor kecil, persaingan sengit bakal berlaku di dalam merebut bilangan kontrak yang semakin mengecil, dalam erti kata lain, kontraktor kecil ini seumpama *fish in the drying drought water hole* yang mungkin terpaksa menggunakan pelbagai taktik mendapatkan imbuhan.

Saya ingin tahu juga apakah cadangan perancangan kerajaan untuk memastikan lesen-lesen ini digunakan sepenuhnya dan bukan Ali Baba dan kontraktor yang dipilih adalah di kalangan mereka yang mempunyai rekod yang cemerlang. Kita tidak mahu, kes makmal komputer sekolah berulang lagi, kes projek-projek yang terbengkalai berulang, dan menyukarkan pula oleh kerajaan kita. Tetapi yang lebih penting, kita mahu pemberian kontrak ini diberikan secara adil berdasarkan *track record* dan latar belakang kontraktor dan bukannya menerusi kenalan atau seumpamanya. Saya juga kerajaan dapat mengimbaskan kepada Dewan ini wawasan dan perancangan kerajaan

dalam meningkatkan lagi taraf kontraktor-kontraktor ini di kelas-kelas yang lebih besar dan maju seterusnya membuka ruang untuk lebih ramai kontraktor kecil mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, ramai berpandangan Bajet 2006 melegakan masyarakat peniaga kerana ia membantu mengurangkan kos operasi menerusi tawaran pelbagai insentif dan pelepasan cukai selain menggalakkan pelaburan di dalam pelbagai industri yang berpotensi. Misalnya, inisiatif di dalam penggabungan pengambilan alih syarikat serta penurunan kos operasi akan meningkatkan lagi kualiti pengurusan serta perniagaan syarikat yang layak. Bagi saya adalah satu berita yang baik kepada pelabur yang mahu melihat ketelusan maklumat kewangan dan pulangan baik daripada pasaran modal tempatan. Ianya juga adalah satu isyarat yang jelas bahawa kerajaan bersedia memainkan peranan proaktif dan berada di barisan hadapan untuk mengekalkan momentum semasa dalam pertumbuhan ekonomi, sekali gus mempercepatkan lagi proses pertumbuhan ekonomi. Jika dilihat cadangan untuk meningkatkan perbelanjaan 55% adalah wajar dilihat sebagai tanda positif pada pasaran. Secara rawaknya, Bajet 2006 membantu pembangunan modal insan, infrastruktur, sains dan teknologi serta pertanian moden, untuk pengeluaran makanan.

Di sini saya bersetuju dengan pandangan bahawa sebagai sebuah negara maju peranan kerajaan seharusnya lebih kepada memantau dan menyelaras dan bukannya sebagai penyumbang dan pelabur utama dalam ekonomi negara. Walaupun ia perlu, saya percaya sektor swasta masih boleh melakukan lebih daripada penyokong dan sebaliknya bertindak sebagai penggerak. Apakah halangan dan kekangan yang menyebabkan mereka tidak yakin terhadap hujah ini? Apakah yang dilihat oleh sektor korporat dan swasta sehingga mereka tidak sanggup menerajui proses pertumbuhan ekonomi negara.

Saya khuatir, sekiranya kenaikan berterusan harga minyak akan membawa bebanan yang lebih tinggi kepada kerajaan. Dan kerana kerajaan adalah pemacu pembangunan, ia akan terpaksa mengorbankan nilai bajet kita untuk menampung kos subsidi minyak. Siapakah nanti yang akan merasai jika tidak rakyat jelata. Saya mencadangkan supaya kerajaan menentukan tahap imbalan ekonomi yang sesuai sebelum meneruskan proses pembangunan kita. Di waktu yang sama, kerajaan wajar meletakkan *phases mekanisme* yang berupaya kita mengaktifkan sekiranya harga minyak dunia mencapai USD100 setong. Apakah, apakah kerajaan akan melakukan di

waktu ini? Inilah kebimbangan dan irisan oleh rakyat yang mereka mahukan penjelasan yang sejelas-jelasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpegang kepada kepercayaan ekonomi haruslah dipacu oleh sektor swasta kerana merekalah penggerak ekonomi. Merekalah yang berniaga dan meningkatkan ekonomi negara. Adalah tidak munasabah sekiranya sektor swasta hanya mahu mendapat imbuhan, ganjaran atau *privileges* daripada inisiatif kerajaan tetapi selepas itu lari dengan menghilangkan diri apabila ekonomi negara diancam dan dicabar.

Oleh yang demikian, kerajaan wajar meningkatkan proses penambahan keyakinan pelabur. Baik dari dalam mahupun luar terhadap negara ini. Memang kita telah bergerak ke atas ketelusan dalam pentadbiran kerajaan yang efisien. Akan tetapi sektor swasta juga perlu menyumbang secara aktif di dalam membantu kerajaan membangunkan negara dan bukannya menjadi *beneficiary* kepada usaha kerajaan semata-mata. Di waktu yang sama juga, saya ingin perelaskan kerajaan terhadap masalah kita untuk menarik pelaburan asing ke negara ini. Mungkin faktor negara China sebagai tarikan utama pelaburan hari ini untuk menyumbang masalah kita. Akan tetapi saya berpendapat, berpandangan bahawa mungkin terdapat prosedur pelaburan dan dana yang kita tidak sendiri guna pakai dilihat prejudis terhadap pelabur asing. Oleh itu dilihat tidak menarik kepada mereka.

Apakah kita masih mempunyai kekangan daripada segi birokrasi dan dasar pelaburan asing yang dilihat mampu mengekang kemasukan malah minat pelabur asing terhadap negara kita? Saya percaya, dengan inisiatif pelaburan yang baik, yang diperkenalkan dalam Bajet 2006 ini, kita berupaya bersaing dengan negara China sebagai tarikan pelabur asing utama di rantau ini.

Walau bagaimanapun, saya pohon pandangan kerajaan terhadap apakah sebenarnya yang dilihat tidak menarik pelabur asing untuk datang ke negara kita? Saya juga ingin tahu sama ada kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah unit promosi ekonomi dan pasaran modal di negara ini di kalangan anggota-anggota swasta sendiri. Kunjungan 10 ahli perniagaan terkemuka negara yang mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negara pada masa yang lalu, itu merupakan satu permulaan yang baik, akan tetapi memerlukan *follow-up* dan juga sokongan daripada lain-lain ahli korporat.

Kerana inilah penubuhan sebuah kelab yang bertemakan penjualan Malaysia sebagai destinasi pelaburan asing utama dilihat wajar dan amat perlu. Ianya bukan sahaja dapat membantu usaha kerajaan mempromosikan Malaysia di luar negara, ianya dapat mengurangkan bebanan kos kerajaan untuk melakukan promosi ini. Dengan ini kerajaan akan mempunyai dana yang lebih untuk disumbangkan kepada kesejahteraan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, penstrukturan semula perjawatan tertinggi sektor awam. Salah satu daripada sebab yang diberikan pelabur asing untuk melabur di negara kita ini adalah sikap dan peranan sektor perkhidmatan awam yang tidak profesional, lesu dan tidak setanding dengan negara-negara lain. Rata-rata penjawat sektor awam dituduh menghimbau pembangunan dan meletakkan pelbagai rintangan untuk perniagaan dan pelabur untuk menetapkan pelbagai syarat tidak munasabah kerana mereka inginkan sesuatu imbuhan sebelum kerja dilaksanakan. Saya percaya kalau inilah cara sektor perkhidmatan awam kita bekerja sudah tentu, sudah lama negara kita punah dan hancur. Tuduhan melulu ini bukan sahaja menggugatkan kredibiliti negara tetapi turut merendah-rendahkan kapasiti dan kebolehan kakitangan awam. Mereka sebenarnya yang telah berusaha gigih dan meletakkan Malaysia di persada kemajuan yang kita capai hari ini.

Akan tetapi kebanyakan daripada kakitangan awam terutamanya pegawai di peringkat pertengahan ingin ke atas akan hilang selera beberapa tahun memegang jawatan, mereka berpatah hati, hilang pedoman dan semangat untuk terus menabur bakti kepada rakyat dan negara dan setengahnya pula mengambil jalan keluar mudah sama ada berhenti atau menceburi sektor swasta serta perniagaan atau menerima imbuhan untuk melaksanakan sesuatu kerja. Puncanya ialah kekurangan ruang untuk mereka meningkatkan kerjaya mereka dan selalunya golongan yang lebih *senior* akan mendapat tempat terdahulu daripada mereka biarpun prestasi perkhidmatan mereka lebih baik. Mengapa ini boleh berlaku?

Kakitangan awam yang ada dan lama berkhidmat tahu mereka boleh goyang kaki dan sentiasa mendapat kenaikan setiap tahun. Di waktu yang sama, jawatan-jawatan teratas seperti Ketua Pengarah selalunya diberi kepada kakitangan yang berpencen dan sesudah itu tempoh perlantikan mereka disambung pula menerusi kontrak bertahun-tahun. Akibatnya, jawatan tersebut akan diisi sekian lama dan mereka

berpotensi untuk mengisi di peringkat bawahan. Dan peringkat bawahan akan tawar hati untuk melaksanakan kerja-kerja yang tersebut.

Ini tidak wajar berlaku dan saya berharap kerajaan akan dapat mengkaji semula sistem kenaikan pangkat di dalam sektor perkhidmatan awam untuk membolehkan mereka berpangkat ini diberi kepercayaan dan kenaikan yang setanding dengan sumbangan mereka. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan makanan halal. Saya juga ingin melihat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit, boleh?

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Boleh, tentang bola sepaklah ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, tidak, tidak, saya tahulah Yang Berhormat bagi Indera Mahkota pun bekas pemain bola sepak negeri Pahang tetapi tidak kepada pemain kebangsaan, tidak mengapalah.

Saya hendak tanya tadi Yang Berhormat menyebut tentang peluang mereka yang bekerja dedikasi dalam sektor awam hendak naik pangkat susah, ada pula peluang diberikan kepada orang yang sudah pencen. Apa maksud Yang Berhormat pencen bagaimana? Boleh Yang Berhormat bagi contoh? Apakah Yang Berhormat bagi contoh seumpamanya seperti pesuruhjaya sukan itu adalah orang yang sudah pencen duduk situ sebagai contoh dalam Majlis Sukan Negara. Cuba bagi sedikit contoh, boleh Yang Berhormat bagi sedikit contoh, saya hendak dengar.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Saya tahulah, saya akan beritahu pada Menteri Belia dan Sukan nanti berkenaan dengan cadangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat?

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Minta gulung sudah, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: [Ketawa] Hendak gulung kena terus pergi berkenaan dengan pertanian ya? Saya menyokong penuh peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta dalam Bajet 2006 untuk membiayai GLC bagi menceburi sektor pertanian.

GLC ini saya tidak sokong. Berkenaan dengan Tabung Haji saya pun hendak mendaftarkan diri sebagai menentang tentang pengapungan Tabung Haji di Bursa Saham. Sebagai contohnya, saya pun ingin memberi contoh bahawa banyak syarikat

peladang terutamanya di negeri Pahang dahulu, contohnya *Faiz Holding*. Pada mulanya mempunyai syer kerajaan negeri dengan mempunyai modal sebanyak 80% dalam pegangan *Syarikat Faiz Holding Berhad* dan hari ini telah dimiliki oleh orang lain sebanyak 70% dan ini dimiliki penuh oleh bukan daripada milik Kerajaan Negeri Pahang. Jadi, itu saya tidak menyokonglah pengapungan dari Tabung Haji.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit penjelasan Yang Berhormat, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya sedikit hujung. Terima kasih Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat merasakan perlu Yang Berhormat Menteri berkenaan membuat pengumuman ekoran daripada pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen, mungkin termasuk Timbalan Speaker sendiri orang yang ada pengalaman dalam Bank Rakyat, supaya pengapungan *TH Plantation* ini dapat diumumkan penangguhannya atau pembatalannya setelah dirujuk pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Mungkin jutaan penyimpan tertunggu-tunggu tentang pengumuman rasmi ini secepat mungkin.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Saya yakin bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai pandangan yang bijak dan saya yakin bahawa pengapungan Tabung Haji ini tidak akan berlaku seperti mana yang saya beri contoh tadi berkenaan dengan apa yang berlaku di negeri Pahang iaitu *Faiz Holding*, yang mana hari ini dimiliki penuh oleh bangsa asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Saya yakin juga bahawa pandangan yang dikatakan semalam perkara ini akan di KIV dan saya yakin bukan KIV lagi perkara ini akan dihentikan segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

3.49 ptg.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbahas mengenai sistem penyampaian yang menjadi isu di kebanyakan Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini dan juga beberapa isu lain.

Yang pertama ini, kita akui dalam sepanjang perbahasan dalam Belanjawan 2006 ini, kita telah didepankan dengan macam-macam isu mengenai sistem penyampaian iaitu *delivery system*, dengan izin. Penggubalan dasar dalam sistem penyampaian ini memang bagus, kalau kita perhatikan di antara negara-negara di seluruh dunia ini mekanisme penggubalan dasar Malaysia begitu canggih sekali. Malah ada pihak-pihak mengatakan bahawa dasar kesihatan kita begitu baik sekali dan *legacy* orang putih ini, British ini telah pun memberi *fundamentals*, dengan izin, ataupun asas yang begitu kukuh untuk kita maju dalam tempoh 48 tahun ini. *Far Eastern Economic Review* pernah menulis bahawa tidak ada satu tamadun yang begitu berjaya dalam tempoh begitu singkat sekali dalam 5 dekad dasawarna seperti di Malaysia.

Dari segi revolusi pendidikan, dari segi revolusi pertanian melalui FELDA, dari segi pembangunan infrastruktur yang telah mendekatkan kita dengan dunia maju dalam tempoh 3 dekad ini. Namun, kita sedia maklum bahawa segala pembangunan ini mungkin tidak akan menjadi Wawasan 2020 sekiranya sistem penyampai ini tidak diperbetulkan dan tidak dihalusi. Daripada maklum balas yang kita dapat, pegawai-pegawai yang duduk atas dasar itu begitu baik sekali, tetapi apabila di peringkat di bawah sekali, di pertengahan dan di bawah penyampaianya tidak tersampai. Inilah menjadi tanda soal. Maka, kita direntet dengan pelbagai masalah seperti masalah dasar-dasar harga barangan, pendidikan, Orang Asli, projek infrastruktur, agensi dadah tadi, alam sekitar ditebang habis semua pokok-pokok, sungai dan krisis dunia yang kelima adalah air.

Dalam tempoh 10 tahun saya janji kita akan menghadapi masalah krisis air yang begitu serius sekali, isu AP, isu kontraktor, isu rasuah, integriti, bangunan yang tidak diselenggarakan, pengurusan GLC, isu kontraktor, isu masalah diesel, isu subsidi dan pula ada isu-isu lain di mana pertindihan antara jabatan-jabatan, kementerian-kementerian. Contohnya, kita ada di dalam Jabatan Kimia Forensik *Department*, dengan izin, tetapi baru-baru inidua, tiga tahun yang lalu, Polis Diraja Malaysia pula mewujudkan satu lagi *Forensic Department*, sama. Sebenarnya forensik adalah satu penyiasatan yang sepatutnya keterasingan, *independent*, suadaya tetapi malangnya dia

sendiri buat kajian dia sendiri. Walau begitu pun, kes-kes Polis Diraja Malaysia masih tidak boleh ditenangni. Semalam ada satu lagi kes. Kalau inilah menjadi senario Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, saya jamin imej kita akan hancur.

Imej kita di Asian, sila lihat Vietnam, Cambodia dan Laos baru datang beberapa tahun yang lalu sebagai negara yang masuk ke era pembangunan tetapi kepesatan pembangunan mereka. Thailand, contohnya dalam pertanian. Kalau kita tidak betul-betul menjaga sistem penyampaian ini, tidak diperbetulkan maka suatu hari nanti kita akan duduk menangis dan meratap. Kerana segala kemewahan yang dirahmati Tuhan ini kita akan hilang di tapak tangan kita sendiri. Ini kerana kita tidak ada seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi, kita tidak berani berhadapan dengan kebenaran, kita tidak berani untuk membawa perubahan kerana kita ini selalunya *give face*, memberi muka, selalunya kita *compromising* inilah masalahnya.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Bentong.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi yang menyatakan sistem penyampaian kita perlu ditingkatkan lagi. Kita tahu bahawa salah satu faktor menyebabkan persaingan kita di peringkat antarabangsa menurun dan *red tape* birokrasi dalam kerajaan kita berdiri di tangga 101. Saya rasa itu amat membimbangkan.

Pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa kita hendak melalui *e-Government* untuk menjadikan sistem pentadbiran kita lebih efektif. MAMPU telah pun memberi banyak cadangan untuk meningkatkan *e-Government* dalam negara kita, apa sudah jadi kepada *e-Government* kita dan kenapa sehingga hari ini kita tidak nampak lagi *e-Government* dalam negara kita boleh dijalankan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih, saya setuju. Kalau kita ada lebih kurang 800 ribu kakitangan kerajaan, saya bagi satu contoh, Belanjawan 2006 untuk pendidikan RM29 bilion dan daripada RM29 bilion ini iaitu RM24 bilion itu digunakan untuk pentadbiran, pengurusan.

RM5 bilion sahaja digunakan untuk pembangunan bererti ada satu golongan yang bermaharajalela untuk berpegang kepada kuasa pentadbiran kerana ratusan orang

akan kehilangan kerja. Adakah ini satu muslihat golongan-golongan penggubal dasar yang pentadbiran-pentadbiran tertentu untuk berpegang kepada *manpower*, penggunaan manusia dalam pentadbiran kerana pengenalan ICT, '*ICTzation*' of *e-Government*, dengan izin, akan menyebabkan kehilangan kerja yang begitu mendadak sekali kerana ini akan dengan terus terang menunjuk - Saya bagi satu contoh DBKL *billboards*. *Billboards* itu setiap satu yang dipasang itu akan kena bayar sewa tetapi kalau kita pergi kira dekat 20 ribu *billboards* yang ada. Kalau kita tengok berapa yang betul-betul bayar sewa untuk *billboards* ini, tanda soal. Apabila sesuatu sistem elektronik diperkenalkan ICT dengan petik sahaja dia boleh menunjukkan berapa *billboard*, bila dia sudah bayar, bila telah bayar dan bila dia belum bayar.

Benda ini mungkin tidak diterima oleh DBKL kerana benda ini akan menunjukkan kelemahan-kelemahan sistem pentadbiran dan golongan pentadbiran-pentadbiran. Ini akan terjadi, katakan satu pelan di *submit*, pelan *submission* di dalam Dewan Bandaraya ataupun di Majlis Bandaraya atau Majlis Bandaran dibuat dan kalau dia mengambil masa melalui ICT dia boleh tahu bila di *submit*, berapa diperbetulkan dan bila diluluskan. Dengan cara ini, pegawai itu akan dapat dikesan keberkesanannya secara jitu dan spesifik. Inilah yang menjadi soal. Maka, saya mencabar MAMPU dan juga kerajaan supaya memperkenalkan ICT dalam sektor-sektor yang sensitif, sektor-sektor yang memerlukan ketelusan yang begitu jitu sekali untuk memastikan keyakinan rakyat dapat diperkukuhkan. Ini kerana rakyat sudah macam-macam, di Parlimen sendiri kita sudah suara. Maka ini tidak harus menjadi satu medan, di mana kita laung-laung mendabik dada, suara hanya untuk diudarkan di udara dan tidak tertera di mana-mana.

Inilah yang harus menjadi persoalan kita. Bukan kita di sini untuk marah-marah kerana kita tahu saudara-saudara kita di dalam kerajaan juga bekerja keras tetapi kerja keras sahaja tidak menjamin kejayaan sebuah negara. Kerja keras sahaja tidak akan membawa kita ke medan persaingan di antarabangsa. *We go to work smart*, kita kena seiras dengan pembangunan yang begitu pesat berlaku di dunia. Glokal, seruan Timbalan Perdana Menteri kita, kalau hendak jadi realiti kita mesti berhadapan dengan realiti, kita tidak boleh membawa cara ini selama-lamanya. Dalam konsep ini, perlu satu wawasan baru, Wawasan 2020 tidak jauh lagi 15 tahun sahaja. Kajian semula perkhidmatan perlu diadakan sebagai mekanisme pelaksana dan dasar persyarikatan penswastaan mungkin menjadi satu konsep baru di mana kita *refused this civil service*, dengan izin, melalui cara persyarikatan dan penswastaan di mana beberapa jabatan-

jabatan boleh diberi kepada orang awam yang lebih efisien dalam melaksanakan tugas penyampaian ini sebagai komponen utama dalam *delivery system*.

Penstrukturan semula perkhidmatan secara mikro perlu dilakukan, baru mikronya akan disempurnakan. Dalam konteks ini salah satu masalah yang begitu serius sekali adalah modal insan, apabila manusia yang kita bakal lahirkan di negara kita tidak mempunyai kualiti dan nilai untuk menangani segala dasar yang kita impikan, maka nasionalisme kita akan hancur, cabaran global kita akan hancur, kemajuan negara akan punah ranah. Inilah cabaran yang saya rasakan begitu serius sekali. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan kita menjadi inti, akar umbi. Dalam konteks ini juga saya rasa sistem pendidikan kita mesti berwibawa untuk menangani perjuangan rakyat kita ke masa depan kerana di sini kita lahirkan, di sinilah langit akan dijunjung, itulah perjuangan kita. Apabila saya memperkatakan masyarakat India perlu diperkasakan maka bukan kerana kita dalam konteks *race*, ini bukan *race*. Di sini saya dilahirkan, emak bapa saya dilahirkan di sini, ke mana saya akan pergi? Maka perjuangan Parti Presiden, parti saya baru-baru ini adalah kerana luaran daripada rakyat jelata. Mungkin Yang Berhormat bagi Jerai akan perlikannya suatu hari nanti tetapi perjuangan itu tetap satu perjuangan.

Saya balik ke sini, Tuan Yang di-Pertua. Maka perlu satu *Parliamentary Committee* untuk mengkaji semula dasar pendidikan kita, Laporan Rahman Talib, Laporan Razak, Laporan Kabinet sekarang sudah tidak ada laporan lagi, maka kalau kita tengok *dynamism* pendidikan tidak pernah ada satu dunia di mana perubahan sukatan yang berlaku dengan begitu pesat sekali. Perubahan format kertas peperiksaan yang berlaku setiap tahun. Benda-benda ini tidak begitu baik sekali, Tuan Yang di-Pertua. Tidak baik untuk sebuah negara seperti Malaysia. Di UK, di Canada dan di Australia di mana tahap pendidikannya ramai orang di sini pergi ke sana, begitu baik sekali dan di sana sistem pendidikan sukatananya tidak ditukar-tukar, *syllabus* Matematiknya masih sama, *syllabus* fiziknya masih sama, tetapi kenapa di sini kita selalu tukar format? Adakah ini merupakan satu sandiwara untuk mencari keuntungan dari segi penerbitan buku-buku? Adakah ini satu sandiwara bagi Lembaga Peperiksaan mencari satu jalan baru untuk mencari keuntungan? Di sini keuntungan tidak langsung boleh dilihat dalam dunia pendidikan kerana masa hadapan anak-anak kita dipergadaikan. Inilah yang menjadi persoalan saya, maka kita kena kembali kepada falsafah pendidikan negara...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Tidak ada masa Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau macam itu macam mana? Tangan Yang Berhormat ini kiri dan kanan.....

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Itu budaya orang India. *[Ketawa]*
[Dewan menjadi lebih riuh dengan ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, Hormat, hormat, hormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah terangkan Yang Berhormat, tidak payahlah. Duduk sahajalah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormatsaya, tentang pandangan Yang Berhormat itu serius. Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya kita adakan satu dasar kerajaan...

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Tangan jangan geraklah, itu budaya India. *[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu cara penyelidikan untuk menyenangkan para pelajar kita. *[Bercakap sambil mengayakan tangannya]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, nasib baik kepala dia tidak pusing.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Penjelasan cepat sedikit Yang Berhormat, banyak hendak cerita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Maksud saya adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita adakan satu dasar pendidikan dan mungkin diubah dari masa ke semasa kecuali yang memerlukan.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy : Ya, betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Biarlah dasar ini boleh merangkumi keseluruhan masyarakat, rakyat termasuk orang Melayu, orang India dan orang Cina, adakah ini Yang Berhormat ingin mengemukakan kepada Menteri dan juga Ahli-ahli Parlimen kita pada hari ini? Terima kasih.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Ya, terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai tetapi dia rakan baik saya. Saya balik daripada gurau senda itu kepada perkara yang lebih serius, maka kita perlukan pendemokrasian pendidikan yang memberikan keperincian kepada penggubalan dasar dan implementasi yang mana

implementasi baru sekarang ini bertentangan dengan aspirasi dasar negara. Terlalu banyak kontroversi dan kontradiksi dalam dunia pendidikan sekarang.

Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, prasekolah. Kementerian Pembangunan Luar Bandar baru-baru ini mengumumkan mereka akan mewujudkan kelas pra-sekolah KEMAS di merata-rata negara. Kementerian kata mereka sedang berusaha untuk mengadakan prasekolah. Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga budak-budak prasekolah ini? Apakah sukatan yang digunakan, adakah ia beralaf Montessori, adakah dia beralaf 'qudis', adakah dia beralaf 'Kumon', kita tidak tahu dan tidak dibicarakan. Masing-masing dengan cara, saya hendak jalankan kerana kementerian ini ada duit, kementerian ini ada duit. Untuk duit itu mereka buat pra-sekolah, prasekolah itu adalah satu elemen yang begitu penting sekali. Kalau kita pergi ke Subang Jaya, tiga tahun dan empat tahun sudah masuk prasekolah. Mereka berbicara mengenai pembangunan insan yang menyeluruh dari segi jasmaniah, emosi dan mental dan satu lagi karakter.

Tuan Yang di-Pertua, *knowledge* sahaja tidak cukup, *knowledge* itu mesti dikuasai oleh satu tahap yang lebih tinggi dalam konsep psikologi pendidikan intelektual. *Knowledge must be control by the intellect* dengan izin dan *the intellect must be control by the wisdom*, nilai. Tangan ini boleh digunakan untuk curi ataupun tangan ini boleh digunakan untuk menderma. Ini dikuasai oleh satu benda yang dikatakan sebagai nilai, ini adalah satu sifat ketimuran yang datang daripada warisan sekolah-sekolah pondok agama, sekolah-sekolah agama Hindu, sekolah-sekolah *Christianity*, Buddhism yang kini dilupakan orang-orang Barat. Orang Barat memperkenalkan sekular, pendidikan untuk dunia materialisme dan hedonism bukan untuk dunia kejiwaan.

Inilah yang *lacking*, so apabila kita ciplak terus daripada Barat, tidak sesuai. Kita kena ubahsuaikan dan dasar itu mesti sesuai dengan kita. Itulah budak-budak kita macam-macam cerita. Dia pergi ke sekolah, seorang gadis ataupun budak belasan tahun, perempuan yang cantik, kalau dia berjalan di khalayak beberapa budak lelaki mesti ada gurauan senda yang tidak kena tempatnya. Inilah generasi muda kita sekarang, dahulu kita malu di hadapan budak perempuan ini tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua, kalau itulah hasil daripada sistem pendidikan kita, maka tanda soal itu beribu-ribu Tuan Yang di-Pertua.

Saya beri satu lagi contoh, peringkat UPSR dari pra sekolah ke UPSR, tidak payah darjah satu, tahap satulah. Tahun lalu Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kelana Jaya bangun.

Tuan Loh Seng Kok: Sekejap, sebelum habis....

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kena beri saya lanjutan masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok: Sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada masa Yang Berhormat, boleh pilih tidak boleh beri. *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Ya, cepat sikit.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan ucapan berkaitan dengan prasekolah. Sekarang ini, tadika perpaduan, tadika kemas, tadika TOD, tadika Montessori sebagainya banyak menggaji tenaga pengajar yang lepasan SPM. Apakah ini salah satu cara untuk memperbaiki pendidikan teras kalau maka kita tentukan dan minta kerajaan tentukan supaya mereka yang diambil untuk mengajar di peringkat pra-sekolah harusnya memberi pendidikan lepasan ijazah seperti diploma ataupun *degree on early child education*. Minta penjelasan.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, saya bersetuju. Di negara-negara Barat, golongan PhD yang mengajar darjah satu - prasekolah, bukan SPM kerana yang mengajar budak-budak yang umur yang muda ini terlalu susah, Tuan Yang di-Pertua. *You* kena beri dia faham dahulu selepas faham, *application of understanding, lepas application creativity in the mind*. Ini bukan senang, bukan cikgu sembarangan boleh buat dan... saya tengok *you* tidak boleh masuklah, saya masuk banyak cerita.

Baiklah, UPSR tahun lalu Tuan Yang di-Pertua, format kertas telah diubah. Buku keluar format April, budak duduk periksa September. Kasihan budak-budak anak saya sendiri duduk, Tuan Yang di-Pertua. Nasib baik saya cikgu. Bayangkan rata-rata di Kelantan, di Terengganu anak-anak kita yang tidak ada guru yang belum tahu format. Buku format keluar pada bulan April ini apa kementerian ini? Apa tanggungjawab kepada anak-anak kita? Saya hendak tanya kementerian, biarlah sampai satu tahun selepas itu baru *you* kenalkan konsep format baru. Ada budak karangan dia tidak tahu hendak jawab, rumusan karangan dia tidak tahu hendak jawab kerana dalam sistem kita peperiksaan terlalu *rigid*. Bila beberapa isi tersurat empat markah dia kena tulis empat

isi, isi tersirat empat isi, kesimpulan dia kena beri dua skop, pengenalan dia kena beri dua skop, satu markah, satu markah, tidak ada dia tidak beri markah. Mana ada sistem peperiksaan begini. Budak, kalau dapat menggarap isi-isi dan tulis kembali dalam bentuk rumusan, dia kena dianugerahkan markah. Itu cara sistem pendemokrasian, ini terlalu *rigid*. Ini budak-budak tidak tahu, dia tulis sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa pun *rigid* juga Yang Berhormat. [*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*]

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, tambah lima minitlah Tuan Yang di-Pertua. Kasihanilah saya ini, banyak lagi cerita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh sambung peringkat jawatankuasa.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak boleh, sambung dia tidak beri. Masalah pengajaran dan pembelajaran guru terpaksa berkursus, sekarang kursus, kursus, kursus, kursus. Kelas tidak ada guru. Ini satu isu yang begitu serius sekali Tuan Yang di-Pertua, kena tengok. Fokus pengajaran tergugat, pelajar tidak mahu ke sekolah, lepas periksa sekarang semua lekang. Budak-budak tidak mahu pergi ke sekolah, tidak ada apa pun. Inilah masalahnya, kegiatan koko [*kokurikulum*] satu formaliti sahaja, sebiji bola lima puluh orang kejar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kena habiskan, minta maaf.

Beberapa ahli: [*Ketawa*]

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sedikit, sedikit, saya habiskan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam surat khabar NST, Dato' Seri Samy Vellu, Presiden MIC telah mengatakan bahawa kerajaan kena menghormati 3 peratus ekuiti yang telah dijanjikan dalam OPP 3. Ini bukan satu seruan saja-saja, telah dijanjikan tetapi baru-baru ini NAEC, baru-baru ini kita adakan satu forum tidak ada sebarang tindakan dasar yang telah dirangkakan. Saya memohon kepada kementerian supaya tolonglah, janganlah '*kera di hutan disusui anak di rumah mati kelaparan*'. Pelajar-pelajar dari luar negara hendak diberi *VIP treatment* tetapi pelajar di sini bergelimpangan mencari tempat untuk *medical*. Tidak betul Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat ...

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Tidak betul, mintalah supaya agenda OPP yang kita hantar itu, memorandum daripada satu perhimpunan agung MIC dapat dilihat dengan nilai-nilai keinsanan, nilai-nilai kemanusiaan kerana perjuangan ini sudah begitu lambat dan lama sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Biar ia dikabulkan pada tahun depan. Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Krau.

4.10 ptg

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap bagi membahaskan pembentangan Bajet tahun 2006. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga FELDA kerana telah memberikan insentif Hari Raya kepada peneroka FELDA sejumlah RM350 ringgit yang melibatkan RM39.5 juta ringgit. Saya juga bagi masyarakat FELDA ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana FELDA juga bersetuju untuk menaikkan sara hidup daripada RM50 ringgit seekar kepada RM75 ringgit seekar dan ini juga boleh memberikan atau meringankan bebanan masyarakat luar bandar khususnya di kawasan FELDA.

Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga FELDA tidak melupakan rakyat kita yang menjadi peserta di ladang FELDA Plantations di mana pada tahun lepas mereka ini hanya diberikan duit raya sejumlah RM50 ringgit sahaja bersama dengan hamper yang nilainya lebih kurang RM50 juga. Ini kerana pagi tadi kita mendengar daripada jawapan yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri semenjak tahun 1990 di mana pengurusan FELDA yang ditanggung oleh FELDA Plantations sejumlah RM300 ringgit juta telah ditanggung oleh FELDA Plantations, oleh itu mereka seharusnya diberikan insentif Hari Raya sama dengan nilai yang telah diberikan kepada peneroka FELDA yang lain .

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Di mana pada tahun lepas juga saya telah bangun dan membahaskan mengenai Lembaga Wilayah ini di dalam usul terima kasih di atas titah ucapan Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong semasa perbahasan Bajet tahun

2005 dan termasuk saya mengemukakan soalan lisan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Perdana Menteri kita kerana telah memperuntukkan sejumlah RM5.7 bilion ringgit disediakan untuk masyarakat luar bandar bagi sektor pertanian dan infrastruktur luar bandar termasuk RM581 juta ringgit bagi membina dan menaikkan taraf jalan serta RM299 juta ringgit bagi menyediakan bekalan air dan juga elektrik.

Peruntukan yang lebih tinggi berbanding pada tahun 2005 telah diberikan kepada Lembaga Wilayah yang lain seperti KETENGAH, KESEDAR dan KEDA. Saya percaya Yang Berhormat bagi Jerai cukup berpuas hati dengan peruntukan yang lebih tinggi pada tahun 2006 dan juga KEJORA telah juga diberikan peruntukan yang lebih tinggi pada tahun 2006. Manakala pada tahun 2005, PERDA telah dipindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan diberikan perhatian kursus di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu sekali lagi saya bangun dan merayu kepada pihak Kerajaan Persekutuan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar Lembaga Wilayah Jengka, DARA dan juga IADP yang telah dibubarkan di negeri Pahang ini dapat dibuka kembali.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan-kawasan operasi Lembaga Wilayah Jengka ini meliputi daerah Maran di mana Menteri Besar Maran telah berucap pada hari semalam supaya Lembaga Wilayah Jengka ini mesti diwujudkan kembali, daerah Temerloh, Bera dan juga Jerantut. Manakala dari segi kawasan Parlimen adalah meliputi Parlimen Maran, Kuala Krau, Temerloh, Bera dan Jerantut yang mana meliputi kawasan seluas 196, 728 hektar termasuk 187 buah kampung tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perancangan Lembaga Wilayah Jengka yang telah terbantut dan terbengkalai. Pusat pertumbuhan desa telah dipenuhi oleh semak-samun, masalah bekalan air dan juga elektrik semakin ketara. Jawapan yang telah diberikan oleh pihak kementerian bahawa peruntukan pembangunan semasa pembubaran LKWJ ini akan disalurkan melalui pejabat daerah. Perkara ini telah kerap juga dibincangkan melalui mesyuarat tindakan daerah dan juga saya telah dimaklumkan peruntukan yang dijanjikan semasa pembubaran LKWJ ini disalurkan kepada daerah-daerah itu tidak menjadi kenyataan.

Tahun lepas, jawapan yang diberikan kepada saya ialah kerana kerajaan negeri bersetuju dan pembubaran ini tidak menimbulkan masalah. Baru-baru ini Yang Amat

Berhormat Menteri Besar Pahang telah menyatakan persetujuan supaya Lembaga Wilayah Jengka ini atau satu lembaga wilayah yang baru mestilah diwujudkan bagi memesatkan semula kawasan sekitar JENGKA.

Tuan Yang di-Pertua, bandar Jengka adalah bandar 100 peratus bandar orang Melayu dan pembangunannya hanyalah bergantung pada hasil cukai pintu, cukai perniagaan di Bandar Jengka melalui peruntukan yang diberikan di bawah Majlis Daerah Maran oleh itu pembangunan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan saya mencadangkan juga di bawah kementerian ini ada dasar-dasar baru yang telah memperuntukkan sejumlah RM99 juta dapat diagihkan bagi mewujudkan semula Lembaga Wilayah Jengka selain daripada peruntukan PERDA yang telah dipindahkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memesatkan pertumbuhan ekonomi masyarakat luar bandar seperti di kawasan Parlimen Kuala Krau yang dipisahkan oleh Sungai Pahang, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan 2 yang telah meluluskan peruntukan sejumlah RM70 juta bagi pembinaan jambatan Kula Krau. Pengumuman yang telah dibuat oleh Yang amat Berhormat semalam Perdana Menteri bahawa pembinaan jambatan itu akan dibina pada tahun 2005 ini tetapi saya merasa bimbang kerana sehingga kini sehingga bulan Oktober ini, tidak ada mana-mana pegawai daripada kementerian yang bertanggungjawab turun padang bagi mengenal pasti tapak dan lokasi bagi pembinaan jambatan tersebut.

Oleh itu saya merayu kepada kerajaan supaya pengumuman itu menjadi kenyataan dan jambatan dapat dibuat juga di dalam tahun ini. Bagi memesatkan lagi pembangunan di bandar Jengka saya juga mencadangkan bagi masyarakat FELDA di mana kawasan Parlimen Kuala Krau dan juga Parlimen Maran meliputi hampir separuh daripada penduduk dan penghuninya adalah masyarakat peneroka FELDA dapat diwujudkan satu universiti bagi peneroka atau universiti FELDA. Bagi sektor pelancongan, kedatangan pelancong ke Malaysia pada tahun 2004 telah mencecah angka seramai.....

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Krau, Pasir Puteh. Hendak bagi jalan?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said : Sila

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krau. Saya tertarik tadi saya hendak tahu apakah benar di FELDA ini telah berjalan begitu banyak gejala-gejala negatif di kalangan remaja khususnya dadah. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil selain daripada pembangunan fizikal yang cukup canggih yang kita bina tadi. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Tentang masalah dadah kita sentiasa sebagai pemimpin, kita sentiasa mengadakan perbincangan, kita sentiasa memberikan motivasi dan ceramah-ceramah supaya penyalahgunaan dadah ini dapat dikawal dan kita percaya bahawa pihak kerajaan, pihak berkuasa seperti anggota polis dan sebagainya sentiasa menguatkuasakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelancongan. Kedatangan pelancong ini juga telah menjanakan pendapatan kepada negara sejumlah RM 29.6 bilion. Peningkatan yang begitu menggalakkan ini adalah hasil daripada promosi yang kuat yang dimainkan oleh pihak Kementerian Pelancongan, kerajaan-kerajaan negeri dan juga swasta.

Hasil yang diterima daripada pelancong adalah melalui perbelanjaan pelancong dan juga cukai yang dikenakan oleh kerajaan persekutuan. Kerajaan-kerajaan negeri pada masa ini tidak mendapat sebarang pendapatan secara terus kepada industri sungguhpun beban bagi membangunkan dan mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan sama-sama dilakukan oleh kerajaan negeri. Oleh itu, bagi menggiatkan lagi destinasi dan kemudahan pelancongan adalah wajar sekiranya sebahagian daripada cukai yang dipungut daripada pelancong disalurkan kepada kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti kementerian adalah untuk menambah dan meningkatkan produk-produk pelancongan serta menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur pelancong untuk meningkatkan ketibaan-ketibaan pelancong. Di Parlimen Kuala Krau terdapat beberapa pusat dan aktiviti pelancongan terutamanya Gunung Senyum yang berusia lebih daripada 300 tahun yang mempunyai 19 buah gua.

Yang kedua pusat pembiakan seladang dan rusa di kawasan Jenderak Selatan dan yang ketiga iaitu Projek Homestay di Desa Murni, Kerdau dan juga di Jengka 25.

Yang pertamanya jika kita pergi ke kawasan Gunung Senyum, keadaan sangat menyedihkan disebabkan tiada kemudahan asas yang boleh menarik pelancong antarabangsa dan domestik. Tidak terdapat penunjuk jalan, tidak ada papan-papan

tanda, kemudahan jambatan yang ada pun sudah reput disebabkan tidak diselenggarakan dengan baik, kolam menjadi kering, tiada gerai-gerai untuk peniaga-peniaga berniaga serta tidak ada dewan bagi kemudahan pelancong-pelancong.

Oleh itu saya mohon supaya produk-produk pelancongan seperti Gunung Senyum, pusat pembiakan seladang dan rusa di Jenderak Selatan ini diberikan peruntukan yang besar bagi menaikkan taraf kemudahan asas di kedua-dua pusat pelancongan ini.

Ketiganya tentang Jabatan Perkhidmatan Awam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin memperbaiki lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui penyediaan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan mesra pelanggan. Pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan awam terus menjadi agenda utama. Namun begitu, hasrat-hasrat Perdana Menteri ini akan tidak tercapai jika Jabatan Perkhidmatan Awam lambat atau kurang cekap di dalam mengisi beberapa kekosongan jawatan yang penting di dalam atau di kawasan daerah-daerah seperti Daerah Temerloh di mana Pejabat Tanah Dan Daerah Temerloh beberapa kekosongan jawatan yang penting seperti seorang Penolong Pegawai Pembangunan, seorang Penolong Pegawai Daerah bagi Tanah, tidak ada Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan, tidak ada Jurutera Jabatan Perkhidmatan Air, tidak ada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh tidak ada Pegawai Pusaka bagi membicarakan harta-harta pusaka yang melibatkan tanah-tanah orang Melayu.

Sebagaimana juga Ahli Parlimen Maran juga telah mengutarakan beberapa jawatan yang penting di daerah Maran juga tidak diisi lagi di mana seorang Pegawai Daerah, seorang Penolong Pegawai Daerah Bahagian Tanah, seorang Penolong Pegawai Daerah bahagian Pembangunan dan juga Yang di-Pertua Majlis Daerah Maran. Saya mohon jawatan-jawatan ini dapat disegerakan untuk diisi bagi kelicinan pentadbiran di daerah Temerloh dan juga Maran.

Perkara kedua mengenai sistem penyampaian perkhidmatan awam, ialah mengenai pengeluaran sub waran yang memberi kuasa berbelanja kepada agensi pelaksana selewat-lewatnya sebelum penghujung bulan Mac bagi setiap tahun. Soalnya sama ada arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat dilaksanakan oleh kakitangan awam di peringkat negeri dan daerah.

Contohnya, kita sebagai Ahli Parlimen telah diberikan peruntukan khas RM500 ribu setahun dan diminta dibelanjakan sebelum akhir bulan Oktober ini tetapi malangnya

senarai-senarai peruntukan yang telah diluluskan oleh pembangunan negeri dan barang-barang peralatan telah dibekalkan, kerja-kerja baik pulih juga telah dibuat tetapi sehingga kini banyak tuntutan yang telah dihantar oleh Ahli Parlimen kepada Akauntan Negeri tetapi tidak dibayar kepada pihak pembekal dan pihak-pihak yang telah membuat kerja-kerja membaik pulih tersebut. Oleh itu saya mohon supaya pembayaran ini dapat dibuat dalam tempoh satu bulan selepas tuntutan dibuat oleh pihak pembekal.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah juga peruntukan bina insan jika dibandingkan pada tahun 2005 dan 2006, tahun demi tahun bertambah berkurangan. Dahulu di bawah bina insan ini ada kelas-kelas dewasa. Saya mencadangkan supaya kelas-kelas dewasa ini diwujudkan semula di kampung-kampung sekurang-kurangnya dasar-dasar kerajaan dapat dijelaskan kepada penduduk kampung dan akhirnya mengenai Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera yang di mana modalnya telah diperuntukkan sejumlah RM2 bilion.

Baru-baru ini Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) telah menyatakan bahawa bagi seluruh negara nilai pasaran tanah rizab Melayu di seluruh negara dianggarkan RM 165 bilion tetapi akibat daripada beberapa masalah yang timbul, orang Melayu, bumiputera telah kehilangan atau kerugian sejumlah RM 38 bilion bagi bentuk kecairan modal apabila tidak dapat dicagarkan kepada institusi kewangan.

Masalah-masalah yang timbul juga kerana tidak ada Pegawai Harta Pusaka di daerah-daerah, perbalahan keluarga yang tidak dapat diselesaikan dan akhirnya baru-baru ini juga Menteri Sumber Asli dan Alam sekitar di dalam satu surat khabar tempatan pada 1 April 2005 telah menyatakan daripada 9.2 juta hak milik tanah bagi orang Melayu, sejumlah 900,000 kepunyaan orang mati iaitu kes-kes di mana perbicaraan harta pusaka tidak dapat diselesaikan.

Oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan pusat dan negeri dapat mengambil perhatian yang berat bagi membantu supaya kes-kes pusaka, perbalahan di antara keluarga dapat diselesaikan supaya hartanah orang Melayu ini dapat dimajukan. Dengan itu saya mohon menyokong.

4.25 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan 2006 pada petang ini. Pelbagai lapisan masyarakat telah mengemukakan pandangan dan reaksi

yang berbeza terhadap Bajet 2006. Ini merupakan fenomena yang normal dan boleh difahami. Rakyat rata-rata mengambil berat isu-isu negara seumpama itu, lebih-lebih lagi isu-isu yang memberi kesan langsung terhadap kegiatan ekonomi mereka.

Meskipun banyak konsep telah digunakan untuk menganalisis bajet negara, namun empat strategi utama kerajaan dalam bajet adalah jelas iaitu:

- (i) melaksanakan langkah proaktif kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi;
- (ii) menyediakan persekitaran mesra perniagaan;
- (iii) membangunkan modal insan; dan
- (iv) meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi bajet ini, kerajaan berharap untuk mengekalkan kadar pertumbuhan negara dan pada masa yang sama, meringankan beban yang dihadapi rakyat akibat impak inflasi. Kita tidak harus melupakan bahawa bajet ini adalah bajet yang paling penting, kerana tahun ini merupakan tahun pertama pelaksanaan rancangan lima tahun negara kita iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh itu, segala strategi dan arah tuju bajet ini adalah strategi dan arah tuju pembangunan Malaysia dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Salah satu aspek yang menarik perhatian dalam Bajet ini adalah dasar Merencanakan Pembangunan Sektor Pertanian. Kerajaan memperuntukkan RM 2.8 bilion bagi tujuan pembangunan sektor pertanian kerajaan memperuntukkan RM 2.8 bilion bagi tujuan pembangunan sektor pertanian, perikanan perladangan hutan. Khazanah Nasional akan memperuntukkan RM 500 juta bagi menubuhkan Syarikat Pertanian dan Makanan Nasional sebagai pusat kecemerlangan pengurusan rantai bekalan pertanian. Jabatan Pertanian akan disusun semula. Tabung Makanan akan diberi peruntukan RM300 juta. Kesemua langkah ini mencerminkan kerajaan memandang berat sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan hendaklah turut memandang berat terhadap masalah kekurangan tanah pertanian yang dihadapi oleh penanam-penanam sayur. Setahu saya, lebih 70 peratus penanam sayur di negara ini menggunakan tanah secara haram atau secara pajak untuk kegiatan pertanian mereka. Gejala ini sudah membantutkan kemajuan penanaman sayur. Kementerian Pertanian

hendaklah sentiasa menghulurkan bantuan kepada penanam-penanam sayur di negara kita.

Penanaman sayur asasnya merupakan suatu perusahaan tradisional. Tetapi berikutan desakan permintaan pasaran dan kemajuan teknik pertanian, adalah nyata bahawa sayur-sayuran keluaran negara kita sudah mencapai mutu global. Oleh itu, saya sarankan supaya kerajaan dan Kementerian Pertanian hendaklah berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk menyediakan lebih banyak tanah untuk kegunaan pertanian sebagai tanaman sayur-sayuran, seperti mana pelaksanaan rancangan "Buku Hijau" pada tahun 70an yang menggalakkan penanam-penanam sayur bertani di tanah yang diuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, Persekutuan Persatuan-persatuan Pekebun-pekebun Sayur-sayuran Malaysia pernah menegaskan bahawa kerajaan dalam melaksanakan dasar pertanian tidak membimbing para penanam sayur. Kerajaan juga dikatakan tidak mencari jalan yang sempurna untuk mengatasi masalah kekurangan tanah. Sekiranya kerajaan mendukung pembangunan perusahaan penanaman sayur, bekalan sayur-sayuran bukan sahaja dapat menampung keperluan pasaran domestik tetapi juga dapat dieksport ke pasaran antarabangsa untuk memperkukuhkan ekonomi negara. Saya mencadangkan:-

- i. Kerajaan menyediakan kemudahan tanah pertanian yang mencukupi untuk memastikan perusahaan penanaman sayur terus maju;
- ii. Menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh penanam-penanam sayur;
- iii. Menggalakkan para penanam sayur mempertingkatkan teknik penanaman sayur dan kemudahan kebun;
- iv. Membantu pengeluar-pengeluar sayur memperluaskan pasaran mereka dan membuka pasaran di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah jerebu nampaknya sudah menjadi isu tahunan di negara kita. Sampai ke hari ini belum kelihatan masalah jerebu itu dapat diatasi dengan memuaskan. Masalah itu menjejaskan kesihatan kita, ekonomi negara, industri pelancongan dan keselamatan pengangkutan di laut, udara dan darat. Rakyat sentiasa menggaru kepala dan tertanya-tanya kenapakah belum ada langkah-langkah konkrit yang dapat mengatasi masalah jerebu. Ini menunjukkan bahawa terdapat banyak kelemahan untuk mengatasi jerebu.

Tuan Yang di-Pertua, difahamkan bahawa masalah jerebu yang melanda negara kita pada bulan Ogos yang lalu berpunca daripada pembakaran terbuka di negara jiran. Ini merupakan masalah yang kita hadapi setiap tahun. Kenapa belum ada langkah-langkah yang konkrit untuk mengatasinya? Apa sudah jadi kepada rancangan mencegah jerebu serantau yang diperkenalkan oleh ASEAN? Kenapa sehingga hari ini masalah itu masih tidak selesai?

Di dalam negara kita pun ada banyak pembakaran terbuka berlaku. Kejadian itu secara langsung menjejaskan alam sekitar. Ini menimbulkan keraguan orang ramai terhadap kaedah penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekitar. Masalah pencemaran dalam negara terutamanya yang berpunca daripada jerebu hendaklah diberi perhatian yang serius dan diambil berat.

Oleh itu, kerajaan perlulah memberi maklumat kepada rakyat tentang langkah-langkah pelaksanaan Pelan Tindakan Jerebu Wilayah yang telah diterima pakai oleh ASEAN dalam rancangan mencegah jerebu termasuk desakan-desakan ke atas negara ASEAN terutamanya Indonesia tentang cara-cara menyelesaikan masalah jerebu itu. Ini akan membolehkan rakyat memahami kemajuan yang dicapai dalam usaha mengatasi masalah jerebu.

Tuan Yang di-Pertua, paras air empangan-empangan utama di Selangor telah menurun akibat kemarau. Maka akan timbul masalah kekurangan bekalan air di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Krisis air yang berlaku pada tahun 1998 telah mengganggu dengan teruknya kehidupan para penduduk di kawasan-kawasan yang terbabit. Krisis pada kali itu membawa pengalaman yang pahit dan iktibar kepada kita. Tetapi kenapakah sampai sekarang belum ada apa-apa rancangan yang konkrit untuk mengatasi krisis seumpama itu?

Difahamkan bahawa daripada laporan yang ada, Loji Rawatan Air Selangor membekalkan 4,390 juta liter air minum setiap hari. Sementara negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dijangka memerlukan 4,400 juta liter air minum setiap hari. Ini akan menyebabkan kekurangan bekalan air minum sebanyak 10 juta liter sehari menjelang tahun 2007. Manakala kekurangan itu dijangka menjadi bertambah buruk menjelang 2011 apabila perangkannya mencecah 836 juta liter sehari.

Tuan Yang di-Pertua, sejak krisis air pada tahun 1998, pernah timbul formula penyelesaian jangka panjang iaitu Projek Penyaluran Air Mentah dari negeri Pahang ke negeri Selangor. Tetapi sepanjang masa ini, rakyat masih tertanya-tanya entah bilakah

formula itu baru dapat dilaksanakan sepenuhnya bagi mengatasi masalah bekalan air pada keseluruhannya. Rancangan bekalan air yang tertunda itu akan berhasil pelbagai spekulasi.

Kerajaan perlu memberi penjelasan terperinci tentang cara jangka panjang dan pendek dalam menyelesaikan masalah bekalan air di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Rakyat berhak dimaklumkan tentang kemajuan pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah dari negeri Pahang ke negeri Selangor dan maklum balas tempoh jangka siap yang ditetapkan.

Kerajaan juga hendaklah mengkaji kenapakah bekalan air tidak mencukupi dalam musim kemarau. Yang menimbulkan tanda tanya adalah kenapakah empangan yang dibina di kawasan tadahan air menghadapi penurunan paras air sehingga mencetuskan krisis?

Sumber air yang tercemar menjejaskan rawatan air di loji air. Ini bukanlah satu isu yang baru tetapi kenapakah isu ini tidak dikendalikan dan diambil serius untuk diatasi. Laporan media massa terhadap kejadian pencemaran air sungai semakin menggoncang keyakinan rakyat. Saya berpendapat bahawa bekalan air minum yang berkualiti dan mencukupi adalah keperluan harian yang asas bagi rakyat dan ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk memperbaiki mutu hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir ialah langkah Bank Negara mengumumkan kutipan balik semua syiling RM1 telah menimbulkan kekecohan dan terdapat laporan bahawa sebilangan penjaja, peniaga malah bank di kawasan-kawasan tertentu enggan menerima syiling itu. Saya berpendapat bahawa cara Bank Negara mengendalikan langkah itu terlalu gopoh dan gagal memberi sebarang alasan yang munasabah. Orang ramai berhak mengetahui perkara-perkara berikut:-

- i. Apakah sebab Bank Negara dengan tiba-tiba mengutip balik syiling RM1?
- ii. Berapakah jumlah sebenarnya syiling RM1 yang ada di pasaran?
- iii. Berapakah jumlah yang berjaya dikutip balik dalam bulan September 2005?
- iv. Apakah status terperinci tentang pemalsuan syiling RM1 itu?
- v. Apakah langkah berkesan bagi mencegah kegiatan pemalsuan syiling RM1?

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses mengutip balik syiling RM1 itu, kerajaan hendaklah memastikan adanya kerjasama dan penyelarasan di antara pasaran dan

institusi-institusi kewangan supaya prosedur pertukaran syiling itu tidak menimbulkan kesulitan kepada para pemegang syiling itu. Yang penting kita hendaklah elakkan kekecohan berlaku di dalam pasaran kewangan itu sendiri. Cara yang teratur ini akan memelihara nama baik negara di samping menghapuskan sebarang keraguan orang ramai terhadap wang ringgit yang masih sah laku dipergunakan.

Dengan demikian saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

4.38 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk memberi sumbangan dalam perbahasan Bajet 2006 ini. Saya melihat Bajet 2006 ini sebagai salah satu daripada pelaksanaan dasar-dasar utama yang telah pun disediakan oleh pihak kerajaan iaitu bermula daripada Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, Dasar Pembangunan Wawasan dan seterusnya dipandu oleh Dasar Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita melihat bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tempoh hari, kita mahu melihat sama ada bajet ini telah melihat, telah cuba melaksanakan perakuan-perakuan yang telah pun ditulis dan didokumenkan dalam dokumen-dokumen yang disebutkan tadi. Kita ambil contoh dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Dalam dokumen ini telah membuat satu sasaran iaitu menjelang tahun ini iaitu tahun 2005, kadar kemiskinan negara akan diturunkan ke paras 0.5%. Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat pada tahun ini, sasaran ini dengan jelas kita telah gagal untuk mencapainya. Malah Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sendiri telah mengumumkan bahawa sasaran baru oleh kerajaan untuk menurunkan kadar kemiskinan ke tahap 0.5% ialah tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat dari segi perbelanjaan-perbelanjaan, peruntukan-peruntukan serta program-program dan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah program-program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebenarnya sudah banyak. Persoalannya di sini yang sudah berkali-kali kita tanyakan ialah soal sama ada program itu telah menepati sasaran, sama ada kita telah kenal pasti siapakah sebenarnya orang-orang yang miskin yang memerlukan bantuan. Kita ambil contoh dalam soal PPRT bantuan rumah. Adakah kita sudah kenal pasti siapa orang yang

sepatutnya yang mendapat? Dalam soal pemberian Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, apakah kita sudah kenal pasti siapakah yang sepatutnya mendapat program-program ini?

Dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan sekali lagi menyusun semula secara rapi untuk mengenal pasti siapa sebenarnya orang-orang yang miskin ini. Saya sedar bahawa Skim Kesejahteraan Rakyat, jawatankuasa yang telah ditubuhkan di peringkat daerah sedang berjalan pada masa ini di tiap-tiap daerah.

Walau bagaimanapun masih banyak lagi ruang-ruang yang perlu dikenal pasti sebab untuk mengenal pasti siapakah yang sebenarnya yang miskin ini, terutama sekali yang dikatakan miskin tegar ini memerlukan kriteria-kriteria tertentu yang tidak ketara, terutama sekali di negara kita ini yang kita sudah mencapai kejayaan yang begitu baik dan untuk mengenal pasti siapa yang sebenarnya miskin ini agak payah sebab status ekonomi mereka lebih kurang sama.

Tuan Yang di-Pertua, yang amat menarik dalam bajet ini ialah dalam soal memesatkan pembangunan luar bandar dan pembangunan wilayah sebagai salah satu strategi kerajaan untuk memenuhi tema bajet tahun ini yang bertema "Membina Ketahanan dan Menghadapi Cabaran".

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat soal memesatkan pasaran luar bandar, dalam bajet ini telah mencadangkan dua strategi yang utama. Satu menggunakan pertanian dan yang keduanya ialah untuk membangunkan kawasan luar bandar dengan cara memberi peruntukan untuk mempertingkatkan lagi infrastruktur. Saya menyokong beri sokongan yang kuat terhadap peruntukan sebanyak RM2.7 bilion untuk membangunkan sektor pertanian khususnya yang akan diberi kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Persoalannya di sini ialah bagaimanakah peruntukan ini akan dapat dimanfaatkan untuk membantu para petani tradisi secara langsung? Sebab baru-baru ini kita juga baru melaksanakan dan telah diluluskan di Dewan yang mulia ini peruntukan lebih RM100 juta untuk diberikan kepada GLCs untuk terlibat dalam sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh apabila kita berada di negeri Sabah, kita berjalanlah daripada Kota Kinabalu sampai ke Sandakan, dari Kota Kinabalu sampai ke Kudat, kita berjalan dari Kota Kinabalu sampai ke pedalaman di Tambunan, di Keningau sampai ke Kalabakan, sampai ke Tenom dan sebagainya, kita akan melihat banyak

kampung petani tradisi, kita tertanya-tanya dan mereka juga tertanya-tanya, malah mereka telah menghantar pesan-pesan SMS bagaimanakah kita akan mendapat manfaat daripada peruntukan RM2.7 bilion untuk pertanian ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebab Tuan Yang di-Pertua... Sebentar Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya akan beri peluang. Sebab Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya peruntukan-peruntukan ini kita beri kepada GLC, GLC akan menggunakan untuk membina dan membangunkan pertaniannya sendiri dan sama ada dalam pemprosesan ataupun dalam perladangan.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya GLCs ini akan mengambil pendekatan *subcontracting* kepada petani tradisi ini. Petani tradisi boleh menjadi pengeluar yang mengeluarkan bahan mentah untuk GLC. Ini tidak dijelaskan dalam bajet ini dan saya berharap pendekatan ini akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mempunyai pertubuhan peladang kawasan untuk menangani masalah-masalah pembangunan petani tradisi, tetapi saya nampak mereka ini lesu. Mereka begitu jauh, berjauhan dengan Pertubuhan Peladang seperti mana yang terdapat di negara lain seperti negara Taiwan. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya GLC ini dapat digemblengkan untuk membantu menjadi pemangkin kepada pembangunan pertanian tradisi, kita akan alu-alukan dan inilah cadangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pendekatan, sebenarnya ini pendekatan yang berterusan untuk memesatkan lagi ekonomi luar bandar, ialah pembangunan wilayah. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau tadi, kerajaan telah mengambil pendekatan untuk menubuhkan agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah dan Yang Berhormat juga tadi telah menyebutkan beberapa agensi dan bagaimana ditadbir selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah ini telah ditubuhkan untuk melaksanakan satu strategi pembangunan ekonomi seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, iaitu untuk menubuhkan pusat-pusat tumbuhan di kawasan luar bandar. Maksudnya untuk membandarkan desa.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga dengan kejayaan, sejak tahun 70-an sehingga pada hari ini, kita berbangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh agensi-agensi oleh KEJORA, FELDA, KESEDAR, KETENGAH, KEDA dan sebagainya. Tetapi

persoalannya di sini ialah agensi-agensi ini tidak ditubuhkan di negeri Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat bagi Ketereh semalam menyatakan bahawa negeri Sabah menolak, sebenarnya belum lagi menolak. Barangkali setakat ini masih ada yang keliru. Termasuklah pemimpin-pemimpin, termasuklah wakil-wakil rakyat yang masih keliru dengan soal Lembaga Kemajuan Wilayah ini belum lagi memahami konsep dia, pendekatan dia. Dan sebenarnya kami amat berterima kasih pada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar yang begitu prihatin dan sehingga telah membawa perkara ini ke Kabinet. Saya difahamkan Kabinet telah bersetuju secara prinsipnya untuk melaksanakan dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pun sudah menandatangani saya difahamkan untuk memulakan Lembaga Kemajuan Wilayah negeri Sabah di daerah Ranau.

Walau bagaimanapun, masih ada lagi orang-orang yang keliru di negeri Sabah tentang niat baik, tentang pendekatan Lembaga Kemajuan Wilayah ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan dan saya memohon supaya pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional berbincang secara terus kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Ini tidak masuk akal. Kerajaan Persekutuan adalah Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Negeri Sabah adalah Kerajaan Barisan Nasional, tidak ada sebab kenapa soal-soal seperti ini tidak dapat dijelaskan, tidak dapat dilaksanakan. Adalah amat sayang, apabila saya mengkaji Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang telah disalurkan melalui Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah ini, bermula dari tahun 70-an sehingga pada hari ini, sudah lebih RM2 bilion.

Kita tidak iri hati, malah kita mahu mencontohi apa yang telah dicapai seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, bagaimana sekarang Bandar Gua Musang telah dibangunkan melalui dengan adanya Lembaga Kemajuan Wilayah ini. Oleh sebab itu saya mohon, kita ambil pendekatan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah mengambil pendekatan untuk memberi penjelasan kepada pemimpin-pemimpin yang masih keliru di negeri Sabah, kalau boleh bawa mereka melawat ke kawasan KESEDAR, ke kawasan KETENGAH, bawa mereka ke kawasan FELDA, ke KEJORA di Johor dan sendiri melihat apakah sebenarnya pendekatan ini. Saya difahamkan di antara kekeliruan ialah kononnya, agensi ini akan mengambil tanah, seolah-olah dia ambil tanah dan dia bawa balik ke sini.

Tetapi sebenarnya, agensi ini Pengerusinya adalah Ketua Menteri kalau di Sabah, kalau di Semenanjung dia Menteri Besar dan timbalannya ialah KSU dan

sebagainya. Kerajaan negeri masih lagi mempunyai peranan yang amat penting dalam mentadbir agensi. Tuan Yang di-Pertua, mulai dari dahulu lagi tahun 2000, saya telah mengatakan perkara ini, sehinggakan saya telah mencadangkan satu usul di Dewan ini yang hampir-hampir dibentangkan. Saya telah membawa ini Tuan Yang di-Pertua, sebab saya mengkaji. Kita ambil contoh KETENGAH, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah. Menurut Laporan Audit, kita tengok dalam Laporan Audit tahun 2004, KETENGAH telah menetapkan sasarannya iaitu melahirkan 16,321 orang penduduk yang mempunyai;

- i. pendapatan purata bulanan tidak kurang daripada RM2000, amat baik. Kalau dapat capai RM1,500, RM1000 pun sudah amat baik, RM2000;
- ii. kemudian mempunyai komputer peribadi di setiap rumah. Lepas itu berpendidikan minimum Sijil Pelajaran Malaysia;
- iii. anak belajar di institut pengajian tinggi;
- iv. mempunyai kereta serta berkeperibadian mulia.

Tuan Yang di-Pertua, ini amat baik, ini tidak ada kena-mengena dengan ada pihak-pihak yang mengambil tanah. Yang dibantu adalah isi-isi keluarga, orang-orang yang ada di kawasan tersebut yang akan dibantu oleh agensi yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi program yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah ini, ialah apa yang dikatakan sebagai Program Pemodenan Kampung. Apabila kita tengok dalam bajet, dalam butiran-butiran dalam bajet, setiap tahun, kita akan nampak satu butiran yang bernama Program Pemodenan Kampung. Kita akan lihat program ini tidak akan didapati di Sabah dan Sarawak hanya kerana kita tidak ada agensi. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya ingin mencadangkan, saya mohon supaya pihak menteri bolehlah kadang-kadang kami orang Sabah ini, perlu diberi penjelasan. Dahulu pembentukan Malaysia pun, kita tidak ada lagi yang keliru, tidak setuju dan sebagainya sehingga pemimpin-pemimpin pun dibawa di sini, melawat seluruh Semenanjung, baru mereka bersetuju dan sebagainya.

Barangkali kita akan ulang balik sejarah ini. Sebab jika kita tidak buat ini, negeri Sabah akan kerugian dari segi peruntukan dan ini amat penting Tuan Yang di-Pertua, sebab saya lihat dalam Laporan Audit, Laporan Ketua Audit Negara untuk Sabah tahun 2004. Di situ kita lihat daripada 12,069 projek yang telah diluluskan, ini Projek Kecil Luar Bandar, yang telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang sudah habis pada tahun ini, khas untuk

Kementerian Pembangunan Luar Bandar negeri Sabah. Yang siap hanyalah RM16,529 projek dan yang sedang dilaksanakan pada masa ini ialah 1,396 projek dan yang belum bermula ialah sebanyak 4,144 projek. Ketua Audit Negara menyatakan dalam laporannya projek-projek ini belum lagi dilaksanakan sebab tidak ada peruntukan. Jadi ini sudah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, tetapi tidak ada peruntukan. Apabila tidak ada peruntukan, macam mana mahu dilaksanakan? Kalau tidak ada peruntukan, kalau duit tidak cukup untuk melaksanakan projek-projek luar bandar seperti ini, kenapa kita harus berdegil untuk menerima baik cadangan untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah?

Sekurang-kurangnya setiap tahun barangkali kita akan dapat RM20 juta. Sebagai contoh KETENGAH saya lihat, pada tahun ini kalau tidak silap, dia pun dapat juga lebih kurang RM19 juta. Tiap-tiap tahun, di antara RM11 juta hingga RM20 juta. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita lihat peruntukan yang disebut oleh ramai rakan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, RM2.3 juta yang diberikan pada negeri Sabah. Kita amat berterima kasih pada Kerajaan Persekutuan sebab memberi peruntukan memperbesarkan lagi Universiti Malaysia Sabah, memperbesarkan lagi Hospital Queen Elizabeth, memperbesarkan lagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, membuat dua rangkaian besar *highway* negeri Sabah. Kita berterima kasih. Semua ini tentu sekali akan memangkinkan pembangunan Wilayah Negeri Sabah terutama sekali Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Lebih banyak kapal terbang akan datang, lebih ramai pelancong akan datang dan ramai yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada 4 minit lagi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalannya di sini ialah, di kawasan luar bandar. Kalau Yang Berhormat bagi Sri Aman menceritakan tadi tentang nostalgia dia, P. Ramlee dengan kerosene dan sebagainya. Cerita ini juga sama dengan kita. Kita balik-balik dengan negeri Sabah. Setiap bajet tahunan, sama ada bajet negeri Sabah dan bajet Persekutuan akan ditanya, bekalan elektrik sampai bila?

Saya tidak perlu sebutkan satu persatu di mana kampungnya dan sebagainya, dan saya amat bersyukur kerana saya pun berjaya membawa Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tempoh hari, ke kawasan saya dan apabila dia bersama dengan saya, dia mengatakan pada saya, "Yang

Berhormat, melayan rakyat di sini pakai kereta siapa?” Saya kata, “Kereta saya sendiri selama ini”. Dia bercakap, “Begini jalan raya yang buruk ini sepatutnya diberi kereta”. Kerajaan patut memberi kereta untuk melayan rakyat. Sememangnya pemimpin-pemimpin kita pun amat prihatin. Persoalannya di sini cuma soal keutamaan sahaja. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita terharulah, apabila di sini, rakan-rakan menceritakan tentang perlunya jalan raya dari Putrajaya sampai ke Kuala Lumpur *highway* dia, minta lagi Jambatan Kedua Pulau Pinang dan sebagainya.

Tempat ambil duit sama, dari perbandaran sahaja, soalnya di mana keutamaan, bagi kita di negeri Sabah tidak boleh mengatakan, “Oh, tahun depan selesai”. Yang penting kita mahu dengar sekarang ialah bilakah dia akan selesai? Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan, kalau sudah dimulakan, percepatkan diadakan pangkalan data. Kesemua kampung, semua rumah panjang, yang belum lagi ada kemudahan-kemudahan asas ini dan kita tentukanlah, bila ini akan selesai? Sebab sekarang ini walaupun, kampung-kampung yang belum ada bekalan elektrik sudah sampai ke universiti, sudah graduan, balik kampung dia bawa dia punya komputer pun dia tidak boleh pakai, sebab elektrik tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dalam sistem penyampaian saya pun amat bersetuju dengan rakan-rakan tadi termasuk yang bagi Cameron Highlands dalam sistem penyampaian dia, tetapi yang paling penting di sini setelah diceritakan jentera kerajaan dan sebagainya, yang penting di sini juga perlu diperkasakan, perlu dipertingkatkan ialah institusi di akar umbi. JKKK, JKDB dan sebagainya.

Setakat ini saya tidak nampak kesungguhan untuk memperkasakan mereka, masih lagi kita bebas esok sampai habis tempoh bulan September, bulan Oktober, kita lantik pengerusinya dan sebagainya. Tetapi dari segi latihan kepimpinan dia, dari segi keupayaan dia untuk mentadbir kampung dia, perlu diperkasakan dan selama ini sudah dinyatakan bahawa kepentingan, keperluan untuk memperkasakan, memperkukuhkan lagi institusi akar umbi sebagai satu strategi untuk membangun luar bandar adalah amat penting dan saya berharap dalam bajet tahun hadapan yang dinyatakan di sini. Kerajaan akan mengambil serius soal ini sebab kesemuanya bermula daripada keupayaan institusi akar umbi, sama ada kita akan mendapat senarai rakyat termiskin yang betul, sama ada kita akan dapat mengetahui perkara-perkara yang berlaku di kampung termasuklah keprihatinan Yang Berhormat daripada Sabak bernam mengenai soal dadah dan sebagainya. Ini bermula daripada keupayaan dan keprihatinan institusi

akar umbi JKKK dan sebagainya. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Papar.
4.58 ptg.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan tema membina ketahanan menghadapi cabaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan satu bajet yang mengambil kira keperluan dan keadaan semasa terutama faktor kenaikan harga petroleum dan impaknya kepada inflasi. Oleh itu tidak hairanlah Bajet 2006 bukan sahaja berusaha memperkukuhkan kekuatan sedia ada ekonomi negara, bahkan beberapa insentif yang dicadangkan adalah bertujuan mengurangkan hambatan inflasi. Penerima faedah ini antara lain adalah organisasi perniagaan besar, serta mereka yang dalam kumpulan industri kecil dan sederhana. Begitu juga dengan kakitangan kerajaan. Dengan itu bonus minimum sebanyak RM1,500 yang diberikan kepada kakitangan kerajaan adalah amat dialu-alukan, tetapi pada suatu yang harus kita fahami dalam konteks tahap kehidupan pada kadar inflasi pada hari ini, bonus tersebut adalah lebih bersifat meringankan beban penerima dan keluarga mereka dan bukannya suatu kemewahan.

Daripada reaksi yang saya dapat, terutamanya daripada kalangan kakitangan awam di kawasan saya, mereka sebenarnya amat berterima kasih di atas kemurahan hati Kerajaan Persekutuan, dan pada mereka yang menjadi kakitangan awam dalam kerajaan negeri pula menaruh harapan yang begitu tinggi agar Kerajaan Negeri Sabah akan mengikut langkah ini seperti yang ditunjukkan pada tahun-tahun yang sudah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi, jika kakitangan awam antara lain menerima bonus, organisasi perniagaan pula mendapat pelbagai insentif dari sudut beberapa bentuk pelepasan cukai, elaun modal, taraf perintis dan sebagainya, kita pasti bahawa melalui insentif ini, bukan sahaja entiti perniagaan itu akan dapat menjana maju perniagaan mereka, bahkan sebahagiannya akan mencipta lebihan yang boleh dikongsikan dengan kakitangan mereka dalam bentuk bonus.

Namun ini bukanlah satu jaminan bahawa setiap organisasi akan memberikan bonus kepada pekerja mereka kerana ianya terserah kepada polisi dan juga budi bicara masing-masing. Kerajaan tidak ada kuasa untuk campur tangan dalam urusan ini. Sehubungan itu, bagi pekerja syarikat swasta yang tidak mendapat bonus daripada

majikan mereka, kita mendengar keluhan bahawa faedah langsung yang mereka terima Bajet 2006 ini tidak sebaik rakan-rakan mereka dalam perkhidmatan kerajaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Mahu tanya sikit. Apa fasal tidak boleh? Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap fasal bonus. Tetapi kalau erti kata sebenarnya bonus adalah pemberian apabila sesuatu perniagaan itu mendatangkan keuntungan kepada syarikat. Kalau syarikat tidak untung, macam mana hendak bagi bonus? Tetapi pihak kerajaan kita dia cukup baik hati, dia prihatin.

Walaupun mungkin prestasi pegawai kerajaan hanya boleh ditentukan oleh rakyat. Kalau rakyat berpuas hati dengan pegawai kerajaan, tidak ada rungutan tentang pentadbiran dan segala program-program dan juga perjalanan kerajaan berjalan dengan baik, bermaknanya prestasi mereka baik, maka kerajaan bagi bonus kepada mereka.

Jadi adakah Yang Berhormat berpuas hati bahawa pemberian bonus ini bukanlah penentuan setiap tahun tetapi ini adalah hasil daripada kemasukan kewangan kepada pihak kerajaan. Bermakna pegawai kerajaan kena buat kerja lebih, duit masuk banyak, maka keuntungan kerajaan insya-Allah, pegawai-pegawai kerajaan boleh dapat bonus sebulan setengah ataupun dua bulan. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bonus ini juga, kita tengoklah kepada wakil-wakil rakyat sama. Terima kasih.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Sebagai jiran yang paling dekat dengan saya, saya teramat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Jerai. Menyentuh mengenai faktor-faktor yang memungkinkan sesuatu jumlah bonus itu dapat dipertingkatkan, telah saya sebutkan tadi Yang Berhormat iaitu kerajaan telah mengambil iktibar daripada beberapa faktor untuk *come to this conclusion* dengan izin, untuk memberikan bonus kepada kakitangan berkenaan. Saya teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya bersetuju. Maka adalah dalam erti kata ini saya mencadangkan agar supaya kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memberikan insentif kepada para pekerja swasta iaitu dalam bentuk yang kerajaan mempunyai kuasa untuk melakukannya. Salah satu bentuk insentif yang boleh dipertimbangkan ialah pelepasan tambahan ataupun rebat cukai pendapatan perseorangan kepada pekerja swasta yang mempunyai pendapatan boleh cukai tetapi

tidak menerima sebarang pembayaran bonus atau yang seumpamanya daripada majikan mereka. Kadar pelepasan tambahan atau rebat cukai tersebut boleh ditakatkan pada jumlah kesan agregat yang sama jika mereka menerima bonus siling sebanyak RM1,500 pada tahun percukaian 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan bahawa jumlah anggaran hasil melepas daripada insentif ini tidaklah memberikan beban yang berat kepada dana pendapatan kerajaan. Bahkan, kos kepada insentif kerajaan ini akan berbaloi dalam bentuk capaian sentuhan prihatin kerajaan kepada para pekerja sektor swasta dalam lingkungan ini, terutama mereka yang berada dalam kumpulan pendapatan pertengahan dan peringkat ke bawah.

Namun, apa sekalipun kita tidak mahu nanti mendengar alasan daripada majikan swasta bahawa dengan insentif sedemikian, jika diguna pakai oleh kerajaan, maka mereka akan mengambil kesempatan untuk tidak memberikan bonus kepada pekerja mereka walaupun mereka mampu untuk melakukannya dengan asas supaya pekerja mereka dapat menikmati insentif pelepasan atau rebat cukai pendapatan perseorangan oleh kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertuan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan juga ada membentangkan dalam Bajet 2006 tentang penubuhan dan permulaan operasi SME Bank yang diwujudkan entitinya di bawah Perkumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Satu usaha pengumpulan dana atau dengan izin, *fund raising* sebanyak RM9 bilion yang akan dibuat melalui pasaran modal akan digunakan. Sebahagiannya untuk meningkatkan modal berbayar SME Bank kepada RM1 bilion. Seperti yang kita sedia maklum bahawa pada tahun ini ada beberapa suara pertubuhan dan persatuan pengupayaan wanita termasuklah daripada parti-parti politik yang menyuarakan perlunya kewujudan sebuah institusi kewangan khas untuk menampung keperluan pembiayaan kaum wanita dalam perniagaan kecil dan sederhana.

Cadangan ini timbul kerana ramai kaum wanita yang telah terlibat dalam perniagaan dan ingin memulakan perniagaan mereka sendiri menghadapi kesukaran untuk memperolehi pembiayaan daripada bank dan syarikat pembiayaan kewangan yang sedia ada. Ini berlangsung walaupun ada kajian yang menyokong pendapat bahawa wanita secara umumnya adalah pembayar hutang yang lebih baik. Dalam erti kata lain, tanpa niat untuk merendahkan sesiapa, mengutip bayaran balik daripada

penghutang wanita adalah lebih tinggi potensinya. Sehubungan dengan itu, adalah saya mencadangkan agar SME.....

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Papar. Yang Berhormat tadi seolah-olah mencadangkan seperti yang disuarakan oleh kaum wanita, disediakan satu dana ataupun bank yang khusus untuk membantu wanita di dalam urusan perniagaan. Saya memang mengakui ramai di kalangan wanita kita di Malaysia ini begitu gigih di dalam perniagaan dan ramai yang berjaya, termasuk yang ramainya di Terengganu dan Kelantan, saya perhatikan ramai wanita berniaga. Tetapi, tidakkah cadangan ini nanti seolah-olah kita *under* ke belakang, seolah-olah kita membezakan perbezaan *gender* ini sedangkan, kita kalau boleh, wanita atau lelaki dianggap sama dan bersaing dalam satu *line field* yang sama. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Kalau Yang Berhormat izinkan saya untuk meneruskan ucapan saya pada hari ini, saya akan menjawab soalan Yang Berhormat itu. Tuan Yang di-Pertua, usaha proaktif melalui langkah diskriminasi sedemikian adalah perlu di dalam usaha kerajaan untuk memperbaiki kecekapan aktiviti ekonomi melalui input dan output wanita yang bijak menguruskan perniagaan dan pengurusan pembayaran hutang. Antara kata lain, adalah saya menekankan bahawa memberikan perkhidmatan sebegini dapat memberikan ruang yang lebih kepada kaum wanita untuk memajukan diri. Ini kita katakan kerana terdapat rungutan daripada wanita-wanita ini, mereka mengalami kesukaran untuk memperoleh pembiayaan dalam bank. Jadi saya tidak nampak perkara ini dapat membolehkan kita berundur ke belakang, tetapi sebenarnya akan memberikan keizinan kepada kita lebih membantu kaum Hawa di dalam aspek ekonomi dan sebagai.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Kebaikan, untuk kebaikan wanita saya hendak cadang. Saya amat bersimpati Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat bagi Papar. Sebenarnya wanita ini dia serius dan dia tekun bila dia buat sesuatu. Sebab itulah seorang wanita ini dia boleh melahirkan anak dan menjaga anak. Kalau serah anak itu kepada bapa, perasan rumah tangga kalam-kabut. *[Ketawa]*. Jadi

si bapa ini dia *take it too easy*, dia *relax*. Tetapi si ibu ini dia berusaha begitu juga berniaga.

Saya faham fasal Amanah TEKUN ini dan juga IKHTIAR ini *pay back* daripada peminjam cukup bagus. Tetapi saya ingat penjelasan daripada pihak kerajaan terhadap peluang-peluang wanita-wanita di peringkat bawahan ini untuk melibatkan dalam industri SMI ini begitu penting kerana mereka tidak faham. Kadang-kadang mereka tidak masuk persatuan, dewan perniagaankah, persatuan itu, persatuan ini.

Jadi mereka tidak faham. Jadi kita minta Kementerian Wanita ini, kaum ibu ini supaya dia ada juga kursus-kursus industri kecil dan sederhana. Macam dalam kawasan saya, saya cuba bangunkan ibu tunggallah. Bapa tunggal tidak payahlah, pi cari sendiri. Yang lain-lain untuk cara depa hendak berniaga dengan SMI ini. Yang Berhormat bersetuju dengan sayakah tidak?

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai dan sebagai panduan untuk *benchmarking*, keikhlasan usaha ini, saya juga mencadangkan supaya SME Bank mungkin boleh memperuntukkan kuota 30% dan pembiayaannya kepada syarikat dan entiti pemohon yang pemilik majoritinya adalah wanita. Ini saya katakan kerana ia adalah satu usaha yang jujur untuk mengikis pandangan bahawa wanita hanya layak duduk dalam kategori penerimaan bantuan pembiayaan berbentuk kebajikan kerana jika skim khas ini dapat diwujudkan, syarat dan terma komersial yang dikenakan oleh SME Bank adalah sama dengan yang diguna pakai untuk pembiayaan umumnya. Perbezaan yang ketara hanyalah skim kemudahan tersebut adalah khusus untuk syarikat dan entiti perniagaan milik majoriti wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2006 juga ada menyentuh mengenai peranan agensi PROSPER yang kewujudannya khas untuk membangunkan syarikat PKS bumiputera yang berdaya maju dalam sektor peruncitan. Sebanyak 770 permohonan yang melibatkan 1,600 orang usahawan bumiputera telah mendapat faedah setakat ini. Bajet 2006 mencadangkan agar skop PROSPER ini diperkembangkan lagi secara vertikal ke atas iaitu untuk syarikat yang terlibat dalam kegiatan secara pukal ataupun *wholesale*. Tujuannya adalah supaya para usahawan peruncitan dapat memperoleh sumber bekalan mereka dengan kos yang murah daripada para pembekal pukal ini.

Saya menghargai niat baik langkah ini tetapi saya juga ingin mencadangkan agar agensi lain ditubuhkan khusus untuk memenuhi kehendak usahawan pukal ini. Ini adalah kerana kita bimbang bahawa PROSPER akan tidak dapat memberikan tumpuan

kepada matlamat asalnya membina usahawan peruncitan, apatah lagi sejak penubuhannya, seramai 1,600 orang usahawan dalam inkubatornya sekarang ini adalah satu jumlah yang sangat kecil jika kita melihat potensi industri PKS itu sendiri. Oleh itu, jika sebuah agensi baru diwujudkan, maka hubungan vertikal yang bersepadu di antara usahawan peruncitan dan usahawan pembekal pukal masih boleh dibentuk dengan masing-masing mempunyai pemantau dengan kapasiti yang memfokus, sesuaikan dengan tanggungjawab mereka yang khusus.

Apa yang penting ialah agensi masing-masing boleh mencapai tahap optimum fungsi mereka dan mengelakkan daripada berlakunya konflik kepentingan. Ini adalah kerana, walaupun tujuan kerajaan adalah untuk memastikan kedua-dua peruncit dan pembekal pukal boleh beroperasi dalam persekitaran kos yang ekonomi, namun kecekapan akan terencat jika mereka selama ini berada dalam suasana pasaran *artificial* dengan izin, dan terasing daripada pasaran terbuka.

Dengan keduanya beroperasi dalam jalinan kebergantungan atau *dependency* yang dipengaruhi faktor pasaran sebenar, maka ianya akan lebih mudah untuk mereka mengaut pengalaman berharga sebelum menyerapkan diri sepenuhnya dalam pasaran terbuka. Jika tidak, maka mereka akan terus bergantung kepada persekitaran bertongkat selamanya dan akan rebah jika tongkat itu ditarik semula. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ramai lagi? Bolehlah. Saya minta semua dapat bersabarlah. Saya ingat boleh, pada jam 9.30 semua akan diberi peluanglah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat bagi Pendang. Sila.

5.14 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Budget 2006. Saya nak mula, mungkin kalau kita lihat dari ucapan bekas Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir yang mencirikan orang Melayu sebagai "Mudah lupa". Satu contoh dalam kes ini ialah, bila Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi lupa akan janji yang dibuatnya kira-kira dua tahun lalu, di hadapan berjuta rakyat Malaysia, bahawa beliau akan mengimbangkan belanjawan pada tahun 2006. Dalam pembentangan pada 10

November, 2004 beliau berjanji akan mengurangkan defisit belanjawan dari 5.4% daripada KDNK kepada 3.3% pada tahun 2004 dan 1.8% pada tahun 2005 dan seterusnya kerajaan dijangka dapat mencapai matlamat *budget* berimbang pada tahun 2006, rujuk muka surat 17 ucapan *Budget* 2004. Mungkin kerana terlalu sibuk, kita tahu Perdana Menteri memegang beberapa jawatan iaitu sebagai Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Kewangan, Pengerusi OIC dan juga Pengerusi NAM menyebabkan beliau keletihan dan mungkin terlupa di atas janji beliau tersebut. Walaupun tidak dapat dinafikan ketidaktentuan ekonomi dunia dan negara.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Assalamualaikum.....

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: serta kenaikan harga minyak menyebabkan imbalan belanjawan ini tidak dapat dilaksanakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasa Yang Berhormat telah terjawab, saya nak tanya itu juga. Selalunya Yang Amat Berhormat berkata, "Kita menjangka", perkataan "Jangka" itu Yang Berhormat pun faham, sebab itu mungkin boleh dan mungkin tak boleh, tapi disebabkan ekonomi dunia yang begitu kritikal pada hari ini dan harga minyak yang naik begitu kritikal juga, jadi secara tak langsung dengan keadaan persembahan *budget* pada tahun ini saya kira adalah berpatutan Yang Berhormat, dan saya ingat pada tahun depan ni kita boleh *balance* balik *budget*. Ini pandangan saya, jadi pandangan Yang Berhormat kerana Yang Berhormat tadi pun di penghujung sebelum bagi peluang kepada saya mengatakan, "Bahawa disebabkan oleh ekonomi dunia". Jadi kita ni hidup ber dunia, macam itu Yang Berhormat ya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Lupa tak pa, Tuhan marah,....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: ... sembahyang pun lupa, tak apa tu.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan terhadap pembangunan luar bandar amat dialu-alukan terutama untuk menyediakan kemudahan asas seperti air, elektrik, jalan raya, jambatan diharap dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan adil. Prioriti perlu diberikan mengikut keperluan. Sejumlah RM5.5 billion diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar apakah ini mencukupi? Tentu cukup kalau tidak berlaku 'ketirisan' seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Perdana Menteri atau tidak berlaku 'pembelonan' di dalam sesuatu projek. Kalau tidak akan terjadilah seperti mana yang terjadi pada Dasar Ekonomi Baru yang telah gagal walaupun setelah 35 tahun dilaksanakan.

“Ketirisan” adalah istilah yang digunakan oleh Perdana Menteri untuk mengungkap gejala negatif yang mengakibatkan program kerajaan gagal mencapai sasaran atau tidak berjaya sepenuhnya termasuk dalam kategori ini adalah penyelewengan, rasuah, ali baba, kronisme dan seumpamanya. Ketirisan merupakan musuh kepada kejayaan agenda Melayu. Seandainya ia masih dibenarkan dan berterusan berlaku, sebutlah apa pun agenda membangun Melayu dan orang Islam sudah tentu ianya akan menemui jalan yang sama iaitu kegagalan. Sebutlah apa nama pun ANB, Wawasan 2020, agenda Melayu Baru atau lain-lain buktinya sudah banyak. Alasan yang diberikan bumiputera tidak menggunakan peluang yang diberikan, malas berusaha, tidak pandai berdikari dan bermacam lagi tohmahan dan *level* yang diberikan.

Sebenarnya apa yang berlaku, apa saja bantuan, projek, saham, AP, PPRT, TEKUN amat sinonim dengan diskriminasi dan juga halangan-halangan utama. Pemohon akan diperiksa hingga ke akar umbi bermula dari JKKK yang bertindak melebihi kuasa DO, ketua bahagian lebih berkuasa dari ketua jabatan atau pegawai daerah, maka terjadilah seperti yang telah berlaku sekian lama. Kawalan dan kayu ukur adalah di bawah garis panduan politik dan bukannya keupayaan, pengalaman dan kebolehan, yang kuat kabel, maka dapatlah dia, walaupun tidak ada pengalaman kerana boleh serah pada orang lain, dia hanya makan komisen, goyang kaki di pejabat walau tidak pandai berniaga.

Menurut Prof. Diraja Ungku Aziz dalam membetulkan persepsi ini kita harus kembali kepada Allah dan dari situ kita melihat masalah kita baik pendidikan, keusahawanan, pembangunan dan sebagainya. Islam mendidik keikhlasan tanpa penipuan, amanah dan jujur, bertanggung jawab dan tidak khianat dengan janji. Ketirisan perlu dibaiki segera, ia tidak harus dibiarkan terus berlaku.

Sudah 35 tahun kita bercakap tentang kemajuan bangsa, tetapi masih tidak mencapai hasrat tersebut atau akan terus gagal kalau kita tidak berusaha menjahit ketirisan tanpa membuang gunting yang menyebabkan berlakunya ketirisan tersebut terus berada di dalam lipatan. Sebab itulah kita dapati masih terdapat banyak lagi kampung-kampung yang berada di luar bandar atau pinggir bandar yang masih belum lagi menikmati kemudahan air paip dan juga jalan bertar.

Di kawasan saya sendiri masih ada rakyat minum air perigi bercampur berudu walaupun hanya 15 kilometer dari pekan Pendang, seperti yang disiarkan oleh akhbar

Metro baru-baru ini. Jalan berselut dan berhabuk melebihi jalan zaman darurat jerebu di Klang seperti kampung Alor Nan. Ada jalan kampungnya jalan tar cantik, tetapi nak masuk terpaksa mengharungi tanah merah dan juga lopak, berair seperti di kampung Bakar Arang. Mungkin *engineer* kampung yang meluluskan projek ini bukan *engineer* JKR, terpaksa kalau nak masuk kampung tukar kepada *gear* lompat.

Dalam mana-mana projek menterjemahkan polisi kepada *reality* tidak semudah ungkapan. Perincian pelaksanaan, pertanggungjawaban, pemantauan dana dan pengurusan sumber merupakan cabaran besar yang perlu ditangani oleh kerajaan kerana daripada rekod beberapa projek kerajaan tidak menggalakkan terutama dari segi pemantauan agihan dana dan juga pelaksanaan. Balai Polis Pendang contohnya sudah berapa kali tukar kontraktor, masih belum siap bahkan kawasan pembinaan sudah menjadi hutan.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan ke IPT, IPTA dan IPTS sudah tidak semudah dahulu lagi. Meritokrasi dan kewangan menjadi punca kegagalan ramai pelajar Melayu tidak dapat meneruskan hasrat mereka. Bantuan kewangan semuanya dalam bentuk pinjaman. Basiswa sudah tiada lagi, kalau ada pun “Jarang-jarang”, sebagaimana sebutan P. Ramlee, itu pun penuh dengan berjela-jela syarat dan perlu mendapat bermacam-macam sokongan. Itu pulak ditambah dengan faedah, mengalahkan faedah membeli kereta baru. Kalau IPTS lebih teruk, nak masuk terpaksa jual lembu dan kerbau untuk mencari modal, yuran pula tinggi melangit, manalah ada orang kampung yang sanggup, sebab itu banyak yang gulung tikar, pelajar tak masuk, pensyarah pula lari. PPTN dikatakan sedang mengkaji pinjaman untuk mereka yang mengikuti kursus di IPTS, adakah perlu mendapat pinjaman ataupun tidak, sama ada kursus itu kritikal ataupun tidak? Menambah perit lagilah apabila mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris yang disanggah oleh saintis dan pakar bahasa Melayu, tetapi tidak diambil peduli. Kalau ramai yang tidak lulus nanti, siapa yang akan menanggung rugi? Tentulah bangsa kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada sektor kesihatan dirasakan masih lagi kekurangan berbanding dengan sasaran WHO iaitu 5% daripada KDNK. Sektor awam kita hanya memperuntukkan 2.3% daripada KDNK, agak jauh daripada sasaran WHO. Kajian perlu lebih banyak dilakukan untuk mengetahui kesan daripada pelancongan kesihatan terhadap kemudahan, terhadap penjagaan kesihatan pakar oleh rakyat Malaysia sendiri.

Pelancongan kesihatan perlu dipastikan agar ianya tidak menyebabkan hospital awam mengalami kehilangan tenaga doktor, tenaga pakar dan kakitangan perubatan yang akan berhijrah ke sektor swasta, yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan dalam menyahut seruan pelancongan kesihatan ini. Kita tidak mahu rakyat asing akan mendapat perkhidmatan kesihatan kelas pertama, tetapi rakyat tempatan sentiasa akan terabai.

Keengganan pegawai pakar dan perubatan untuk berkhidmat di luar bandar dan terpencil perlu diberi perhatian kerana majoriti rakyat masih tinggal di luar bandar. Kalau kerajaan boleh memberi Elaun COLA untuk pegawai di bandar dan Elaun Wilayah untuk bertugas di Sabah dan Sarawak, maka apakah salahnya kalau diwujudkan elaun luar bandar kalau hendakkan mereka ini berebut untuk bertugas di kawasan terpencil yang tidak banyak kemudahan seperti yang wujud di bandar-bandar. Kerajaan juga tidak memberikan peruntukan khusus dalam membangun dan menaik taraf pusat kawalan penyakit, rentetan daripada penularan demam denggi yang kian membimbangkan dan kerisauan terhadap masalah selesema burung yang menjadi masalah global sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepercayaan rakyat terhadap perubatan alternatif dalam mencari penyelesaian masalah penyakit, mereka perlu diberi perhatian kerana negara seperti India, Jerman dan beberapa negara Eropah telah mengiktiraf perubatan homeopati sebagai alternatif kepada perubatan allopati sekarang ini, bahkan mereka sudah ada institusi pengajar dan hospital di dalam bidang ini. Harapan agar perhatian diberikan juga kepada perubatan alternatif ini kerana mungkin dapat menambahkan lagi pengalaman mereka dalam bidang perubatan alternatif dengan adanya kolej pengajian supaya ilmu yang dipelajari lebih saintifik tidaklah hanya boleh belajar hanya melalui pos sahaja.

Untuk membanteras penyebaran HIV/AIDS sangat dialu-alukan. Pemberian kondom dan jarum percuma kepada penagih dadah adalah menuju ke arah ini, namun ianya masih belum mendapat kata sepakat di kalangan ulama dan Majlis Mufti dalam negara kita. Menurut Ketua Pengarah JAKIM baru-baru ini mengatakan, "Majlis Mufti dan Ulama masih belum lagi memberi kata putus berhubung dengan masalah ini". Belum ada *green light* lagi. Masalah utama program ini adalah dalam proses *delivery system*.

Dalam pelaksanaan jarum dan picagari ini merupakan delima yang perlu dihuraikan oleh pihak yang terbabit. Masalah untuk menentukan, adakah jarum yang bakal diberikan itu tidak dikongsi bersama penagih lain, masih belum lagi dapat dicari jalan penyelesaian walaupun dijanjikan tukar satu sama satu, *one to one basis*, dan adakah juga kondom yang akan diberikan itu akan hanya digunakan untuk pasangan yang sah sahaja? Kalau ianya tidak dikawal kita takut jenayah zina akan berleluasa dalam negara kita dan menjadi tempat untuk pelancong melepaskan nafsu mereka, bala lain pula mungkin akan menimpa.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah import bahan makanan sebanyak 13 billion pada tahun lepas merupakan satu bebanan kepada negara. Malaysia mengimport daging, beras, buah-buahan dan sayur-sayuran dan ikan untuk keperluan makanan negara, walaupun kita mempunyai ramai petani, penternak lembu, kambing dan juga ternak ayam, mempunyai ramai nelayan, penternak *agriculture* dan juga ramai yang menceburkan diri dalam pemasaran pertanian. Tumpuan kepada mengkomersialkan pengeluaran hasil pertanian perlu dilakukan dengan lebih serius. Pusat pengumpulan produk pertanian seperti bilik sejuk yang dicadangkan perlulah disegerakan agar kerosakan produk pertanian yang dikeluarkan oleh petani kecil kita tidak terbuang begitu saja dan merugikan semua pihak, tidak hanya untuk dijual di pasar tani setiap hujung minggu sahaja.

Petani kecil perlu diberikan pembelaan terutama pada masa kini, di mana semua import pertanian sudah melambung naik berkali ganda seperti harga racun, harga baja, upah mesin memotong padi ditambah dengan bermacam ancaman penyakit seperti penyakit bom, siput gondang emas, ulat gulung daun dan sebagainya. Bayangkan kalau semua harga import ini dibandingkan dengan hasil yang akan didapati hanya RM 62 per seratus kilogram ditambah dengan subsidi RM24, di mana subsidi diesel tidak wujud kepada petani, dibebankan lagi dengan potongan 17 kilogram per seratus. Maklumat yang saya dapat, ada pekilang yang tidak dapat mengurangkan potongan ini kerana subsidi perlu ditambah kalau potongan itu dikurangkan dan mereka diugut kalau pengurangan itu dikurangkan lagi, mereka tidak berhak untuk membeli padi lagi. Saya harap Menteri dapat memberi penjelasan berhubung dengan perkara ini.

Apabila disebut tentang makanan, baru-baru ini laporan dalam akhbar menunjukkan 95% makanan orang Islam adalah dibuat oleh orang bukan Islam. Soalan yang ingin ditimbulkan di sini, di manakah pengusaha-pengusaha Muslim kita? Apakah

mereka tidak berupaya atau tidak diberi peluang atau sengaja tidak mahu mengambil peluang ini? Amat sedih sekali kerana kalau bidang yang penting ini pun tidak dapat dilakukan, maka amat besarlah dosa yang terpaksa kita semua tanggung kerana ia merupakan fardu kifayah. Oleh itu, penubuhan syarikat pertanian dan makanan nasional yang dicadangkan diharap bukan hanya tertumpu pada pengumpulan bahan makanan, tetapi juga terlibat dalam penyediaan bahan makanan halal dan bersih untuk orang Islam.

Kita tidak mahu berlaku seperti yang sering berlaku, ayam diseludup dari negara jiran dengan menggunakan lesen import sayur, ayam dicampur dengan daging babi, ayam tidak disembelih, sosej di dalam perut babi dan bermacam kemelut yang terpaksa kita hadapi selagi makanan kita tidak proses sendiri. Pepatah Inggeris ada menyebut, “*You are what you eat*”. Begitu juga dengan hadis Rasulullah s.a.w (membaca sepotong Hadis), setiap daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, maka api neraka lebih layak baginya.

Produk makanan halal mempunyai pasaran yang cukup luas, lebih-lebih lagi sebagai Pengerusi OIC dan hasrat menjadikan Malaysia sebagai *Halal Hub* patut disokong oleh semua pihak.

Akhir sekali, saya ingin bertanya kepada Menteri Pengangkutan berhubung dengan beberapa perkara yang disebut sebagai MAS mengalami kerugian yang amat besar. Ratusan juta kerugian tetapi apabila kita melihat kepada tempahan yang diterima di mana tempahan domestik sentiasa *full seat* tetapi *international seat* mungkin ada juga kekurangan ke destinasi-destinasi tertentu. Apa yang menjadi perbualan hangat sekarang adalah berlaku masalah pengurusan yang tidak cekap dan juga pembaziran di dalam pengurusan. Saya ingin bertanya kepada pihak yang terbabit iaitu Kementerian Pengangkutan.

- (i) saya ingin bertanya apakah benar MAS telah menghabiskan RM30 juta setahun di dalam memberikan minuman keras secara percuma di dalam penerbangan antarabangsa, pada hal dalam penerbangan lain penumpang terpaksa membelinya. Kalau benar, diharap dengan terlantiknya *Managing Director* yang baru iaitu Dato' Idris Jala, seorang Kristian diharap tidak akan meningkat lagi bebanan MAS ini;
- (ii) apakah benar MAS menggunakan khidmat *human resource consultant*, dengan pakej berjumlah RM7 juta, padahal mereka mempunyai *Human*

Resources Manager sendiri bagi mengendalikan 14 *General Manager*, 35 *Assistant General Manager* dan lebih 200 *Manager* di mana *General Manager* ini mendapat kemudahan kereta, RM100 ribu tanpa faedah, *road tax free*, minyak *free* dan kalau rosak *service* juga *free* kalau di bawah RM1,000; dan

- (iii) apakah benar MAS telah menvendorkan perkhidmatan van mengangkut *staff* dan *cabin crew* kepada Pearl Inn Holiday, padahal MAS mempunyai kenderaan dan *staff* seramai 250 orang. Mereka ini hanya duduk di dalam pejabat dan tidak melakukan kerja, makan gaji buta orang kita. Kalau vendor ini tidak sempat ambil pekerja maka pekerja MAS terpaksa digunakan untuk mengambil vendor tersebut, pada hal mereka tidak mempunyai lesen PSD kalau menggunakan selain daripada kenderaan MAS. Syarikat Saujana yang mendapat vendor pada tahun 90-an di mana kerana tidak dapat menjalankan tugas dengan baik maka ditamatkan khidmat vendor ini tidak sampai pun 24 jam.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

- (iv) adakah benar Elaun *Personnel To Holder* masih lagi diteruskan kepada seseorang *staff* walaupun ia telah bertukar ke jawatan lain dan tidak lagi melakukan kerja tersebut;
- (v) apakah rasional *ground support equipment* divendorkan kepada Syarikat *Asia Power Machinery*, pada hal syarikat ini hanya membeli *scrap machine* yang dijual oleh MAS lalu disewakan kembali kepada MAS dengan kadar sewaan RM1,000 satu unit, pada hal MAS sendiri mempunyai *staff* dan mesin yang sama;
- (vi) kenapakah MAS tidak membuat sistem *hydraulic hose* dengan membeli sendiri mesin tetapi terpaksa divendorkan kepada syarikat lain yang menukar satu tahun satu kali dengan harga RM7,800 satu set, pada hal kalau dibuat sendiri hanya berharga dalam lingkungan RM100 satu set sahaja;

- (vii) Khidmat Cuci Kapal Terbang. Bagaimanakah khidmat ini diperolehi oleh syarikat isteri kepada *Presiden MAS Union (MASIO)*, pada hal masih ada *staff MAS* yang dapat mengendalikan khidmat mencuci ini walaupun MAS terpaksa membayar RM600 ribu setahun tetapi syarikat penerbangan itu tidak dapat menjalankan penyucian kepada Syarikat Penerbangan Jepun dan India; dan akhir sekali saya ingin bertanya
- (viii) apakah hala tuju MAS dalam mengurangkan kerugian ini dengan menghapuskan vendor-vendor tersebut. Setakat itu sahaja ucapan saya.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kanowit.

5.44 ptg.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama terlibat dalam membahaskan Bajet 2006 ini. Saya akan menyentuh 3 perkara sahaja. Pertamanya adalah isu sistem penyampaian dan pelancongan projek-projek kecil di luar bandar terutamanya, seperti jalan kampung, *amenity*, elektrik, bekalan air dan sebagainya. Di Dewan ini banyak yang sudah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang berkenaan dengan sistem penyampaian ini dan pelaksanaan projek juga. Saya ingin berkongsi pengalaman dalam hal ini, ia berlaku tiap-tiap tahun di kawasan Parlimen Kanowit, di mana banyak projek-projek kecil ini tidak dapat dilaksanakan oleh sebab-sebab yang tertentu.

Di Sarawak agensi pelaksanaan projek ini adalah pejabat daerah dan JKR. Selalunya, kita ketahui bahawa kelulusan projek ini oleh Kementerian KKW, dimaklumkan kepada kita dan pejabat pembangunan negeri dan juga residen pada awal tahun tetapi ia cuma sampai ke pejabat daerah dan JKR pada mungkin pertengahan tahun. Ini akan mengambil masa. Sebab itu pejabat daerah dan JKR akan mula membuat *survey* pada bulan Jun atau Julai untuk spesifikasi ataupun untuk *built of quantity (BQ)* supaya tender dapat dibuat kepada projek-projek ini.

Setiap tahun pelaksanaan ini terjadi pada hujung tahun. Pada hujung tahun, kita semua tahu bahawa itu dalam masa hujan dan menyebabkan pelaksanaan projek ini terlambat. Masalah ini menjadi penghalang kepada pelaksanaan projek-projek kecil di Sarawak. Sebab itu, di sini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya projek ini dapat dipercepatkan.

Saya cadangkan apabila cadangan projek ini diterima oleh kementerian daripada wakil rakyat, selalunya pada bulan November atau Disember, tahun dahulunya dan salinan cadangan ini juga diberi kepada pegawai kerajaan negeri (SDO). Maka saya fikir, pejabat daerah dan JKR bolehlah buat *survey* kepada projek-projek ini pada awal tahun, supaya projek tersebut spesifikasinya dan *built of quantity*nya dapat diketahui sebelum projek itu diluluskan oleh kementerian.

Dan, apabila keputusan itu diberikan oleh kementerian, SDO ataupun pegawai daerah akan terus membuat *tendering* kepada projek ini supaya projek ini diaward kepada kontraktor-kontraktor di awal tahun. Dengan itu, saya fikir tidak ada masalah projek ini tidak dapat disiapkan seperti yang terjadi pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya bangkitkan adalah sistem birokrasi dan pengambilan pelajar minoriti bumiputera dari Sabah dan Sarawak ke IPTA. Kita ketahui banyak pelajar minoriti bumiputera ini adalah dari sekolah-sekolah di luar bandar dan memangnya ketinggalan dari segi penyampaian atau keputusan peperiksaan di peringkat SPM atau STPM. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah trend kemasukan pelajar minoriti bumiputera ini ke IPTA dan IPTS sebelum dan selepas sistem matrikulasi ini.

Saya melihat bagi IPTA pada sesi 2001/2002, seramai 30,800 orang pelajar masuk ke IPTA dan pada sesi 2002/2003 seramai 32,000 lebih pelajar juga dipilih untuk masuk ke IPTA. Saya ingin bertanya, berapakah bilangan atau keputusan pelajar minoriti bumiputera dari Sabah dan Sarawak yang masuk pada sesi keduaini. Sebab saya melihat satu lagi contoh, baru-baru ini, senarai graduan tahun 2005 yang tersenarai di sebuah surat khabar di Kuching bagi sebuah IPTS, kolej swasta, di mana 75% para graduan di situ ialah kaum Dayak. Sekitar Banggar memang pada angka ini,, tetapi kita lihat di seluruh negara, di IPTA, keputusan pelajar kaum Dayak ini mungkin tidak sampai 3%.

Jadi, soalan di sini adalah, adakah ini disebabkan oleh sistem matrikulasi di mana pelajar-pelajar dari luar bandar ini tidak dapat bersaing dengan pelajar-pelajar dari bandar dan menyebabkan mereka ini tidak ada pilihan lain. Dan, apabila ditawarkan oleh IPTS-IPTS ini, mereka terus menerima tawaran tersebut dan sebab terdesak untuk melanjutkan pelajaran mereka. Ini menimbulkan banyak masalah pelajar-pelajar kerana mereka perlu membayar yuran yang tinggi, tambahan pula di sesetengah IPTS ini,

tempat kiriman pos tidak ada dan kos pengajian mereka dalam melanjutkan pelajaran ini juga tinggi.

Masalah ini juga sering disampaikan kepada wakil rakyat dan kita sedar bahawa perkara ini juga berlaku dan ia selalu dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Kita bukan hendak mempertikaikan mutu pengajian di IPTS, dengan kos yang tinggi tetapi kita memang akui pelajar-pelajar yang masuk ke IPTS ini adalah mereka yang tidak terpilih untuk masuk ke IPTA. Dan sebab itu, saya fikir kerajaan patutlah mengkaji perkara ini dengan teliti dan kalau boleh memberi balik *handicap system* ataupun kuota sistem kepada pelajar minoriti bumiputera dari Sabah dan Sarawak supaya mereka ini lebih banyak peluang untuk masuk ke IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit isu aktiviti ekonomi di luar bandar Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan saya di Kanowit. Sebab kita ketahui tiap-tiap kali kita hendak melawat ke kawasan luar bandar, masalah yang sering disuarakan oleh penduduk tempatan adalah kesusahan mereka untuk menyara hidup dan kerana peluang pekerjaan tidak ada. Di Kanowit umpamanya, tempat yang betul-betul menghadapi masalah adalah di empat buah kawasan penempatan RASCOM iaitu di Jangau, Rungun dan Kadar.

Kawasan-kawasan ini adalah seperti kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia seperti yang disebutkan oleh Ahli Parlimen Serdang dan kawasan ini ditubuhkan pada musim komunis dahulu supaya masyarakat di hulu sungai tidak dipengaruhi oleh ideologi komunis pada masa itu. Maknanya, mereka ini sudahlah berjasa kepada negara dan sebab itu adalah sepatutnya janji-janji manis yang dicurahkan dahulu oleh kerajaan lebih kurang 35 tahun dahulu patut sudah lama ditunaikan.

Tetapi malangnya di kawasan-kawasan RASCOM ini kemudahan asas utamanya belum juga mencukupi dan aktiviti ekonomi langsung tidak ada yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Kaum tua dan wanita yang banyak tinggal di tempat-tempat ini masih mengamalkan hidup lama seperti menanam padi bukit yang memang tidak dapat memberi hasil yang mencukupi untuk menyara penghidupan mereka. Mereka yang masih muda lagi, yang dapat bekerja, pergi ke bandar-bandar untuk mencari rezeki. Inilah yang menjadi masalah kepada kawasan di luar bandar di mana *rural* - imigrasen sering berlaku dan ini menyebabkan lebih banyak masalah di bandar-bandar seperti masalah setinggan, pengangguran dan juga masalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita juga ketahui bahawa harga minyak sawit semakin meningkat dan ia adalah satu aktiviti yang amat menguntungkan. Banyak syarikat-syarikat besar telah pun melabur dalam ladang sawit secara besar-besaran. Di kawasan RASCOM ini, yang saya sebutkan tadi, tanah asal bumiputera, *native customary land*, memanglah banyak. Saya mencadangkan kepada kerajaan, agar Kerajaan Pusat menerusi agensi-agensi kerajaan mengadakan bantuan dari segi latihan serta kursus dan bantuan kewangan untuk menolong pekebun-pekebun kecil dari kawasan ini supaya mereka ini dapat menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi seperti ladang sawit secara kecil-kecilan di tanah mereka itu, tanah NCL.

Sebagai contoh bantuan kewangan ini boleh diberi dalam bentuk *soft loan*, di mana pembayarannya boleh dibuat selepas mereka mengeluarkan hasil. Banyak contoh di Sarawak di mana pekebun-pekebun kecil bumiputera yang mengusahakan tanah sendiri dalam kegiatan ini telah berjaya dan sebab itu kita berharap agar ramai lagi pekebun-pekebun kecil di luar bandar, seperti di Sarawak ini dapat diberi peluang menceburkan diri dalam kegiatan begitu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit.

5.44 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Bajet 2006 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30 September baru-baru ini.

Secara umumnya saya berpandangan bahawa Bajet 2006 tidak sama sekali membebankan rakyat, sebaliknya menyenangkan semua golongan sama ada golongan yang berpendapatan tinggi, pertengahan mahu pun mereka yang berpendapatan rendah. Cuma yang menjadi kebimbangan rakyat, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah ialah setakat mana pihak kerajaan berjaya mengawal inflasi, terutamanya kenaikan harga barang-barang dan pengangkutan yang sudah mula dirasakan oleh penduduk.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana semalam telah mengumumkan mengenai kawalan harga

barang yang akan dilaksanakan untuk tempoh selama enam bulan sehingga 29 Januari tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun senarai ini telah dikeluarkan saya mendapati sebahagian daripada barang-barang ini begitu mahal seperti ikan kembung misalnya, saya lihat sampai RM9 sekilo, jadi ini bukanlah merupakan harga yang munasabah tapi sudah boleh dianggap sebagai yang mahal. Begitu juga cili merah RM9 sekilo, jadi walaupun telah ditetapkan saya masih berpandangan harga barang-barang ini contohnya harga makanan ini masih pada taraf yang tinggi dan sukar di nikmati oleh mereka yang berpendapatan rendah.

Cuma masalahnya ialah pelaksanaan kepada kawalan harga ini, saya mengharapkan pihak penguat kuasa di pihak kementerian yang berkenaan perlulah mengambil langkah yang serius bagi memastikan harga yang disebut itu dijual di pasar-pasar mengikut yang ditetapkan bukan seperti mana kehendak peniaga-peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2006 ini menumpukan kepada beberapa strategi, saya ingin menyentuh strategi membangunkan modal insan. Ia amat tepat dan sampai masanya kerajaan memberikan peruntukan yang lebih kepada pembangunan modal insan iaitu sebanyak RM5 bilion disediakan untuk sektor pelajaran dan latihan yang merupakan bukti kukuh Kerajaan Barisan Nasional bersungguh-sungguh untuk menyediakan tenaga kerja yang berilmu, mempunyai kemahiran teknikal, ketahanan minda, berdaya saing yang akhirnya boleh membawa Malaysia mampu menghadapi saingan ekonomi di peringkat *regional* dan global.

Saya mengharapkan Kementerian-Kementerian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program ini hendaklah mengambil kira beberapa perkara yang saya sebutkan di bawah ini. Pertamanya, memastikan pendidikan dan pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi serta pusat-pusat latihan adalah mematuhi kehendak dan cita rasa pasaran guna tenaga negara. Kegagalan mematuhi garis panduan ini akan menyebabkan kadar pengangguran di kalangan lepasan ijazah, diploma dan sijil semakin meningkat. Pada hari ini kita diberitahu ada seramai lebih kurang 18,000 pelajar-pelajar lepasan diploma dan ijazah yang menganggur. Dan saya percaya apabila Unit Perancang Ekonomi bersama-sama Jabatan Perangkaan menyediakan maklumat yang tepat berkenaan dengan pelajar ini, kita akan dapat data yang menyeluruh bilangan siswazah diploma dan ijazah yang menganggur ini.

Saya mengharapkan pihak universiti ataupun IPTA meneruskan perbincangan dengan pihak-pihak industri dan swasta bagi menentukan kurikulum dan bentuk-bentuk pengajian yang perlu dipertingkatkan di universiti, di IPTA bagi mengelakkan berlakunya pengangguran di kalangan siswazah itu. Yang kedua, memastikan juga peralatan yang digunakan di pusat-pusat latihan kemahiran dan teknikal adalah mengikut piawaian antarabangsa supaya pelatih-pelatih dan pelajar-pelajar yang dihasilkan nanti berkemampuan serta berkebolehan bekerja di syarikat-syarikat multi nasional atau syarikat-syarikat yang berorientasikan barangan eksport.

Dan ini lebih penting Tuan Yang di-Pertua, ialah memastikan nilai-nilai murni seperti beramanah, semangat patriotik, berbudi bahasa, pegangan dan pematuhan kepada ajaran agama dan moral, jati diri, ketulusan, integriti sentiasa disemai dan dipupuk ke semua pusat pembelajaran, pusat pengajian dan pusat latihan di pelbagai peringkat. Langkah ini saya merasakan adalah amat perlu bagi membentuk generasi yang bakal guna tenaga negara yang mempunyai nilai-nilai kehidupan yang positif, berhemah mulia, dan boleh mengurangkan amalan negatif seperti amalan rasuah, penyelewengan akaun dan kewangan serta penyalahgunaan kuasa di sektor awam dan sektor swasta.

Perkara ini amat penting Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk meletakkan Malaysia pada tahap negara yang diberi keyakinan tinggi dalam usaha kita untuk menarik FDI ataupun pelaburan asing secara terus ke dalam pentadbiran negara kita. Dalam hubungan ini saya mengalu-alukan tindakan kerajaan yang telah menubuhkan institusi integriti nasional dan berharap badan tersebut dapat melaksanakan fungsi dan tugasnya dengan berkesan. Saya juga mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada pihak kerajaan yang mengambil langkah utama untuk membangunkan memodenkan sektor pertanian di mana dalam Bajet tahun 2006 pertambahan RM300 juta diberi kepada tabung makanan negara serta penubuhan syarikat pertanian dan makanan nasional dengan modal awal sebanyak RM500 juta yang akan dilaksanakan oleh Khazanah Nasional. Dan ini membuktikan kesungguhan kerajaan untuk benar-benar melaksanakan apa yang disebut sejak setahun dua yang lalu dan juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan sektor pertanian sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara.

Cuma apa yang diharapkan Tuan Yang di-Pertua ialah melalui peruntukan sebanyak RM2.8 bilion ini yang diluluskan kepada sektor pertanian, kita mengharapkan

nasib petani, pekebun kecil dan nelayan akan lebih terbelah. Dan matlamat kerajaan supaya setiap petani akan mendapat pendapatan sekurang-kurangnya sebanyak RM1,000 sebulan akan dapat dicapai dalam jangka panjang. Saya juga mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk memberi peruntukan kepada GLC, syarikat yang mempunyai hubungan kerajaan terlibat dalam industri pertanian ini di mana seperti yang saya sebutkan tadi diperuntukkan sebanyak RM500 juta dan kita mengharapkan GLC hendaklah terlibat di dalam aktiviti hiliran yang berasaskan pertanian dan perikanan supaya hasil-hasil pertanian, hasil-hasil perikanan yang diusahakan oleh petani kecil dan nelayan ini dapat dipasarkan dan masa depan mereka dapat dibangunkan. Kita tidak mahulah GLC ini terlibat di dalam membuka ladang-ladang untuk kelapa sawit sahaja misalnya kerana ini tidak memberi apa-apa bantuan dan faedah kepada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh petani dan pekebun kecil ialah tidak ada tempat untuk mereka memasarkan barang-barang ataupun produk-produk yang diusahakan itu. Kita mendesak misalnya menyuruh petani menanam sayur-sayuran, buah-buahan tetapi apabila keluaran buah-buahan ini terlampau banyak maka harga telah merudum dan akhirnya mengecewakan petani. Jadi kita mengharapkan GLC ini seperti yang saya sebutkan tadi, menubuhkan, menjalankan aktiviti hiliran supaya segala produk pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani luar bandar ini dapat dipasarkan kepada kilang-kilang yang akan dibangunkan oleh GLC ini.

Seterusnya saya disarankan juga kerajaan mestilah berani dan merombak, menyusun semula agensi, perbadanan, lembaga dan syarikat-syarikat milik kerajaan di semua sektor terutama di sektor pertanian yang mengalami kerugian dan permasalahan dalam pentadbiran mereka. Tindakan ini amat penting

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Pasir Puteh bangun.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit. Saya bukan sekadar rombak, bukan sekadar kita hendak ubahsuai semula syarikat-syarikat tadi, perlu dihalusi dan diteliti kalau boleh kita buat secara audit muhasabah betul-betul takut berlaku ada apa-apa penyelewengan dan sebagainya. Setuju tak?

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju untuk apa sahaja yang menuju kepada kebaikan. Jadi kita dapati banyak di antara perbadanan-perbadanan kerajaan, agensi-agensinya ini mengalami kerugian dan tidak mencapai matlamatnya. Hari ini misalnya Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri mengakui LKIM misalnya telah gagal di dalam melaksanakan projek-projek pertanian seperti projek akuakultur yang sepatutnya dilaksanakan oleh agensi itu, akibat daripada itu bilangan nelayan yang seramai 80,000 keluarga nelayan di negara kita ini tidak mendapat faedah sebenarnya daripada penubuhan LKIM itu. Itu sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada soal kawasan bukan Jelapang Padi yang terdapat di seluruh negara pada masa ini. Saya mengharapkan supaya kawasan bukan jelapang padi ini jangan dianaktirikan oleh kerajaan walaupun kita faham bantuan infrastruktur yang sepenuhnya diberikan kepada kawasan jelapang padi tapi kawasan bukan jelapang padi ini juga telah begitu luas di seluruh negara dan memberi punca pendapatan kepada ramai petani. Di kawasan Parlimen saya di kawasan Parit misalnya di daerah Perak Tengah, kita ada seramai hampir 7,000 keluarga petani yang bergantung pada pendapatan di sawah-sawah.

Dan kita mempunyai enam skim di kawasan itu yang mana menghadapi banyak masalah kerana pertamanya kekurangan ataupun sistem infrastruktur yang tidak sempurna di kawasan itu di mana apabila sampai masa memerlukan air misalnya air tak sampai. Akibat daripada ketidaksempurnaan sistem pengaliran ini maka petani-petani tidak dapat hasil produktiviti yang baik di kawasan sawah-sawah padi ini. Begitu juga terdapat kemudahan prasarana yang lama, yang usang seperti rumah pam, JPS yang telah dibangunkan 40, 50 tahun yang lalu yang pada masa ini memberi masalah. Apabila air diperlukan, pam rosak, dan ini mendatangkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat petani-petani yang memerlukan perkhidmatan daripada rumah pam tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, boleh gulung.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh berkenaan dengan apa yang berlaku di kawasan saya iaitu berkenaan dengan isu projek sakit, projek terbengkalai. Di Bandar Baru Sri Iskandar, telah dimulakan pembinaan projek Ibu Pejabat Polis Daerah dan kuarters kakitangan polis daerah tetapi projek ini telah gagal disiapkan mengikut tempohnya dan sepatutnya

projek ini disiapkan tahun 2001, tapi sampai sekarang terbengkalai, saya tak tahu nak disebutkan projek terbengkalai ke, projek sakit. Sudah hampir 4 tahun terbengkalai, jadi saya mengharapkan kepada Kementerian Kewangan atau Kementerian yang bertanggungjawab supaya penyelesaian kepada projek sakit ni janganlah di tanda biasa, berilah cara yang lebih baik supaya proses pemilihan kontraktor itu dapat dipercepatkan. Kalau melalui tender biasa makin lambat dan projek ini lebih lama lagi terbiar, sudah menjadi semak samun dan kadang-kadang diduduki oleh penagih-penagih dadah pada waktu malam.

Dan akhirnya saya menyeru kepada Kementerian Kewangan supaya melihat penubuhan bank-bank komersial di bandar kecil ini, di kawasan saya di kawasan Parlimen Parit, tidak ada bank komersial. Yang ada Bank Rakyat, Bank Pertanian, sedangkan kita menggalakkan usahawan-usahawan ataupun galakan penubuhan perniagaan tetapi kalau tak ada bank komersial ini bagaimanalah orang-orang di kawasan saya itu untuk mendapat faedah-faedah kewangan. Janganlah bank komersial ini menubuhkan cawangan di bandar-bandar utama sahaja dengan tidak memberikan khidmat sosial dan bantuan mereka di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tenom.

6.00 ptg

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyatakan rasa syukur dan gembira kerana diberi kesempatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yaacob]: Saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat ada masa.

Tuan Raimi Unggi: .. untuk menyertai perbahasan Bajet 2006 di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, pada Bajet 2006 pada tahun ini adalah antara lain sejumlah RM2.8 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan sektor pertanian yang meliputi antara lain bidang ternakan, perikanan dan perhutanan dalam usaha meningkatkan produktiviti pertanian agar lebih dinamik dan berdaya saing. Melalui pendekatan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga (RRJP3) dan dan disasari pula dengan dasar pertanian negara ketiga yang merangkumi tempoh 1998 hingga 2010 yang saya yakini *significant* serta bersesuaian dengan kehendak dan wawasan negara secara menyeluruh.

Mengikut unjuran ekonomi 2006 adalah dijangkakan bahawa pertanian akan mencecah kadar 3.6% daripada keseluruhan nisbah KDNK. Bagaimanapun jika mengambil kira nilai tambah pertanian, maka sumbangannya diunjurkan pada 5% berbanding 4.8% pada tahun 2005 ini. Namun, memandangkan tahap infrastruktur moden pertanian untuk tujuan produktiviti nilai tambah adalah masih pada tahap minima di kawasan luar bandar, Maka adalah satu langkah bestari apabila kerajaan menekankan pentingnya pengeluaran aktiviti *upstream* yang bersesuaian dengan kemampuan dan kemahiran masyarakat luar bandar pada masa kini.

Kita tidak mahu kehidupan masyarakat luar bandar khususnya bumiputera terhimpit dan terpinggir dalam menikmati kekayaan yang terdapat di negara kita. Justeru, kehidupan masyarakat tani di luar bandar wajar diambil perhatian supaya dinaik taraf corak hidup dan pendapatan per kapitanya selaras dengan hasrat wawasan 2020 iaitu inginkan pembentukan sebuah masyarakat yang adil dan saksama dari segi ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan negara kita yang terletak di garisan Khatulistiwa dengan hujan yang lebih dari mencukupi bahkan tanah yang begitu subur dengan pelbagai jenis komoditi serta terdapat pula sumber yang hampir tidak terbatas tetapi masih belum mencatat kejayaan yang membanggakan jika kita bandingkan dengan negara jiran kita iaitu Thailand yang jauh ke hadapan dalam bidang pertanian. Kawasan di Parlimen Tenom misalnya, berkeluasan 2,238 km persegi mempunyai padi sawah seluas 569.2 hektar dan begitu juga dalam keadaan tanaman komoditi yang lain. Namun usaha kerajaan ke arah pertanian moden tidak kesampaian akibat kekangan dan halangan yang antaranya sebahagian besar penggunaan kemudahan teknologi masih di tahap rendah, sistem pengairan yang secara tradisional serta tidak efisien. Bahkan mereka tidak menikmati sistem pertanian moden secara saksama kerana kekurangan jentera penggembur tanah.

Lantaran itu banyak tanah-tanah terbiar dan belum dapat diurus secara bestari. Begitulah hakikatnya nasib pekebun-pekebun kecil yang walaupun mereka mempunyai iltizam dan semangat yang kental bahkan tidak mengerti erti penat dan lelah, dalam mengusahakan komoditi seperti getah, kelapa sawit, kopi dan koko. Namun, mereka terus dibelenggu dengan masalah kemiskinan ekoran ketidakcukupan sumber pendapatan dalam menampung dan meneruskan hidup seharian apatah lagi dalam dunia yang kian mencabar.

Selain dari kurangnya pengetahuan dan masih lagi mengamalkan pertanian cara tradisional, orang tengah mengaut keuntungan di luar paras kemanusiaan. Saiz tanah yang tidak ekonomik dan harga pasaran yang tidak menentu juga menjadi faktor penghalang kepada mereka. Oleh itu, kita mahu agensi seperti FAMA dan LKIM terus mempertingkatkan tebaran capaian perkhidmatan mereka di kawasan seperti pendalaman ini agar masyarakat petani dapat mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah yang menggunakan taktik lintah darat. *Trend* pemulihan semula harga komoditi getah di pasaran merupakan rahmat kepada pekebun-pekebun kecil. Ditambah pula dengan peruntukan sebanyak RM400 juta daripada Kerajaan Pusat serta kerjasama daripada kerajaan negeri serta jabatan dan agensi mereka, akan memberi peluang yang cerah kepada pengusaha pekebun getah kecil untuk memajukan sektor ini secara terancang dan sistematik.

Daripada pengalaman usaha sedia ada saya melihat bahawa skim tanaman getah cara berkelompok ini merupakan adalah suatu insentif yang sangat efektif bagi sasaran kumpulan petani dan pekebun-pekebun di luar bandar. Melalui skim ini, maka potensi untuk mencapai tahap optimum akan lebih baik lagi berbanding dengan sistem secara usaha individu. Sistem tanaman berkelompok sama ada melalui usaha agensi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, Lembaga Pertubuhan Peladang, FELDA, FELCRA dan Persatuan Nelayan adalah tiket yang menjanjikan perjalanan keluar masyarakat luar bandar daripada kepompong kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pada kesempatan ini memetik mutiara kata daripada Imam Ghazali yang berbunyi: *"Harta yang dibelanjakan tanpa berhema akan berkurangan, manakala ilmu pula kalau dibelanjakan yakni dituntut, dikongsi dan dikembangkan akan bertambah. Jika ilmu menjaga penggunaannya, dan penggunanya menjaga harta, harta bukan sahaja tidak akan berkurangan bahkan digandakan"*.

Pembangunan negara bangsa, dan pembentukan negara maju berkait secara langsung dengan pendidikan. Melalui pendidikan berstatus kelas pertama akan terhasil warga negara yang berilmu pengetahuan, celik IT, berkemahiran dan mampu bersaing di peringkat global. Setelah mengikuti dan mengamati ucapan Bajet 2006, saya amat menghargai dengan hasrat kerajaan dalam memperuntukkan sebanyak RM1.2 bilion untuk asrama termasuk ICT, pembangunan, kurikulum dan rumah guru. Perkara yang saya kemukakan di sini adalah mengenai kemudahan asrama di kawasan pendalaman termasuklah khususnya di kawasan Sabah dan juga Sarawak. Sepertimana yang kita

sedia maklum, bahawa jurang pembangunan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar masih amat ketara.

Mengambil kawasan saya Parlimen Tenom, khususnya, yang mana bentuk penempatan yang berselerak dan tidak terancang serta jarak sekolah dan kampung agak jauh ditambah pula dengan keadaan jalan raya yang teruk, lebih-lebih lagi pada musim hujan. Masalah ini semakin meruncing apabila pertumbuhan penduduk yang mendadak serta peningkatan jumlah pelajar menyebabkan asrama dan sekolah sedia ada tidak dapat menampung keperluan semasa. Lantaran itu, adalah malang sekali nasib golongan yang berpendapatan rendah kerana terpaksa membiayai pembiayaan perbelanjaan anak-anak termasuk membayar tambang bas yang agak mahal daripada sebelumnya ekoran daripada kenaikan harga minyak.

Misalnya, di kawasan Mukim Rundum, Tomani, Kemabong, dan juga Melalap, yang mana kemudahan infrastruktur dan asrama masih mundur dan terkebelakang dari segi soal pembangunan fizikal. Justeru itu, saya menaruh harapan yang tinggi agar perkara yang melibatkan kawasan-kawasan yang saya sebutkan itu yang pernah saya suarakan di Parlimen sebelum ini akan mendapat sebahagian daripada peruntukan yang dicadangkan dalam Bajet 2006. Sebelum nanti semuanya akan diatasi sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi menyambung dalam khusus pendidikan, ingin saya mengambil perhatian Dewan yang mulia ini terhadap pembentangan Bajet 2006 di bawah tajuk membasmi kemiskinan. Dalam peruntukan cadangan RM700 juta untuk maksud program khusus pembasmian kemiskinan, antara lain Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada memfokuskan kepada program ke lima, iaitu saya: *"Membekalkan elektrik kepada hampir 550 buah sekolah dan air kepada 260 buah sekolah. Apabila projek ini siap, kita akan mencapai liputan sepenuhnya bekalan elektrik dan air kepada semua sekolah"*.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kenyataan rasmi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada 10 Jun 2005, yang dilaporkan oleh BERNAMA pada hari berikutnya, Yang Berhormat Menteri Pelajaran berkata bahawa terdapat lebih kurang 2,300 buah sekolah di pendalaman seluruh negeri yang masih lagi tidak mempunyai bekalan air dan elektrik. Daripada jumlah tersebut, 800 buah sekolah langsung tidak mendapat bekalan elektrik dan 1,500 lagi belum mendapat bekalan air awam. Memandangkan tarikh kenyataan rasmi Kementerian Pelajaran pada bulan Jun 2005 se

hingga tarikh Bajet 2006 dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini hanya 112 hari, adalah agak singkat bagi kerajaan untuk dapat menyelesaikan masalah bekalan elektrik dan ataupun air di 1,750 buah sekolah iaitu perbezaan angka antara bulan 10 Jun dan 1 Oktober tersebut. Bagaimanapun, jika kerajaan telah menyelesaikan masalah yang mewakili 76% kes tersebut, maka ia adalah pencapaian yang sangat membanggakan.

Tetapi saya lebih kuarir jika terdapat ketirisan daripada angka sebenar maka jumlah 550 buah sekolah yang disebutkan dalam Bajet 2006 tidak selari dengan input yang diambil kira oleh pihak Kementerian Pelajaran. Jika ini berlaku, maka komitmen Bajet 2006 saya petik: "*Kita akan mencapai liputan sepenuhnya, bekalan elektrik dan air kepada semua sekolah.*" Di seluruh negara adalah tersasar dan tidak menggambarkan keadaan sebenar. Sehubungan dengan itu saya mencadangkan agar pihak Kementerian Kewangan dan Kementerian Pelajaran mencerap semula angka-angka mereka supaya semua hasrat yang dibayangkan dalam Bajet 2006 ini akan dapat dilaksanakan tanpa ada perkara yang terlepas pandang. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Kota Melaka.

Tuan Wong Chai Nee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Penat menunggu, tetapi dapat giliran jugalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan yang di-Pertua, saya lihat Parlimen setiap tahun, setiap sesi, kita menggubal undang-undang. Kita menggubal undang-undang, kadang kala kita menggubal yang baru, kadang kala kita meminda yang sedia ada, dan saya rasa sepatutnya kita ada satu proses perundingan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan proses perundingan ini ialah satu proses di mana apabila kita menggubal undang-undang yang akan menjejaskan hak ataupun kepentingan golongan mana-mana, seperti jika kita menggubal satu undang-undang yang mungkin menjejaskan hak ataupun kepentingan pengguna-pengguna dalam negara kita.

Maka saya rasa, adalah wujudnya baiknya jika kita wujudkan satu proses perundingan satu *consultation process* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kita berbincang, kita dapatkan pandangan daripada pihak-pihak tertentu, seperti persatuan pengguna-pengguna Malaysia dan baru-baru ini saya rasa wujudnya satu kes yang klasik yang baik yang mana satu Rang Undang-undang Akta Pertubuhan Belia yang

mula-mula dicadangkan yang mana telah mendapat satu pandangan daripada semua lapisan masyarakat. Saya rasa itu adalah satu proses perundingan yang baik yang telahpun dilakukan oleh kementerian.

Dan pada masa itu, apabila Rang Undang-undang Akta Pertubuhan Belia itu dikemukakan kepada persatuan belia-belia dalam negara kita, termasuk juga Majlis Belia Malaysia dan semua pandangan telahpun diberikan. Dan saya telahpun difahamkan bahawa apabila semua pandangan telahpun diberikan, kementerian telahpun menukar nama akta ini ataupun rang undang-undang ini menjadi Rang Undang-undang Akta Pembangunan Belia pula. Kerana dengan mengambil kira pandangan-pandangan daripada Majlis Belia Malaysia dan juga badan-badan gabungan dengan Majlis Belia Malaysia itu.

Saya rasa ini adalah satu perkembangan yang sungguh memberangsangkan. Pada masa yang sama baru-baru ini, satu *select committee* telahpun diwujudkan di Parlimen, yang mana diketuai oleh Yang Berhormat Menteri ke atas isu penggubalan undang-undang ataupun pindaan ke atas Penal Code iaitu Kanun Keseksaan dan juga Kanun Prosedur Jenayah dalam negara kita. Mereka telahpun pergi ke semua peringkat - peringkat akar umbi, untuk mendapat semua pandangan. Saya rasa ini juga satu kes yang klasik, yang baik, dan kes yang klasik yang baik ini seharusnya menjadi satu kebiasaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yaacob]: Yang Berhormat, nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Wong Chai Nee: Ia tidak seharusnya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yaacob]: Nak bagi jalan?

Tuan Wong Chai Nee : Ya silakan.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya adalah Ahli Jawatankuasa Select Committee *Penal Code* dan CPC. Salah satu pemerhatian yang dapat saya lihat Yang Berhormat Kota Melaka, semangat kesedaran kepenggunaan di kalangan masyarakat Malaysia amat terbatas. Contohnya dalam CPC ini, kita akan buat kajian mengenai undang-undang rogol, undang-undang *terrorism*, undang-undang berkaitan dengan penangkapan, *custody* dan sebagainya, tapi jumlah orang yang datang meluahkan ketidakpuasan atau kepuasan mereka begitu terhad. Hanya golongan-golongan terlibat sahaja datang. Satu lagi penjelasan saya nak tanya, dalam semua sektor termasuk

pendidikan, ibu bapa pun diam kalau sekiranya berlaku sesuatu perkara yang buruk di sekolah-sekolah dan sebagainya. Bagaimanakah dan apakah cadangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka untuk memastikan bahawa masyarakat harus menjadi satu *force* dalam memaksa kerajaan menggubal undang-undang demi kepentingan mereka. Dalam konteks ini Malaysia masih ketinggalan, apakah cadangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka?

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, saya memang bersetuju dengan cadangan kedua yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi tetapi balik kepada soalan yang pertama yang dikatakan dengan pengetahuan yang terbatas itu.

Saya rasa wujudnya satu proses perundingan merupakan satu proses yang baik, satu petunjuk bahawa wujudnya kematangan dalam sistem demokrasi dalam negara kita. Ia merupakan sebahagian daripada *good governance* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita mendapat pandangan daripada orang lain tidak semestinya kita akan akur kepada pandangan itu tetapi proses perundingan itu sendiri merupakan satu proses yang penting dan juga satu proses yang wajib dan sama ada warga-warga kita mempunyai pengetahuan-pengetahuan yang terbatas, saya rasa mungkin itu merupakan satu masalah kepada kita dalam satu proses perundingan. Tetapi itu tidak seharusnya menjadi satu alasan supaya kita tidak menjadikan proses perundingan ini sebagai satu kebiasaan dalam sistem pentadbiran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pindaan perlembagaan baru dibuat atas artikel iaitu perkara 125 dan malangnya saya difahamkan bahawa Majlis Peguam Malaysia tidak diberi jemputan untuk memberikan pandangan mereka dan saya rasa ini adalah satu *one step behind* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ahli Parlimen pun tidak tahu.

Tuan Wong Nai Chee: Kerana saya percaya berkaitan dengan isu iaitu kod etika yang apabila kita menyoal tentang soal ini banyak pandangan akan diberikan oleh Majlis Peguam Malaysia kerana merekalah golongan yang sentiasa bekerja dan beramal di dalam mahkamah dan mereka mempunyai pandangan-pandangan *on the ground* yang kita boleh ambil dan ini adalah satu begitu sayangnya kerana kita tidak mengambil pandangan *consultation*, perundingan daripada Majlis Peguam Malaysia.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam Malaysia ini merupakan satu badan kepeguaman, satu badan profesional yang berdikari, satu badan profesional yang

mungkin sering kali ataupun kadang kala mempunyai pandangan yang berlainan daripada pihak kerajaan tetapi mereka merupakan satu badan profesional yang berdikari dan mereka sentiasanya memberikan pandangan mereka dari segi hak asasi manusia. Ini selalunya Tuan Yang di-Pertua dalam mana-mana negara, negara yang mengamalkan sistem demokrasi ini mereka sentiasa mempunyai satu persamaan iaitu satu badan profesional kepeguaman dalam profesion undang-undang ini yang sentiasanya mempunyai pandangannya yang berdikari yang mana integritinya adalah tidak berbelah bahagi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee: Dari segi itulah Tuan Yang di-Pertua saya rasa banyak undang-undang yang kita gubal, banyak undang-undang yang mungkin kita pinda haruslah kita melalui proses perundingan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *Sorry* ya, maaf saya mengganggu ya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Melaka setujukah Yang Berhormat Kota Melaka bahawa kita mengalihkan proses penggubalan undang-undang baru dan juga perubahan kepada undang-undang yang sedia ada daripada *AG Chambers* kepada satu jawatankuasa *Law Drafting Committee* yang akan diletakkan di bawah naungan dan juga jagaan Parlimen. Sepatutnya semua negara lain '*events' minister* model adalah menggunakan cara ini tetapi di Malaysia, *AG Chambers* yang bawa dan kita luluskan proses ini bertentangan dengan pengasingan kuasa dan saya cadangkan supaya kita bawa penggubalan proses undang-undang ini kepada Parlimen iaitu satu *Law Drafting Committee*. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik yang mana saya rasa apabila kita katakan pengasingan kuasa iaitu *seperation of powers* Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah mempunyai satu cabang.

Satu cabang yang bukan dalam pentadbiran, satu cabang yang bukan dalam kehakiman tetapi satu cabang yang benar-benar untuk penggubalan undang-undang dan saya rasa pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi memang merupakan satu cadangan yang bernas tetapi ini merupakan satu cadangan yang bukan sekadar hanya hitam putih sahaja. Tetapi kita haruslah bukan sahaja masuk dalam

hansard tetapi ini bergantung juga kepada *political will* iaitu kehendak politik dalam negara kita sama ada *political will* ini di *dictates* dengan izin *dictates* supaya kita mempunyai satu *committee*, satu jawatankuasa dalam Parlimen ini sendiri yang terdiri daripada pakar undang-undang yang dapat menggubal undang-undang untuk kegunaan negara ini dan bukan sahaja sekadar apabila kita bahaskan apa-apa undang-undang dengan pengetahuan penuh bahawa ia akan diluluskan dalam semua keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam ini sebenarnya baru-baru ini mereka mengalami masalah, masalah kuorum untuk mesyuarat agung tahunan mereka. Dalam Seksyen 67 Akta Profesion Undang-undang, yang mewajibkan bahawa mesyuarat agung tahunan bagi Majlis Peguam Malaysia ini haruslah mencapai 1/5 jumlah ahlinya. Iaitu ikut pengiraan sekarang jumlah ahli Majlis Peguam Malaysia lebih kurang 11,700 orang dan jika mengikut pengiraan ini lebih kurang kuorum diperlukan 2,345 orang ahli.

Tuan Yang di-Pertua di manakah badan di Malaysia ini kecuali badan-badan politik? Di Malaysia ini yang mana wujudnya begitu besarnya ahli untuk mewajibkan kuorum untuk menjayakan sesuatu mesyuarat agung tahunan dan saya rasa ini adalah tidak wajib, ini tidak wajar kerana beribu-ribu ringgit telah pun dibelanjakan oleh *Bar Council* ini Majlis Peguam Malaysia kerana mereka tidak dapat mencapai kuorum buat mesyuarat agung tahunan yang pertama, jadi mereka kena buat yang kedua pula.

Saya rasa tibalah satu masa apabila bagi tahun ini ataupun bagi tahun depan kita menggubal ataupun kita meminda Seksyen 67 Akta Profesion Undang-undang ini supaya ia menjadikan 500 orang ahli cukup kuorum dan ini saya rasa jika kita bagi 500 orang ahli cukup kuorum kita akan menyelesaikan masalah yang begitu merunsingkan *Bar Council* selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, RM29 bilion telah pun diberikan dalam sektor pendidikan RM24 bilion untuk pengurusan lebih kurang RM5 bilion untuk pembangunan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila kita katakan pengurusan ini sememangnya kita mempunyai satu isu yang lama tetapi sentiasanya dia berbangkit dalam konteks yang baru iaitu isu sekolah-sekolah bantuan modal. Dalam kawasan saya, bukan sahaja SK kena, bukan sahaja sekolah kebangsaan kena, SJKC pun kena, SJKT pun kena.

Kerana sekolah-sekolah bantuan modal ini mereka mempunyai hak milik tanah dan itulah sebabnya mereka dijadikan sebagai sebuah sekolah bantuan modal. Tetapi Tuan Yang di-Pertua saya rasa apabila saya pergi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung Yang Berhormat ya.

Tuan Wong Nai Chee: Sekejap, apabila saya pergi melawat sekolah-sekolah ini saya rasa memanglah sekolah-sekolah ini telah pun dianaktirikan kerana biar pun apa jawapan yang telah pun diberikan oleh pihak kementerian tetapi apabila saya pergi turun padang *on the ground*, perasaan ialah tidak cukup perkakas, tidak cukup perabot-perabot dan sebagainya, tidak cukup peruntukan untuk mengecat sekolah, tidak cukup peruntukan untuk menyediakan sudut bacaan, tidak cukup peruntukan untuk menyediakan tempat letak basikal bagi pelajar-pelajar.

Selalunya mereka mendapat bantuan daripada siapa? Bukan daripada Pengarah Jabatan Negeri tetapi dapat bantuan daripada YDP, Yang di-Pertua PIBG dan sememangnya ketua-ketua PIBG ini selalunya mempunyai pengaruh yang lebih besar daripada pengarah kerana mereka sentiasa membantu. Apabila dia orang pergi mencari pengarah jawapan yang diberikan tidak ada peruntukan. RM29 bilion diberikan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak rasa kali ini kita ada alasan lagi yang menyatakan tidak ada peruntukan untuk sekolah bantuan modal. Ini hanya merupakan keutamaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita tidak menganggap sekolah bantuan modal ini kita turunkan jadi terbawah sekali maka kita akan beri jawapan baru tidak ada peruntukan, tetapi saya rasa ini hanya merupakan keutamaan dan saya berharap supaya kita akan mempunyai lebih peruntukan dan saya cadangkan supaya peruntukan yang diberikan adalah RM1 bilion untuk menyelenggarakan.

Menyelenggarakan semua sekolah bantuan modal dalam negara kita dan ini boleh menunjukkan keikhlasan daripada pihak kementerian. Kalau tidak dia hanya merupakan janji mulut sahaja dan apabila saya pergi turun ke padang pergi ke sekolah-sekolah nanti *we will look ourself silly* Tuan Yang di-Pertua kerana apa yang dirasakan di peringkat akar umbi ini adalah berlainan semua sekali apa yang diberikan jawapan oleh pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee: Dengan itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Lipis.

6.25 ptg.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jadi saya juga ingin mengambil bahagian untuk menyokong dalam unsur belanjawan. Pertamanya saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet yang mesra rakyat terutamanya bagi rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Bagi saya bajet dan strategi bajet yang baik ini hanya akan menjadi berkesan jika sistem *delivery*nya berkesan dan mencapai hingga ke akar umbi baik dalam sektor swasta mahu pun sektor awam. Antara agensi yang terlibat secara langsung dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat adalah Pihak Berkuasa Tempatan. Saya berkata begitu kerana PBT merupakan kerajaan peringkat ketiga dalam sistem negara kita dan setiap aktiviti dan projek yang dilaksanakan oleh PBT akan terus dirasai oleh rakyat. Sebab itulah saya tegaskan di sini bahawa pengurusan PBT mestilah telus dan berkesan tidak seperti yang saya katakan pada minggu lalu pengurusan dibuat secara berpakat-pakat walaupun ia disangkal oleh Presiden Persatuan PBT pada hari berikutnya.

Bagaimanapun saya percaya dan yakin bahawa banyak juga PBT yang diurus dengan baik dan berkesan, jadi kepada PBT-PBT yang telah diurus dengan baik dan berkesan saya ucapkan tahniah dan terima kasih kerana telah melaksanakan mandat atau amanah yang telah diberi oleh rakyat. Saya mengatakan ada PBT yang dibuat secara berpakat-pakat sebenarnya saya ada bukti. Contohnya, berdasarkan kepada laporan audit tahun 2004 beberapa PBT hampir di semua negeri lemah dalam sistem pengurusan kewangan dan juga dalam pengurusan projek dan aktiviti-aktiviti yang lain.

Contoh lagi, Majlis Bandaraya Shah Alam telah menghantar pada surat kepada semua rumah yang ada dalam kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam meminta mereka membayar saman, menghantar notis saman ini contoh surat ada saya bawa surat fotostat suratnya. Jadi semua rumah lebih kurang 500 ribu buah rumah, 600 ribu buah rumah sebenarnya telah mendapat notis saman ini, yang peliknya, semua rumah dihantar saman, jadi yang tidak ada saman pun dihantar saman.

Ini menunjukkan bahawa MBSA tidak ada *database* siapa yang dikenakan saman, siapa yang telah membayar saman dan sebagainya, jadi dihantar kepada semua rumah, kesannya ini pastilah membazirkan duit rakyat dari segi kertas yang

digunakan, dari segi masa yang diambil oleh pegawai-pegawainya membuat surat dan juga dari segi setem yang terpaksa dihantar kepada semua PBT. Ini bagi saya tentulah membazir wang rakyat.

Contoh lagi, PBT ditadbir secara berpakat-pakat untuk jawatan Setiausaha Majlis Daerah sudah 3 kali temu duga tetapi tidak ada calon dilantik, tidak akan tidak ada calon yang layak? Saya dengar cerita sengaja jawatan tersebut tidak dilantik kerana hendak beri peluang kepada PSU selesai belajar ijazah pertama supaya dia dapat dilantik. Itu saya katakan pada minggu lepas.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Bagi saya jawatan Setiausaha ini penting terutama bagi PBT yang bertaraf Majlis Daerah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Yang Berhormat Tangga Batu hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Sila Yang Berhormat Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Lipis, saya minat juga dengan tajuk pengurusan dan pentadbiran pihak berkuasa tempatan ini kerana mungkin sedikit pengalaman boleh dikongsi bersama. Memandangkan kita percaya dalam apa juga urusan dan pentadbiran jabatan kerajaan di peringkat kerajaan ketiga ini pada hari ini pejabat-pejabat daerah, majlis-majlis daerah yang tidak mempunyai Yang di-Pertua yang berjawatan tetap di mana Yang di-Pertuanya itu adalah terdiri daripada pegawai-pegawai daerah dan boleh dikatakan semua pegawai daerah ini memegang tidak kurang daripada 20 pengerusi jawatankuasa di peringkat daerah sama ada ianya berjawatan di jabatan kerajaan ataupun NGO-NGO.

Jadi pada pendapat Yang Berhormat Lipis, adakah kemungkinan daya kepimpinan itu ataupun tidak adanya kepimpinan-kepimpinan yang tetap yang mempunyai fungsi yang boleh memantau secara terus jabatan-jabatan di dalam majlis kerajaan tempatan tadi telah menyebabkan berlakunya perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Lipis tadi. Maknanya pacuan kepimpinan (*leadership drive*) tidak ada di peringkat kerajaan tempatan, boleh komen?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu dan tahniah kerana dikurniakan anugerah 'Datuk' oleh Kerajaan Negeri Melaka. Memang bagi saya itu satu daripada puncanya di mana yang di-pertua majlis daerah bagi PBT yang bertaraf majlis daerah sekarang ini dibuat secara *part time* oleh pegawai daerah, kesannya pegawai daerah mempunyai banyak tugas yang lain, jadi kemungkinan mereka hilang fokus ataupun tidak memberi fokus yang jelas atau khusus kepada PBT yang bertaraf majlis daerah ini kerana baginya ada pegawai tetap di sana iaitu setiausaha.

Jadi itu sebab saya kata bagi saya, PBT yang bertaraf majlis daerah ini yang buat ini yang buat *day to day running*, dengan izin, PBT ini ialah setiausaha. Sebab itulah bagi saya jawatan setiausaha itu penting dan mesti dipegang oleh pegawai-pegawai yang berkelulusan ijazah, maknanya yang daripada kumpulan pengurusan dan profesional. Dan setiausaha juga mestilah seorang yang dinamik dan seorang yang boleh merancang ataupun memotivasikan PBTnya untuk memastikan keberkesanan sistem *delivery* ini. Jadi amatlah malang jika ada PBT yang tidak ada setiausaha dan tidak dapat melantik setiausahanya walaupun telah tiga kali dia buat temu duga. Begitu juga lebih malang lagi jika PBT itu yang terpaksa menunggu lama untuk mengisi kekosongan jawatan setiausaha hanya hendak semata-mata menunggu penolong setiausahanya mendapat ijazah untuk mengisi jawatan tersebut. Dan bertambah-tambah malanglah kalau PBT ini jika jawatan pembantu teknik, jawatan inspektor kesihatan pun tidak diisi.

Ini mungkin jugalah hendak menunggu sesiapa sahaja staf dalam PBT itu dapat diploma ke ataupun, barulah jawatan itu hendak diisi. Jadi bagi saya ketiga-tiga jawatan ini iaitu setiausaha, pembantu teknik kalau tidak ada jurutera. Lebih baik kalau ada jurutera di PBT, dan inspektor kesihatan merupakan jawatan-jawatan yang penting dalam PBT dan mereka inilah sebenarnya yang memainkan peranan yang penting dalam merancang keperluan-keperluan ataupun kehendak-kehendak yang ada di setiap PBT, terutamanya bagi PBT yang bertaraf majlis daerah di mana yang di-pertuanya terdiri daripada - ataupun dipegang oleh pegawai daerah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya ingin meminta pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menyiasat perkara ini dan membuat pembetulan dalam hal ini. Jadi kalau jawatan belum dilantik, lantiklah jawatan tersebut.

Saya juga telah mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan ini bagi membolehkan pegawai dan staf sesuatu PBT bertukar ke suatu PBT yang lain jika diperlukan atau bila keadaan memerlukan. Ini untuk memastikan pegawai dan staf PBT sentiasa bermotivasi, tidak jemu kerana selalu berkhidmat di sesuatu tempat, kurang mudah terlibat dalam salah guna kuasa dan juga rasuah kalau mereka berada terlalu lama di sesuatu tempat. Kadang-kadang ada pegawai atau ada staf di PBT daripada mula dilantik umur 20 tahun akhirnya bersara di jawatan yang sama. Jadi ini bagi saya tentulah menjemukan dan boleh menyebabkan hilang motivasi kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada Lembaga Pembangunan Wilayah. Rasa saya Lembaga Pembangunan Wilayah ini telah banyak diperkatakan oleh rakan-rakan saya daripada Pahang. Jadi di sini saya pun tidak hendaklah bercerita lanjut tentang pentingnya Lembaga Kemajuan Wilayah ini. Apa yang saya harapkan atau saya sarankan supaya satu lembaga pembangunan wilayah atau yang seumpamanya diwujudkan semula bagi kawasan Pahang Barat atau Pahang Utara sekarang ini.

Jadi dengan cara ini barulah pembangunan di sebelah Pahang Barat atau Pahang utara ini akan menjadi pesat semula terutamanya dari segi pembangunan pertanian dan pembangunan luar bandar. Dulu sebenarnya di sebelah Pahang Barat ini kita ada IADP. Bagaimanapun pada tahun 2000 seingat saya IADP ini telah dibubarkan dan kesannya banyak projek terutamanya projek-projek jalan ladang dan projek-projek pertanian telah terbengkalai kerana peruntukan yang diberi seperti yang dijanjikan kepada agensi-agensi pembangunan dan pertanian lain terutamanya di peringkat daerah tidak mencukupi dan tidak dapat hendak menyelenggarakan jalan-jalan dan projek-projek atau program pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks strategi melaksanakan langkah positif proaktif kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi pula, pada dua minggu atau seminggu yang lepas Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengatakan bahawa Proton tidak agresif dalam memasarkan produknya di luar negara. Jadi di sini saya hendak bertanya dengan pihak MITI sejauh manakah pihak MITI dan agensi-agensi di bawahnya seperti MATRADE membantu Proton mempromosi dan memasarkan kereta nasional secara agresif di luar negara kerana saya percaya itulah antara tugas dan fungsi MITI.

Jadi tidak ada bermakna kita menuduh Proton itu dan ini tetapi sebenarnya kementerian kita juga tidak membuat apa-apa untuk membantu kereta-kereta atau Proton atau kereta nasional ini. Jadi oleh itu, saya hendak mencadangkan supaya MITI berbincanglah dengan Proton bagaimana hendak memasarkan produk Proton ini secara agresif di luar negara, bukan hendak salah-menyalah antara satu sama lain dan bagi Proton pula janganlah kompelin lagi kerana sudah diberi 20 tahun sokongan oleh kerajaan, rasanya proton tidak boleh *complaisant* lagi dan mereka mestilah bersedia bahawa keadaan *market* sekarang telah berubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat .

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Saya hendak mengatakan satu lagi sebelum saya gulung. Ini untuk dalam strategi yang ketiga persekitaran mesra perniagaan, yang ini untuk sektor swasta. Kini rasa saya peniaga dan kontraktor kecil sukar untuk dapat pinjaman untuk tujuan perniagaan. Ini kerana bank rasa saya sekarang ini banyak sangat birokrasi dan prosedur. Pernah ada seorang kontraktor mengadu kepada saya apabila hendak buat OD, semua keperluan yang dikehendaki telah diberi, bank berjanji bahawa kelulusan memang diberi tetapi dari seminggu ke seminggu menunggu tetapi tidak juga mendapat suratnya.

Akaun dah dibuka, penyata akaun pun dah dihantar kepada kontraktor ini yang menunjukkan kosong di dalamnya tetapi OD tak lulus, kerana apabila ditanya dengan pengurus bank itu, katanya keputusan untuk kelulusan itu adalah daripada peringkat pusat. Jadi apa di sini saya hendak mencadangkan kepada Bank Negara supaya memastikan bank-bank ini mematuhi ataupun mengubah struktur dari segi keputusan pinjamannya kalau pinjaman ataupun OD yang overdraf yang kecil-kecil ini bolehlah diputuskan di peringkat cawangan sahaja.

Dan yang akhirnya saya hendak menyentuh di sini tentang dari segi strategi yang keempat iaitu pembinaan ataupun pembangunan insan, membangunkan modal insan.

Jadi baru-baru ini kalau kita lihat, saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran kerana Maktab Perguruan telah dinaikkan kepada Institut Pendidikan Guru. Jadi bagaimanapun rasa saya kerajaan juga kena ambil perhatian ada lagi satu institut latihan guru yang tertinggal, kita harap dimasukkan di dalam ini iaitu Institut Pengurusan Aminuddin Baki yang terletak di Genting Highlands. Jadi kalau kita

lihat institut ini ditubuhkan dengan fungsi untuk memberi latihan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran kepada staf Kementerian Pelajaran. Jadi dulu kalau kita lihat institusi ini telah banyak menjalani kursus dengan kerjasama universiti-universiti tempatan dan luar negara kursus-kursus yang bertaraf sarjana dan juga diploma untuk meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai dalam Kementerian Pendidikan, tetapi nampaknya fungsi ini sudah tak ada lagi, yang ada sekarang ini banyak kursus yang dibuat di Institut Aminuddin Baki itu adalah kursus-kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Ini sebenarnya adalah fungsi yang dijalankan oleh bahagian sumber manusia, dan fungsi-fungsi melatih bakal-bakal pengetua dan sebagainya kini telah diambil alih oleh universiti dan juga bahagian lain. Jadi kalau dah fungsinya dah tak ada, IAB ini rasa saya lebih baik ditutup sahaja, jadi peruntukkan besar kerajaan beri kepada IAB ini boleh beri kepada jabatan-jabatan yang lain dan bangunan-bangunan yang ada itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi jalan?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Ok, boleh sekejap, sebelum kita habis.

Tuan Jimmy Donald: Yang Berhormat, pada satu ketika dulu, mungkin sekarang juga Institut Aminuddin Baki ini disifatkan sebagai tempat membuang pensyarah-pensyarah yang tidak begitu sesuai dengan institusi-institusi lain. Adakah tohmahan ini betul atau tidak?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Sri Aman. Rasa saya tohmahan itu tidak betul kerana banyak pensyarah IAB ini telah dicuri oleh universiti dan juga tempat-tempat lain. Yang pencen pun lambat pencen sahaja, pencen sahaja ada dah universiti yang datang meminang dan mereka terus menjalani kontrak. Jadi kalau hendak kata yang tidak sesuai itu rasanya tidak betullah. Jadi bagi saya itulah kalau dah tidak ada keperluan, tutup bangunan itu boleh jadi institut perguruan ke, pusat matrikulasi ke dan lain-lain. Jadi oleh sebab masa pun dah habis untuk saya, apa yang saya harapkan dengan belanjawan atau bajet yang baik ini sistem, *delivery*nya mestilah berkesan. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saratok.

Tuan Jelajing anak Mersat [Saratok]: Selamat Petang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang untuk saya bersama-sama membahaskan Bajet 2006 pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua Bajet 2006 ini ialah

satu perancangan belanjawan pada pendapat saya yang cukup seimbang oleh sebab semua pihak dan agensi pelaksanaan dasar kerajaan telah pun diperuntukkan sejumlah wang bagi menyelenggarakan tugas-tugas yang tertentu. Saya bangga sekali atas sebab suatu tekanan yang penting telah diberikan kepada pembangunan luar bandar bukan sahaja dari segi infrastrukturnya tetapi juga dari segi pembangunan insan.

Yang RM14.4 bilion untuk pertanian dan pembangunan industri dan juga infrastruktur adalah bukti kerajaan mementingkan pertanian sebagai penjana ketiga untuk membangun ekonomi negara. Ini bermakna kawasan-kawasan di luar bandar yang akan dibangunkan dan rakyat di luar bandar yang akan mendapat keuntungan daripada aktiviti yang dijalankan oleh aktiviti itu, bagi negeri Sarawak ini bermakna tanah-tanah yang terbiar yang begitu luas selama ini bolehlah mula diterokai ataupun dimasukkan ke dalam perancangan untuk dibangunkan. Tentulah usaha ini akan mempertingkatkan lagi sistem infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan juga bekalan elektrik yang masih lagi dalam keadaan yang begitu kebelakangan.

Aktiviti-aktiviti pertanian bukanlah hanya yang bererti yang besar-besaran tetapi yang *small holdings* dengan izin, mendapat faedah daripada pembangunan ini. Mereka iaitu petani-petani kecil boleh memerhatikan cara-cara pengendalian ladang-ladang besar yang beroperasi secara *estate* ataupun mini *estate* yang telah pun mula beroperasi di kawasan saya iaitu di Saratok. Saya merayu kepada Kementerian Pertanian dan Industri asas Tani dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menumpukan usaha kepada membantu petani-petani kecil di luar bandar melalui agensi mereka seperti Jabatan Pertanian di daerah-daerah yang berkenaan. Harapan saya adalah peruntukkan RM2.7 bilion ini boleh memulakan penetapan rakyat luar bandar untuk mengusahakan tanah mereka dan tidak berhijrah ke bandar di mana mereka boleh terjebak dengan masalah-masalah sosial.

Usaha kerajaan mestilah untuk menarik anak-anak muda dari rumah panjang untuk balik ke luar bandar dan menjadi seorang petani yang moden. Berkaitan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kursus-kursus dijalankan dan jika perlu tambah lagi jumlah institusi pertanian di mana mereka boleh dilatih dalam bidang-bidang yang relevan. Institusi yang saya maksudkan ialah seperti institusi pertanian di Semenggoh, Kuching Sarawak dan juga saya mencadangkan supaya diperbanyakkan agensi pembangunan tanah bumiputera seperti yang ada di Semenanjung seperti

FELDA, FELCRA dan juga RISDA supaya membantu agensi-agensi yang sedia ada untuk mempercepatkan lagi pembangunan tanah di Sarawak dan juga di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan sejumlah \ RM29 bilion pelajaran dan daripada jumlah itu RM24 bilion untuk *operating expenditure* ataupun pengurusan dan hanya RM5 bilion untuk pembangunan (*development*). Ini bermakna jumlah untuk *operating expenditure* begitu tinggi. Sayangnya Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang yang diharapkan mengawas dan menyelia operasi tidak cekap khasnya untuk kawasan-kawasan di pedalaman, sekolah-sekolah di pedalaman dan operasi tidak cekap khas untuk monitor sekolah-sekolah di pedalaman kadang-kadang di sekolah-sekolah yang tertentu di pedalaman prestasinya begitu merosot.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung selepas rehat? Jadi Yang Berhormat, oleh kerana hari ini adalah hari berpuasa jadi kita berhenti rehat. Jadi Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 7.30 malam.

Mesyuarat ditempoh pada pukul 6.45 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 7.40 malam.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Saratok sila sambung ucapan.
7.40 mlm.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Baiklah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya menyentuh tentang sekolah-sekolah di pedalaman, di luar bandar yang prestasinya sangat rendah dan merosot. Ianya suatu yang mengecewakan, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya, apakah rasional di mana nisbah gurunya kepada murid iaitu seorang guru pada 9 orang murid dan prestasi UPSRnya kosong yang lulus, tidak ada yang lulus. Perhatian yang lebih dekat dan senang jika ianya dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bandar di mana nisbahnya mungkin seorang guru kepada 40 orang murid. Memanglah ada faktor-faktor lain.

Saya merayu Kementerian Pelajaran supaya sekolah-sekolah di luar bandar diberi perhatian yang lebih dan penyeliaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dipantau dengan lebih kerap dan rapi. Sistem infrastruktur di luar bandar di kawasan Saratok masih lagi belum memuaskan oleh kerana di tempat-tempat yang tertentu masih belum lagi dihubungi jalan raya seperti kampung-kampung Melayu di Perpat, di

Kabak dan di Mempelam. Begitu juga kawasan rumah panjang seperti di kawasan Modong Hibus di mana jalan raya belum mencukupi dan satu rumah panjang lagi yang paling jauh iaitu di kawasan Gong Hibus.

Saya mencadangkan supaya peruntukan untuk infrastruktur dibahagikan lebih besar kepada negeri Sarawak dan Sabah. Kalau infrastruktur seperti jalan raya tidak cukup maka tujuan kita untuk memajukan pertanian dan mempertingkatkan lagi kegiatan ekonomi luar bandar tidak akan jadi kenyataan. Saya cadangkan supaya penurapan jalan Ulu Awek, jalan Ulu Kerian di kawasan Saratok dipercepatkan supaya lebih senang lagi bagi agensi-agensinya penyampaian untuk menyelia aktiviti sama ada pertanian, pelajaran dan sebagainya. Kawasan yang saya sebutkan itu ada lebih kurang 70 buah rumah panjang dan tanah yang begitu luas untuk dibangunkan.

Akhir sekali saya setuju bahawa *delivery system* kita mesti diubah di mana yang sesuai dan diperkukuhkan di mana ianya efektif. Saya bersetuju sangat dengan rakan saya dari Cameron Highlands berkaitan dengan *delivery system* kita yang telah disentuhnya tadi.

Berkaitan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya pusat pentadbiran di kawasan Saratok iaitu di Nanga Buduh belum dimulakan dan dibekalkan dengan pegawai-pegawai yang diperlukan untuk memonitor pembangunan-pembangunan dengan lebih dekat. Saya juga merayu kepada kementerian supaya hal ini dipercepatkan supaya pembangunan kita lebih senang lagi dipantau dari satu pusat pentadbiran yang lebih dekat lagi dengan kawasan-kawasan yang telah dibangunkan. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Pensiangan. Saya bagi Yang Berhormat bagi Pensiangan dahulu ya.

7.44 mIm

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana telah memberikan saya peluang untuk berucap pada petang ini. Seperti rakan-rakan dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, saya juga turut membahaskan Bajet 2006 tetapi saya terus kepada isu yang saya ingin bangkitkan pada petang ini.

Laporan Jabatan Audit Negara Malaysia di 51 jabatan yang telah dibuat pada tahun 2004 di seluruh negara yang melibatkan 11 kementerian dan jabatan dalam pengauditan tersebut pada keseluruhannya masih perlu dipertingkatkan lagi dan kelemahan dari sudut kawalan pengurusan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset perlu diberi perhatian dan perlu diperbaiki dengan segera. Hasil daripada penilaian tersebut, maka pihak pengurusan perlu memberi penyeliaan dan pengurusan kewangan dan memastikan latihan yang sewajarnya diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Kebimbangan kita dan rakyat sekiranya perkara ini tidak lagi diberi perhatian, maka sudah tentu ia akan melemahkan lagi jentera sistem pelaksana kita atau *delivery system* kerajaan. Justeru itu kerajaan harus serius dan warga kerja harus serius demi menentukan Wawasan 2020 akan menjadi realiti. Selain daripada sistem *delivery* kerajaan ataupun pelaksana yang perlu diperkembangkan, masalah yang perlu diatasi umpamanya GLC (Government Link Companies) yang mana telah pun disentuh oleh beberapa Yang Berhormat tetapi saya sentuh lagi, *to reinforce*, dengan izin, yang tidak memberangsangkan dari aspek prestasinya, maka kerugian jelas dilihat umpamanya MAS, Penerbangan Malaysia, RM280.7 juta dan Proton Holding mewujudkan pasaran dengan mengumumkan *first quarter free-tax loss of RM4.3 juta* dan Telekom Berhad melalui subsidiarinya, CELCOM pula disaman oleh Dutch Telekom *by the International Arbitration Court*, dengan izin, sebanyak RM780 juta kerana *breeching an agreement* dan ini sudah tentu menjejaskan kewibawaan Telekom dan Celcom dan baru-baru ini pula Bank Islam rugi sebanyak RM450 juta, kurang daripada RM500 juta dan perlu suntikan dana sebanyak RM300 juta pula dan saya pasti banyak syarikat yang mendapat bantuan dari kerajaan menemui masalah kerugian. Persoalannya, di mana silapnya?

Sebenarnya apakah negara yang sudah meningkat atau menurun dari aspek prestasinya di persada dunia, dari aspek kompetitifnya negara kita terdapat dua pendapat yang berbeza. Satu laporan yang mengatakan Malaysia naik prestasi ke tangga ke-7 dan satu lagi mengatakan Malaysia menurun ke tingkat 8 mengikut *the world competitive ladder*, dengan izin. Dalam laporan Global Competitive Report 2005/2006 (GCR) yang berpusat di Switzerland mengikut forum ekonomi antarabangsa, *rank* Malaysia ke-24 sebagai negara yang kompetitif dari 117 negara antara worldwide. Di peringkat negara Asean pula, Malaysia terletak di tangga ke-5 selepas Taiwan, Singapura, Jepun dan juga Korea.

Dalam laporan itu juga ia menyentuh kemerosotan kewibawaan khusus kepada red tape atau birokrasi dan Kerajaan Malaysia harus memfokuskan kepada isu yang mendesak iaitu dari soal *corruptions* atau korupsi. Institute for Management Development (IMD) berpusat di Geneva. menyatakan bahawa Malaysia jatuh dari tangga ke-16 ke tempat yang ke-28. Dari sudut *efficiency* ataupun efisien yang berkesan, Malaysia merosot dari tangga 16 ke tangga 26. Daripada laporan ini, yang mana satu yang kita dapat gunakan dan guna pakai? Kita bersandarkan dengan data kedua-dua agensi GCR dan IMD yang digunakan untuk menilai keberkesanannya perkhidmatan kerajaan kita.

Di dalam subjek seperti ini Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak membuat teguran terhadap kemerosotan dari segi *performance* pegawai kerajaan dan orang yang berkenaan pada ketika ini nampak semuanya senyap sepi sahaja terbiar dan perangai orang kita semestinya marah tetapi sukar mendiamkan diri. Sebenarnya dan seharusnya kita menerima kritikan-kritikan membina khususnya daripada pihak-pihak luar.

Di *Transparency International Corruptions Perspective Index* (TICPI), Malaysia telah jatuh dan merosot dari tangga ke-37 hingga ke-39 tahun lepas. Kita terasa dengan laporan ini, yang mana baru-baru sahaja menubuhkan PIN ataupun Pelan Integriti Nasional ini, lebih-lebih lagi Perdana Menteri kita telah menekankan perkara-perkara seumpamanya ini tetapi masih lagi terjadi. Walaupun dalam laporan GCR itu kompetitif dan Malaysia melonjak dari tangga-31 ke tangga-24 dan laporan ini menetapkan tangga 101 daripada 117 negara yang telah dinilai dari sudut birokrasi atau *red tape* dan maksud *efficiency* dalam perkhidmatan awam. Justeru itu tidak ada bezanya di antara laporan IMD dan GCR, mengenai dengan prestasi *efficiency* kerajaan. Kedua-duanya menunjukkan laporan yang tidak menyebelahi negara kita. Justeru itu kita harus memberi pandangan positif, menerima laporan ini dengan hati yang terbuka dan mengambil tindakan untuk memperbaiki kedudukan prestasi pegawai-pegawai kerajaan dan perkhidmatan awam.

Dalam satu majlis Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Najib telah berucap di Persidangan Perkhidmatan Sivil di INTAN baru-baru ini yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan yang terkanan mengenai dengan kedudukan di peringkat antarabangsa menunjukkan satu senario yang tidak membanggakan kepada negara. Sehubungan dengan itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

meminta warga kerja kerajaan harus bertindak positif, memperbaiki dan jika tidak integriti Malaysia akan terus tergugat di persada antarabangsa.

Beliau juga menegaskan bahawa perkhidmatan awam mempertingkatkan efficiency sebagai keutamaan atau top priority. Sudah sampai masanya perkhidmatan awam Malaysia melihat negara seperti Hong Kong, Singapura, Finland, Denmark dan Australia yang pada ketika ini perkhidmatan awam kerajaan juga masing-masing ada yang paling efficient. *Zero tolerance of error* atau toleransi permasalahan sifar adalah kaedah yang akan memberikan kesan macam mana peningkatan evolusi atau keberkesanan membentuk satu kumpulan kerja yang cukup mantap, berwibawa dan profesional.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan apa yang dikatakan tadi competitiveness pegawai-pegawai kerajaan kita, to enhance Malaysia ranking in the world competitiveness perlu juga delivery system sebagaimana yang saya sebutkan tadi, perlu telus, transparency, produktiviti itu mesti ada, mempunyai skills dan human capital development yang perlu ditekankan di dalam perkhidmatan awam. Saya terasa sebab kenapa saya tekankan yang ini, sekarang kita dalam zaman masuk ke dalam Rancangan Malaysia Ke-9, sudah tentu kita memerlukan tenaga kerja yang berwibawa supaya apa sahaja yang kita buat ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan peruntukan untuk membasmi kemiskinan yang menarik perhatian saya – penyelenggaraan dan bangunan sekolah sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat lain-lain. Tetapi saya hendak tekankan di sini bahawa Pensiangan yang kedua saya rasa yang terbesar daripada keluasan dan juga yang sukar untuk saya melawatnya tetapi alhamdulillah dalam 15 bulan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelajah ke lebih kurang 270 kampung yang telah saya lawati dan rata-rata saya melihat rangkaian jalan-jalan raya, air yang tidak bersih untuk diminum, sekolah-sekolah yang sudah usang, bangunan-bangunan kerajaan yang sudah 30 tahun belum lagi diperbaiki dan sebagainya.

Inilah di antara kerenah-kerenah ataupun masalah yang saya hadapi untuk membaiki keadaan dan sudah tentu sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus memberikan satu fokus kepada Pensiangan ini yang mana sudah ketinggalan lebih daripada 30 tahun. Sekarang ini dengan Kerajaan Barisan Nasional, kita mengharapkan satu impian bahawa rakyat di dalam pedalaman ini mendapat satu perhatian dan

mudah-mudahan dengan adanya kerajaan memberi satu keprihatinan terhadap mereka ini, maka kedudukan mereka dalam soal ekonomi dan sebagainya akan terus terjaga.

Semalam kita telah membincangkan mengenai dengan beberapa ratus ribu budak-budak sekolah yang tidak dapat membaca, tidak dapat mengira dan juga menulis. Saya ingin berbincang di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, di beberapa tempat di kawasan saya di rumah-rumah panjang, apabila kita cakap mengenai dengan budak-budak sekolah yang dapat menulis, dapat membaca dan dapat mengira ini terlalu banyak anak di pedalaman ini yang tidak mempunyai peluang, tidak dapat mempunyai peluang melihat apakah itu "a", apakah itu angka "1" dan macam mana hendak ubah dan mengarang ayat-ayat dan sebagainya.

Saya meminta supaya sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, untuk memberi satu penekanan kepada pembelajaran anak-anak di luar bandar dan saya cadangkan di sini supaya di bahagian Bantul, di kawasan Pensiangan ini diberi prasarana, umpamanya prasekolah dan juga melatih guru-guru supaya mereka ini tahan lasak, berdaya tahan untuk bersama-sama di kawasan pedalaman ini untuk mengajar anak-anak bangsa kita yang saya rasa perlu diberi perhatian dengan sebaik mungkin. Sebab apa, kalau kita sampai ke 2020 ini, saya sangsi, Tuan Yang di-Pertua, sebab kenapa kita hanya mempunyai 15 tahun lagi untuk mencapai 2020. Saya merasa mereka ini tidak diberi satu keseimbangan daripada segi memberi mereka pelajaran yang terbaik untuk negara kita.

Jadi yang juga saya hendak sentuh hari ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, ialah mengenai dengan RTM yang baru-baru ini telah membuat perubahan dan pendekatan dan membuat promosi imej baru dan logo baru yang telah membelanjakan sejumlah RM8 juta untuk memperlihatkan RTM itu, khususnya TV1 dan TV2 dan semua rangkaian-rangkaian radio, menyerlah budaya maju dan kompetitif dalam pendekatan persembahan yang bermutu.

Saya ingin tahu sejauh manakah impaknya selepas logo, selepas penjenamaan ini atau pun *re-branding* ini terhadap menarik banyak lagi penonton dan juga pendengar mengenai dengan RTM ini. Saya melihat sekarang ini RTM juga telah memfokuskan kepada satu era baru, satu teknologi yang baru iaitu era digital yang saya difahamkan oleh Timbalan Menteri baru-baru ini mengatakan bahawa *the cut off analog will be in the year 2015* yang telah menelan belanja lebih kurang RM78 juta.

Saya melihat di Lembah Klang ini kita mempunyai lebih kurang 500,000 penonton yang akan mendapat keistimewaan melihat teknologi digital ini dan imej-imej ataupun gambaran-gambaran yang saya rasa lebih cantik, lebih molek dan lebih menyerlah. Tetapi kemusykilan saya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, macam mana dengan pedalaman? Di pedalaman ini kita tidak mempunyai pendekatan ataupun tidak mempunyai maklumat-maklumat atau informasi-informasi yang harus mereka sama-sama menontonnya. Umpamanya di daerah Pensiangan, kebanyakan penduduk-penduduk di pedalaman ini tidak mendapat keistimewaan untuk mendengar radio ataupun melihat televisyen. Sekiranya televisyen itu ada, itu disebabkan apa? ASTRO dan TV3.

Tetapi orang-orang kampung ini macam mana mereka hendak bayar tiap-tiap bulan sedangkan mereka ini 10 sen ataupun RM1 pun mereka tidak dapat dalam satu hari. *This is the problem that we are facing, so therefore* saya mencadangkan supaya RTM ini jangan retorik sahaja. Banyak yang telah dicakapkan, telah dibincangkan dan sebagainya, *newspaper carry this, we are going to build infrastructure*, dengan izin, *we going to build this, we going to build that* tetapi akhirnya semua kosong.

Jadi saya cadangkan supaya *transponders, transmitters* atau *repeater* ini ataupun pemancar-pemancar ini dibina supaya rakyat-rakyat di pedalaman ini dapat melihat dan juga mendengar siaran-siaran radio dan televisyen. Kalau kita hendak memperkembangkan minda rakyat supaya mereka ini lebih berdaya maju, berdaya saing dan mempunyai maklumat yang tertentu, saya rasa di bahagian pedalaman, bukan sahaja di Pensiangan tetapi kita mempunyai juga *pocket feeling* di Semenanjung ini yang belum lagi mendapat siaran-siaran radio ataupun televisyen. Jadi saya hendak sentuh di sini..

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:Tuan Yang di-Pertua supaya pedalaman khususnya di Pensiangan dan juga di Tenom ini diberi satu penekanan supaya dipercepat dalam membina *transponders* ataupun pemancar-pemancar radio dan televisyen yang dapat percuma.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Jadi, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, *one more*, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh mengenai dengan kemartabatan negara kita. Di tempat saya, Bantul ini kita berterima kasih dengan polis tetapi saya hendak

mencadangkan kepada PDRM ini dan kementerian yang berkenaan supaya melihat persempadanan di antara Indonesia dan Malaysia ini, khususnya di Bantul ini diberi satu perhatian, disebabkan apa? Terlalu banyak lalu-lalang pendatang-pendatang daripada Indonesia ini menembusi tempat kita sehinggakan penyeludupan senjata, penyeludupan barang-barang komersial dan sebagainya, penyeludupan dari segi orang-orang yang tidak mempunyai dokumen dan sebagainya harus diberi perhatian.

Saya bercadang di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa polis dan juga imigresen dan kastam harus diletakkan di kawasan tersebut dan juga mereka perlu diberi bot-bot ronda dan sebagainya. Pada masa ini kasihan polis-polis di pedalaman ini, Tuan Yang di-Pertua, hendak pinjam orang punya bot sahaja. Sampai begitu kita. Macam mana kita hendak kawal kita punya perairan ini ataupun sungai-sungai kita kalau kita tidak mempunyai *facilities* seumpama ini.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya gulung dan mudah-mudahan apa yang saya sebutkan tadi mendapat perhatian daripada kementerian yang berkenaan, iaitu RTM harus bertenaga dengan satu pembaharuan ini dan harus melihat daripada segi *contentnya* dan juga harus melihat dari segi teknologi yang akan diberi dan harus menghantar anak-anak bangsa ini untuk berlatih lagi supaya mereka ini lebih berkesan bila mereka membuat kerja-kerja mereka. Jadi, untuk menggulung ini Tuan Yang di-Pertua.....

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben: [*Ketawa*] Ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat?

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben: *30 seconds.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben: Dengan ini saya minta supaya RTM ini bila membuat liputan di Parlimen ini yang selalu kita lihat tiap-tiap malam ini - saya sedih. Audionya tidak betul. Sudut gambarannya tidak betul dan semua ini, adakah akan memperlihatkan kita *world class*? Selalunya kita cakap, "*We are the world class*". Tetapi mutu.....

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben:persembahan penerbitan adalah yang termundur sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben: Dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri Seputeh dahulu.

8.01 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah lama saya tunggu.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya berharap cadangan pindaan Peraturan Mesyuarat kita akan diguna pakai tidak lama lagi dan diharap AG's Chamber boleh cepat-cepat *go through everything* dan supaya kita boleh guna Peraturan Mesyuarat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri kita kata bahawa kajian kesesuaian (*feasibility studies*) haruslah dijalankan apabila satu projek pembangunan melibatkan perpindahan penduduk kampung. Saya amat setuju dengan kenyataan Perdana Menteri dan saya rasa *feasibility studies* ini juga harus diperluaskan ke projek pembangunan di kawasan bandar juga.

Di sini saya ingin membangkitkan masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan bandar di mana semakin ramai orang keluar membantah projek lebuh raya bertingkat yang melalui kawasan kediaman mereka. Ini termasuk penduduk di Pulau Pinang yang membantah Projek Penang Outer Ring Road (PORR). Penduduk di kawasan USJ 3 yang telah pun keluar bersama dengan ADUN MCA, Yang Berhormat Lee Hwa Beng untuk membantah lebuh raya bertingkat di kawasan mereka dan juga penduduk di kawasan Taman Rainbow, Jalan Ipoh yang membantah projek lebuh raya bertingkat dari Jalan Duta ke kawasan Ampang. Kesemua bantahan ini dibuat kerana lebuh raya berkenaan melalui kawasan kediaman mereka yang merosakkan keamanan tempat kediaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membangkitkan contoh yang berlaku di kawasan saya iaitu Sri Petaling. Projek Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya dibina hanya 2.3 meter dari rumah teres yang baru di Jalan 2/149. Perkara ini melibatkan beberapa isu:

- (i) Masalah dalam Laporan EIA. Laporan EIA tidak mengikut garis panduan EIA yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Dalam garis panduan EIA di bawah konsep penting EIA ia menghendaki pihak perancang (*planner*) menyatakan keperluan projek tersebut (*the*

need of a project) dengan izin, dan memberi pertimbangan atas pilihan projek (*consideration of project options*). Kedua-dua syarat ini tidak dinyatakan dalam Laporan EIA Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya;

- (ii) Laporan EIA dibuat pada tahun 1997. Pada masa itu rumah teres di Jalan 2/149 ini masih belum dibina. Jadi sekiranya kita baca Laporan EIA projek ini, kita akan mendapati bahawa apabila kerajaan menghendaki projek lebuh raya itu dipulihkan, pihak LLM tidak menghendaki pihak konsesi untuk membuat EIA itu semula. Pihak konsesi masih menggunakan Laporan EIA lama. Oleh itu, sekiranya kita baca laporan tersebut, ia masih menyatakan bahawa lebuh raya bertingkat itu mempunyai jarak sebanyak 20 hingga 50 meter dari lebuh raya tersebut. Sehubungan dengan itu, muka surat 4.1 dalam Laporan EIA di bawah tajuk "*Significant Environmental Impacts and Mitigation Measures*", kita mendapati pihak konsultan tidak menyatakan impak dari bahagian Taman Tasek Selatan ke Taman Sri Petaling. Laporan EIA langsung tidak menyatakan bahawa lebuh raya bertingkat tersebut hanya mempunyai jarak sebanyak 2.3 meter dari rumah teres di Jalan 2/149. Selain daripada itu, *set back* yang ditentukan oleh LLM dalam garis panduan ialah 19 meter. Jadi, macam mana LLM meluluskan satu projek lebuh raya yang melanggar *set back* yang ditentukan oleh mereka sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, garis panduan EIA juga menghendaki pihak konsultan untuk menyatakan pandangan dan perasaan komuniti tempatan terhadap projek tersebut. Tetapi ini juga tidak disebut dalam Laporan EIA Projek Kuala Lumpur-Putrajaya. Di sini saya ingin menyeru Jabatan Alam Sekitar supaya lebih telus terhadap laporan EIA bagi projek kerajaan. Laporan EIA haruslah dianggap sebagai dokumen publik dan sekiranya orang awam ingin mengambil salinan Laporan EIA, mereka harus dibenarkan untuk mengambil salinan EIA dan tidak menganggap EIA sebagai dokumen sulit yang tidak boleh diedarkan kepada publik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru pihak LLM supaya lebih responsif terhadap aduan daripada orang awam terhadap projek lebuh raya kerajaan dan mengarahkan pihak konsesi untuk berbuat demikian. Saya difahamkan bahawa

seorang penduduk di Sri Petaling yang bernama Sabudin bin Aziz pernah menghantar surat bantahan kepada pihak LLM pada Mac 1997, tetapi pihak LLM tidak membalas suratnya dan mengabaikan seruan dan rayuannya dan meneruskan projek lebuh raya tersebut.

Selain itu, penduduk di Sri Petaling juga mengadu pihak syarikat konsesi tidak menegakkan papan tanda mengenai projeknya sejak awal. Mereka hanya sedar tentang kewujudan projek lebuh raya bertingkat ini apabila pihak konsesi mula kerja di tempat mereka. Selain itu, sekarang penduduk di rumah teres tersebut telah mengalami keretakan pada dinding rumah mereka. Keretakan bukan sahaja berlaku pada bahagian *extension* rumah mereka, tetapi juga pada dinding bahagian rumah asal. Kesalnya, tidak seorang pun pegawai dari LLM mahupun menteri yang melawat rumah yang mengalami keretakan, tetapi hanya konsultan sahaja yang melawat dan memeriksa dinding yang retak itu dan juga rombongan *Backbenchers Club* dari Parlimen.

Sehubungan dengan itu, pihak konsesi juga mengabaikan aduan daripada penduduk di tapak tersebut dan mulakan kerja mereka pada pukul 6 pagi semasa mereka masih tidur nyenyak. Tuan Yang di-Pertua, penduduk yang dipengaruhi oleh Projek Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya ini tidak berniat untuk mendesak kerajaan untuk menghentikan projek tersebut, tetapi mereka hanya merayu kerajaan untuk mengambil alih rumah-rumah mereka dengan harga pasaran. Ini adalah permintaan yang adil kerana para pembeli rumah ini langsung tidak sedar tentang kewujudan lebuh raya bertingkat itu apabila mereka membeli rumah mereka beberapa tahun yang lepas.

Sekiranya kerajaan sanggup membayar pampasan sebanyak RM38 bilion kepada syarikat konsesi kerana gagal mematuhi perjanjian di antara kerajaan dengan mereka, kenapakah kerajaan tidak sanggup mengambil alih rumah teres di Jalan 2/149 di Sri Petaling yang bernilai lebih kurang RM30 juta sahaja. Sekiranya kerajaan mengambil alih rumah teres yang terlibat, ia hanya meningkatkan kos pembinaan daripada RM1.3 bilion kepada RM1.33 bilion sahaja. Masih kurang daripada pampasan sebanyak RM38 bilion yang dibayar oleh kerajaan kepada syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang ekuiti bumiputera. Saya ingin tanya tentang penerusan Dasar Ekonomi Baru yang dilaung-laungkan oleh Pemuda UMNO dalam Perhimpunan UMNO beberapa bulan lepas. Masyarakat bukan Melayu tertanya-tanya tentang kenyataan bahawa kaum bumiputera masih belum mencapai ekuiti 30% yang merupakan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Persoalannya sekarang

ialah, kenapakah UMNO selalu berkata ekuiti bumiputera masih kurang daripada 30% sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dalam tahun 1970? Apakah ini kerana masalah kerajaan ataupun masalah kaum bumiputera sendiri ataupun kerana manipulasi dalam angka statistik?

Di sini saya ingin bangkitkan jawapan yang saya terima daripada Kementerian Kewangan mengenai senarai 20 syarikat yang paling besar nilai pasaran, dan pecahan pegangan saham mengikut kaum bagi syarikat-syarikat tersebut pada 26 September 2005 tahun ini. Saya merasa amat hairan di mana jawapan yang saya terima adalah berbeza daripada apa yang disiarkan dalam media, di mana jawapan yang diberi oleh Kementerian Kewangan kepada media mempunyai kolum Khazanah Holdings. Manakala peratusan saham yang dipegang oleh Khazanah Holdings telah pun di campur ke dalam pegangan saham kaum bukan bumiputera dalam jawapan yang diberi kepada saya. Ini menjadikan sesetengah syarikat ini menunjukkan pegangan saham kaum bukan bumiputera yang tinggi misalnya dalam Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Pegangan bukan bumiputera dalam jawapan saya ialah sebanyak 59.32%. Tetapi dalam jawapan yang disiarkan dalam surat khabar, pegangan saham oleh kaum bumiputera di Telekom Malaysia ialah 24.12% manakala pegangan saham oleh Khazanah Holdings ialah 35.2%. Walaupun saya telah menarik balik Usul yang merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, tetapi saya ingin tanya apakah ini cara kerajaan memanipulasi angka ekuiti dalam statistik sehingga kaum bukan bumiputera selalunya gagal mencapai matlamat ekuiti 30%.

Sebenarnya, sekiranya kita meneliti jawapan yang diberi oleh pihak Kementerian Kewangan mengenai pecahan ekuiti di 20 syarikat tersenarai di Bursa Saham, saya mendapati kaum bumiputera telah pun mencapai 33%, kaum bukan bumiputera mencapai 30%, orang asing mempunyai 25%, manakala Khazanah Holdings memegang 12%. Memandangkan pengiraan kerajaan selalu mencampur pegangan saham oleh syarikat kepunyaan kerajaan sebagai pegangan saham kaum bumiputera, maka kaum bumiputera telah pun memegang 45% ekuiti dalam 20 syarikat yang terbesar di Bursa Saham Malaysia.

Ini bermaksud kaum bumiputera sebenarnya telah pun mencapai matlamat asal Dasar Ekonomi Baru dan kerajaan tidak patut meneruskan tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, tetapi haruslah mengamalkan dasar yang adil dan saksama terhadap

semua kaum dan kerajaan sepatutnya mengikut seruan bekas Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir yang berkali-kali menyeru kaum Melayu untuk membuang tongkat demi menjadi lebih efisien, kompetitif untuk menghadapi cabaran globalisasi.

Jadi saya merasa amat kesal untuk melihat Bajet 2006 memberi penekanan yang kuat kepada kaum bumiputera, dan pelbagai projek pembangunan hanya diberi kepada kontraktor bumiputera sahaja, tetapi bukan diberi berdasarkan merit ataupun keupayaan syarikat kontraktor dan kerajaan kelihatan hampir lupa tentang keperluan dan kebajikan kaum bukan bumiputera. Bukankah dasar yang berunsur diskriminasi terhadap kaum bukan bumiputera ini telah pun bercanggah dengan prinsip Islam Hadhari?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat prihatin juga tentang.....

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat. Dua minit lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya cuba Tuan Yang di-Pertua. Saya juga amat prihatin tentang kerugian bersih sebanyak RM456.44 juta oleh Bank Islam bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2005 kerana Bank Islam menghadapi *Non-Performing Loans* yang berjumlah RM2.2 bilion. Kerugian ini mewakili nisbah bersih 12.5% berbanding dengan purata industri sebanyak 5.1%.

Pada masa kini, Bank Islam mempunyai empat pemegang saham yang besar iaitu Permodalan Nasional Berhad, Tabung Haji, KWSP dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Selain itu majlis agama di banyak negeri juga merupakan pemegang saham di bank tersebut. Kerugian Bank Islam ini merupakan tamparan hebat kepada kerajaan yang melaungkan Islam Hadhari dan juga kepada umat Islam dalam bulan Ramadan bulan yang suci ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Kementerian Kewangan tentang isu-isu berikut:

- i) salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kerugian Bank Islam ialah kerana bank itu telah mengeluarkan *rights issue* yang sebanyak RM400 juta dan disalurkan ke *Offshore Financial Service Authority* di Labuan. Banknya di Labuan kemudian memberi pinjaman sebanyak RM450 juta kepada syarikat di Sarajevo dan Afrika Selatan yang akhirnya mendatangkan kerugian yang besar. Persoalannya ialah, apakah rasional

Offshore Financial Service Authority meluluskan pinjaman ini dan siapakah yang bertanggungjawab untuk meluluskan pinjaman ini? Apakah Bank Negara yang bertanggungjawab dari segi kelulusan pinjaman ini?

- ii) macam manakah Sistem Pengurusan Risiko (*Risk Management System*) yang beroperasi di dalam sistem perbankan Islam?
- iii) Macam manakah manipulasi dilakukan ke atas skim pinjaman tanpa pengenaan bunga?
- iv) Apakah pengarah (*director*) dalam BIMB ini *banker* ataupun ulama? Adakah mereka berhak untuk memegang jawatan berkenaan?
- v) Apakah kemungkinan *fraud schemes* yang boleh mengeksploitasi sistem perbankan Islam?
- vi) Apakah *rating agencies* merupakan '*guard dogs*' atau sebahagian daripada sistem *fraud* yang tidak boleh dipercayai?
- vii) Apakah peranan kumpulan profesional ulama dalam penipuan perakaunan dalam BIMB *Holdings*?
- viii) Apakah akauntan bukan Islam yang berkelayakan dibenarkan untuk menyiasat penipuan dan penyelewengan dalam sistem perbankan Islam?
- ix) Siapakah yang akan bayar kerugian ini?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya tidak akan teruskan ucapan, saya hanya tanya dua soalan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pertama adakah kerajaan akan mengenakan denda ataupun hukuman terhadap mereka yang belum memohon MyKad sebelum tahun 1 Januari 2006 dan juga adakah kerajaan juga akan mengadakan *column* yang lain bagi mereka yang tidak menganut apa-apa agama, kerana saya terima sungutan bahawa orang yang tidak menganut apa-apa agama, mereka selalunya dipaksa untuk mengisi *column* tentang agama yang dianuti oleh mereka, mereka rasa ini adalah amat tidak adil kepada mereka. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

8.16 mlm.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kerana memberi peluang untuk saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Bajet 2006 yang lalu. Saya kan bercakap dari beberapa aspek setakat mana masa yang diperuntukkan kepada saya. Aspek pertama ialah semangat dan strategi Bajet 2006. Bajet 2006 merupakan Belanjawan tahun pertama dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Bajet yang bertemakan 'Membina ketahanan menghadapi cabaran' tersebut mempunyai banyak agenda yang tersirat dari segi pembangunan ekonomi, keseimbangan sosial, kualiti pendidikan, kesejahteraan rakyat dan keamanan negara.

Sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa Bajet 2006 memberi tumpuan kepada beberapa langkah khusus untuk menjana pertumbuhan yang lebih berkualiti dalam tempoh terdekat yang boleh menyumbang kepada usaha menyediakan landasan yang lebih kukuh bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Penekanan Bajet 2006 jelas memberi keutamaan kepada langkah mengukuhkan daya tahan dan keberkesanan negara dalam menghadapi perkembangan ekonomi dunia yang tidak menentu berikutan daripada peningkatan mendadak harga minyak, kadar faedah yang kian meningkat dan persaingan global yang semakin sengit.

Tuan Yang di-Pertua, empat strategi Bajet 2006 telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu;

- i. langkah proaktif memesatkan kegiatan ekonomi;
- ii. menyediakan persekitaran mesra perniagaan;
- iii. penekanan kepada modal insan; dan
- iv. meningkatkan kesejahteraan kualiti hidup rakyat.

Saya ingin mencadangkan agar keempat-empat strategi ini juga dijadikan strategi teras jangka pendek kepada Rancangan Malaysia Ke-9, dengan kata lain strategi ini harus dirangkumkan dalam konteks perancangan pembangunan negara jangka sederhana terutama yang berkaitan dengan aspek kualiti hidup rakyat. Di samping itu, saya juga ingin mencadangkan agar dasar dan inisiatif mesra perniagaan itu tidak hanya menitik beratkan tanggungjawab satu pihak, iaitu di pihak kerajaan sahaja.

Pihak swasta juga perlu menyediakan iklim yang mesra perniagaan dalam konteks memperluaskan persaingan yang sihat di samping memahami sistem operasi

serta pentadbiran kerajaan. ini dapat dilakukan dengan menyediakan input dan inisiatif berbentuk *supplementary* kepada agensi-agensi awam yang menghadapi masalah untuk menyediakan perkhidmatan yang efisien dan mesra pelanggan. Ia juga boleh dilaksanakan menerusi peningkatan kualiti perkhidmatan dengan menawarkan pakej serta sistem yang murah tetapi efektif yang telah dilaksanakan dalam sektor swasta kepada agensi-agensi awam. Dengan cara ini, gejala-gejala tidak sihat seperti kurang efektif, kurang efisien, rasuah dan kerenah birokrasi dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2006 juga sewajarnya ditanggapi sebagai bukti tentang komitmen Kerajaan Barisan Nasional dalam merealisasikan janji kepada rakyat bahawa kepentingan rakyat tetap dibela malah diberi keutamaan. Ini terserlah dan pelbagai insentif dan langkah yang mengutamakan kepentingan rakyat seperti subsidi minyak, bonus kepada kakitangan perkhidmatan awam, skim perkhidmatan awam yang mesra pelanggan dan kemudahan prasarana yang lebih baik. Aspek yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah pembangunan modal insan.

Pembangunan modal insan memang menjadi agenda pening dalam Bajet 2006. modal insan tidak hanya terhad dan merujuk kepada kemahiran dan kelayakan berkaitan dengan sesuatu bidang kerjaya semata-mata. Modal insan juga harus difahami dalam konteks yang bersepadu dengan menggabungkan antara elemen mental, fizikal, *spiritual* dan psikologi. Sehubungan itu, saya menyokong cadangan Bajet 2006 untuk memperuntukkan sejumlah RM5 bilion bagi pembelajaran pembangunan pelajaran dan latihan termasuk RM1.3 bilion untuk pendidikan prasekolah, sekolah rendah, menengah, dan matrikulasi, manakala RM1.4 bilion untuk latihan serta RM1.2 bilion untuk ICT, pembangunan kurikulum, asrama dan rumah guru. Saya juga mencadangkan agar golongan belia didekati dan disantuni dengan sebaiknya sebagai generasi pewaris negara. Dengan kata lain Bajet 2006 dalam konteks modal insan perlu dilaksanakan dengan menjadikan golongan belia sebagai sasaran utama.

Ini melibatkan aspek latihan dan pendidikan formal dan turut memberi tumpuan kepada aspek bukan formal dan kokurikulum di sekolah dan institusi pendidikan yang lain. Saya juga berharap kegiatan-kegiatan positif golongan belia diberi tumpuan dan sokongan untuk menjana kualiti modal insan yang berdaya maju, progresif dan proaktif. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar pertubuhan-pertubuhan belia yang aktif diberi peluang untuk mengemukakan program pendidikan tidak formal dalam bentuk latihan jangka pendek dan disokong oleh kerajaan dari segi kewangan dan kemudahan

lain. Sokongan kerajaan tersebut perlu diperluaskan dalam konteks menggunakan instrumen dan media yang dimiliki kerajaan untuk membolehkan peranan pertubuhan-pertubuhan belia lebih berkesan. Kita maklum bahawa pertubuhan-pertubuhan belia didukung oleh kelompok belia yang proaktif yang menggunakan masa dan kebolehan mereka tanpa mengharapkan pulangan jangka pendek dari segi kewangan atau kedudukan. Oleh itu, dukungan kerajaan sedemikian akan memperkuatkan lagi semangat dan sumbangan mereka ke arah pembangunan modal insan yang berkualiti, kental dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu kualiti pendidikan khususnya yang berkaitan dengan peluang pengajian tinggi yang lebih luas untuk para pelajar bumiputera khususnya mereka yang berasal dari keluarga miskin di kawasan luar bandar. Ini penting kerana kejayaan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional berkait rapat dengan peningkatan kualiti dan modal insan di kalangan masyarakat bumiputera sekali gus mengurangkan jurang ekonomi dengan masyarakat bukan bumiputera. Kualiti pelajar dan siswazah sangat berkait rapat dengan kualiti dan kewibawaan institusi pengajian tinggi di mana para pelajar bumiputera ditempatkan. Kategori ini hampir 95% pelajar cemerlang Bumiputera belajar di IPTA. Tidak seperti 20 tahun lalu, di mana peratusannya lebih tinggi dihantar belajar ke universiti di luar negara.

Oleh yang demikian, jika kualiti dan kewibawaan IPTA ditingkatkan, mereka secara langsung, mutu siswazah bumiputera dan siswazah bukan bumiputera juga akan meningkat. Dasar pendidikan Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menjadikan Malaysia sebagai modal di kalangan negara membangun dalam bidang pendidikan dari peringkat rendah hingga pengajian tinggi. Banyak pengiktirafan dan kejayaan dicapai oleh IPTA khususnya dari segi penyelidikan dan pengajian siswazah. Mutu program-program akademik juga semakin meningkat dan mendapat pengiktirafan dalam dan luar negeri. Selain itu, ramai juga profesor dari kalangan bumiputera yang semakin menonjol bukan sahaja di peringkat nasional, bahkan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus bersyukur dengan perkembangan ini, tetapi tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian yang ada kini. Menurut James Colin dalam bukunya, *'Good to Great'*, faktor utama yang menyebabkan banyak organisasi tidak cemerlang ialah berpuas hati dengan status semasa yang dikategorikan sebagai baik. Dengan kata lain IPTA yang ketika ini berstatus baik, harus ditingkatkan menjadi lebih baik dan cemerlang. Dalam konteks IPTA, kualiti akademik tidak bermakna dan tidak

terhad kepada pengiktirafan ISO atau persijilan lain seumpamanya. Kualiti akademik lebih luas dan merangkumi pelbagai dimensi ilmu dan budaya keilmuan. Sejak kebelakangan ini, kualiti pengajian tinggi juga banyak dipengaruhi oleh penjenamaan dan penerimaan masyarakat. Kualiti juga berkait rapat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Datuk Haji Hasan bin Malek: dengan ketokohan para profesor yang mendapat pengiktirafan...

Tuan Yang di-Pertua: ... sila gulung.

Datuk Haji Hasan bin Malek:.... di kalangan pakar sebidang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung ucapan.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Sila habiskan ucapan.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Dalam keadaan IPTA kita yang sudah maju dan berkembang ketika ini, kita lebih memerlukan lebih ramai tokoh keilmuan yang mempunyai pengkhususan dan komitmen yang memberi impak kepada perkembangan disiplin ilmu masing-masing. Ilmu ini juga seharusnya menjadi *icon* dan mencorakkan persekitaran akademik yang segar dan merangsangkan. Dunia mereka adalah penerokaan ilmu dengan nilai keilmuan yang tinggi. Tidak salah jika dikatakan bahawa merekalah mutiara yang memberi nilai sebenar kepada kewujudan dan reputasi sesebuah universiti. Soalnya apakah kita menyediakan iklim yang *condusive* bagi membolehkan perkembangan bidang ilmu itu membenih dan bercambah di IPTA tempatan untuk kemudiannya turut dimanfaatkan oleh pelajar bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Hasan bin Malek: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Lekas habiskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Dalam konteks ini saya mencadangkan agar sebahagian Bajet 2006 ini, digunakan sebagai peruntukan awal untuk menaikkan lagi status IPTA Perdana iaitu Universiti Malaya, USM, UKM, UTM dan UPM sebagai Institusi Pengajian Tinggi berkualiti tinggi dan mencapai status universiti elit yang boleh kita banggakan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Ini perlu... sedikit Tuan Yang di-Pertua. Ini perlu kerana universiti elit mempunyai peranan yang tersendiri yang sangat penting dalam

mencorakkan sesuatu standard citra dan budaya ilmu yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Gerik.

8.28 mlm.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sudah berada di penghujung senja gelap malam sudah menjelma, guruh berbunyi berdentum, saya tetap menunggu dengan penuh setia mendapat izin daripada Yang di-Pertua, untuk menyampaikan sumbangan idea.....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: ... Belanjawan tahun 2006 akan datang.

[Tepuk]

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyampaikan pandangan ahli bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka dan merujuk kepada pendeta Zaaba bahawa tak perlulah kita menggunakan perkataan pinjaman – 'bajet'. 'Belanjawan' itu sudah tepat dan kita telah menggunakan sejak hampir 50 tahun yang lalu. Sebagai contoh *engineer* perkataan Inggeris daripada 'enjin' tetapi apabila *engineering* itu *engineers* pun pelbagai dia tidak tukar kepada nama lain, tetapi *engineers* juga. Kita balik kepada perkataan asal jangan dibuang kosa kata Melayu yang ada itu.

Isu yang keduanya, program membasmi kemiskinan, saya rujuk kepada hasrat Orang Asli. Mereka dahulunya pemburu, peramu, menangkap ikan. Tetapi bila kita tempatkan mereka, maka hilanglah mata pencarian mereka yang asal. Jadi apa yang mereka mahukan sekarang ini ialah tanaman kontan dan ini kita telah lakukan di Post Keme, umpamanya di Hulu Perak, di Banun dan di merata tempat, kita perkenalkan getah dan ini yang mereka mahukan. Mereka mahukan sumber kewangan pendapatan yang tetap dan kalau boleh, belanjawan ataupun RM104 juta yang diperuntukkan tahun hadapan ini, daripada RM700 juta untuk membasmi kemiskinan itu kita tumpukan, kita berikan kepada FELCRA untuk memajukan mereka dalam memperkenalkan tanaman getah ataupun yang lain-lainnya.

Yang ketiganya, dekat di hati saya ialah *the frontier soldiers*, dengan izin, iaitu tentera-tentera yang mengawal 24 jam sepenuh masa di sempadan. Dua batalion di

Perak, dua di Kelantan dan satu di Kedah iaitu tentera wataniah. Setiap tahun belanjawan tidak ada pembelaan terhadap mereka ini. Jadi diharapkan Kementerian Pertahanan melihat kebajikan mereka. Mereka ini walaupun namanya sahaja tentera sukarela, tetapi sebenarnya kerja mereka adalah secara tetap, enam bulan di dalam hutan dan enam bulan di luar. Tidak ada kemudahan rumah untuk pegawai-pegawainya. Leftenan Kolonelnya terpaksa mencari rumah sewa apabila bertukar ke Gerik, ke Pangkalan Hulu ataupun ke Kelantan. Jadi, lihatlah untuk tahun hadapan ini, akan kebajikan mereka dan kalau boleh, kita gubal satu akta ataupun undang-undang untuk menyerapkan mereka ini sebagai tentera tetap.

Seterusnya, perang terhadap ancaman dadah. Banyak yang sudah menyentuh. Saya cuma hendak komen bahawa di peringkat daerah AA DK ini tidak berfungsi. Saya harap kita lihat kembali, DO sebagai pengerusinya, dia terlalu terbeban walaupun dia seorang yang bekerja kuat, tetapi tidak mampu beliau menguruskan 30 jawatankuasa dalam masa 20 hari sebulan. Jadi, barangkali kita pindahkan kepada ibu pejabat polis daerah, kepada OCPD dan kita sama-sama memajukan, memperkasakan, mengaktifkan AA DK ini di peringkat daerah.

Seterusnya, memperkasakan bahasa Melayu, bahasa Inggeris. Saya terpanggil melihat, mengkaji kurikulum Sastera Melayu tingkatan lima setelah mendapat panggilan telefon daripada anak saya di Kuala Kangsar, katanya saya tidak faham bila menonton teater '*Kerusi*' dan membacanya pun tidak faham. Bila saya baca pun, saya rasa tidak betul, tidak kena untuk tingkatan lima. Bila saya baca teks drama, *Puluh Rama-rama*, lagi tidak faham, lagi keliru. Bila saya baca *Hang Li Po* ini, ceritanya mengenai skandal di dalam istana Sultan Mansur Syah di mana Hang Li Po yang baru berkahwin dengan Sultan Mansur jatuh cinta kepada Hang Jebat dan Hang Jebat merasa seronok bila seorang isteri, lebih-lebih lagi isteri raja jatuh cinta kepadanya.

Jadi, saya persoalkan nilai. Bilamana kita memperkenalkan sastera, kita hendakkan bahasanya cantik, nilai budi bahasa yang tinggi, yang diiktiraf. Bukannya cerita-cerita '*Kerusi*', manusia yang gila kuasa merebut kerusi. '*Kerusi*' yang lebih cantik daripada kerusi, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Jadi, lihat kembali bahagian kurikulum ini, saya rasa tiga drama ini tidak sesuai. Ada satu cerpen, *Virus Zel untuk abah* ini, anak yang menderhaka, hendak hantar virus untuk membunuh ayahnya. Ini sekularisme, tidak ada nilai agama di dalamnya.

Jadi, kita kaji semula dan kalau boleh, tahun hadapan keluarkan sajak-sajak *Perjuangan Belum Berakhir* ataupun *Mencari Damai Abadi*. Sajak-sajak Usman Awang ataupun *Uda dan Dara*. Itu cukup cantik, cukup indah untuk kita perkenalkan kepada pelajar-pelajar kita supaya mereka mencintai sastera dan bahasa kita. Bukannya perkara-perkara yang 'syok sendiri' oleh para sarjana universiti tahu, kawan-kawan saya tetapi tidak sesuai untuk tingkatan empat, tingkatan lima. Tolonglah tengok teks sastera ini yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetapi bukan salah Dewan Bahasa.

Seterusnya saya hendak ringkaskan. Tadi, Tuan Yang di-Pertua sudah keluar. Ada satu projek di Hulu Perak itu, iaitu Taman Negara *The Royal Belum*. Namanya sedap *The Royal Belum* tetapi belum lagi dibangunkan, belum dimajukan dan ini merupakan suatu kekayaan khazanah negara kita, sama ada floranya, faunanya. Apa yang ada di Sabah, di Sarawak, ada di Belum ini. Tetapi prasarananya, membangunkannya belum lagi. Jadi, saya harapkan kita adakan satu peruntukan yang khas untuk memajukan kawasan *eco-tourism* ini yang mempunyai potensi yang cukup besar, *The Royal Belum* ini. Barangkali dalam masa tiga, empat tahun akan datang, ia menjadi suatu tempat kajian *bio-diversity* yang terbaik di dunia. Saya harap mendapat reaksi daripada Kementerian Pelancongan dan juga kementerian lainnya.

Tentang bidang sejarah dan warisan, kita beruntung kerana adanya bahagian warisan, akta warisan akan datang nanti. Tetapi 10 tahun yang lalu saya mendengar adanya Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM). Sudah tiga Menteri, Dato' Sabaruddin Chik, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir dan hari ini yang ketiga, tetapi di manakah dia? Mula-mula di UKM, kemudian di Putrajaya, sekarang ini bertapak di Muzium Negara. Jadi, apakah ia sebagai satu angan-angan ataupun bilakah ia hendak direalisasikan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya Kementerian Penerangan. Saya nampak banyak sangat cerita-cerita dan kalau musim bulan Ogos, September, kita menunggu-nunggu kalau-kalau ada *telemovie* ataupun siri yang berbentuk patriotik. Jadi, diharapkan Kementerian Penerangan berilah tempat yang sewajarnya kepada siri-siri drama ataupun *telemovie* yang berbentuk patriotik supaya kita dapat menanamkan cinta kepada tanah air menerusi program-program yang disiarkan oleh RTM.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjimatkan masa dengan menutup dengan pantun.

*Bunga anggerik mekar di taman;
Rusa bermain bersama angsa;
Parlimen Gerik kawasan yang aman;
Mesra hubungan lima suku bangsa. [Tepuk]*

Lima itu Melayu, Cina, India, Orang Asli dan Siam.

*Dari Kampung Pahat ke Padang Setang;
Singgah di Krunai membeli bawang;
BN tetap menang cemerlang;
Roket dan bulan selalunya kecundang. [Tepuk]*

Terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kapit.

8.36 mlm.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu terima kasih dan setinggi penghargaan saya ucapkan di atas kesempatan yang telah diberikan ini bagi membolehkan saya turut serta bersama Yang Berhormat membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ataupun Belanjawan 2006 ini. Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, juga merangkap Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan bajet ataupun Belanjawan 2006 ini yang bertemakan "*Membina Ketahanan Menghadapi Cabaran*" dalam usaha negara menuju ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan seterusnya terbilang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah prihatin kerajaan mengutamakan keperluan rakyat, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar dalam Bajet 2006 ini adalah bertepatan dan patut dipuji dan disokong dalam memastikan matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan nanti dicapai dengan jaya dan sepenuhnya. Nampaknya bajet ini is *very well formulated*, dengan izin, kerana ia akan memberi kesan yang kukuh sebagai asas lonjakan pembangunan ekonomi yang akan datang.

Di samping itu, ia juga akan memastikan pertumbuhan ekonomi yang berkualiti dalam masa jangka pendek ini. Pelbagai inisiatif kerajaan bagi memperbaiki strategi-strategi atau kaedah-kaedah dan juga insentif untuk menjana *domestic resource growth*, dengan izin, dan seterusnya menyediakan *domestic environment* bagi pertumbuhan ekonomi yang akan datang. Memang patut dialu-alukan, disokong dan diterima baik oleh kesemua kita. Saya percaya dan bersetuju segala strategi dan kaedah yang ada dalam Bajet 2006 ini adalah untuk mendorong dan membolehkan sektor swasta untuk

berperanan yang lebih agresif bagi menjana ekonomi kita ke arah pencapaian pertumbuhan dan perkembangan yang cemerlang di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang bergantung hampir sepenuhnya kepada perdagangan luar, Malaysia tidak akan terkecuali dari tempias gelora ekonomi global yang tidak menentu kini, terutamanya dengan kenaikan faedah dan juga kesan bencana Katrina dan juga Rita yang melanda Amerika Syarikat baru-baru ini. Kelembapan ekonomi negara serantau dan juga global disebabkan dari kesan kenaikan harga petroleum mentah. Begitu juga dengan ketidaktentuan geopolitik dunia, khususnya di rantau Timur Tengah di samping kejadian yang tidak menentu di negara jiran kita seperti pengeboman di Bali dan di London baru-baru ini serta perkembangan kacau-bilau juga di Selatan Thailand sedikit sebanyak merisaukan.

Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama memberi sokongan padu atau komitmen sepenuhnya dalam masa yang sama mengemudikan ekonomi Negara melayari ekonomi global yang penuh dengan duri dan ranjaunya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah duduk dalam Dewan yang mulia ini mendengar rakan Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dan berbahas bajet ini, saya mendapati rata-rata ke semua telah meminta dan mendesak kerajaan untuk menambah peruntukan bagi melaksanakan pelbagai pembangunan atau pun untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan bagi memberi kesejahteraan dan kebahagiaan kepada rakyat dan negara. Perbuatan sedemikian adalah amat baik dan memang sepatutnya begitu kerana kami sebagai wakil rakyat mestilah berusaha untuk rakyat dan negara.

Saya ingin kaitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimanakah pihak kerajaan akan memperolehi sumber kewangan yang agak besar untuk membiayai segala kos pembangunan dan pengurusan yang diperlukan. Saya ingin penjelasan daripada Kementerian Kewangan, apakah kerajaan benar-benar mampu mengurangkan defisit bajet untuk tahun 2006 nanti. Apakah jaminan daripada kerajaan agar tidak ada atau tidak perlu pada tahun depan nanti Ahli-ahli Dewan yang mulia ini akan diminta meluluskan satu lagi perbelanjaan tambahan atau *supplementary budget*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya memandangkan keperluan kita masih hendak melaksanakan banyak lagi pembangunan demi keselesaan dan kebahagiaan rakyat dan negara kita tidak perlulah kita terikat sangat kepada prinsip untuk mengurangkan defisit

bajet kita pada kali ini. Sehubungan ini saya memohon penjelasan daripada Kementerian Kewangan tentang perkara ini.

Tuan Yang di Pertua, peranan pihak swasta amat signifikan dalam pembangunan ekonomi negara terutamanya dalam menjayakan bajet defisit tahun 2006. Perkara ini bukan perkara baru dan ianya telah berulang-ulang kali diuar-uarkan oleh kerajaan. Ia telah disebut semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan dan juga semasa pembentangan perancangan ataupun OPP 3 yang lalu. Namun hasilnya belum lagi sampai ke tahap seperti yang diharap-harapkan. Contohnya, masalah graduan menganggur tidak seharusnya di pikul dan diserahkan ke bahu kerajaan semata-mata. Pihak swasta harus bersama-sama dengan membuka lebih banyak lagi peluang terutamanya dalam menyediakan peluang-peluang baru supaya masalah penawaran buruh iaitu graduan yang menganggur yang berlebihan dapat di minimumkan.

Saya kurang setuju sedikit bahawa masalah graduan menganggur adalah semata-mata disebabkan mereka tidak *competent* mahupun *mismatch* seperti sering kali diuar-uarkan selama ini. Saya berpendapat ianya lebih kepada masalah peluang pekerjaan yang tersedia ada tidak dapat menampung bilangan graduan yang di dihasilkan oleh universiti pada saban tahun.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi universiti adalah untuk menyediakan graduan yang universal dari segi *skill* mahupun pengetahuan. Sekiranya masalah pengangguran ini adalah disebabkan masalah *mismatch* seperti sering kali diuar-uarkan graduan yang di keluarkan pada saban tahun tidak dapat menepati kehendak *industrial* semasa, maka pihak ini iaitu pihak industri seharusnya memberi jumlah yang spesifik berapakah jumlah pengarah-pengarah urusan ataupun pengurus yang sepatutnya dikeluarkan setiap tahun. Jika inilah yang kita kehendaki, maka wawasan negara untuk melahirkan *knowledge society* dengan izin sampai bila pun tidak akan kita capai.

Oleh yang demikian saya menyeru mulai dari saat ini, pihak swasta harus berganding bahu dengan pihak awam untuk bersama-sama mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah ini dengan mewujudkan persekitaran perniagaan yang *conducive*, meningkatkan lagi *corporate governance*, menambahkan lagi insentif yang sedia ada, memperbaiki daya saing yang sedia ada dan melipat gandakan produktiviti serta memastikan pembangunan insan dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan jayanya. Semua ini adalah bertujuan untuk supaya lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing mahupun

tempatan melabur di negara ini. Semoga dengan usaha ini, masalah graduan yang tidak mempunyai pekerjaan sedikit sebanyak dapat kita atasi nanti.

Berkenaan dengan pembangunan prasarana sekolah di kawasan pendalaman, Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan untuk mencapai wawasan negara melalui pembangunan insan amat bertepatan. Namun yang demikian pembangunan insan ini tidak akan bermakna tanpa di sertakan bersama dengan pembangunan prasarana yang seimbang dan yang saya maksudkan ini adalah kemudahan-kemudahan fizikal sekolah-sekolah di luar bandar yang masih tidak *conducive* dan daif. Jika keadaan tidak di perbetulkan dengan kadar yang agak segera, maka jurang pembangunan insan yang seimbang di antara penduduk di bandar dengan di luar bandar mungkin sukar di capai. Ini jelas akan menjarakkan lagi tahap ekonomi kaum bumiputera di bandar dengan kaum bumiputera di luar bandar secara umumnya. Majoriti daripada mereka yang tinggal di luar bandar adalah terdiri daripada kaum bumiputera khususnya kaum bumiputera minoriti di Sarawak ataupun Kadazandusun di Sabah yang rata-rata tinggal di kawasan pendalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Alexander Nanta Linggi: Ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya perlu memohon kerjasama kerana nampaknya ada enam Ahli Yang Berhormat yang mohon berucap, masa tidak kurang dari satu jam.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Ok. Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya ingin meningkatkan daya saing anak-anak bumiputera supaya setanding dengan kaum-kaum lain di negeri ini supaya mereka tidak terasing daripada arus perdana ekonomi moden yang berteraskan pengetahuan informasi dan teknologi amat signifikan dan salah satu daripada pendekatan yang harus di titik beratkan adalah pembangunan prasarana persekolahan yang *conducive*. Saya percaya, *survival* anak-anak bumiputera di masa-masa yang mendatang masih bergantung kepada sejauh mana pemimpin-pemimpin hari ini termasuk Tuan Yang di-Pertua dan saya juga mampu menjana pembangunan prasarana pendidikan terutamanya di kawasan pendalaman untuk menggilap bakat serta daya saing anak-anak ini dari terus kompetitif, bersaing dengan kaum-kaum lain secara terbuka.

Persoalannya yang sering menghantui pemikiran saya dan juga saya percaya ahli-ahli Yang Berhormat yang lain terutama mereka yang berasal dari kawasan luar bandar seperti saya iaitu kemampuan dan keupayaan anak-anak ini menghadapi persaingan rakan-rakan mereka yang bersekolah di bandar yang serba-serbi di lengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur dan juga infostruktur yang canggih dan terkini seperti pusat tuisyen, kemudahan komputer dan juga internet. Isu ini bukanlah isu yang baru dan saya akan memperjuangkannya demi membela dan seterusnya mengangkat martabat mereka yang masih ramai duduk di kawasan pendalaman. Saya akan ringkaskanlah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan *efficiency* penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik di semua peringkat sekolah terutama di sekolah-sekolah di luar Bandar, saya syorkan agar lebih ramai daripada tenaga pengajar yang berkecukupan dan terlatih, khususnya tenaga pengajar import harus di tempatkan di sekolah-sekolah pendalaman di luar bandar sebagai sumber rujukan dan pemangkin pada penggunaan bahasa tersebut. Ini perlu kerana sekolah-sekolah luar bandar yang dikelilingi oleh persekitaran yang kurang *conducive* serta penggunaan bahasa Inggeris yang terhad boleh membantu lagi penggunaan bahasa ini di kalangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah luar bandar.

Program tuisyen di sekolah-sekolah yang disyorkan oleh kerajaan khususnya tuisyen bagi bahasa Inggeris patut juga di perembangkan kepada guru-guru yang lemah dalam bahasa Inggeris ini supaya turut serta mengikuti kelas tuisyen yang bakal diadakan di sekolah masing-masing. Ini adalah satu pendekatan jangka masa terdekat atau *immediate remedial action* dengan izin yang bertujuan untuk meningkatkan *efficiency* penggunaan bahasa Inggeris di kalangan murid dan juga guru di sekolah-sekolah khususnya di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai tempat tuisyen yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua, pembelajaran sepanjang hayat yang diuar-uarkan oleh kerajaan adalah bertepatan dengan kewujudan masyarakat berpengetahuan (*The knowledge society*). Insentif pembelajaran yang diberikan kepada mereka yang melanjutkan pelajaran khususnya dalam jurusan undang-undang dan perakaunan memang dialu-alukan.

Namun demikian saya berpendapat ia juga patut dipanjangkan kepada kursus-kursus lain, terutama bagi pentadbir-pentadbir dan juga pengurus-pengurus yang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana seperti MBA dan lain-lain kursus yang diiktiraf oleh kerajaan. Ini kerana melahirkan pentadbir dan pengurus yang kompetitif dan efisien tidak kurang pentingnya dalam menguruskan sumber negara dengan cekap dan efisien. Bagi sesebuah syarikat, pengurus yang cekap dan kompetitif akan dapat mengurangkan kos operasi syarikat berkenaan dan seterusnya akan dapat meningkatkan daya saing syarikat, dengan meningkatkan daya saing maka secara tidak langsung ia akan dapat meningkatkan pendapatan syarikat. Sesebuah syarikat yang untung sudah tentu akan dapat menyumbang kepada peningkatan hasil kutipan cukai korporat negara. Maka dengan hasil negara yang meningkat sudah tentu akan lebih banyak lagi pembangunan akan dijanakan. Ini seterusnya akan dapat mewujudkan pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih *sustainable*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bajet adalah pelopor utama hala tuju dasar kerajaan dan dasar ini juga yang bakal menentukan aliran pelaburan negara sama ada ia pelaburan masuk atau sebaliknya. Walaupun demikian keharmonian kaum dan kestabilan plot politik yang kita kecapai ini tidak kurang pentingnya dalam menentukan hala tuju pelaburan, dan daya tarikan kepada pelabur luar mahupun domestik selama ini. Oleh itu, saya menyeru sidang Dewan yang mulia ini marilah kita sama-sama mendukung perpaduan yang ada dan tidak hanya meluuhkannya di arena perdebatan semata-mata demi mewujudkan bangsa dan negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ramai lagi? 2, 4, 6, 7. Masa ada lagi 38 minit. Jadi masing-masing kena fahamlah, apa yang penting, apa yang telah dibangkitkan tidak perlu diulang sekali lagilah. Jadi pandai-pandai tolong-menolong. Yang Berhormat dari Sik.

8.53 mlm.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya berhasrat menyentuh 4 perkara sahaja. Pertama sekali saya mewakili peserta rancangan FELDA dan FELCRA mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah bersetuju untuk mengeluarkan dividen dan sagu hati kepada mereka, tetapi sedih sikit kerana peserta rancangan RISDA tidak mendapat apa-apa tahun ini. Dalam Bajet

2006 ini saya mencadangkan kerajaan supaya dapat meneliti sedikit, mungkin pihak kerajaan dapat menyumbangkan sedikit sagu hati kepada peserta rancangan RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang RISDA, saya telah bangkitkan dengan Pindaan Akta RISDA dan kerajaan telah pun menjawab dalam Dewan yang mulia ini bahawa Akta RISDA akan dikaji semula. Jadi kita menunggu supaya Akta RISDA itu dikaji semula supaya dapat mempertingkatkan peranan RISDA dalam konteks penanaman semula getah.

Yang keduanya, juga saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah bersetuju dan berjaya menubuhkan bank SME. Saya berharap bank ini betul-betul dapat membantu usahawan-usahawan yang terlibat dalam bidang kegiatan SME. Saya berharap pihak pengurusan bank ini mengkaji secara terperinci pengalaman yang kita perolehi dalam menjanakan Tabung Bantuan Kredit Mikro baru-baru ini yang gagal, dan lain-lain skim yang cuba membantu pihak SME supaya bank ini betul-betul berjaya untuk membantu usahawan-usahawan yang berkecimpung dalam kegiatan SME.

Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, kita telah dibentangkan dengan Laporan Ketua Audit Negara, kita lihat bahawa prestasi sehingga tahun 2004 agak tidak memuaskan, di mana puratanya tidak sampai pun 50% pencapaian yang telah ditunjukkan dalam laporan itu - dalam tahun akhir 2004. Saya rasa jika diambil kira pelaksanaan dalam tahun 2005 ini prestasi keseluruhan Rancangan Malaysia Kelapan tidak sampai pun 60%. Maka saya berharap dalam pelaksanaan peruntukan yang akan kita luluskan dalam tahun 2006 ini hendaklah mengambil kira segala teguran, segala ulasan yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara itu. Dan untuk memastikan pelaksanaan program kerajaan berjalan dengan licin dan mempertingkatkan prestasi pelaksanaan program pembangunan, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mempertimbangkan satu sistem yang bercorak *inspectorate*, dengan izin supaya dapat meneliti, mengkaji dan meninjau projek-projek dalam peringkat pelaksanaan.

Jawatankuasa petugas *task force* ini, yang berbentuk *inspectorate*, dengan izin ataupun yang bersifat naziran ini hendaklah boleh terdiri daripada pegawai kanan daripada Kementerian Kewangan, pegawai kanan daripada Jabatan Audit Negara, daripada ICU, daripada JKR, kementerian berkenaan dan wakil daripada Parlimen ini

meninjau projek-projek semasa pelaksanaan supaya tidak ada projek-projek yang terbengkalai.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyentuh sistem *delivery*. Saya melihat dalam Bajet 2006 ini pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berusaha untuk mewujudkan sistem *delivery* yang lebih kemas lagi, maka diwujudkan jawatan tambahan sebanyak 200 jawatan. Kalau kita bahagikan dengan negeri dan daerah lebih kurang satu atau dua orang sahaja pegawai pertanian di peringkat daerah ditambah. Saya rasa ini tidak memadai.

Saya hendak mencadangkan kepada kementerian supaya kementerian mengkaji semula angka ini, supaya betul-betul apa juga program yang dilaksanakan di peringkat akar umbi dapat dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran. Untuk tujuan itu saya menyarankan supaya kementerian ini mengkaji semula sistem yang diamalkan dalam tahun 60-an dan 70-an iaitu Sistem 2L (Lawatan dan Latihan). Pegawai-pegawai pertanian bukan sahaja membuat lawatan, tetapi juga memberi latihan kepada petani-petani yang terlibat dalam program pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Rembau.

8.58 mlm.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta membahaskan Bajet 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 30 September yang lalu. Saya hanya ingin menyentuh strategi kedua, iaitu menyediakan persekitaran mesra perniagaan dan strategi ketiga iaitu membangunkan modal insan.

Mengenai strategi kedua, saya ingin menyentuh mengenai usaha meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor hartanah. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengadakan satu mekanisme baru untuk membantu meningkatkan lagi pemilikan hartanah bumiputera, terutamanya hartanah komersial dengan penubuhan Yayasan Hartanah Bumiputera dengan modal sebanyak RM2 bilion sebagai dana untuk membeli harta tanah komersial khususnya di kawasan bandar-bandar utama. Ini merupakan satu langkah yang amat positif dalam usaha meningkatkan pemilikan hartanah bumiputera di bandar-bandar besar, memandangkan selama ini usaha untuk meningkatkan kekayaan bumiputera dan

penglibatan mereka dalam sektor korporat kini lebih tertumpu kepada pemegangan ekuiti terutamanya dalam syarikat-syarikat tersenarai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Dasar Ekonomi Baru telah berjalan 35 tahun dahulu, namun pemilikan bangunan premis komersial bumiputera sangatlah kecil peratusannya jika dibandingkan dengan kumpulan etnik yang lain. Pada tahun 2002 mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, bumiputera hanya memiliki 8.2% daripada premis di bandar-bandar besar. Ini merangkumi bangunan setingkat hingga lebih tiga tingkat, kompleks perniagaan, premis perindustrian dan hotel. Jika diperincikan mengikut jenis bangunan dan premis, misalnya kompleks perniagaan kaum bumiputera hanya memiliki 5.6% atau 1,449 unit. Dari segi pemilikan premis perindustrian pula pemilikan bumiputera lagi kecil, iaitu bumiputera hanya memiliki 2.6% atau 1,651 unit premis perindustrian. Malah di Kuala Lumpur misalnya, jika dicabut bangunan-bangunan milik agensi kerajaan dan GLC seperti Permodalan Nasional Berhad dan Tabung Haji, maka bangunan pemilik bumiputera tidak sampai 2%.

Ini pada jangka panjangnya tidak selaras dengan usaha kerajaan untuk menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum tidak lagi mengikut fungsi-fungsi ekonomi seperti yang dihasratkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Ini seterusnya akan menjejaskan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan yang penubuhan YAHB yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini akan dapat meningkatkan lagi pemilikan premis perniagaan bumiputera khususnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru serta bandar-bandar lain di seluruh negara dan juga pusat-pusat pertumbuhan baru seperti di Putrajaya dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menubuhkan YAHB ini juga akan merencanakan lagi pertumbuhan amanah pelaburan harta tanah atau *real estate investment trust* [REIT] yang sihat dan kompetitif memandangkan pertumbuhan positif ekonomi Malaysia di sekitar 56% bagi tahun 2005 – 2006 seperti yang diunjurkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara di mana prospek pasaran hartanah secara amnya, dijangka bertambah baik. Laporan Pasaran Harta 2004 yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan telah melaporkan pasaran pejabat (*office market*) secara amnya, cergas dengan peningkatan di tahap pengambilan dan penghunian (*Improvement in the take up and occupancy rate*, dengan izin, dan melaporkan tahap

purata penghunian dan dicatat adalah 8.2% pada tahun 2004 berbanding 80% pada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak kerajaan belum mengumumkan lagi butir-butir lanjut mengenai bentuk struktur organisasi Yayasan Amanah, hartanah bumiputera yang akan ditubuhkan ini, saya berharap pihak kerajaan akan menggunakan Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai model dan contoh memandangkan PNB telah berjaya menggembelngkan tabungan masyarakat bumiputera dalam masa yang sama meningkat dan mengekalkan, ini yang penting, mengekalkan ekuiti bumiputera di sektor korporat. Sebagaimana kita sedia maklum, PNB adalah sebuah investment holding company milik penuh yayasan pelaburan bumiputera, melalui PNB dan anak syarikat milik penuhnya iaitu Amanah Saham Nasional Berhad, sebagai syarikat pengurusan saham amanah, Unit Trust Management Company telah berjaya menarik penyertaan lebih 8 juta pelabur atau pemegang unit atau kira-kira lebih 40% masyarakat bumiputera dengan pelaburan lebih RM50 bilion dalam 10 skim saham amanah termasuk 2 skim Amanah Hartanah yang diwujudkan dalam tempoh 24 tahun. Ini satu kejayaan yang sungguh membanggakan, apatah lagi PNB melalui skim-skim saham amanah yang diwujudkan itu bermula dengan skim ASN pada tahun 1981 dan skim ASB pada tahun 1990, dan diikuti oleh skim-skim saham amanah yang lain yang diwujudkan pada tahun-tahun berikutnya telah berupaya membayar dividen dan bonus tanpa putus-putus selama 24 tahun dan dengan kadar yang pada umumnya lebih baik dari yang ditawarkan oleh sisi kewangan yang lain.

Apakah rahsia kejayaan PNB ini yang telah ditubuhkan sejak tahun 1978 boleh bertahan selama 27 tahun? Rahsianya antara lain ialah integriti. Integriti Ahli-ahli Lembaga Pengarah PNB, Pengurus-pengurus dan pegawai-pegawai yang menguruskan PNB dan skim-skim saham amanah yang diwujudkan selain dari Pengurus PNB menjalankan tugas dengan amanah dan profesional, sokongan kuat tentunya oleh pihak kerajaan serta keadaan politik yang stabil. Tuan yang di-Pertua, kejayaan YAHB banyak bergantung kepada siapa yang akan menguruskan syarikat pengurusan pelaburan amanah yang bakal ditubuhkan nanti serta sama ada ianya boleh memberi pulangan yang berpatutan.

Oleh yang demikian, bagi memastikan YAHB ini dapat berjalan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya meningkatkan peningkatan hartanah bumiputera,

terutamanya tanah komersial di bandar-bandar utama, saya mencadangkan perkara-perkara berikut:-

Pertama, syarikat pengurusan amanah hartanah yang bakal ditubuhkan tadi, saya cadangkan ia dipanggil nama pelaburan amanah hartanah bumiputera [PAHB]. Sebagai anak syarikat milik yayasan amanah hartanah bumiputera dengan sebahagian sahamnya dipegang oleh selain daripada Kementerian Kewangan incorporated dipegang oleh kerajaan-kerajaan negeri dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri. Dengan adanya pemilikan saham oleh kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri akan meningkatkan lagi komitmen kerajaan negeri untuk sama-sama menjayakan matlamat meningkatkan penyelidikan hartanah komersial di bandar-bandar.

Selain daripada itu, tenaga yang akan menguruskan PAHNB hendaklah diuruskan mereka yang benar-benar profesional dalam pengurusan hartanah dan pakar dalam bidang berkenaan. Perlantikan pengarah-pengarah khususnya, PHNB hendaklah terdiri daripada mereka yang *unquestionable integrity*. Integriti tidak boleh dipersoalkan. Maknanya, kalau boleh saya *quote* 'mestilah orangnya seperti Allahyarham Tun Ismail Ali' yang telah menerajui PNB untuk beberapa tahun. Kita tak nak jadi seperti yang berlaku pada Tabung Haji. Yang kerugian beratus juta tempoh hari di mana pengurusan dananya diserahkan kepada mereka yang saya fikir, tuan-tuan bayangkan, penyanyi..

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Firdaus bin Harun: Penyanyi, penyanyi. Penyanyi boleh menguruskan sebuah dana walaupun penyanyi itu bukan salah dia. Dia diberi, diberi peluang itu. Dia sepatutnya salah satu syarat nak menubuhkan, jadi Pengurus Dana Amanah ialah pertama adalah mesti ada modal RM2 juta. Kalau Unit Amanah RM10 juta selain daripada pengalaman dan dapat lesen daripada Suruhanjaya *Security*. Jadi, yang diuruskan oleh penyanyi itu beratus juta, sedangkan modal dia berapa juta sahaja. Jadi sepatutnya kalau nak diuruskan itu katalah RM100 juta, modal Pengurus Saham Amanah lima kali ganda misalnya daripada pelaburan yang diuruskan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga mencadangkan supaya pelaburan amanah hartanah bumiputera itu tadi akan memberikan tumpuan untuk memajukan tanah-tanah milik Majlis Agama Islam Negeri yang banyak terdapat di seluruh negara yang nilainya beratus-ratus juta ringgit. Selain daripada itu, perkara yang ketiga yang nak saya cadangkan, tentunyalah selepas diwujudkan PHNB ini, sebagai syarikat pengurusan pelaburan hartanah, tentulah RM2 bilion daripada

peruntukan itu tidak akan cukup untuk membeli hartanah sebab sekarang ini bangunan di bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru sangat mahal. Tentulah PHNB dan Yayasan Tanah Amanah Hartanah memerlukan aliran tunai yang berterusan. Sebab itu saya cadangkan supaya diwujudkan skim-skim ataupun tabungan amanah hartanah dengan sahamnya dijual kepada individu bumiputera, koperasi pertubuhan kebajikan bumiputera dan jawatankuasa masjid di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun: Sebab selama ini, di bawah ASNB..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Firdaus bin Harun: Beri saya satu minit sahaja, saya nak habis sekejap ni, part ni..

Seorang Ahli: Banyak dana?

Dato' Firdaus bin Harun: Selama ini kalau kita lihat di mana melalui ASB hanya individu bumiputera sahaja yang boleh melabur. Tetapi di bawah Amanah Hartanah Bumiputera ini, saya cadangkan supaya diberi peluang juga koperasi-koperasi, khairat kematian, jawatankuasa masjid, yang kadang-kadang duit itu banyak. Dengan cara ini, Yayasan Amanah Hartanah ini akan ada *inflow of fund* yang berkeputusan, yang banyak, yang boleh digunakan untuk membeli hartanah, di bandar-bandar besar dan untuk disewakan kepada usahawan-usahawan bumiputera. Secara tak langsungnya juga akan mengujudkan usahawan bumiputera lebih ramai dan ke arah mencapai matlamat mewujudkan masyarakat perdagangan bumiputera dengan lebih cepat lagi.

Dan akhir sekali, melalui langkah-langkah ini saya yakin bukan sahaja akan dapat meningkat lagi bangunan komersial bumiputera di bandar-bandar untuk disewakan peniaga-peniaga, tetapi juga memberi peluang kepada masyarakat bumiputera sama ada di bandar atau di luar bandar melabur secara terus dalam bidang hartanah yang sebelum ini mereka tidak mampu atau berpeluang melakukannya. Ini pada jangka panjangnya, akan meningkatkan lagi bilangan bumiputera di bandar-bandar selain matlamat mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang, tiga minit berucap, dua minit menggulung. *[Ketawa].[Disampuk]*.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sudah bangun pada minggu yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Perdana Menteri kepada soalan asal saya mengenai dasar automotif negara (DAN) baru-baru ini bahawa dasar tersebut masih dalam kajian oleh sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memberi taksiran yang kerajaan masih samar-samar apakah bentuk dasar yang bakal digubah dan diputuskan kelak. Namun saya menghargai sikap kerajaan yang terbuka untuk menerima pandangan semua pihak yang terlibat dalam industri automotif negara ini supaya memberi input dan boleh mempertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya dalam usaha untuk menggubal Dasar Automotif Negara kita, negara kita harus belajar dan mengambil iktibar dari negara jiran kita Thailand dalam memajukan industri automotif negara mereka, sebuah negara yang dekat dengan kita. Saya tidak bermaksud untuk memandang rendah usaha kerajaan membangunkan industri kereta nasional Proton, tetapi kadangkala kita terlupa bahawa negara jiran kita telah bergerak jauh lebih maju dari negara kita dalam bidang industri automotif. Malaysia mula mengeluarkan Proton pada tahun 1985, iaitu kita sudah berada dalam industri automotif selama 20 tahun, tetapi apakah pencapaian terbesar Proton berbanding dengan pengurangan automotif negara jiran kita?

Mereka baru memulakan industri automotif dalam tahun 1990, tetapi pencapaian mereka sepanjang 15 tahun sungguh membanggakan, misalnya pada tahun 1997, iaitu semasa dunia dicengkam krisis ekonomi termasuk negara Thailand dan Malaysia. Industri automotif Thailand berjaya mengeluarkan 144 ribu unit kenderaan dan kini tahun 2004 jumlah pengurangan di sana mencapai 1 juta unit dan tahun 2005 pula mencapai 1.1 juta unit kenderaan berbagai jenis. Dari jumlah itu 45% adalah untuk tujuan eksport kepada 140 buah negara di dunia dalam bentuk CKD, manakala 55% lagi adalah untuk keperluan tempatan. Di manakah kedudukan Proton sekarang berbanding dengan perangkaan tadi yang negara-negara destinasi eksport Proton?

Jika kita menyemak perangkaan 2004 didapati jumlah jualan kenderaan hanya sebanyak 480 ribu unit, perangkaan Persatuan Automotif Malaysia sahaja tidak sampai setengah dari pengeluaran negara Thailand. Bukan itu sahaja, malah harga kereta di Thailand jauh lebih murah berbanding dengan harga di Malaysia. Saya beri contoh *Honda City* harga dijual di Thailand 50 ribu sebuah satu unit. Manakala di Malaysia

dijual di tempatan berharga RM80 ribu berbeza RM30 ribu, ini harga kereta jenis *Honda City*. Saya beri lagi satu contoh iaitu Toyota.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah Yang Berhormat contoh-contoh banyak, masa tidak cukup.

Tuan Fong Kui Lun: Contoh Toyota.

Seorang Ahli: Dia jual kereta!

Tuan Fong Kui Lun: Itu *Fortune* dijual di Thailand hanya 100 ribu manakala dijual di tempatan RM165 ribu, ini berbeza RM65 ribu satu kereta, sebuah kereta. Inilah yang mengakibatkan rakyat di Malaysia khususnya pembeli atau pengguna kenderaan terpaksa menanggung harga yang begitu tinggi berbanding dengan negara jiran Thailand.

Kita tidak mahu kereta dijual di atas *treaty* para pengguna oleh kerana kita melindungi industri automatif di negara kita. Kita haruslah mengambil sikap yang lebih terbuka untuk memastikan industri automatif di negara kita boleh bersaing dengan rantau ini. Tuan Yang di-Pertua menurut jawapan Yang Berhormat Menteri MITI mengatakan, 20 tahun yang lalu Proton ada 20 unit eksport kepada China. Mengapa sepanjang 20 tahun ini hanya 20 unit dieksport ke China? Mengikut satu laporan *China Association Automotive Manufacturer* dengan izinnya, total motor sales for the first half - 2.79 million unit, 2.79 juta. Ini bermakna dalam tahun 2005 di China ia akan mencapai 5.5 bilion atau juta kereta.

Mengikut satu laporan *World Economic Outlook Report - IMF predict that number of car on China's Road....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap 5 minit.

Tuan Fong Kui Lun: Akan gulung, saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung hah!

Tuan Fong Kui Lun: *builders sky rocket from 21 million in 2002 to almost 390 million in 2030. China would overtake US as the world largest car market.*

Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah mengambil satu sikap bahawa kereta pemasangan atau kereta nasional di negara kita haruslah mencabar satu cabaran yang begitu hebat menentukan masa hadapan kereta nasional atau kereta pemasangan di tempat ini.

Kereta nasional haruslah bergabung dengan kereta gergasi seperti *Volkswagen* atau *Renault* satu pemain industri yang begitu hebat di negara luar. Mengikut ini laporan 500 *Fortune*, *auto industry* ialah *GM Automobile*, *Daimler Chrysler*, *Toyota* dan *Ford*. Mereka dalam tangga 5 hingga 8 yang jualan sehingga USD193 bilion setiap tahun. Ini bermakna negara kita haruslah bergabung dengan satu syarikat gergasi untuk memastikan Proton boleh maju dalam pasaran yang akan datang, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Titiwangsa tidak mahu ucapkah? Sila.

9.17 mlm.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih kembali Tuan Yang di-Pertua, saya akan menghadkan perbahasan saya kepada apa yang saya *familiar* iaitu industri elektrik. Industri elektrik ini merupakan satu *bench mark* untuk kesejahteraan rakyat, di mana kadang-kadang kita sering dengar di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kalau kampung itu sudah dapat elektrik, satu kemajuan telah dicapai.

Di hujung spektrumnya pula, kalau bekalan elektrik tidak diberi kepada industri-industri satu kekecohan juga akan timbul, jadi ini satu industri yang agak penting dan saya akan khususnya hujah saya kepada Semenanjung sahaja. Kalau dari dahulu sebelum Lembaga Elektrik diswastakan, semua penjana tertumpu kepada hidro dan minyak dan apabila kejutan minyak yang pertama telah diwujudkan dalam industri minyak daripada 3 dolar ke 12 dolar, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mempelbagaikan sumber tenaga iaitu kepada hidro, minyak, gas dan arang batu. Syukur alhamdulillah negara kita telah dikurniakan dengan sumber minyak, kita telah dapat mendaratkan gas kepada negara kita.

Sambil kita melakukan perkara itu, kejutan harga minyak telah berlaku sekali lagi daripada 12 dolar ke 30 dolar dan baru-baru ini telah meningkat sampai lebih 60 dolar satu tong. Tahun lalu saya juga berhujah di dalam Dewan yang mulia ini mengenai industri elektrik, dan pada ketika itu arang batu hanya berharga 28 dolar satu tan, sekarang harga arang batu telah meningkat kepada lebih 50 dolar satu tan. Harga gas pula di negeri kita ini kita telah menetapkan kepada RM6.40 satu *million* BTU dan di Pantai Timur pula harganya dapat diskaun satu ringgit pula - RM5.40, kalau

dibandingkan gas yang dijual kepada industri setinggi RM18, iaitu yang dijual kepada industri elektrik.

Dalam erti kata lain Petronas telah menanggung subsidi kepada industri elektrik sebanyak RM9 bilion, dan kita tahu harga gas ini ada hubung kaitnya dengan harga minyak, apabila harga minyak sudah naik melambung tinggi begitu juga harga gas ditekan ke bawah lama-kelamaan subsidi ini akan lebih banyak, akan ditanggung oleh pihak Petronas. Kalau kita kaji pula kepelbagaian sumber di Tenaga Nasional di Semenanjung dari segi *energy content* arang batu sekarang merupakan 20%, gas hampir 77%, hidro hanya 2.5%.

Dalam erti kata lain, *renewable energy* yang banyak diwarwarkan, yang *very fashionable, green effect* dan sebagainya hanya menyumbang 2.5 peratus dan 97 peratus lagi tertakluk kepada pasaran dunia walaupun gas itu kita punya tetapi saya rasa kita dalam keadaan kerugian sebab Petronas tidak dapat meningkatkan harganya. Di sini juga kadang-kadang ada keadaan yang agak lucu di mana kita melihat GLC verses GLC iaitu di antara Petronas dan Tenaga Nasional.

Sekarang permintaan untuk gas telah meningkat dan tidak dapat ditampung oleh gas yang datang dari sumber yang dikawal oleh Petronas dan Petronas sekarang terpaksa membekalkan gas yang didatangkan dari Pulau Natuna dan juga dengan *joint development agreement* dengan Thailand. Gas daripada concessions JDA dan Natuna ini lebih mahal daripada RM6.40 sen. Apa yang sudah berlaku, pihak Petronas telah membuat *curtailment* kepada Tenaga Nasional dan mengakibatkan merit *order generation* tidak dapat dibuat. Inilah satu perkara yang di mana kekalutan di dalam *energy* industri elektrik ini telah berlaku dan ini kita harus mengelakkan.

Satu reformasi dalam industri ini perlu dibuatkan dengan serta-merta untuk menjaga hasrat pengguna yang kecil dan yang besar dan juga mereka *the others stake holders* dalam industri ini seperti Khazanah, EPF dan bank-bank lain yang membiayai projek-projek yang gergasi dalam industri ini. Beberapa pendekatan jangka pendek dan jangka panjang harus dibuat untuk membenarkan lebih kecekapan di dalam industri ini. Untuk jangka pendek barang kali kita tidak boleh elak untuk memberi kenaikan tarif kepada Tenaga Nasional memandangkan 97 peratus bekalan elektrik ini datangnya daripada arang batu dan gas dan kita pula tidak boleh membenarkan TNB untuk lingkup. Industri elektrik ini yang merupakan industri yang terbesar dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ya. Tenaga sendiri mempunyai *revenue* sebanyak RM17 bilion.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sila gulung.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: dan hutang mereka juga lebih kurang RM31 bilion, pokoknya Tuan Yang di-Pertua, TNB yang merupakan tulang belakang industri ini dan perlu diselamatkan. Kepimpinan yang cekap, berdisiplin dari segi kejuruteraan dan kewangan harus kita kaji dengan sebaik-baiknya dan kita perlu tahu Dato' Anas yang merupakan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga Nasional akan bersara tidak lama lagi, pengganti beliau haruslah dipilih dengan betul supaya dapat menerajui industri ini dengan lebih cekap.

Kalau dikawal selia dengan baik Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu kita banyak subsidi dalam industri ini dan walaupun Belanjawan 2006 telah banyak memberi insentif untuk *renewable energy* dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga ini kita ucapkan syabas tetapi conventional sources ini masih merupakan the *backbones of the Energy Industry*. Adalah diharapkan di sini kerajaan mengambil tindakan yang tegas untuk memastikan industri yang kukuh dan mapan dan tidak memerlukan banyak subsidi dengan mengimplementasikan reformasi industri yang berkesan termasuklah mengambil keputusan yang mungkin tidak popular seperti menimbangkan tenaga nuklear untuk mempelbagaikan sumber tenaga elektrik dan juga barang kali ini tidak popular juga iaitu kenaikan tarif yang tidak dapat dielakkan. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Pasir Puteh.

9.24 mlm

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum Warahmatullah dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tidak akan *detail* sebab sudah disebut oleh semua Ahli Parliment tadi, termasuklah 28 kementerian ini telah disentuh berbagai aspek, saya cuma ambil tiga minit.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak ada apa-apa boleh duduk Yang Berhormat....[Ketawa]

Beberapa ahli: [Ketawa]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Ketawa] Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan pembentangan bajet negara 2006 ini, benar-benar meramalkan bahawa bajet yang prihatin kepada rakyat memberi keutuhan kepada

negara. Kita tengok meningkat 5 peratus, peningkatan daripada bajet 2005. Ini menandakan bahawa kita berada dalam keadaan aman, selamat sejahtera, *survival politic, survival economy*, kita boleh tambah bajet 50 sen. Alhamdulillah pada tahun ini RM136.8 bilion iaitu 25 peratus bagi pembangunan dan 75 peratus bagi pengurusan, Alhamdulillah bersyukur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan pertama bagi memperhebatkan dan mempercepatkan proses Islam Hadhari ini difahami oleh rakyat jelata, pihak kerajaan perlu nampaknya angkat tangan itu.....

Beberapa ahli: *[ketawa]...*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: perlulah menyediakan peruntukan yang secukupnya melalui JAKIM dan kalau boleh sebahagiannya diagihkan kepada Ahli-ahli Parlimen kita seluruh negara untuk mempercepatkan proses Islamisasi ini, kadarnya ialah setahun RM100,000 bagi satu parlimen.

Yang kedua, penyelarasan undang-undang pentadbiran hukum syarak yang telah diluluskan minta disegerakan supaya negara kita melambakkan satu perpaduan antara 14 negeri.

Yang ketiga, peruntukan kepada pertubuhan belia, Jabatan Belia Negeri dan pertubuhan belia dan juga termasuklah Majlis Belia di negeri itu diberi secukupnya bagi menangani gejala-gejala negatif di kalangan remaja dan binakanlah pusat-pusat sukan komuniti dan rakan muda.

Yang Keempat, masjid-masjid seharusnya sudah sampai masanya dijadikan perantaraan kepada bekas-bekas penagih dadah, berikan kerja ringan, hampar tikar hampar sejadah, RM20 satu hari supaya menjinakkan mereka dengan masjid meninggalkan najis dadah yang terkutuk. Ini bukan sahaja satu, dua masjid, kalau boleh seluruh negara..

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Tidak, dia tidak akan mencuri kalau kita jaga betul-betul kena memantau. Sebab sudah ada kita buat dalam dua, tiga negeri nampaknya *pilot project* berjalan baik, tidak ada kecurian.

Yang kelima Tuan Yang di-Pertua, saya minta membina kilang-kilang proses jagung, kenas, rozel dan lain-lain terutama di Parlimen Pasir Puteh kerana ada potensi bagi *scam* kepada perubahan tembakau kepada tanaman secara integrasi.

Yang keenam, menyediakan peruntukan bagi usahawan IKS dengan mudah pinjamannya. Kita hendak mengatasi Along, bincang pagi, tengah hari dapat ini kita minta Januari bulan Jun baru terima duit. Kita hendak supaya permudahkan jangan ada cagaran banyak, jangan ada diskriminasi, jangan ada birokrasi...hah, itu bukan marah.

Yang ketujuh, menyediakan kelab-kelab sukan macam saya sebutkan tadi komuniti, minta rakamkan dan rekodkan *Hansard* rakan muda di setiap parlimen dengan secepat termasuk Kelantan walaupun satu-satu negeri di perintah oleh pembangkang dalam Malaysia ini tetapi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tujuh sudah cukuplah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hah, yang kelapan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lapan lagi ada?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang kelapan, tubuhkan AJK, sahabat saya dengar tadi ahli parlimen bercakap AJK yang khas, ADK (Agensi Anti-Dadah Kebangsaan) peringkat parlimen untuk diberikan peranan ahli parlimen untuk menyelaras.

Seorang ahli: Oh, banyak kerja itu....*[Ketawa]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang kesembilan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ada Yang Berhormat? Yang Berhormat, Yang Berhormat, jumlah berapa ada?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: ...ada, itu tidak usah soal lagi, terbalik, *second last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada jumlah berapa lagi?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ada satu lagi, selepas ini *second last*. Tuan Yang di-Pertua, kerana penting negara ini kita bersabar. Untuk mengelakkan pecah amanah dan juga penyelewengan dipohonkan supaya pihak kerajaan memastikan semua agensi kerajaan, swasta, kuasa tempatan majlis bandaran, syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah kerajaan dan bukan di bawah kerajaan, jangan menyalahi undang-undang dan peraturan jika terdapatnya, ambil tindakan segera.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah nota *[Ketawa]* Diminta MARDI dan FAMA meningkatkan kajian dan juga membuat promosi kalau boleh buat expose dan

besar-besaran di luar negara terutama negara-negara Arab, 57 negara OIC yang akhir sekali tambahkan peruntukan kepada kadar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dua kali akhir sekali.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Akhir sudah, tambahkan peruntukan kepada KADA, kadar ini Kelantan, KESEDAR, FELDA, KEJORA, KETENGAH, MADA, IDP Sarawak dan juga pertubuhan peladang untuk mereka bergiat aktif dalam membantu dan membina masyarakat. Sekian, saya menyokong Bajet 2006.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah selepas itu Padang Serai.

9.30 mlm.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami yang sabar ini tunggu sampai lewat malam seharusnya diberi lebih masa. Saya ingin terus kepada isu yang ingin saya bangkitkan iaitu saya mempunyai enam isu tetapi saya akan dengan secara ringkas membangkitkan berkenaan isu di mana ada seorang wanita berumur 26 tahun, Poh Yin Kin telah disyaki mencuri dan telah dimasukkan ke dalam lokap bersama anaknya yang berumur hanya tiga tahun. Jadi saya hendak bangkitkan perkara ini, mengapakah ini dibenarkan berlaku di dalam kes ini, budak ini hanya berumur tiga tahun tetapi perlu masuk ke lokap bersama-sama dengan orang tahanan selama tujuh tahun. Saya pohonlah kementerian akan memberi satu jawapan kerana saya risaukan apa yang telah dilalui oleh budak perempuan yang berumur tiga tahun, ini satu trauma, satu kesan negatif di dalam fikirannya bersama-sama orang tahanan.

Perkara kedua saya yang saya ingin perkatakan ialah berkenaan dengan SRJKC Rantau di mana sekeping tanah hanya ada sekolah dengan keluasan 2.5 ekar sekarang ini telah *diacquire*, telah diminta, telah diambil oleh kerajaan untuk dijadikan tanah perkuburan orang Islam. Jadi kita sudah tahu pelbagai masalah yang telah dihadapi oleh sekolah SRJKC dan SRJKT tetapi sekarang ini tanah mereka pula diambil. Berlaku kesesakan, tidak cukup bangunan dan tidak cukup peruntukan, sekarang kerajaan datang ambil tanah itu. Jadi saya pohonlah biar kita mempunyai sikap yang lebih terbuka. Janganlah mengambil tanah bagi sekolah ini. Saya pohon satu penjelasan.

Perkara ketiga ialah soalan bocor tetapi pihak Lembaga Peperiksaan menyatakan bahawa tiada kebocoran di kawasan sekolah saya di mana pelajar-pelajar

ada dalam surat khabar menyatakan pelajar-pelajar UPSR *last minute* guru-guru meminta mereka menghafal jawapan. Soalan pertama ialah yang kononnya akan keluar ialah berkenaan isu *English Paper* UPSR, Pusat Sumber, soalan kedua makanan dan soalan ketiga lawatan ke Taman Burung. Apabila tiba peperiksaan hari keesokan, betul-betul soalan sedemikian keluar tetapi pihak Lembaga Peperiksaan kata tidak bocor. Ia adalah kerana guru itu pandai *spot question*. Kalau demikian, ada pelajar beritahu saya, "Kalau macam itu kita tidak payah belajarlah, panggil guru itu pandai", malahan Lembaga Peperiksaan juga dilaporkan memuji guru itu pandai kerana pandai *spot* sampai satu topik yang betul, dua soalan aturan yang betul. Lembaga Peperiksaan kata, "Oh perkataan tidak sama, gambar tidak sama". Jadi itu tidak ada kebocoran. Saya pohonlah ini bukan kali pertama di mana soalan sedemikian ada bocor. Sebelum ini STPM ada kertas Biologi juga perlu diduduki semula oleh setengah sekolah.

Perkara ketiga ialah saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan *national service*. Saya begitu kecewa sekali. Kita telah tubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas, Perpaduan dan Latihan Khidmat Negara tetapi pihak kementerian langsung tidak menghormati pandangan orang ramai apabila cadangan dibangkitkan di mana akan mengajar pelatih-pelatih dalam program ini menggunakan M16. Kami Ahli Jawatankuasa pergi mendengar pandangan orang ramai dan mereka begitu negatif terhadap perkara ini. Mengapakah pihak kementerian menjalankannya dengan sunyi dan senyap?

"Oh, awak punya cadangan dikemukakan" dan menyatakan, "Oh, ini hanya untuk meningkatkan semangat patriotisme, tidak payah takut. Ini hanya satu cadangan." Selepas itu kata, "Oh, ini kalau mereka diberi memegang senjata ini mereka akan ada mempunyai semangat patriotisme da juga nampak elok apabila berbaris dengan bersenjata. Selepas juga itu dikatakan, "Oh, ini tak perlu risau, hanya diajar untuk asas memegang senjata sahaja, dua hari sahaja". Tetapi apabila latihan dijalankan, apa diberi? Latihan dua hari tetapi diberi peluang untuk menembak 30 peluru hidup. Jadi ini menimbulkan kerisauan. Mengapakah pihak kementerian tidak boleh menunggu pandangan orang ramai? Jadi inilah perkaranya.

Saya menerima panggilan baru petang tadi kononnya ada orang yang menyatakan individu yang pergi kepada peniaga meminta derma sumbangan atas nama Raja Di Hilir dan menyatakan ini mesti sumbang RM1,000 untuk satu jamuan di mana peniaga boleh meminjam berkenaan ekonomi di negeri Perak. Saya pohon apakah

benar ada perkara sedemikian kerana peniaga kata dia hubungi saya dan dia kata kalau saya tidak pergi, tidak *commit* untuk beri RM1,000, kononnya individu itu berkata, “Kalau perniagaan terjejas atau menurun, jangan minta saya tanggungjawab”. Saya pohon perkara ini diberi perhatian.

Akhir sekali saya pohonlah kerajaan bagilah peruntukan kepada SRJKC, SRJKT di kawasan saya. Kawasan sekolah SRJKC Wan Hwa 2, bila tidak ada tempat, berkongsi bangunan. Sekarang sudah ada tanah. Bila sudah ada tanah, kena tunggu kelulusan. Sekarang sudah ada kelulusan, tidak ada peruntukan. Jadi saya haraplah jangan masa pilihan raya, ugut sekolah SRJKC ini, “Undilah Barisan Nasional, Undilah MCA” akan dapat peruntukan untuk SRJKC. *[Disampuk]* Saya haraplah, ketepikanlah politik ini untuk kepentingan negara dan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Padang Serai.

9.37 mlm.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sampai juga giliran saya. Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus kepada *point*. Persaingan global semakin sengit dan setiap negara termasuklah jiran-jiran kita akan menawarkan pelbagai insentif dan gimik bagi menarik pelaburan asing ke negara mereka. Masalah yang saya lihat ialah dari segi kos pengeluaran negara kita ini sudah pun ketinggalan berbanding bukan sahaja China, malah Thailand dan Vietnam.

Antara sebab utamanya ialah kos tenaga buruh yang lebih rendah di sana berbanding dengan kita. Apakah usaha kita untuk mengimbangi kelebihan negara-negara ini dari sudut guna tenaga yang murah? Di waktu yang sama kita kini beranjak ke era di mana pengetahuan merupakan antara aset terpenting di dalam proses pengeluaran dan ekonomi. Kerana itulah kita melaksanakan pelbagai dasar termasuklah keterbukaan untuk menarik balik pakar-pakar kita yang telah berkhidmat dan tinggal di negara asing. Kita sanggup menawarkan pelbagai insentif akan tetapi berapakah jumlah sebenarnya yang telah berjaya kita tarik di dalam tempoh lima tahun ini. Bukankah pula kita ini menghadapi masalah *brain drain* di mana pakar-pakar kita yang sedia juga telah mula berhijrah keluar. Apakah ini benar dan apakah usaha kerajaan untuk menanganinya?

Selain daripada itu, apakah strategi kerajaan untuk menarik minat pelabur baik dari dalam mahupun luar untuk terus berada malah dipertingkatkan di Malaysia?

Apakah terdapat satu badan, baik di dalam atau di luar kerajaan yang melakukan kajian dan selaan yang memastikan setiap dasar kerajaan itu memberi kebaikan dan sebenarnya berupaya untuk menarik minat pelaburan terutama yang asing ke Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, pelabur asing mahu kepastian terhadap keselamatan dan pulangan modal yang dilaburkan. Biarpun kestabilan politik amat penting, ia tidak menjadi penghalang kepada pelabur luar untuk terus melabur di Indonesia, Thailand dan Vietnam. Apa yang pelabur lihat menjadi kelebihan mereka ialah janji kerajaan pemerintah untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan penyelewengan wang serta korupsi di dalam pentadbiran kerajaan. Faktor inilah yang kini menjadi teras kepada pentadbiran kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya menyokong penuh segala dasar dan tindakan kerajaan untuk mempertingkatkan keberkesanan sektor perkhidmatan awam sebagai pendorong dan pelindung utama kepada ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini penubuhan satu jabatan di bawah Yayasan Integriti Nasional untuk memantau dan melaporkan kepada kerajaan akan apa jua masalah dan persepsi umum terhadap jabatan dan agensi kerajaan yang dipantau. Jabatan ini juga berupaya untuk melaksanakan kajian dan mengutarakan cadangan kepada kerajaan di dalam memperkukuhkan lagi integriti dan keterbukaan jabatan serta agensi kerajaan agar dapat meningkatkan kredibiliti mereka. *Efficiency* merupakan satu aset penting di dalam menentukan kejayaan dan meningkatkan keupayaan jentera perkhidmatan awam negara. Untuk ini berlaku, harus ada satu revolusi dan anjakan paradigma di dalam kaedah pengurusan dan perjawatan pentadbiran awam negara.

Insentif dan peluang peningkatan kerja wajar kita tawarkan kepada mereka yang berupaya membuktikan kebolehan dan produktiviti yang meningkat tanpa mengira senioriti dan juga latar belakang penjawat. Di waktu yang sama, usaha perlulah ditingkatkan untuk menarik *the best brain*, dengan izin, untuk mengetuai sektor perkhidmatan awam dan insentif pemberian dan emolumen perlu dikaji semula agar relevan dengan keperluan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, gulung.

Puan Lim Bee Kau: Tuan Yang di-Pertua, sektor perkhidmatan awam adalah *front line* dengan izin Kerajaan Malaysia kepada rakyat dan juga mata dunia. Kebolehan

dan keupayaan mereka melaksanakan tanggungjawab menjadi sangat penting kepada kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokonglah.

Puan Lim Bee Kau: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM488 juta dalam Bajet 2006 untuk membela nasib golongan miskin dan daif, ibu tunggal, orang kurang upaya serta warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya pihak yang berkenaan dapat memberi sedikit penerangan berkenaan dengan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berkenaan dengan mencapai tahap 30% *decision making* oleh kaum wanita dan kita berharap bahawa langkah-langkah telah diambil untuk memastikan tujuan itu ataupun matlamat itu akan dapat dicapai. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Sebenarnya Speaker cukup baik dan prihatin kepada kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Ketawa]* Siapa hendak berucap, semua diberi peluang. Walau bagaimanapun, kesabaran Yang Berhormat-Yang Berhormat menunggu giliran berucap sehingga terpaksa pendekkan ucapan masing-masing perlu dipuji. *[Tepuk]* Saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dan dengan ini Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.42 malam.